

**SEKALI  
PENYU  
MENYUSUR  
PANTAI**

**Diselenggarakan Oleh:  
SHARIF PUTERA**

Cetakan Pertama 1995  
© Hakcipta Terpelihara

Diterbitkan oleh  
Jawatankuasa Kemajuan dan Penerangan Agama  
Negeri Terengganu, Wisma Darul Iman

Hakcipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.

APB 739588

14 FEB 1996

NASKHAB PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

M  
808.851  
WMA

Dicetak oleh  
SMART PRINT & STATIONER SDN. BHD.  
SH-8 Jalan Chengal Selatan  
Taman Setapak, 53000 Kuala Lumpur



ستياوسها كراجان ترشگانو

SETIAUSAHA KERAJAAN  
TERENGGANU

### KATA-KATA ALUAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Penerangan Agama Negeri kerana berjaya menerbitkan dalam bentuk buku beberapa ucapan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad sepanjang perkhidmatan dan sumbangannya selama 20 tahun Negeri Terengganu Darul Iman.

Usaha ini tidak akan berhasil tanpa kerjasama penyusunnya yang telah membaca dan seterusnya memilih sebanyak 42 teks ucapan YAB. Dato' Seri Tan Sri untuk kita baca dan teliti. Usaha ini bukanlah mudah dan kepada Encik Sharif Putera, saya bagi pihak Kerajaan Negeri mengucapkan ribuan terima kasih.

Meneliti ucapan YAB. Dato' Seri Tan Sri yang dibahagikan oleh penyusunnya kepada beberapa bidang, tentunya kita dapat melihat arah dan hasrat beliau untuk melihat Negeri Terengganu yang kita kasihi ini maju dalam semua bidang. Moto atau wawasan beliau terlihat dengan jelas di dalam buku ini.

Sekian, terima kasih.

**(DATO' SERI DATO' LELA PERKASA)**

Dato' Seri Mohd Azahar bin Othman,

Setiausaha Kerajaan,

Terengganu

Pada: 6 Oktober 1994

Bersamaan: 1 J'Awal 1415



جواتنکواس کماجون دان فنراغن اکام،  
نکري ترغکانو.

JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN  
PENERANGAN AGAMA NEGERI,  
TERENGGANU.

## **Sepatah Kata . . . .**

**Bismillahirrohmanirrahim,**

HASRAT Jawatankuasa Kemajuan dan Penerangan Agama Negeri Terengganu (JKPAN) menerbitkan kumpulan ucapan YAB Menteri Besar Terengganu Dato ' Seri Amar Di Raja Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad sudah lama direncanakan, dengan izin Allah S.W.T akhirnya hasrat itu tertunal juga.

Buku " Sekali Penyusur Pantal " ini diambil dari 42 dari ribuan teks ucapan Dato ' Seri Amar Di Raja dalam tempoh dua dekad sebagai " Peneraju Kerajaan Negeri ". Penyusun telah membahagikan masej dan wawasan pemimpin yang kita kasih ini di dalam berbagai wadah, merangkumi segala hasrat dan cita-cita murni beliau membawa Terengganu dan rakyatnya ke arah kemajuan dan kecemerlangan dunlawi dan ukhrawi.

Buku ini tidak mungkin lahir hari ini untuk tatapan kita tanpa usaha gigih penyusunnya Encik Sharif Putera yang telah membaca ribuan teks ucapan, kemudian menyemak, menyunting dan memetik yang terbaik untuk disajikan kepada rakyat Terengganu khususnya. Jawatankuasa ini merakamkan terima kasih atas usaha murni beliau.

Diharapkan, Buku " Sekali Penyusur Pantal " ini dijadikan panduan Strategi " Pembangunan Terengganu Baru " pada masa hadapan sambil kita menoleh pada pengalaman silam sebagai satu khazanah sejarah yang abadi. Sudah pasti masih banyak harapan beliau dalam ucapan-ucapan itu belum tertunal oleh pelaksanaan dasar dan rakyat sendiri.

Terima kasih.

( HAJI HARUN BIN HASAN )

Pengerusi Unit Penerbitan,

Jawatankuasa Kemajuan dan Penerangan Agama,

Negeri Terengganu,

Wisma Darul Iman.

5 Oktober, 1994

Bersamaan 29 Rabiul Akhir 1415

## PRAKATA

SEPERTI orang lain juga barangkali saya tidak merasakan istimewa apabila Encik Wan Mokhtar Ahmad yang mewakili DUN Cukai dalam pilihanraya umum 1974 ditunjukkan sebagai pilihan UMNO untuk memimpin Terengganu. Ketika itu usianya sudah 42 tahun. Namun beliau bukanlah orang baru yang dimunculkan oleh partinya. Ketika usianya 32 tahun, Wan Mokhtar sudah terpilih sebagai ahli Parlimen mewakili Parlimen Kemaman. Dalam senarai Jawatankuasa Perhubungan UMNO negeri, beliau dilantik sebagai Ketua Penerangan.

Apabila dilihat daripada sudut latar pendidikannya, beliau agak kelainan daripada pemimpin negeri lain. Wan Mokhtar lulusan Universiti Azhar, mempunyai teras dan akar tunjang terdidik di bawah bumbung sekolah agama. Sejak di Sekolah Arab Sultan Zainal Abidin lagi, beliau menjadi pemimpin kelas dan kumpulannya. Apabila berada di Universiti Azhar, bakat kepimpinan itu terus terserlah. Beliau dilantik menjadi Yang Dipertua Persatuan Pelajar-pelajar Melayu Mesir. Banyak perkara dilakukan semasa beliau memimpin kesatuan pelajar itu. Antara ialah berjaya mendapat sebuah rumah khas untuk pelajar-pelajar di sana.

Beliau mula belajar di sana setahun sebelum negara merdeka. Di Mesir lah, lahirnya pemikir Islam moden Muhammad Abduh. Bukan mustahil pula, Wan Mokhtar tidak mengikuti pandangan bernas daripada buah tangan pemikir itu.

Oleh itu saya mengikuti bahtera yang dikemudikan oleh beliau 1 September 1974 hingga sekarang, seperti juga saya pernah mengikuti bahtera yang dilayarkan oleh rakan-rakan beliau sebelum itu Allah Yarham Tan Sri Ibrahim Fikri, Allah Yarham Dato' Mahmud Sulaiman dan Dato' Haji Nik Hassan Abdul Rahman.

Kekaguman saya bagi diri Dato' Seri Amar Di Raja Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad (selepas ini saya namakan Tan Sri) ialah adanya keyakinan, kepercayaan daripada pucuk pimpinan Pusat yang silih berganti Presiden kepada anak kelahiran universiti Timur Tengah ini.

Beliau diberi kepercayaan ketika Terengganu masih berhadapan dengan segala masalah; masalah dalaman parti, masalah kemiskinan rakyat yang amat ketara, masalah himpitan dan gegeran daripada parti pembangkang iaitu Pas yang mengintai peluang sekali lagi memerintah Terengganu. Dengan corak atau gaya kepimpinan yang tenang tetapi tegas beliau berusaha mengembalikan imej UMNO. Beliau memperlihatkan kesungguhan menangani masalah rakyat.

Dengan limpah dan kurnia Allah Maha Kuasa, maka Terengganu dikurniakan hasil baru dari perut laut menggantikan hasil perut bumi yang sudah terhakis. Dengan wawasan yang tersusun rapi, kedudukan beliau menjadi semakin mantap. UMNO berjaya dipulihkan sepenuhnya.

Tan Sri tentunya merasa lebih yakin. Percubaan PAS untuk menumbangkan UMNO pimpinannya tidak berhasil sekalipun parti itu memunculkan tokoh mudanya yang lantang. Akibatnya, dari satu pilihanraya umum selepasnya, Barisan Nasional negeri pimpinan beliau terus diberi kepercayaan memerintah Negeri Terengganu Darul Iman.

Terengganu terus membangun. Perubahan berlaku di semua sektor. Kepentingan agama, pendidikan dan kebajikan rakyat diberi perhatian penuh oleh Tan Sri. Sebagai pemimpin sebuah parti politik, usaha beliau dan kepimpinan yang begitu lama itu tentunya dicemburui. Ada percubaan untuk memburukkan imejnya tetapi percubaan-percubaan itu nampaknya tidak terdaya. Program-program yang mengarahkan kepada penerapan Islam diperhatikan dengan rasa cemburu setengah pihak.

Inilah keistimewaan Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad. Perancangan pembangunan negeri ini diideakan oleh beliau telah menutup ruang kepada pihak pembangkang meletakkan kesalahan yang besar kepada beliau. Keistimewaan-keistimewaan inilah yang menyuntik perasaan saya untuk menceduk segala idea beliau selama dua puluh tahun ini ke dalam sebuah buku.

Oleh itu akhir tahun lalu, dengan kerjasama YB Haji Harun Hassan, Adun Bandi dan izin Tan Sri, saya telah membaca dan meneliti ribuan teks ucapan beliau yang dapat dikumpulkan dari tahun 1974 hingga 1994. Alhamdulillah, maka saya mengambil sejumlah 42 ucapan sahaja. Mungkin ada ucapan yang lebih berharga daripada ini yang ketinggalan daripada saya membacanya. Namun saya berpendapat senarai kumpulan ini dapat kiranya kita membaca wadah seorang pejuang rakyat. Dapat kita hayati apa yang hendak dilaksanakan sejak beliau diberi kepercayaan hingga hari ini. Tentunya mesej, saranan dan pandangan yang boleh dijadikan panduan untuk generasi akan datang.

Pada peringkat awal lagi, iaitu ketika beliau memegang jawatan Ketua Kerajaan, beliau telah melahirkan rasa bimbangannya kepada gejala dadah di kalangan generasi muda sehingga beliau meminta semua pihak berwaspada supaya wabak itu tidak melanda Terengganu. Dan di dalam hampir

semua ucapan beliau, amat jarang beliau tidak menyentuh keadaan masyarakat negerinya yang semakin hari bergerak ke arah perpecahan yang dibakarkan oleh sentimen politik. Tan Sri sentiasa melahirkan rasa kesalnya kepada peristiwa hitam di dalam masyarakat negerinya, malah sentiasa berdoa semoga musibah ini dapat diredakan.

Akhirnya saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Saudara Wahba (Wan Hamzah Awang) yang membantu saya menyiapkan buku ini. Terima kasih yang sama kepada rakan-rakan yang mendorong saya menyelesaikan pengumpulan ini.

Terima kasih semua.

**TUAN SHARIF PUTERA**

Kuala Terengganu

1 Oktober 1994.



# **SEDIKIT TENTANG DATO' SERI AMAR TAN SRI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD MENTERI BESAR TERENGGANU**

1. Lahir pada 21.3.1932 di Kuala Terengganu.
2. Mendapat didikan awal di Sekolah Kebangsaan Paya Bunga.
3. Sekolah Menengah Agama Zainal Abidin, Ladang.
4. Belajar Bahasa Inggeris di Anglo Chinese School, Pulau Pinang.
5. Mulai tahun 1955, belajar di Universiti Azhar, Mesir.
6. Tahun 1963, balik dari Universiti Azhar setelah mendapat kelulusan M.A. dalam bidang Usuluddin.
7. Setahun kemudian dipanggil bertanding atas tiket Parti Perikatan, Parlimen Kemaman, Pilihanraya umum 1964.
8. Diarah bertanding kerusi DUN Cukai, Kemaman pada tahun 1974.
9. Dilantik menjadi Menteri Besar Terengganu pada 1 September 1974.
10. Terus diberi kepercayaan memimpin Barisan Nasional Negeri hingga sekarang.

# SEKALI PENYU MENYUSUR PANTAI

*(Suara hati Nurani YAB Menteri Besar Terengganu  
Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad).*

Antara beberapa perkara yang memberi rasa kepuasan kepada saya setelah 17 tahun menjadi Menteri Besar Terengganu, ialah apabila saya merenung semula saat-saat mula berkenalan dengan alam politik semasa menuntut di Universiti Al-Azhar, Mesir pada tahun 1954.

Pada ketika itu, saya adalah seorang pelajar yang mendapat hadiah biasiswa Kerajaan Terengganu. Dalam kegembiraan saya kerana menerima budi kerajaan itu, saya juga rasa rendah diri bila dibandingkan dengan pelajar-pelajar Semenanjung dari negeri-negeri lain yang sentiasa merasai negeri mereka lebih maju bila dibandingkan dengan negeri saya, Terengganu.

Rata-rata mereka sekadar mengingati Terengganu sebagai tempat pendaratan penyu. Tidak lebih dari itu. Ia menunjukkan seolah-olah tidak ada kepentingan ekonomi atau apa-apa, pembangunan yang boleh dibanggakan. Apa sekali pun, saya rasa kehadiran penyu di Terengganu mempunyai hikmah yang tersendiri. Allah menjadikan sesuatu itu dengan maksud tertentu. Manusia perlu mencari tafsirannya, berdasarkan ilmu-ilmu yang diturunkan oleh Allah. Saya sentiasa termenung memikirkan apakah maknanya apabila sekali penyu menyusur pantai.....

Di sini bermulalah satu inspirasi bagi saya untuk tidak mahu lagi melihat Negeri Terengganu dipandang rendah. Negeri Terengganu mestilah setanding ataupun lebih dari negeri-negeri lain. Walaupun dalam kemiskinannya, Terengganu masih mampu memberi biasiswa kepada saya untuk mencari ilmu. Saya berdoa kepada Allah supaya memberi peluang kepada saya untuk membalas budi negeri saya itu.

Apabila saya dilantik sebagai Menteri Besar Terengganu setelah memenangi Pilihanraya Umum 1974, saya merasa diri saya telah dipertanggungjawabkan oleh Allah, ekoran dari kezaman semasa menuntut di Mesir dahulu.

Saya amat yakin bahawa maju mundur sesebuah masyarakat itu bergantung kepada sejauhmana ahli-ahlinya berilmu, pendeknya ilmu adalah punca segala-galanya. Asas inilah yang menjadi pegangan saya pada hari pertama saya menjadi Menteri Besar, iaitu pada 1hb. September, 1974.

Pegangan seperti inilah yang menyebabkan saya terkejut apabila melihat tidak adapun sebuah perpustakaan di Negeri Terengganu. Apa akan jadi dengan rakyat negeri ini sekiranya tidak ada sebarang tempat untuk mereka mencari sumber ilmu? Rata-ratanya rakyat kita tidak berkemampuan untuk membeli bahan-bahan bacaan sendiri. Saya perlu baiki keadaan ini. Saya segera arahkan supaya perpustakaan diperbanyakkan sehingga keseluruhan daerah di Negeri Terengganu ini. Untuk menambahkan lagi kemudahan sumber ilmu ini, saya arahkan juga supaya dilaksanakan program Perpustakaan Bergerak untuk semua daerah.

Perpustakaan-perpustakaan ini seharusnya juga menjadi sumber inspirasi kepada rakyat supaya cintakan ilmu pendidikan. Pendidikan akan menjadi teras besar dalam perancangan saya bersama kawan-kawan lain dalam membangunkan Negeri Terengganu ini.

Kawan-kawan saya dan pegawai-pegawai pentadbiran negeri amat faham dengan teras pembangunan ini kerana saya sentiasa melahirkan kepada mereka bahawa hasrat kita semua ialah untuk melahirkan satu masyarakat yang berkualiti, berilmu pengetahuan, sihat tubuh badan, bertakwa kepada Allah dan bermoral tinggi.

Alhamdulillah, teras pembangunan itu kini telah menjelma dengan berkesannya dalam satu institusi ulung yang dikenali sebagai YAYASAN TERENGGANU. Yayasan Terengganu ini telah dipertanggungjawabkan untuk mengurus semua hal pendidikan baik dalam negeri mahupun luar negeri.

Hari ini Yayasan Terengganu merupakan pendorong besar dalam memajukan pembangunan pelajaran bagi rakyat Terengganu. Hadiah-hadiah untuk menggalakkan pencapaian akademik yang baik telah dilaksanakan. Contohnya, bagi pelajar-pelajar yang mendapat agreget 10 ke bawah dalam peperiksaan SPM akan diberi hadiah sebanyak RM150 hingga RM250. Begitu juga bagi mereka yang berjaya dalam SRP dan STP. Galakan ini jelas membaiki lagi pencapaian anak-anak kita. Sehingga beribu-ribu pelajar kita telah layak untuk masuk ke sekolah-sekolah asrama penuh.

Tidak cukup dengan itu, apabila mereka berada di universiti, kita tetap jagai mereka supaya terus mendapat kejayaan cemerlang. Ini kita buat dengan menukarkan pinjaman pelajaran kepada pemberian biasiswa bagi mereka yang mendapat markah cemerlang semasa di universiti-universiti.

Mengenai pelajaran, saya juga memberi perhatian berat terhadap pendidikan agama sebagai usaha mewujudkan insan-insan yang bertakwa. Ini juga adalah selaras dengan tradisi Negeri Terengganu sendiri sebagai sebuah negeri yang

telah melahirkan ramai alim ulama. Hasil dari perhatian ini rakyat telah tertarik untuk menghantarkan anak-anak mereka ke sekolah agama. Keadaan ini menyebabkan saya terpaksa berunding dengan Kerajaan Pusat untuk menukarkan sejumlah sekolah-sekolah dari aliran kebangsaan ke aliran agama.

Program pendidikan agama ini telah dipertingkatkan dengan aktiviti-aktiviti kelas agama yang menyeluruh di seluruh negeri. Hingga kini kita telah buka sebanyak 2200 pusat-pusat pengajian Al-Quran dan juga pusat-pusat mempelajari fardu-ain.

Gabungan pendidikan agama dan keduniaan ini jelas memberi keseimbangan kepada usaha Kerajaan Negeri untuk melahirkan masyarakat yang bukan sahaja berwibawa dan profesional tetapi juga yang berilmu. Inilah masyarakat yang dikehendaki oleh Negeri Terengganu. Inilah yang dikatakan penerapan nilai-nilai Islam sebenarnya yang kini telah kukuh di Negeri Terengganu. Bersyukurlah kita kerana semua pemimpin dan pegawai-pegawai yang mentadbir Negeri Terengganu diberi petunjuk oleh Allah untuk melaksanakan program pendidikan yang seimbang ini.

Walaupun Yayasan Terengganu ini telah memainkan peranan dengan begitu berkesan dalam aspek pendidikan, saya fikir satu program yang menyeluruh perlu disepadukan. Untuk ini saya wujudkan YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA.

Tugas Yayasan Pembangunan Keluarga ini lebih merupakan satu badan yang akan memastikan bahawa masyarakat kita akan mendapat pendidikan sepenuhnya daripada peringkat bayi lagi. Saya merasai perlunya Yayasan ini apabila saya mendapati disatu ketika dahulu betapa tingginya kadar kematian bayi-bayi kita. Keadaan ini perlulah diatasi. Maka yayasan ini bekerjasama

dengan Jabatan Kesihatan untuk memberi bimbingan dan pendidikan kesihatan kepada ibu-ibu muda. Di samping itu juga khidmat kaunseling mengenai kekeluargaan adalah diberi oleh yayasan ini.

Dalam tahap Berjihad Membasmi Kemiskinan, saya sedar pendapatan pekerja terjejas bila mereka mempunyai anak. Bagi petani, seringnya isteri akan tinggal di rumah untuk menjaga anak. Ini akan menjejaskan pendapatan keluarga tersebut. Untuk itu, Yayasan Pembangunan Keluarga ini menyediakan lagi satu program pusat asuhan atau 'nursery' bagi menjaga anak-anak kecil kepada keluarga yang bekerja, tanpa mengira mereka itu golongan berada atau tidak. Di bandar kita buka nursery bandar, di desa kita buka nursery desa. Kita kenakan bayaran sebanyak \$150.00 sebulan untuk dua orang anak bagi mereka yang berpendapatan \$1,000 ke atas dan 50 sen hingga \$1.00 sehari kepada golongan petani atau nelayan.

Sambutan yang begitu hebat terhadap nursery ini memberi keyakinan kepada saya bahawa usaha yang baik sememangnya dapat diterima oleh rakyat jelata. Rakyat juga berpuas hati kerana mereka tahu bayi-bayi mereka akan dijagai oleh kakitangan pusat nursery yang terlatih. Persekitaran yang baik dan makanan yang seimbang akan menjamin bayi-bayi tersebut membesar dalam alam yang selesa dan bahagia.

Dari nursery ini pula apabila anak-anak itu berumur 4 tahun kita hantarkan mereka ke Tadika Islam yang dikendalikan oleh sebuah lagi Yayasan iaitu YAYASAN ISLAM. Di sini mereka diberi pendidikan asas agama sebagai persediaan untuk mereka melangkah ke tahap pendidikan yang lebih tinggi, yang mana nanti akan diuruskan oleh Yayasan Terengganu.

Di sini jelaslah bahawa pembangunan masyarakat di Terengganu ini adalah merangkumi peringkat umur seseorang rakyat itu dari dalam kandungan ibunya lagi hinggalah ke peringkat ia menerima pelajaran tinggi di universiti. Kesemua peranan ini telah dimainkan oleh tiga-tiga yayasan ini secara bersambung-sambung, iaitu YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA, YAYASAN ISLAM dan YAYASAN TERENGGANU. Saya rasa tidak banyak pemerintah di mana-mana pun, yang sanggup memberi perhatian yang begitu terperinci kepada ahli-ahli masyarakatnya.

Ada rakan-rakan saya di luar negeri yang berkata, "Betapa untungnya menjadi rakyat Negeri Terengganu!". Malah ada juga yang bertanya mengapa saya sanggup 'memanjakan rakyat begitu sekali. Bagi saya usaha ini adalah jelas satu tanggungjawab yang perlu dan wajib. Usaha ini adalah berdasarkan sabda Rasulullah yang bermaksud 'Allah sentiasa menolong hamba-Nya, selama-mana hamba-Nya menolong saudara-saudaranya'. Kita di Terengganu sentiasa menolong satu sama lain. Ini kita dapat lakukan dengan penuh tanggungjawab dan kuasa yang dizinkan oleh Allah. Insya-Allah kita berazam akan terus menjalankan usaha-usaha bantuan seperti ini, selagi Allah memberi kita peluang untuk melakukannya.

Dalam pada itu saya tetap berpegang bahawa keseluruhan pendidikan itu adalah terletak di tangan rakyat itu sendiri. Tidak bermakna kerajaan menyediakan segala-galanya, sekira rakyat pada akhirnya memiliki pemikiran subsidi. Rakyat mestilah akhirnya sedia untuk berdikari. Malah pemimpin juga perlu berdikari. Maka untuk itu saya mewujudkan sebuah pusat yang diberi nama PUPUK SEMANGAT, 10 tahun yang lalu. Kerajaan Terengganu merupakan Kerajaan Negeri yang pertama memperkenalkan sebuah pusat yang berbentuk seperti

ini. Di pusat ini pemimpin-pemimpin masyarakat telah dilatih untuk membina sikap disiplin, berdikari dan tahan lasak. Saya dan lain-lain anggota EXCO NEGERI adalah merupakan 'lulusan' pertama dari Pusat ini. Para peserta dilatih memupuk semangat fizikal dan mental yang kental untuk menghadapi sebarang tekanan. Saya bersyukur kerana pada hari ini hampir kesemua para pemimpin dan pegawai serta kakitangan negeri juga pemimpin masyarakat telah menjalani latihan di pusat ini. Hasrat saya sebenarnya, kalau boleh, biarlah setiap rakyat Terengganu menerima latihan semangat di sini.

Saya yakin bahawa sekiranya rakyat telah mendapat latihan pembentukan sikap yang positif, maka pembangunan fizikal akan lebih senang diterima. Di samping itu juga rakyat akan bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran yang akan datang bersama-sama dengan pembangunan itu.

Pada masa ini, setelah 17 tahun saya menerajui Kerajaan Negeri Terengganu, saya yakin rakyat telah menjadi semakin matang. Ini memudahkan saya merancang pembangunan yang lebih canggih dan mencabar. Kehadiran industri berat seperti PERWAJA, kilang-kilang dari pelaburan asing dan yang paling pentingnya, PETRONAS telah memberi faedah yang amat besar kepada rakyat Terengganu. Rakyat yang bersikap positif telah dapat berusahasama dengan industri-industri ini untuk memperolehi pulangan yang besar bagi mereka sendiri. Tapak-tapak industri kita sudah hampir penuh. Ramai Pelabur telah membuka mata hasil daripada kempen besar-besaran. Perlu dijelaskan, kita juga mempunyai sebuah pelabuhan yang terdalam di negara ini.

Industri-industri ini juga telah berjaya membantu Kerajaan Negeri dalam mengurangkan masalah pengangguran.



Malah Kerajaan Negeri mempunyai program tersendiri dalam memerangi masalah pengangguran yang melanda seluruh dunia. Ini kita lakukan dengan melancarkan Skim Latihan Sambil Bekerja. Dalam skim ini lulusan-lulusan dari pelbagai peringkat pengajian telah kita hantar ke firma-firma dengan dibayar elaun yang berpatutan. Rata-rata daripada mereka kemudiannya diserapkan terus ke dalam firma-firma berkenaan dengan gaji yang lumayan.

Dalam memberi perhatian ke atas bidang perindustrian ini, saya juga tidak lupa kepada bidang pertanian dan perikanan yang merupakan sumber mata pencarian yang penting bagi rakyat negeri ini. Kita berikan segala macam kemudahan kepada kaum tani. Kita sediakan tanah pertanian, membekalkan segala macam benih dan menyediakan dusun untuk mereka usahakan. Kepada para nelayan pula, kita berikan galakan kepada mereka untuk meneroka laut dalam. Kepada nelayan pantai yang susah, kita bekalkan injin bot bagi membolehkan mereka meneruskan mata pencarian yang menjadi tradisi mereka.

Bagi keluarga petani yang miskin, yang mempunyai tanggungan yang terlalu ramai, kita wujudkan sebuah tabung yang dipanggil **TABUNG KEBAJIKAN KELUARGA TERENGGANU**. Tabung ini akan memberi bantuan dengan menanggung sara hidup sebahagian dari anak-anak keluarga yang terkeluar dari kemampuan tanggungan ibu bapa mereka.

Pendeknya, saya percaya sekiranya saya huraikan semua bentuk pertolongan dan bantuan yang dihulurkan kepada rakyat Terengganu, maka tidak cukup ruang dalam buku kecil ini untuk menceritakan segala-galanya.

Namun demikian, seperti yang sudah saya nyatakan awal-awal tadi kerajaan yang bertanggungjawab tidak boleh membiarkan rakyatnya menjadi rakyat yang disuap sepenuhnya. Strategi bantuan kita adalah 'Bantuan yang terkawal'. Kita diberi bantuan asas dengan had masa tertentu. Dengan ini kita berharap apabila habis tempoh bantuan itu diberi seseorang penerima akan dapat berdikari. Kita berkehendakkan rakyat berusaha sama, selaras dengan Firman Tuhan yang bermaksud 'Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum, melainkan kaum itu mengubah nasib mereka sendiri.'

Pendeknya juga, strategi bantuan yang diberi oleh Kerajaan Terengganu adalah umpama kata-kata seorang pujangga, iaitu 'Berikan seekor ikan kepada seseorang dia akan dapat makan untuk hari itu sahaja, tetapi berikan ia sebatang kail dia akan dapat makan sepanjang hidupnya.' Inilah juga strategi pembangunan sebenar yang menjadi wawasan saya. Saya mahukan setiap pembaharuan yang diperkenalkan di Negeri Terengganu ini turut di bangun bersama oleh rakyat jelata. Dengan ini hasilnya akan dapat dinikmati secara bersama. Manakala yang berada dan berkemampuan mendapat lebih, akan membantu yang lemah dan tidak berdaya menerusi konsep 'Bantuan Terkawal'.

Dengan segala macam projek-projek yang dijalankan, saya yakin kini saya tidak lagi merasai rendah diri seperti masa saya mula-mula belajar di Al-Azhar dahulu.

Maruah negeri kita kini telah dikembalikan. Mengaku diri menjadi rakyat Terengganu, kini, adalah sesuatu yang amat selesa. Bersyukurlah kita Allah memberikan rahmat-

Nya kepada kita. Laut kita yang satu masa dahulu merupakan lambang penderitaan kaum nelayan dan hanya hiasan bahasa sajak dan warna pelukis, kini tiba-tiba berbuih dengan hasil petrolium.

Dengan anugerah Ilahi itu, kita dapatlah sama-sama mengecap nikmat pembangunan. Kita berdoa supaya anugerah tersebut akan berterusan. Namun demikian, kita tetap berikhtiar menyediakan alternatif-alternatif pembangunan sekiranya dengan tiba-tiba juga lautan kita kekeringan sumber asli petrolium itu. Untuk ini juga saya sudahpun mengatur strategi-strategi tertentu dalam mempelbagaikan sumber pendapatan negeri menerusi bidang-bidang lain yang mempunyai nilai komersial yang tinggi. Di samping itu juga, kita telah ketepikan sebanyak 30% hasil royalti minyak setiap tahun dalam sebuah tabung khas yang dipanggil TABUNG WARISAN. Tabung inilah yang akan menjadi penggerak pembangunan apabila kita menghadapi saat-saat kekurangan pendapatan.

Dalam bidang pelancongan pula kita juga berbangga dengan kecantikan alam semula jadi yang dianugerah oleh Allah. Biarpun usaha-usaha dalam industri pelancongan sentiasa mendapat tentangan tetapi kita telah membuktikan pelancongan tidak ada kaitan dengan maksiat. Kita tahu pelancongan biasanya dikaitkan dengan 3 'S', iaitu sea, sand dan sex. Terengganu juga ada 3 'S' tetapi sea, sand dan silk. Silk atau sutera telah meletakkan Terengganu dalam peta dunia.

Saya tidak bertujuan menghuraikan semua pelaksanaan rancangan-rancangan Kerajaan Negeri ini sebagai tujuan untuk mendabik dada. Huraian dalam buku kecil ini pun saya hanya

sanggup mendedahkannya setelah 17 tahun saya menjadi Menteri Besar Terengganu. Ini pun setelah saya mendapati bahawa kita telah sampai ke tahap pembangunan yang menggembirakan. Lebih dari itu saya rasa kemajuan-kemajuan kita ini adalah hasil dari kerjasama semua pihak yang telah berusaha gigih dalam diam-diam. Konsep kerja ini adalah ibarat usaha seekor penyu yang menjadi lambang negeri kita. Maka saya teringat semula kisah kaitan Terengganu dengan penyu yang menjadi sindiran kawan-kawan, semasa saya di Mesir dahulu. Sesungguhnya Allah telah menunjukkan hikmah-Nya atas kehadiran penyu di Pantai Terengganu itu.

Bagi saya, Allah mendatangkan penyu ke pantai Terengganu untuk tujuan renungan kita semua. Produktiviti-nya tinggi tanpa riuh rendah. Kesetiaannya adalah menjadi contoh bagi kita. Sejauhmana ia ke laut ia akan membawa semula pulangannya ke pantai jua. Sumbangan baktinya tercurah di laut dan di darat, sama seperti yang kita nikmati di negeri kita ini.

Azam saya masih berterusan untuk menjadikan Terengganu sebuah negeri yang cemerlang dalam serba serbi. Lebih dari segala-galanya, atas latar belakang pendidikan saya, saya ingin melihat Terengganu menjadi sebuah pusat sumber ilmu Islam yang tinggi. Saya ingin menyaksikan kegemilangan ilmu pengetahuan Islam terpancar di bumi ini. Program-program pendidikan yang saya titikberatkan adalah bertujuan melahirkan tokoh-tokoh ulama yang bermartabat dan bijaksana. Saya ingin melihat Terengganu menjadi satu pusat pengajian ilmu Islam yang menjadi tempat rujukan dan tumpuan para pengkaji di rantau ini. Ini bukanlah perkara yang mustahil. Allah boleh mengizinkannya.

Dalam pada itu saya juga berimpian bahawa di suatu masa kelak perpaduan ummah di seluruh Terengganu akan menjadi satu kenyataan. Tidak ada lagi fitnah memfitnah. Tidak ada lagi perebutan kuasa secara zalim dan kurang sopan. Tidak ada lagi cerca mencerca dan kafir mengkafir. Semuanya hidup secara aman, bersatu padu mengikut ajaran Islam yang sebenarnya. Dengan perpaduan itu, pembangunan jasmani dan rohani kita akan dapat dilaksanakan dengan pesatnya.

Bagi saya segala macam impian dan wawasan saya ini boleh terlaksana menerusi budi. Budi sebuah Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab. Budi rakyat yang turut memberi sumbangan. Malah kejayaan kita setakat hari ini juga adalah hasil budi semua pihak. Kerajaan Pusat, pihak-pihak swasta, rakan-rakan seperjuangan saya dalam Kerajaan Negeri. Marilah kita terus berbudi. Kepada seluruh rakyat Terengganu saya meminta supaya berikanlah peluang kepada kami di peringkat Kerajaan Negeri untuk terus berbudi ini. Semoga apabila, sekali penyu menyusur pantai ia membawa bersamanya angin perubahan ke arah kecemerlangan. Insya-Allah.

## **PERANAN WANITA PADA ZAMAN PEMBANGUNAN**

Sebagaimana kita sama-sama maklum Perayaan Hari Wanita telah diadakan semenjak beberapa tahun yang lalu dan upacara ini adalah satu upacara tradisi masyarakat Wanita Malaysia pada tiap-tiap tahun. Pada tahun ini perayaan ini bertemakan "Wanita di zaman pembangunan". Dengan tajuk tersebut menunjukkan betapa pentingnya peranan yang mesti dimainkan oleh setiap wanita di negara ini bagi mencapai matlamat mengikut Dasar Ekonomi Baru yang sedang giat berjalan sekarang.

Wanita lebih penting lagi terutama pada zaman negara kita menghadapi "Stagflasi" yang melanda bukan sahaja Malaysia, tetapi juga seluruh dunia. Berbagai-bagai dayausaha boleh dimainkan oleh wanita. Misalnya, wanita-wanita bolehlah menukarkan sikap mereka beransur-ansur dari menanam orkid di halaman rumah dengan sebahagiannya ditanam dengan sayur-sayuran seperti lada, kobis, tomato, terung, salad dan sebagainya. Lada ada berjenis-jenis, jika ditanam di dalam pasu-pasu yang elok, tidak kurang juga cantiknya terutama apabila buahnya masak. Dengan itu sambil menjadi perhiasan, juga akan dapat merengankan beban suri-suri rumahtangga di zaman inflasi ini.

Selain daripada tanaman untuk perhiasan yang sering ditanam di sekeliling rumah, maka terdapat juga tanaman

jangka panjang yang khusus di tanam untuk berteduh , seperti pokok sena, pokok ru dan berbagai-bagai lagi. Pada saya, sekarang sudah tibalah masanya, untuk kita menukarkan pokok-pokok tersebut kepada pokok-pokok yang boleh memberi hasil kepada kita, pokok-pokok asam jawa, manggis, jambu, minjai dan sebagainya. Dengan adanya perubahan sikap itu, maka pokok-pokok untuk berteduh itu telah bertambah fungsinya kepada menambahkan lagi bahan-bahan makanan, sekurang-kurangnya untuk kegunaan keluarga kita.

Kerajaan kini sedang giat berusaha untuk membuka tanah-tanah baru bagi memperbanyakkan bahan-bahan makanan terutama "Padi" di seluruh negeri. Hasil ternakan juga diharapkan dapat dilipat-gandakan pengeluarannya, sekurang-kurangnya cukup untuk keperluan dalam negeri. Saya kira peranan ini juga boleh dimainkan oleh suri-suri rumah dan wanita-wanita sekalian. Wanita-wanita boleh menternak ayam itik sekurang-kurangnya untuk kegunaan keluarga dan langkah tersebut boleh mengurangkan harga daging dan telur ayam yang agak tinggi.

Pada zaman pembangunan ini, ada setengah-setengah wanita kita membahagikan kerja-kerja mereka kepada orang luar terutama dalam kerja jahit-menjahit pakaian, sedangkan ada di antaranya yang telah berkali-kali mengikuti kursus-kursus jahitan yang dianjurkan oleh badan-badan tertentu, tetapi masih lagi mengupah di kedai-kedai untuk menjahitkan baju sendiri. Mungkin juga ada setengah-setengah wanita kita berasa bangga kalau pakaian mereka dijahit oleh tukang jahit, terutama di kedai-kedai yang termasyhur. Saya kira langkah tersebut sekiranya ada, adalah tidak kena pada tempatnya. Wanita-wanita terutama yang telah mengikuti kursus-kursus tukang jahit-menjahit, potong-potong dan membuat kuih-kuih, sudahlah sampai masanya mempraktikkan segala pelajaran yang mereka pelajari terutama pada zaman inflasi ini.

Dalam suasana yang meriah ini, saya juga merasa gembira kerana tuntutan kaum wanita untuk mengasingkan Cukai Pendapatan (Income Tax) daripada suami mereka telah diluluskan oleh kerajaan dan berjalan kuat-kuasanya mulai tahun depan. Begitulah besarnya hasrat kerajaan kita untuk memberi layanan yang adil kepada semua golongan masyarakat, termasuk wanita. Apa yang menjadi harapan saya terhadap berita baik kepada wanita-wanita yang bekerja sendirian, ialah semoga dapat menggunakan keuntungan hasil daripada kelulusan cukai pendapatan di atas, kepada jalan yang benar-benar boleh memberi manfaat bukan sahaja kepada keluarga mereka malah kepada negara kita juga. Adalah amat kena pada tempatnya jika wanita-wanita kita yang terlibat itu menabungkan keuntungan tersebut ke dalam Bank Simpanan Nasional yang akan dilancarkan oleh kerajaan pada akhir tahun ini. Ini bermakna bukan sahaja wanita-wanita yang tersebut telah membuat satu langkah yang bijak ke arah masa depannya tetapi juga merupakan ucapan terima kasih kepada kerajaan. Kerana tabungannya itu akan dapat meringan beban kerajaan pada menginflasi dan stagflasi ini.

Dalam keadaan negara kita menghadapi pembangunan ekonomi, kita juga sering bersua dengan sikap dan telatah anak-anak muda kita yang kurang bermoral dan lari dari bangku-bangku persekolahan. Ada setengahnya terlibat dengan kegiatan-kegiatan jenayah, seperti dadah dan mencuri. Anak-anak ini kebanyakannya adalah dipercayai lahir daripada hasil susunan rumahtangga yang tidak teratur. Keadaan kerukunan dan keharmonian sesebuah rumahtangga amatlah bererti bagi perwatakan seseorang anak. Jika rumah tangga itu sentiasa kelam-kabut kerana sering timbul pertengkaran di antara ayah dengan ibu atau kerana ibu terpaksa keluar bekerja hingga tidak dapat menguruskan tanggungjawabnya dan tanggungjawab itu terpaksa diserahkan kepada orang gaji, maka lahirlah gejala tersebut. Oleh itu, suri-suri rumahtangga



adalah diharapkan dapat menyempurnakan kewajipan mereka bukan sahaja terhadap kerja tetapi juga terhadap rumahtangga dan keluarga mereka.

Saya juga tertarik hati dengan Laporan Ekonomi 1974/75 yang dikeluarkan baharu-baharu ini, didapati lebih daripada 87% keluarga miskin di negara kita terdapat di luar bandar. Kalau ditinjau secara terperinci, maka kita akan dapati bahawa hitung-panjang pendapatan tiap-tiap bulan bagi orang Melayu dalam tahun 1967 ialah RM108.00 dan angka tersebut telah meningkat kepada RM111.00 dalam tahun 1970. Manakala pendapatan orang Cina di kawasan yang sama ialah RM216.00 dalam tahun 1967 dan telah meningkat kepada RM254.00 dalam tahun 1970.

Daripada data-data pendapatan di atas jelas menunjukkan bahawa pendapatan purata orang Melayu cuma 1/2 daripada pendapatan orang Cina. Ini adalah menjadi cabaran kepada wanita-wanita Melayu supaya berhati-hati dalam memberlanjakan wang bagi rumahtangga mereka. Sesungguhnya ekonomi sesebuah rumahtangga itu adalah terletak di atas sikap suri-suri rumah itu sendiri. Jika mereka tidak benar-benar membuat rangka perbelanjaan yang betul pada tiap-tiap bulan, maka sudah pasti bahan-bahan yang dibelinya itu bukan sahaja boleh mengurangkan inflasi tetapi sebaliknya menambahkannya. Ini berlaku jika suri-suri rumahtangga tidak mengenyepikan perbelanjaan yang tidak perlu, terutama pembelian terhadap barang-barang mewah.

Zaman berlumba-lumba dengan perhiasan badan dan rumahtangga sekarang patut kita tukarkan kepada berlumba-lumba untuk mengukuh kedudukan ekonomi keluarga di samping tidak mengabaikan kerohanian dan keharmonian berumahtangga. Dengan itu baharulah timbul satu masyarakat Malaysia yang teguh dan bersatu padu yang sesuai dengan Prinsip Rukun Negara kita.

*(Ucapan pada perayaan Hari Wanita Negeri  
Terengganu, 15 Nov. 1974 di Dewan Tunku Abdul Rahman  
Kuala Terengganu.*

# **SUMBANGAN PELADANG DAN NELAYAN DALAM PEMBANGUNAN**

Saya amat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah izin-Nya, dapat kita menghadirkan diri di majlis ini, bersama-sama masyarakat petani dan nelayan pada petang yang berbahagia ini. Mudah-mudahan dengan pertemuan ini akan mendatangkan suatu natijah yang baik ke arah meneruskan usaha-usaha pembangunan, khususnya pembangunan di bidang pertanian dan perikanan. Sesungguhnya Hari Peladang yang dirayakan ini merupakan suatu penghormatan yang besar diberikan kepada kaum tani dan nelayan sebagai tanda masyarakat dan negara mengenangi jasa dan sumbangan kedua-dua golongan itu. Ini kerana sektor pertanian dan perikanan juga merupakan nadi penggerak utama ekonomi negara seiring dengan sektor-sektor lain.

Memahami hakikat inilah kerajaan negeri sentiasa memastikan perkembangan kegiatan pertanian melalui Jawatankuasa Pertanian dan Perikanan Negeri, di samping Jabatan Pertanian Negeri dan jabatan-jabatan di peringkat persekutuan. Dalam memenuhi dasar Pertanian Negara dan juga Dasar Ekonomi Baru, Jabatan Pertanian Negeri Terengganu telah memesatkan usaha pembangunan bidang pertanian berasaskan konsep berkelompok dan komersial. Kerajaan mahu melihat kegiatan pertanian menjadi suatu aktiviti yang boleh membawa kepada pendapatan utama

pengusahanya dan bukan lagi sekadar diusahakan untuk keperluan sekeluarga sahaja.

Dalam ertikata lain bidang pertanian dan perikanan seharusnya mendatangkan pendapatan yang paling maksima melalui usaha-usaha yang lebih berkesan. Selaras dengan matlamat ini, penggunaan sumber-sumber pertanian dengan cekap dan optima hendaklah sentiasa dipastikan supaya ianya membawa kepada keuntungan ekonomi negara. Pembangunan komoditi yang berpotensi untuk eksport perlu dilaksanakan secepat mungkin, terutama bagi membantu sebahagian besar hasil-hasil komoditi negara kita yang telah mengalami kejatuhan harga sehingga negara mengalami krisis kemelesetan ekonomi. Bagi mencapai cita-cita ini sepanjang tahun ini sebanyak 12 projek pembangunan pertanian telah diluluskan oleh kerajaan negeri untuk dilaksanakan, yang menelan peruntukan hampir RM4 juta. Antara projek-projek tersebut termasuklah memesatkan perkhidmatan pengembangan dan latihan, infrastruktur, kejenteraan ladang, serta penyelidikan dan penilaian. Melalui program pemesanan, perkhidmatan dan pengembangan dan latihan, sehingga kini telah dibelanjakan lebih RM300 ribu, khususnya dalam pembiayaan latihan, kursus dan lawatan-lawatan untuk pegawai-pegawai pertanian dan petani-petani sendiri. Bagaimanapun bagi program infrastruktur kerajaan terpaksa memberi peruntukan terbesar iaitu RM912,000 dan sehingga Ogos lalu, telah dibelanjakan sebanyak RM614,000, untuk pembinaan rumah kakitangan, bangunan pejabat dan lain-lain kemudahan pusat pengembangan pertanian.

Ini menunjukkan bahawa sektor pertanian telah memberi suatu kepercayaan kepada kita untuk perkembangan ekonomi negara dan masyarakat keseluruhannya. Apa yang perlu, para petani dan nelayan keseluruhannya, hendaklah melihat ke dalam diri masing-masing tentang sejauh mana

peluang-peluang yang disediakan oleh kerajaan telah di ambil untuk membawa pencapaian matlamat yang diharapkan oleh semua pihak. Sebagai Ketua Kerajaan Negeri, saya tentulah merasa tidak senang bila mendapati projek-projek yang dirancang tidak memenuhi harapan dan matlamat yang dicita-citakan, berpunca dari ketiadaan kerjasama setengah-setengah para petani dan nelayan sendiri. Subsidi-subsidi dan kemudahan yang diberikan, seharusnya tidak digunakan untuk mencari keuntungan jangka pendek, dengan menyalahgunakan kemudahan-kemudahan itu, seperti dilakukan oleh segolongan kecil petani dan nelayan kita. Kalaulah keadaan ini berlaku dimanakah letaknya kejujuran dan kewibawaan para petani dan nelayan tersebut?

Kerajaan terpaksa membelanjakan wang berjuta-juta ringgit untuk memastikan sektor yang menjadi sumber pendapatan mereka berada di tahap yang lebih terjamin. Kemudahan yang diberikan bukanlah bermakna untuk mengajak golongan petani menjadi golongan peminta atau mengharapakan subsidi semata-mata, tetapi lebih dari itu kita mahukan masyarakat petani dan nelayan menjadi masyarakat moden kerana kita mempercayai dengan adanya teknologi moden dan segala pembaharuan dalam kegiatan pertanian akan membawa kepada daya produktiviti yang lebih baik. Para petani bukanlah merupakan orang-orang tua di rumah kebajikan atau kanak-kanak kecil yang perlu diberi segala-galanya dalam bentuk percuma, tetapi masyarakat petani dan nelayan adalah golongan pengusaha dan bersedia menghadapi lumpur di sawah atau gelombang di lautan. Saya menyeru kepada golongan-golongan terlibat dengan penyalahgunaan pemberian subsidi, ini kembali ke pangkal jalan supaya maruah dan harga diri para petani dan nelayan terus terjaga tanpa digadaikan dengan sikap meminta serta tidak mahu berusaha bersungguh-sungguh.

Marilah sama-sama kita menghadapi segala bentuk halangan dan rintangan dengan cara berdikari dan anggaplah segala masalah yang mungkin timbul hanya sebagai menguji daya tahan kita semua. Kita perlu memikirkan sejauh mana usaha-usaha yang kita jalankan selama ini telah mendatangkan hasil, sebaliknya elakkan diri dari merasa terbebani oleh masalah yang mengharapkan simpati orang lain, sedangkan masalah yang timbul adalah berpunca dari sikap kita yang tidak bersungguh-sungguh dalam kerja-kerja mereka. Kerajaan berdiri teguh di belakang para petani dan nelayan sekalian untuk memastikan golongan petani dan nelayan hidup dalam keadaan sejahtera dan tidak mahu lagi dikaitkan dengan soal-soal kemiskinan dan penderitaan hidup. Usaha-usaha mempertingkatkan teknologi dalam bidang pertanian telah diberikan perhatian yang serius supaya bidang ini tidak dianggap bidang yang ketinggalan. Di sebalik tema Hari Peladang dan Nelayan yang terpilih kali ini, "Tingkatkan Pengeluaran Melalui Teknologi", kita sebenarnya mempercayai bahawa teknik-teknik dan alat-alat moden akan membawa faedah yang besar kepada bidang pertanian dan perikanan. Kita mahu melahirkan petani-petani dan nelayan moden kerana kita mempercayai peningkatan teknologi akan memberi suatu hasil yang positif ke arah peningkatan daya pengeluaran dan pendapatan rakyat. Berdasarkan kepercayaan ini, bagi tahun 1987, kerajaan telah menggariskan beberapa strategi penting sebagai penerusan usaha-usaha yang telah ada iaitu:-

1. Meningkatkan daya pengeluaran melalui pemindahan teknologi.

2. Membentuk perubahan sikap petani dan nelayan supaya lebih bersedia menerima teknologi baru.

3. Meningkatkan sumbangan sektor pertanian dalam pembangunan ekonomi negara.

Kerajaan juga membuat berbagai-bagai perancangan awal untuk memastikan kelicinan perjalanan projek yang dilaksanakan supaya dapat dinikmati oleh para petani dan nelayan sekalian. Inginlah saya jelaskan di sini, bahawa untuk tahun hadapan kerajaan telahpun merancangkan beberapa program, sama ada yang baru atau penerusan kepada program yang sedia ada dengan memperuntukkan sebanyak lebih RM3 juta, kepada sektor pertanian di negara ini. Peruntukan itu akan dipastikan pembelanjannya, bagi usaha-usaha melahirkan teknologi tinggi dalam bidang pertanian.

Di dalam sektor perikanan yang berlandaskan Dasar Pertanian Negara, banyak perancangan yang telah dibuat oleh kerajaan bagi meningkatkan taraf sosial ekonomi dan pendapatan nelayan dan golongan yang bergantung kepada perusahaan perikanan dengan cara meninggikan daya pengeluaran melalui kaedah-kaedah moden dan eksploitasi sumber yang paling optima. Bidang pengurusan dan pemulihan sumber diberi penekanan utama untuk memastikan negara mempunyai sumber perikanan yang cukup, berkekalan dan berada pada tahap perusahaan yang menguntungkan. Dalam rancangan Malaysia Kelima (RML) dari peruntukkan berjumlah lebih RM25 juta untuk sektor perikanan, sebanyak hampir RM11 juta dibelanjakan untuk pengurusan dan pemulihan sumber ini dan pada awal tahun ini hingga sekarang kita telah membelanjakan hampir RM3 juta. Peruntukan yang selebihnya akan digunakan untuk kemudahan penyelidikan, perkembangan serta latihan, pentadbiran dan lain-lain.

Kepada para pegawai serta petugas-petugas yang telah diberi amanah bagi melaksanakan projek dan sebarang bentuk pentadbiran yang berkaitan dengan golongan petani dan nelayan, kerajaan berharap lakukan dengan penuh rasa tanggungjawab. Adalah lebih berkesan sesuatu perlaksanaan, sekiranya pemimpin-pemimpin kerajaan, pegawai-

pegawainya dan petani serta nelayan keseluruhannya mempunyai persefahaman yang baik kerana dengan persefahaman itu , dapat mengelak sebarang pencanggahan yang boleh membawa kepada kesulitan semua pihak yang terlibat. Sebarang bentuk kelemahan pelaksanaan dan penyelewengan dalam pentadbiran akan membawa ke suatu kegagalan matlamat yang di cita-citakan, seterusnya yang akan menderita adalah golongan petani dan nelayan, manakala kerajaan termasuk pegawai-pegawainya pula akan menjadi sasaran untuk dipersalahkan.

Oleh itu, saya berharap pegawai-pegawai petugas hendaklah menjalankan urusan dengan berkesan, mengelak sebarang bentuk penyelewengan di kalangan petani dan nelayan ke atas projek yang dilancarkan, kerana penyelewengan yang berlaku juga menunjukkan tidak cekapnya tugas yang dijalankan. Usaha-usaha membantu ke arah perubahan sikap golongan petani dan nelayan menuju ciri-ciri pembaharuan dan kesungguhan bekerja hendaklah juga turut dimainkan oleh pegawai-pegawai atau petugas-petugas yang diamanahkan oleh kerajaan, di samping mengelakkan wujudnya sebarang perkara negatif.

Itulah sahaja ingatan saya kepada semua pihak yang terlibat dengan sektor pertanian dan perikanan bagi kepentingan bersama. Akhirnya saya berharap Hari peladang dan Nelayan yang disambut, memberi suatu kesedaran kepada kita semua untuk terus maju jaya dalam apa juga yang dicita-citakan.

*(Ucapan pada Hari Peladang dan Nelayan Negeri Terengganu kali ke-4 18 Oktober 1986 di Padang Astaka, Kemaman).*



## **BELIA HARAPAN BANGSA**

Memanglah wajar Konvensyen seumpama ini diadakan bagi memberi kesempatan kepada para belia sekalian, sama ada yang berada di pusat pengajian tinggi, yang masih di bangku sekolah mahupun yang telah meninggalkan dunia persekolahan untuk bersama-sama berjuang dengan penuh sedar dan insaf bagi kepentingan mempertahankan agama, bangsa dan negara. Bahawa sesungguhnya negara mengiktiraf golongan belia sebagai golongan yang penting dan perlu diberikan perhatian khusus, setiap masa dan setiap ketika.

Pentingnya golongan belia dapat dilihat dari berbagai sudut. Dari sudut fizikalnya, kaum belia yang berumur 15 hingga 40 tahun, adalah golongan muda yang mempunyai kekuatan tenaga untuk menghadapi cabaran-cabaran dalam kehidupan dengan lebih berjaya, berbanding dengan golongan tua yang sudah tentu semakin kekurangan tenaga. Pada masa usia muda, kita mempunyai kemampuan untuk melakukan sebarang kerja dan usaha dengan berkesan bagi menentukan corak kehidupan kita di masa akan datang. Lebih dari itu, belia adalah pewaris kepimpinan pada masa akan datang. Berdasarkan hakikat itu, berbagai persiapan harus dibekalkan kepada para belia hari ini bagi menjamin kesejahteraan negara pada masa akan datang. Kita perlu membentuk satu kumpulan pemimpin yang sempurna untuk melahirkan kesejahteraan kepada semua. Kepimpinanlah yang menentukan corak dan arus kemajuan sesuatu kumpulan. Sebab itu kita lihat maju mundurnya sesuatu kumpulan mempunyai ikatan yang rapat

dengan kepimpinannya. Dalam sejarah, zaman keagungan & kemajuan sesuatu kumpulan, tidak dapat dipisahkan daripada kepimpinan yang terdapat pada zaman itu.

Sebaliknya kepimpinan bukan sahaja boleh membawa kebahagiaan, kesejahteraan dan kemuliaan, tetapi juga kepada keruntuhan. Kita lihat bagaimana bangsa yang kuat dan luas kuasanya pun boleh jatuh dan hancur dalam satu generasi sahaja. Kekuatan, kecekapan dan keberanian yang ada pada bangsa itu tiba-tiba hilang dan bangsa itu tidak lagi terdaya mempertahankan kedudukannya. Pengikut-pengikut atau orang-orang yang dipimpinnya amat memandang tinggi kepada pemimpinnya, tetapi tidak ada panduan yang diterima oleh mereka walaupun setengah-setengahnya disifatkan pejuang Islam. Dalam keadaan tidak tentu arah, mereka ditewaskan dengan mudahnya oleh musuh atau hancur di tangan mereka sendiri. Kita boleh lihat contoh-contoh ini di hadapan kita sendiri, pada masa ini dan juga pada masa-masa yang telah lalu.

Dalam mana-mana masyarakat, ramai yang mempunyai hasrat dan cita-cita untuk menjadi pemimpin kerana pemimpin dikatakan akan mendapat berbagai keistimewaan, tetapi bukan semua pula yang ingin menjadi pemimpin didorong oleh tujuan yang mulia. Setengah-setengahnya ingin jadi pemimpin semata-mata kerana niat untuk mendapatkan keistimewaan sahaja. Oleh itu kerap kali kita mendapati mereka yang berminat menjadi pemimpin tidak suka mendengar pandangan daripada pemimpin yang ada. Mereka lebih mementingkan soal perjuangan untuk merasai nikmat atau keistimewaan yang mereka sifatkan itu.

Ciri-ciri kepimpinan seumpama ini banyak berlaku dalam perkembangan dan generasi masa kini, terutamanya di peringkat generasi baru yang terdiri dari para belia sekalian.

Itulah pemikiran mereka terhadap pemimpin dan kepimpinan. Maka ciri-ciri dan pandangan yang salah ini perlu diperbaiki oleh generasi baru itu sendiri, disebabkan ia tergelincir daripada landasan yang sebenar, kerana pemimpin adalah sebenarnya penunai amanah dan tanggungjawab.

Bagi pihak kerajaan, Dasar Belia Negara telah digubal untuk melahirkan pemimpin-pemimpin yang sempurna dan dapat membina belia untuk kesejahteraan negara. Untuk mencapai matlamat itu, organisasi itu hendaklah diasaskan kepada beberapa prinsip:

- (1) Mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang matang.
- (2) Mengamalkan prinsip-prinsip rukun negara.
- (3) Mempunyai semangat perpaduan dan kesukarelaan serta mengamalkan prinsip autonomi yang bertanggungjawab dan berfaedah kepada negara.
- (4) Menggalakkan penyertaan dalam proses perancangan negara.
- (5) Mempunyai moral yang tinggi dan sikap mementingkan kesihatan serta kecergasan diri.
- (6) Mempunyai taraf keilmuan yang luas dan mendalam.

Maka dengan ini para belia sekalian termasuk pemimpin-pemimpinnya, hendaklah tidak lari daripada prinsip-prinsip ini supaya matlamatnya tercapai.

Kesemua prinsip-prinsip ini hendaklah dipraktikkan dengan bersungguh-sungguh, dan semua pihak hendaklah

saling bahu-membahu bagi memastikan dasar belia negara ini berjaya. Ini termasuklah persatuan dan majlis-majlis belia, badan-badan sukarela, badan-badan politik dan juga agensi-agensi swasta. Kerajaan amat mengalu-alukan kehadiran agensi-agensi swasta dalam membantu kerajaan membentuk dan melahirkan belia yang memenuhi prinsip-prinsip dasar belia negara yang dibentuk oleh Kementerian Belia dan Sukan itu.

Cawangan-cawangan belia hendaklah diwujudkan dalam apa-apa pertubuhan dan syarikat-syarikat swasta, baik membantu melahirkan belia yang melibatkan diri dalam sebarang proses pembangunan dan perancangan negara. Saya percaya dengan kerjasama semua pihak, satu kumpulan belia yang berpendidikan, bermoral, berkemahiran dan mempunyai taraf kepimpinan yang matang akan dapat dilahirkan oleh negara, sekalipun secara evolusi atau perlahan-lahan sebagaimana strategi dasar belia negara. Bersama-samalah kita mengadakan operasi meletakkan belia di tempat yang berwibawa dan berguna kepada agama, bangsa dan negara.

Kerajaan pula telah mengadakan pelbagai program bagi memenuhi kehendak-kehendak dasar belia, termasuklah mengadakan pendidikan yang sempurna, kelas-kelas agama, mengadakan kursus, bengkel, seminar dan lain-lain dengan perbelanjaan yang besar. Kerajaan juga mewujudkan pusat-pusat kemahiran untuk disertai oleh para belia bagi memberi peluang kepada mereka mendapatkan pekerjaan dengan menjalankan kerja-kerja dari kemahiran yang diperolehi.

Kerajaan Negeri Terengganu sendiri telah merangka beberapa perancangan khusus untuk para belia, termasuk dalam bidang pertanian dan penternakan. Negeri Terengganu mempunyai tanah terbiar yang begitu luas. Adalah menjadi harapan kerajaan, tanah-tanah itu diusahakan, khususnya oleh

para belia yang masih menganggur. Untuk melahirkan belia tani yang sanggup mengusahakan tanah-tanah terbiar itu, kerajaan mengadakan pusat-pusat latihan belia tani. Kita juga akan mengadakan pusat penternakan dan penanaman buah-buahan untuk diserahkan kepada para belia mengusahakannya. Beribu-ribu ekar tanah telah dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri untuk tujuan tersebut. Oleh itu, apa yang menjadi harapan kita ialah para belia sekalian sanggup mengusahakannya untuk kepentingan bersama. Para belia hendaklah insaf dari sekarang bahawa kehidupan yang tidak menentu tanpa melakukan kerja-kerja yang berfaedah akan mendatangkan kesusahan kepada diri sendiri pada suatu hari kelak. Hari ini para belia mungkin masih bersendirian, tetapi mungkin esok atau lusa akan mempunyai isteri atau suami dan anak-anak, yang memerlukan perlindungan dan penjagaan. Kesemuanya ini memerlukan persediaan yang awal, agar tidak menderita di hari-hari depan yang bakal ditempohi itu.

Janganlah hendaknya titik-titik hitam dirakamkan dalam masa usia yang masih muda ini sehingga membawa penderitaan masa tua. Wabak penggunaan najis dadah telah sering diperkatakan. Para muda-mudi hendaklah mengelak dari wabak penggunaan najis dadah yang kini sedang mengancam kesejahteraan negara kita. Begitu juga kehidupan amalan berfoya-foya yang akan membuatkan kita lupa untuk membuat persiapan menghadapi hari depan, hendaklah dijauhi. Di Negeri Terengganu penagih kian meningkat. Dari ini rekod Januari hingga Jun 1987 sahaja, terdapat kira-kira 883 telah ditahan kerana terlibat dengan najis dadah. Dari jumlah itu, 853 orang adalah terdiri dari bangsa Melayu. Manakala jumlah kesemua penagih yang direkodkan di Negeri Terengganu sejak tahun 1981 hingga Jun 1987 ialah seramai 5,517 orang. Angka-angka ini menunjukkan satu tahap yang

membimbangkan, jika tidak ada tindakan tegas dilakukan oleh semua pihak bagi mengatasinya.

Kepada para mahasiswa dan mahasiswi pula, mereka perlu menyedari bahawa di negara sedang membangun seperti Malaysia, universiti mempunyai peranan yang penting. Institusi-institusi pengajian tinggi seharusnya dapat membekalkan tenaga manusia yang cukup dan berkelayakan merancang dan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan. Negara-negara membangun juga memerlukan pemimpin-pemimpin yang berkalibar, berdisiplin, jujur dan bermoral tinggi sepertimana yang saudara dan saudari rakamkan melalui tema Konvensyen ini, "**KE ARAH MELAHIRKAN BELIA YANG DINAMIS**". Universiti-universiti dan lain-lain institusi pendidikan dari rendah hingga setinggi-tingginya, diharapkan dapat melatih bakal-bakal pemimpin untuk memenuhi keperluan itu.

Oleh yang demikian pelajar-pelajar sekalian hendaklah memahami tujuan dan hasrat rakyat dan hendaklah menggunakan segala kemudahan yang diberikan supaya kemajuan yang dicita-citakan ini dapat dicapai. Semua kemudahan ini adalah dibiayai daripada wang rakyat dan rakyat berhak melihat saudara-saudara mencapai kemajuan yang gemilang dan tidak menghampakan hati mereka yang sentiasa menaruh harapan kepada pelajar-pelajar sekalian.

Saya tidak menafikan bahawa sebelum tercapai tujuan yang murni ini mungkin terdapat banyak halangan dan cabaran yang terpaksa dialami. Segala pengaruh yang boleh menghalang kemajuan hendaklah dihapuskan. Segala anasir yang boleh memecahbelahkan perpaduan rakyat hendaklah disingkirkan. Pelajar-pelajar harus mempunyai kesanggupan bertindak dan menghadapi cabaran-cabaran ini secara rasional.

dapat berjalan dalam keadaan yang aman dan tenteram. Cara-cara mahasiswa bertindak harus berpadukan kepada matlamat pembangunan dan berdasarkan latar belakang masyarakat kita dan kehendak-kehendak negara yang mengutamakan kaedah mesyuarah dan perundingan dengan semangat penuh sopan dan saling hormat-menghormati. Sekiranya tindakan-tindakan diambil mengikut perasaan dengan tidak mengkaji implikasi-implikasinya secara mendalam dan menyeluruh, ini akan merugikan negara dan pihak yang mengambil tindakan itu sendiri. Saya percaya pelajar-pelajar dapat bertindak secara positif sekiranya setiap orang berfikir secara rasional dan tidak mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab.

*(Ucapan pada upacara perasmian Konvensyen Belia Negeri Terengganu anjuran Persatuan Mahasiswa Terengganu UKM dan Majlis Belia Negeri, di Dewan Kem Seri Keluang, Besut pada 20 Februari 1988).*

## **MAHASISWA PEMBINA BANGSA**

Saya melahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Persatuan Mahasiswa Terengganu Universiti Malaya di atas usaha mengadakan Projek Baktasiswa di Kampung Seberang Pintasan ini.

Projek Baktasiswa yang diadakan ini sesungguhnya teramat besar pengertiannya. Ini terutamanya bagi membuktikan bahawa kaum mahasiswa telah menyedari peranan dan kedudukan mereka di dalam sesebuah masyarakat. Membuktikan bahawa kaum mahasiswa telah kembali meletakkan diri mereka di tempat yang sebenar. Masyarakat dan rakyat sememangnya mengalu-alukan kesedaran saudara-saudara sekalian. Kesedaran tentang masa depan masyarakat, masa depan negara dan masa depan generasi akan datang perlu ada dalam setiap diri mahasiswa, kerana saudara-saudaralah akan menjadi pemimpin dan penentu arah generasi akan datang.

Kita sekarang sedang menuju tahun 2000. Cuba kita mengambil sedikit masa membayangkan dan memikirkan apa akan terjadi kepada bangsa dan tanah air kita dalam tempoh tersebut. Apakah kita akan terus dapat merasai kesenangan, kesejahteraan dan keamanan seperti yang kita rasa dan nikmati sekarang. Dengan memikirkan itu, barulah timbul keinginan kita untuk bersedia menghadapi kehidupan menjelang tahun-tahun tersebut, sepuluh atau dua belas tahun lagi. Ketika itu,



saudara pelajar berumur dalam lingkungan 30an, suatu usia yang dianggap matang. Pada masa itu, saudara dan saudari mungkin telah menjadi ibu atau bapa yang mempunyai tanggungjawab tertentu. Sekiranya pada hari ini negara kita dapat melahirkan generasi yang cintakan bangsa dan tanah airnya, tentulah tidak dapat kita bayangkan bagaimanakah rupa bentuk kehidupan generasi tersebut pada masa akan datang. Apakah orang-orang Melayu akan terus dapat hidup aman makmur di samping rakan-rakan senegara daripada kaum lain. Atau mereka akan menjadi pengemis di tanah airnya sendiri, atau akan dijajah kembali seperti sebelum ini. Ini semua perlu diinsafi oleh para pelajar dan mahasiswa sekalian. Bermula dari sekarang marilah kita menjadikan diri kita sebagai generasi yang cergas dan mengambil bahagian di dalam kegiatan bermasyarakat dan bernegara. Tanamkan semangat cintakan kepada bangsa dan tanah air supaya kita tidak menjadi golongan yang tersisih daripada masyarakat sendiri. Sebagai golongan berpelajaran, tidak seharusnya kita membiarkan tugas-tugas penting dalam masyarakat terpaksa ditanggung oleh golongan yang serba kekurangan. Tidak sepatutnya kita berbuat demikian, kerana golongan yang kekurangan itu, mengharapkan golongan berpendidikan mengambil-alih tempat mereka, dalam semua bidang kehidupan bermasyarakat. Mereka mengharapkan kehadiran generasi berpengetahuan tinggi untuk membantu dan menyambung perjuangan mereka supaya bangsa dan tanah air ini terus maju.

Wang yang dibelanjakan oleh kerajaan membiayai pelajar-pelajar terutamanya di pusat-pusat pengajian tinggi adalah wang rakyat. Kita perlu menyedari hakikat ini. Dengan itu, barulah timbul rasa ingin berbakti kepada rakyat yang telah banyak berjasa kepada para pelajar sekalian. Tentulah malang kalau ada di antara kita yang masih sambil lewa dengan seronok memperolehi biayaan wang orang ramai.

Tentulah juga malang, sekiranya ada golongan yang secara berdepan membuat kekacauan, menentang kerajaan habis-habisan sehingga menimbulkan kacau-bilau. Ada pula sebahagian saudara-saudari mahasiswa secara terbuka menjadi tenaga kerja pilihanraya kepada golongan tertentu. Sedangkan mereka tidak menyedari kerajaan yang mereka tentang itulah, yang memberi segala peluang dan kemudahan belajar untuk mereka. Amatlah tidak wajar mereka berbuat demikian. Bukanlah bererti kerajaan tidak mahu menerima sebarang kritikan. Kerajaan yang memerintah pada hari ini sentiasa mahukan pandangan dan kritikan membina daripada para lepasan universiti, tetapi mestilah melalui saluran-salurannya, berasaskan kejujuran dan keikhlasan. Saya menyebut ini, kerana saya dapati sikap setengah-setengah penuntut atau mahasiswa seperti ini didapati wujud di pusat-pusat pengajian tinggi, sehingga di situ pun terdapat kehidupan berpuak-puak. Amalan berpuak-puak seperti ini tidak wajar berlaku dalam kampus, kerana golongan mahasiswa adalah menjadi contoh kepada orang ramai, dan pelajar-pelajar yang masih di bangku sekolah.

Apa yang perlu ialah suatu 'team work' yang saling bertukar-tukar fikiran dan pendapat dalam semua hal. Begitulah dalam hal merancang sumbangan kepada masyarakat. Semasa berada di pusat pengajian tinggi, mahasiswa hendaklah mengadakan suatu pasukan pemikir untuk memastikan apakah bentuk sumbangan yang paling wajar daripada mereka kepada masyarakat dan rakyat, kerana seperti yang saya katakan tadi, mereka adalah sebahagian dari pengguna wang rakyat untuk menuntut ilmu.

Hari ini kita hidup aman makmur di negara kita. Ketenteraman dan kedamaian yang dimiliki oleh rakyat di negara ini tidaklah datang dengan begitu sahaja, tetapi sebaliknya mempunyai sejarah perjuangan dan pengorbanan

yang teramat mahal nilainya. Jika kita semua hari ini, tidak melupakan sejarah asal-usul kita, dan sentiasa pula menghargai para pejuang dahulu hingga sekarang yang berani dan bersemangat untuk menjamin keamanan dan keselamatan kita, dan jika kita insaf dan bersyukur, Insya-Allah kita akan terus memiliki suasana aman ini, serta kita akan menjadi bangsa yang gagah, mulia dan dihormati.

Sekiranya kita lalai atau dilalaikan dari mengingati asal-usul kita, dan kita membiarkan diri kita diperdayakan oleh perasaan bahawa keamanan dan keselamatan tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan usaha, pengorbanan dan perancangan tertentu, maka tunggulah masanya kita akan ditimpa bencana. Apakah apabila bencana tiba, dan kehancuran menimpa, baru ketika itu hendak kita insaf dan berusaha mencari perlindungan? Dalam keadaan yang genting, tidak mungkin kita mampu menebus kedudukan, apatah lagi persediaan dan kekuatan kita dalam berbagai sektor masih tertinggal jauh.

Oleh itu, kita tidak ada jalan lain, melainkan bersedia, berkorban dan berjuang dari sekarang membentuk kekuatan, mempertahankan kedudukan dan keselamatan. Pengorbanan dan perjuangan kita hanya boleh berlaku apabila kita insaf dan keinsafan hanya akan wujud apabila kita diasuh dan dididik tentang sejarah asal-usul kita dan diberikan panduan menyelami hari depan yang bakal dilalui. Saya percaya bahawa saudara-saudari sekalian telah diberikan kesedaran tersebut. Adalah menjadi tanggungjawab saudara-saudari pelajar untuk mendidik pula jiwa rakan-rakan yang lain supaya turut insaf dan sedar, serba tidak dilalaikan oleh keadaan yang dimiliki ini. Saudara-saudara juga perlulah menggilap kembali kesedaran itu agar tidak menjadi luntur. Saudara-saudara juga perlu bekerja dalam satu pasukan untuk menyatu-padukan tenaga, bagi memperjuangkan usaha-usaha mendaulatkan agama, bangsa dan tanah air tercinta ini. Kerajaan dan pimpinan

negara yang ada pada hari ini yang baru sahaja diberi mandat lagi, tidak wajar dibiarkan berjuang bersendirian, tetapi di hadapan dan di belakang mereka harus ada benteng yang sedia bersama-sama berjuang. Di hadapan itu adalah saudara-saudari yang gagah perkasa dan kental jiwa. Satu langkah diatur oleh musuh untuk menyerang kita, maka sepuluh langkah ke hadapan kita mesti bersedia untuk bertindak menahan sebarang ancaman musuh tersebut.

Oleh itu, usaha menganjurkan projek baktisiswa ini yang merupakan suatu gagasan yang menitik-beratkan kepada gemblengan tenaga fizikal, mental dan spiritual, diharapkan mampu melahirkan rangkaian perjuangan yang berterusan. Tenaga-tenaga terlatih dari segi fizikal dan spritual ini, diharapkan bukan sahaja menjadi benteng pertahanan, tetapi lebih dari itu diharapkan akan menjadi barisan penyerang yang lasak untuk menghadapi sebarang bentuk ancaman musuh yang sedang berusaha memporak-perandakan kestabilan negara. Dalam pada itu, ia perlu diselaraskan dengan baik, supaya seiring dan sejalan dengan gerakan-gerakan lain, yang sama-sama menuju kepada satu matlamat.

Dari tahun ke setahun, ramai di kalangan rakyat, khususnya orang-orang Melayu yang terdiri daripada golongan belia tidak mengalami kecemasan peristiwa yang pernah menggugat kedudukan bangsanya. Kalaupun ada unsur-unsur yang menggugat, namun kepekaan mereka tidak begitu kuat. Semangat dan daya juang mereka rendah, kerana setengah-setengahnya asyik dan leka dengan suasana yang ada. Sekiranya keadaan ini berterusan, ia adalah merupakan ciri-ciri kejatuhan sesuatu bangsa tersebut. Kehilangan rasa peka terhadap ancaman bangsa dan apabila semangat cintakan bangsa dan negaranya sendiri. Semangat cintakan bangsa dan negara itu ibarat benteng, dan apabila benteng itu dirobuhkan, generasi itu akan bebas melakukan apa sahaja mengikut sesuka hati

mereka, tanpa pembelaan sebarang halangan lagi, seperti juga seseorang yang telah hilang iman dan pegangan agamanya. Oleh itu, jalan yang paling selamat, ialah kita mestilah mengembalikan semula semangat perjuangan di kalangan generasi yang akan mewarisi bangsa kita. Pemimpin hari ini, apabila sampai waktunya akan pergi. Kepada saudara-saudara, generasi barulah diharapkan akan mengambil tempat meneruskan perjuangan dan pembelaan kepada rakyat dan umat Islam di negara ini, melalui suatu proses penggantian yang sihat. Proses yang tidak sampai membawa kepada perpecahan dan perseteruan, seperti yang berlaku di beberapa buah negara lain. Kita juga tidak boleh sekali-kali mengharap atau bergantung kepada orang lain untuk membela kita, melainkan kita sendiri, kerana sejarah telah banyak membuktikan kesetiaan dan kejujuran orang lain dengan kita tidak sentiasa wujud, bahkan telah berkali-kali kita dicabar, apabila suasana perpaduan kita dilihat mereka, semakin lemah ikatannya.

Oleh kerana itu, marilah bersama-sama kita menyokong usaha-usaha kerajaan pada hari ini, sama ada dari segi politik, ekonomi, pendidikan dan lain-lain, yang sebenarnya mempunyai tujuan dan matlamat yang tidak lari daripada landasan untuk membawa kita kepada kekuatan dan jaminan masa hadapan. Walaupun ada kekurangannya, tetapi janganlah pula ditafsirkan dengan cara yang tidak baik dan membuat tuduhan-tuduhan melulu, sebaliknya berusaha bersama-sama untuk membaikinya dan bukan merosakkannya.

Saya berharap mahasiswa-mahasiswi akan dapat membantu usaha kerajaan menyediakan generasi yang mampu memberikan pengorbanan dan curahan tenaga kepada bangsa dan tanahairnya. Rancangkanlah sesuatu kegiatan yang paling berkesan untuk memastikan masa hadapan bangsa dan rakyat di negara ini selamat dan maju dengan gemilangnya.

Ingatlah bahawa sesungguhnya kejayaan demi kejayaan, perubahan demi perubahan yang kita nikmati sekarang ini adalah hasil dari perpaduan yang kita utamakan. Sekiranya kita bersengketa, tanah air kita akan huru-hara dan bangsa kita akan musnah. Oleh itu marilah kita berikrar dan berjanji akan meneruskan kehidupan bersatu-padu, mengelak permusuhan dan bekerjasama membangunkan bangsa dan negara, supaya kita akan terus memperolehi kejayaan dalam segala terus dapat mengecapi nikmat keamana dan kebahagiaan.

Hari ini, negara kita telah terkenal diperingkat antarabangsa. Bangsa kita sudah tersenarai di peringkat antarabangsa. Dulu negara dan bangsa kita tidak begitu dikenali. Hari ini kita telah berjaya membawa imej baru bangsa dan negara kita. Bahkan kita telah diterima sebagai pembimbing kepada negara-negara yang sedang membangun atau negara-negara dunia ketiga. Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah diterima sebagai pemimpin antarabangsa, yang memimpin negara-negara Dunia Ketiga. Kita bersyukur atas kejayaan itu.

Kerajaan di bawah pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad di peringkat pusat dan Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman yang telah diberi mandat baru, akan terus membawa kejayaan kepada rakyat dan negara. Hari ini banyak perubahan dan pembangunan yang telah kita jalankan. Terengganu sebagai sebuah negara yang termundur dahulu, sedang kita majukan sedikit demi sedikit. Adalah mustahil setelah jauh tertinggal kebelakang sebelumnya kita boleh berada di hadapan sertamerta, melainkan memerlukan masa yang panjang. Bagaimanapun dengan perubahan sekarang kepada negeri ini kita amat bersyukur dan akan terus berusaha mengubah dan membangunkannya. Biarlah kita berhati-hati supaya segalanya berjaya disempurnakan dengan baik.

Marilah bersama-sama kita mengekalkan suasana aman makmur yang kita nikmati ini. Walaupun ada pihak yang cuba

melakukan tindakan-tindakan yang mengancam keamanan dan perpaduan, menabur fitnah dan cerita-cerita palsu dan melaung-laungkan berbagai slogan untuk menarik sokongan, tetapi sesungguhnya rakyat amat bijak membuat perhitungan dengan menolak mereka. Walau apapun yang dijalankan, kebenaran akan tetap menyusul dan kita yakin dan percaya bahawa kejayaan akan tetap diperolehi kepada pihak yang benar.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang berusaha dan telah memberi mandat lagi kepada kami untuk menerajui kerajaan. Kepada semua yang berusaha menjayakan projek baktisiswa ini, saya juga mengucap terima kasih.

*(Ucapan pada perasmian Projek Baktisiswa Universiti Malaya pada 4 November 1990 di Dewan Sivik, Seberang Pintasan, Dungun).*

## **PENTINGNYA PELAJAR MENGUASAI SAINS**

Pameran Sains yang diadakan bagi tahun yang kelima ini besar ertinya bagi pelajar-pelajar khususnya dan orang ramai amnya. Bagi pelajar-pelajar, Pameran Sains ini akan memberi peluang kepada mereka untuk meningkatkan bakat dalam ciptaan dan penemuan-penemuan sains. Kepada orang ramai pula pameran ini akan memberi kesedaran bahawa sains penting dan ada kaitan dengan kehidupan mereka.

Saya difahamkan dari jumlah 32 buah sekolah yang mengambil bahagian, 8 buah sekolah menengah adalah terdiri dari Sekolah-sekolah Menengah Agama. Penyertaan ini menunjukkan bahawa ilmu sains telah mendapat sambutan di kalangan pelajar-pelajar aliran agama. Pada masa dahulu sains tidak mendapat tempat langsung dalam kurikulum pelajaran oleh kerana fokus dan orientasi pada masa itu adalah tertumpu kepada bidang agama semata-mata.

Sains bagi setengah orang disalah anggap sebagai suatu bidang yang asing, istimewa bagi kumpulan kecil yang pandai sahaja. Sebenarnya anggapan yang semacam ini kurang tepat. Sains adalah sebahagian dari cara hidup kita dan ia adalah untuk semua orang. Sains tidak susah diterokai sekiranya kita betul-betul ada kemahuan. Kepintaran hanya merupakan satu faktor sahaja. Faktor lain seperti ketekunan, suka membaca buku dan banyak menumpukan masa membuat kajian dan penyelidikan untuk mengumpulkan fakta-fakta juga



memainkan peranan yang sama penting. Dalam hubungan ini adalah diharapkan konsep dan fungsi sains dapat disebarkan dengan lebih menyeluruh supaya ianya mendapat tempat yang sewajarnya dalam perkembangan pemikiran orang ramai khususnya di kalangan masyarakat luar bandar selaras dengan konsep perkembangan dan kemajuan kerohanian. Untuk mencapai matlamat ini pendekatan sains seharusnya juga dipaparkan dengan cara yang mudah dan senang difahami oleh orang ramai.

Bila kita bercakap mengenai sains, kita akan bercakap mengenai ciptaan, penemuan dan kemajuan-kemajuan yang dicapai. Sains berjaya menghasilkan sesuatu yang kadangkalanya tidak terfikir pada akal kita bagaimana ciptaan atau rekaan itu boleh dihasilkan. Misalnya 'earphone' yang dipakai oleh orang pekak dengan menggunakan kuasa elektro; penggunaan 'lens mata tiruan' bagi mereka yang kurang penglihatan; penggunaan 'pita rakaman video' yang semakin popular di negara kita; penggunaan 'komputer' untuk mengenali jari manusia yang berbeza antara satu dengan lain. Kita tentu kagum dengan penggunaan komputer di dunia zaman moden tetapi komputer yang paling penting, istimewa dan tidak adaandingannya ialah otak kita. Semua asas rekaan, kajian dan penyelidikan datangnya dari komputer ini. Tidak dapat dinafikan otak adalah ibu bagi segala komputer.

Sebagaimana yang sedia maklum, selain dari Pameran Sains yang dianjurkan setiap tahun mulai tahun 1978 dengan sumbangan yang disediakan oleh ESSO banyak lagi sumbangan lain yang diberikan oleh ESSO. Di antaranya termasuklah mengadakan hadiah kepada pelajar-pelajar terbaik, menyediakan biasiswa dan menyumbang peruntukan untuk Perpustakaan Bergerak. Inilah tanda-tanda yang baik ditunjukkan oleh ESSO bagi Negeri Terengganu sejak mereka mula berada di negeri ini beberapa tahun yang lepas. Saya

merasa bangga dengan sokongan dan bantuan yang telah diberikan.

Selain dari itu ESSO juga telah menubuhkan Sekolah Latihan Teknikal di Kuala Terengganu sejak lebih kurang dua tahun yang lepas. Saya difahamkan kebanyakan pelajar-pelajar diambil daripada pelajar-pelajar politeknik lepas. Tidak ramai anak Negeri Terengganu berpeluang mengikuti latihan di sini oleh kerana bilangan pelajar dari Negeri Terengganu yang berkelulusan politknik amat berkurangan sekali pada masa ini. Dalam kaitan ini suka saya mengesyurkan supaya pihak EPMI dapat mengadakan sekim latihan khas yang tertentu sebelum mereka dimasukkan dalam latihan yang berkenaan bersama-sama dengan pelatih-pelatih lulusan politeknik itu, ataupun sebagai alternatif pihak EPMI hendaklah memperkenalkan atau menyediakan kursus kemahiran tertentu yang sesuai serta diperlukan oleh perusahaan-perusahaan petroleum, tetapi kelayakan masuk minima hendaklah SPM atau MCE atau SPVM. Inilah satu cara di mana EPMI dapat menolong anak Negeri Terengganu mendapat peluang-peluang pekerjaan yang lebih banyak lagi di dalam perusahaan petroleum di Negeri Terengganu.

Adalah menjadi hasrat saya untuk melihat dan memastikan supaya anak Negeri Terengganu dapat menceburkan diri dalam semua peringkat pekerjaan dan kemahiran dalam perusahaan-perusahaan petroleum di negeri ini. Kita akan mengelakkan timbulnya keadaan di mana suatu hari kelak anak Negeri Terengganu hanya menjadi 'observer' sahaja kepada kemajuan dan kemewahannya yang berlaku di depan mata mereka kerana ini akan menimbulkan implikasi-implikasi sosial yang tidak sihat. Oleh itu Kerajaan Negeri Terengganu bersungguh-sungguh berharap semoga pihak EPMI memberi perhatian yang serius dalam perkara ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memenuhi hasrat dan cita-cita Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri merasa bangga kerana usaha-usaha positif telah dijalankan oleh pihak-pihak yang terlibat dengan perusahaan petroleum di negeri ini khususnya PETRONAS kerana beberapa jenis latihan yang dijalankan oleh PETRONAS sedikit sebanyak memberi peluang kepada anak-anak Negeri Terengganu mengikuti latihan seperti kursus untuk Pembantu Luar yang disediakan di Sekolah Latihan Teknikal PETRONAS di Kompleks Perdana, Kuala Terengganu sejak hampir dua tahun yang lepas. Latihan-latihan di Sekolah Latihan Petronas Carigali di Kerteh, khususnya latihan perkeranian di Kerteh dan baru-baru ini saya difahamkan bahawa sejumlah besar anak Negeri Terengganu dipilih untuk mengikuti latihan yang berkaitan dengan kerja-kerja di Kilang Penapis Minyak Terengganu yang dijangka mula beroperasi dalam suku pertama tahun 1983.

Pentadbiran ini juga telah dimaklumkan bahawa Perbadanan Perindustrian Berat Malaysia atau HICOM dengan kerjasama jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia telah memilih sebanyak 85 orang anak Negeri Terengganu untuk mengikuti kursus kemahiran yang berkaitan dengan kilang Besi Waja di Negeri Jepun. Mereka itu difahamkan akan dihantar untuk mengikuti Kursus Asas Bahasa Jepun di Institut Teknologi MARA Selangor mulai bulan September, 1982 selama beberapa bulan sebelum dihantar ke Negeri Jepun. Mereka dijangka akan menjadi pekerja-pekerja di Kilang Besi Waja yang akan dibina di Telok Kalong Kemaman. Kerajaan Negeri merakamkan ucapan terima kasih kepada HICOM di atas daya usaha yang baik itu.

Selain daripada itu, pada tahun lepas Syarikat Hitachi Zosen di Negeri Jepun telah menerima seramai 5 orang anak Negeri Terengganu untuk berlatih di negeri Jepun dan baru-baru ini sebuah Syarikat Jepun yang lain iaitu JGC Corpora-

tion telah menawarkan peluang-peluang latihan kepada 6 orang rakyat Negeri Terengganu bagi mengikuti latihan dalam bidang-bidang kemahiran tertentu di Negeri Jepun mulai tahun 1982 ini juga. Semua perbelanjaan untuk mengikuti kursus tersebut adalah dibiayai oleh Syarikat JGC Corporation. Dalam kaitan ini Kerajaan Negeri Terengganu mengemukakan tawaran serta inisiatif daripada mana-mana syarikat yang berkaitan dengan perusahaan petroleum untuk membuka peluang serta melatih anak Negeri Terengganu bagi memperolehi kemahiran-kemahiran tertentu.

Di samping itu Kerajaan Negeri senantiasa memberi galakan dan bantuan kepada pelajar dalam pelbagai bentuk. Pada tahun ini Kerajaan telah mengeluarkan peruntukan sebanyak RM500,000 bagi memperlengkapkan perpustakaan sekolah di semua Sekolah Menengah dan Rendah; RM1 juta bagi Bantuan Persekolahan Murid Miskin; RM195,000 untuk Bantuan Murid di 3 buah Sekolah Rendah Asrama dalam Negeri Terengganu dan RM254,000 bagi Kegiatan Agama, Perpaduan Bahath, Kuiz, Pameran Kraftangan dan Vokesyenal.

Mengikuti rancangan, gas dari luar pandai Negeri Terengganu akan didaratkan di Kerteh dalam bulan April, 1984. Adalah difahamkan pada peringkat permulaan sebanyak 250 juta kaki padu sehari (250 MMSCFD) akan diproseskan di Kilang Memproses Gas Kerteh untuk kegunaan 'Projek Penggunaan Gas Asli Semenanjung Fasa 1'. Daripada jumlah ini sebanyak 140 juta kaki padu sehari (140 MMSCFD) akan digunakan oleh Stesyen Janaelektrik, Lembaga Letrik Negara di Paka dan sebanyak 22 juta kaki padu sehari (22 MMSCFD) akan dibekalkan kepada Kilang Besi Waja di Telok Kalong Kemaman. Dengan pendaratan gas itu Terengganu juga akan mencatat sejarah kerana ia merupakan negeri pertama di Semenanjung Malaysia di mana rumah-rumah kediaman akan mendapat bekalan gas yang akan disalurkan menerusi paip. Pada peringkat permulaannya rumah kediaman di Kompleks

Perumahan Rantau PETRONAS di Kemasek dan bangunan-bangunan perniagaan dalam Bandar Baru Kerteh akan mendapat faedah ini.

Saya berkeyakinan penuh pameran ini telah dan akan melahirkan ramai pelajar yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dalam bidang sains. Bagi saya pencapaian ini tidak cukup untuk menjamin kesejahteraan hidup sesuatu masyarakat. Kita juga perlu mempunyai disiplin dan maruah diri yang tinggi dan kuat kepada pegangan agama. Kualiti-kualiti hidup ini merupakan teras dalam kemajuan dan kesejahteraan hidup kita.

Pada akhirnya saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pameran Sains Sekolah-sekolah Menengah Terengganu 1982 kerana telah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menjayakan Pameran ini. Kepada mereka yang berjaya dalam pertandingan ini saya mengucapkan tahniah dan kepada mereka yang tidak berjaya jangan tumpul semangat dan terus mencuba sehingga berjaya pada suatu masa yang akan datang.

Sekian dan saya dengan sukacitanya merasmikan Pameran Sains Sekolah-sekolah Menengah Terengganu tahun 1982.

Sekian, terima kasih.

*(Ucapan pada upacara pembukaan rasmi Pameran sains Sekolah-sekolah Terengganu 1982, pada 17 September, 1982 di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Terengganu).*

## **PERANAN PIBG DALAM MEMBAIKI MUTU PELAJARAN**

Oleh kerana seminar ini merangkumi penglibatan wakil PIBG dari seluruh Negeri Terengganu, saya melihatnya sebagai suatu kejayaan kerana ia jarang-kali dapat dilaksanakan. Oleh itu adalah menjadi harapan saya supaya peluang ini digunakan sepenuhnya oleh para peserta untuk bertukar maklumat, bertukar fikiran, pandangan serta pendapat antara satu sama lain dalam usaha mencari hasil positif yang boleh mempertingkatkan lagi mutu atau prestasi PIBG di seluruh negeri ini. Peluang bertemu dan berbincang yang jarang-kali ini harus dijadikan suatu forum untuk melihat dan menilai kelemahan-kelemahan kita dalam semua aspek di samping mencari formula bagaimana memperbaiki kelemahan itu demi kepentingan pendidikan anak-anak kita yang bakal menjadi peneraju masa depan negara yang kita kasihi ini. Saya percaya, tuan-tuan yang hadir juga bersetuju dengan saya untuk melihat objektif perjuangan persatuan ini lebih berfungsi dan berkesan selepas seminar ini nanti.

Bagi saya tuan-tuan merupakan tokoh yang sedikit sebanyak mengetahui masalah pendidikan dan pembelajaran anak-anak di sekolah. Setengah daripada tuan-tuan mempunyai pengalaman bertahun-tahun dalam dunia pendidikan. Malah setengah daripadanya pernah mengalami proses perubahan sistem pendidikan semenjak zaman penjajahan hingga zaman

kemerdekaan ini. Kerana itu tidak hairan, ada di antara tuan-tuan termasuk guru-guru dan ibu bapa yang tahu di mana terdapat kelemahan dan kebaikan dalam sistem pendidikan yang diterima pakai pada hari ini. Walaupun seminar ini bukan merupakan suatu seminar pendidikan, tetapi hanya Seminar Persatuan PIBG, namun begitu pandang-pandangan yang bernas, kritikal dan membina demi kebaikan bersama harus juga disuara dan dirakamkan setidak-tidaknya untuk bahan pemikiran kita bersama.

Tiada siapa dapat menafikan betapa penting dan perlunya gerakan kegiatan PIBG dipertingkatkan di semua sekolah, sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah. Selain daripada guru-guru, Persatuan ini boleh memainkan peranannya memperbaiki mutu pelajaran dan pendidikan murid-murid terutama meneliti kegiatan murid-murid pada ketika mereka berada di luar sekolah. Tegasnya Persatuan ini berkemampuan serta sama-sama bertanggungjawab sekiranya mutu kecapaian sekolahnya merosot dan hendaklah mengambil tindakan segera memperbaikinya. Oleh itu kemampuan dari segi pentadbiran dan kegiatan persatuan juga sangat perlu. Adalah tidak adil, apabila Mesyuarat Agong Persatuan memberi amanah kepada kita, akhirnya kita yang dipilih sebagai pemimpinnya tidak menyempurnakan tugas dengan sempurna sebagai melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan itu. Mengikut maklumat yang disampaikan, banyak juga persatuan-persatuan ibu bapa dan guru yang bergerak begitu lemah hingga sukar menyusun program-program untuk kepentingan murid-murid. Apabila keadaan ini berlaku, tentulah kesannya sangat negatif hingga mungkin berlaku kejadian pengaruh ketagih dadah dan sebagainya di hadapan mata kita, kerana tiada siapa yang mahu bertanggungjawab. Bagi Persatuan Ibu bapa dan Guru yang mengalami masalah seperti saya sebutkan ini hendaklah mengambil langkah segera memperbaikinya sebelum menjadi bertambah buruk.

Seperti kita maklum, bahawa pendidikan murid-murid tidak seharusnya dibebankan kepada guru-guru di sekolah sahaja, kerana murid-murid lebih banyak waktu berada di rumah dalam jagaan ibu bapa. Waktu-waktu yang terluang inilah berbagai kegiatan berpeluang mempengaruhi anak-anak kita, kerana itu ia perlu diberi perhatian yang bersungguh-sungguh. Di sinilah waktu penting itu harus diisi oleh persatuan ini. Barangkali persatuan boleh memikirkan bagaimana pelajaran tambahan harus disediakan kepada murid-murid khususnya pelajaran agama. Pelajaran agama boleh diatur sebelah petang di bangunan sekolah atau masjid surau seperti yang sedang dijalankan di setengah-setengah sekolah sekarang ini dengan guru-gurunya di bawah kelolaan Yayasan Islam Terengganu. Pendidikan agama ini adalah untuk mempertingkatkan pengetahuan Islam di samping apa yang mereka pelajari di sekolah secara lebih mendalam dan meluas lagi terutama mengenai fardu ain. Ini juga salah satu kegiatan yang berfaedah yang boleh memberi munafaat kepada murid-murid itu sendiri supaya lebih menghayati pengetahuan agama ketika masih di sekolah rendah atau di sekolah menengah.

Baru-baru ini saya berpeluang menemui pelajar-pelajar Terengganu dan juga pelajar-pelajar dari negeri lain yang sedang menuntut di beberapa tempat di Amerika Syarikat dan United Kingdom. Sebagai Ketua Kerajaan Negeri ini, saya merasakan berkewajipan untuk melihat sendiri, untuk mengambil tahu apa juga masalah, atau suka duka anak-anak kita yang berada jauh di seberang laut, jauh daripada ibu bapa dan saudara mara. Saya juga merasakan wajar melihat mereka secara dekat kerana sebilangan besar pelajar-pelajar itu dibiayai oleh Yayasan Terengganu atau lain-lain jabatan yang merupakan wang rakyat yang diamanahkan kepada pelajar-pelajar kita menuntut ilmu supaya pulang nanti dapat pula memberikan khidmatnya membangunkan ekonomi rakyat dan kemakmuran negeri ini. Sepanjang lawatan itu saya



sungguh merasa puas hati dan gembira sambil bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana kesemua pelajar Terengganu yang sempat saya temui berada dalam sihat serta berkeadaan baik, tidak terpengaruh dengan anasir yang boleh merosakkan tujuan asal pemergian mereka ke luar negeri.

Sepanjang lawatan itu saya tidak menemui pelajar-pelajar Terengganu yang bersikap ekstrim, jauh sekali menentang Kerajaan secara tidak jujur, terutama sekali daripada kalangan penuntut-penuntut yang dihantar oleh Yayasan Terengganu. Mereka nampaknya saling persefahaman dan bekerjasama antara satu sama lain untuk kepentingan kebajikan mereka. Pelajar-pelajar kita itu juga berjaya menunjukkan peribadi yang baik sehingga menarik perhatian pihak-pihak tertentu seperti yang saya lihat di Universiti California umpamanya. Itulah sebabnya saya menyatakan rasa syukur saya kepada Allah Subhanahu Wataala dan sama-samalah kita berdoa semoga keadaan mereka terus kekal seperti itu supaya masing-masing kembali dengan ijazah seperti yang kita harapkan serta senantiasa berada di bawah rahmat Allah.

Bagaimana pun bolehlah saya akui bahawa pelajar kita di luar negeri termasuk di Washington D.C. sendiri sangat dahaga bahan-bahan bacaan mengenai perkembangan semasa di tanah air di samping lain-lain buku termasuk buku-buku agama. Dalam dialog-dialog yang saya adakan, ada di antara pelajar dari tempat-tempat lain melahirkan rasa kecenderongan mereka terhadap pengetahuan agama. Bila sampai di sana, kepada kejutan budaya Barat, terpaksa berdepan dengan segala macam cubaan dan rintangan, mereka merasakan pengetahuan dan pendidikan Islam amat penting untuk menjadi benteng mempertahankan diri. Kerana itu mereka mencari-cari, dan bagi pelajar-pelajar yang tidak disediakan dengan pengetahuan asas agama akan mudah terpengaruh dan dipengaruhi oleh anasir yang tidak diingini. Pengaruh liar yang saya maksudkan

ini ada dua. Pertama meninggalkan agama anutan ibu bapanya sendiri kerana terpengaruh kepada agama lain atau pilihan kedua terpengaruh dengan dakwah songsang yang boleh menyebabkan mereka sedikit demi sedikit meringankan pelajaran akademik yang dihadapinya lalu lebih mengutamakan tugas berdakwah. Inilah yang membawakan mereka memakai jubah dan sebagainya. Bagi saya punca utama berlaku trajidi ini kerana ketiadaan pendidikan asas agama yang kukuh ketika sebelum berangkat ke luar negeri. Atas alasan inilah saya sangat menekankan supaya Persatuan Ibu Bapa dan Guru turut memainkan peranannya mempertingkatkan pelajaran agama kepada murid-murid semenjak di sekolah rendah lagi.

Satu persoalan sukar dipecahkan oleh masyarakat kita ialah pertanyaan: kenapa bila disebut pertubuhan sukarela, akan menggambarkan ia sebuah organisasi yang jarang maju, lemah, jarang berkembang dan boleh dianggap sebagai sebuah badan tidak berupaya dalam serba-serbi, sama ada pentadbiran, projek, lebih-lebih lagi kewangan. Tetapi masalah yang saya sebutkan tadi tidak pula berlaku kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela dari kaum lain, pertubuhan mereka kuat, teguh padu dan mempunyai kedudukan kewangan yang baik hingga mampu menyumbangkan kebajikan kepada masyarakat setempat selain dari ahli-ahli. Kita hairan keadaan ini berlaku kerana bagi kita umat Islam mengendalikan pertubuhan sukarela seperti PIBG ini mempunyai dua keuntungan. Pertama ketika di dunia ini kita akan melihat kebaikan dan faedah yang boleh dinikmati oleh anak-anak kita, mereka akan maju dalam pelajaran yang membawa kejayaan bukan sahaja kepada diri mereka tetapi kepada negara kita dan bangsa kita; manakala keduanya kita akan menerima balasan pahala sebagai ganjaran dari usaha kita yang baik itu dan ini akan kita terima nikmat dari Allah Subhanu Wataalah di akhirat kelak. Sebab itu hasil kerja kebajikan yang kita lakukan ini menerima dua ganjaran

keuntungan dunia dan akhirat, tetapi kita masih kurang berminat untuk melaksanakan dengan sedikit kesungguhan atau dengan sedikit pengorbanan. Sedang mereka dari agama lain akan hanya menerima faedah di dunia ini sahaja, tetapi mereka tidak segan-segan untuk memberikan pengorbanan sama ada tenaga atau harta benda bagi memajukan pertubuhan-pertubuhan sukarela yang mereka tubuhkan. Saya berharap keadaan ini harus menjadi bahan renungan kita bersama.

*(Ucapan pada upacara perasmian Seminar Persatuan Ibu bapa dan Guru-guru (PIBG) sekolah-sekolah Terengganu 1984 di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Terengganu pada 31 Mac, 1984.*

## GURU OBOR PENDIDIKAN

Saya percaya, walaupun Hari Guru tahun ini terjatuh dalam bulan Ramadan Al-Mubaraq, tetapi ini mungkin suatu tanda baik bahawa Allah akan terus melimpahkan keberkatan kepada perjuangan kaum guru di negara ini Insya-Allah. Mudah-mudahan berlangsungnya Perayaan Hari Guru di bulan Ramadan ini akan mempertingkatkan lagi tahap keinsafan kita, memberi peluang kepada kita merenung untung nasib bangsa kita, untung nasib agama kita dan untung nasib negara kita. Dalam bulan Ramadan ini juga akan memberi kesempatan kepada kita berfikir bagaimana nasib sebilangan besar rakyat yang masih hidup miskin, yang masih memerlukan bantuan terutama masyarakat desa yang tidak mempunyai pendapatan tetap dan lemah dalam serba serbi.

Apabila kita renung dan fikirkan semua ini, pasti akan semakin mendalamlah kesedaran kita, bahawa sebenarnya kita dikurniakan oleh Allah sebagai golongan bernasib baik, bukan sahaja berdaya untuk hidup secara sederhana, tetapi juga sebagai golongan yang dihormati oleh masyarakat. Masyarakat guru sentiasa diberi penghormatan tinggi semenjak dahulu hingga kini, kerana profesion pendidikan telah mencatatkan sejarah sebagai pelopor yang telah menyalakan semangat nasionalisme yang akhirnya berjaya memerdekakan negara dan bangsa kita dari perhambaan penjajah. Seluruh masyarakat guru boleh mendabik dada dan berbangga dengan sejarah perjuangan mereka bukan sahaja untuk memberi sinar kepada suatu bangsa yang buta huruf, tetapi juga

sebagai penggerak perjuangan bangsa yang telah berjaya menyusup ke segenap pelusuk kampung dan desa, supaya rakyat yang tertindas selama ini bangun serentak dengan semangat berani dan bersatu menentukan nasib sendiri. Semangat nasionalisme yang dinyalakan oleh masyarakat guru pada zaman itu terus hidup subur hingga kini dan Insya-Allah akan kita nyalakan terus-menerus kerana ianya telah membuktikan suatu kejayaan yang tiada tolak bandingnya kepada bangsa kita. Di zaman itu ramai para pemimpin dari kalangan guru menerima tindakan balas dari penjajah malah tidak kurang pula terpaksa ditahan dalam penjara dan hidup dalam penderitaan.

Kepada saya hari ini adalah merupakan saat-saat indah mengenangkan perjuangan dan bakti para guru supaya menambah semangat untuk terus bertugas dengan penuh dedikasi, kerelaan dan bertanggungjawab. Sambil itu dapat pula dihayati oleh murid-murid untuk menilai betapa tingginya pengorbanan yang dicurahkan oleh masyarakat guru dari seorang yang tidak kenal huruf hingga akhirnya boleh membaca, menulis, mengira dan seterusnya menjadi manusia intelek untuk diamanahkan menjadi penteraju dan pentadbir negara ini. Bahkan pengorbanan dan jasa guru-guru bukan sekadar itu, malah guru juga telah melaksanakan tanggungjawab membentuk peribadi dan perilaku murid-muridnya serta menjadi pembimbing semangat pelajar-pelajar agar cintakan agama, bangsa dan tanah air mereka. Sesungguhnya peranan pendidikan yang dimainkan oleh guru amat berharga sekali ke arah melahirkan generasi yang bersih dari noda dan ancaman anasir-anasir buruk yang tidak diingini. Sesungguhnya para gurulah yang mempunyai kunci dan daya tarikan untuk membawa ke arah mana murid-murid mereka. Guru ibarat jurumudi atau nakhoda sebuah kapal yang sedang dinaiki oleh murid-murid di bangku sekolah. Guru berupaya membawa murid-murid ke pulau bahagia sebaliknya kalau ia

mahu guru juga berupaya menghanyutkan murid-murid ke lembah kecelakaan yang penuh dengan penderitaan dan kesengsaraan. Oleh itu, memandang kepada hakikat ini, saya berseru supaya para guru memanfaatkan kelebihan dan daya yang ada pada mereka dengan penuh amanah dan sempurna. Kita tidak mahu melihat pelajar-pelajar menjadi ketua kumpulan-kumpulan yang melupakan bangsa dan tanah air mereka. Sesuai dengan hasrat ini kita memilih tema Sambutan Hari Guru tahun ini, "PENDIDIKAN TERAS NASIONALISME" kerana kita sedar selama ini dalam keghairahan kita melahirkan angkatan cendekiawan dalam pelajaran akademik dan teknikal, kita telah lupa terhadap peranan kita untuk melahirkan generasi yang bersemangat patriot yang cintakan bangsa dan tanah air mereka. Tidak perlu setinggi langit kepandaian yang ada, kalau semangat cintakan bangsa, tanah air dan diri tidak ada pada seseorang. Malah kalau keadaan ini berlaku, kepandaian itu akan bertukar menjadi asas pembinasakan buat mereka merosakkan kerukunan dan kemakmuran negara.

Hari ini kita sudah melihat bahawa terdapat golongan yang saya sebutkan tadi mula menular ke dalam masyarakat kita. Dengan bersenjatakan ilmu dan kelulusan yang ada pada mereka, mereka telah memperkosa malah ingin melenyapkan sama sekali kemakmuran dan perpaduan hidup sesama kita di negara tercinta ini. Golongan ini yang tidak tersemai semangat patriotik dalam jiwa mereka serta hilangnya semangat cintakan bangsa, melakukan hasutan demi hasutan supaya kita di negara ini hidup di dalam perpecahan sesama sendiri. Kerja-kerja ini mereka lakukan dengan tektik yang menarik atas dasar kepandaian dan ilmu yang ada pada mereka sehingga boleh memperdayakan orang lain menyokongnya. Bila mereka sedar 'agama' menjadi kecintaan utama masyarakat kita, mereka peralatkan agama untuk membantu perjuangan mereka. Golongan yang berkelulusan dan mempunyai ilmu ini terus

mengkaji dan menemui pula 'kezaliman' adalah sesuatu yang amat dibenci oleh rakyat di negara ini, lalu mereka memperkenalkan pula slogan 'menentang kezaliman' dalam usaha mendapat sokongan, dengan membuat tuduhan kerajaan zalim, orang itu zalim dan si polan itu zalim. Mereka berusaha dan akan terus berusaha mencari berbagai falsafah lagi, berpandukan kepandaian mereka demi mempengaruhi masyarakat supaya menyokong perjuangannya bagi memastikan cita-cita mereka tercapai, meskipun mereka tahu masyarakat akan menerima padahnya yang amat buruk. Oleh itu, sebelum terlambat, 'sebelum nasi menjadi bubur' marilah kita sama-sama memperbaiki kembali keadaan yang runcing ini dengan menyemai kembali semangat cintakan bangsa di kalangan pelajar-pelajar yang bakal mewarisi kepimpinan hari esok dan seterusnya.

Melalui pendidikan yang menjadi agen utama pembentukan peribadi seseorang kita jadikan ia sebagai teras nasionalisma. Pendidikan di negara kita adalah suatu pembangunan, oleh itu selaras dengan pembangunan fizikal dan rohani, pembangunan nasionalisma hendaklah dipadukan secara serentak. Guru-guru hendaklah memainkan peranan aktif menyemai semangat patriotisma ke dalam jiwa murid-murid. Penekanan pendidikan harus diberikan kepada keperluan memupuk sifat kewarganegaraan dan semangat kebangsaan. Gerakan nasionalisma yang berasaskan Islam dicetuskan kira-kira dalam tahun 1906, iaitu setengah abad sebelum merdeka dahulu hendaklah dihidupkan kembali. Kita tentu masih ingat dan mempelajari sejarah bahawa golongan guru merupakan pelopor perjuangan kebangsaan menentang penjajahan. Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim, masih lagi dalam ingatan kita, di mana bertapaknya perjuangan nasionalisma yang ulung di negara ini. Maka pada hari dan saat yang bertuah ini saya menyeru para guru supaya menghidupkan kembali 'obor' perjuangan yang suci itu supaya

moral dan kehormatan guru terus berkekalan. Penghormatan yang diberikan oleh masyarakat terhadap kaum guru yang kekadanganya lebih dari seorang politisyen harus dijaga supaya tidak luntur ditelan waktu. Nasionalisma telah berjaya menegakkan sebuah negara merdeka yang berdaulat dan makmur di tengah-tengah kancah pergolakan dunia yang panas mencabar ini.

Dalam usaha menyemai sifat kewarganegaraan dan nasionalisma ini kerajaan telah memperkenalkan pendidikan kewarganegaraan mulai tahun ini untuk murid tingkatan 3, 5 dan 6. Bagi menjayakan program ini, kerjasama dari para guru amat diperlukan dengan menunaikan tanggungjawab dan tugas dengan penuh kesedaran. Kita tidak mahu guru-guru menjalankan tugas dengan rasa 'terpaksa', tetapi biarlah dengan kerelaan dan rasa tanggungjawab. Kita tidak mahu melihat ada di kalangan guru yang menjadi 'robot' sahaja semasa mengajar tanpa kerelaan hati dan tidak sepenuh perasaan. Saya menyebut perkara ini kerana saya mendapat tahu ada sebilangan kecil guru-guru yang bersikap, di mulut lain bicara, tetapi di hati lain pula, demi kepentingan gaji semata-mata. Saya berseru supaya mereka kembali ke pangkal jalan untuk menjadi seorang guru yang baik dan beriman yang mengajar atas dasar ketulusan dan kejujuran. Dalam program melahirkan semangat patriotisma ke dalam jiwa murid-murid para guru tidak boleh melakukannya sambil lewa, melakukannya atas dasar 'gaji', tetapi harus bertugas atas dasar keinsafan yang ikhlas. Kalau kita tidak mahu menuju kegemilangan, rasa cinta pada negara, bagaimana mungkin kita boleh membawa murid-murid kita ke arah itu. Oleh itu sama-samalah kita atasi perkara ini, supaya para guru tidak menjadi seperti 'ibu ketam yang menyuruh anaknya berjalan betul'.

Bagaimanapun saya difahamkan ada beberapa kekurangan dalam mencapai usaha memupuk semangat



kewarganegaraan dan nasionalisma di kalangan pelajar termasuk:

- i) Masalah disiplin setengah-setengah pelajar.
- ii) Masalah pelajar di luar negeri yang bersikap anti nasional.
- iii) Keadaan kurang baik masyarakat yang mempengaruhi pelajar.
- iv) Sikap sebilangan kecil guru yang tidak mahu akur dengan hasrat dan aspirasi negara.

Saya merasa sedih kerana masih terdapat murid-murid datang ke sekolah dengan pakain yang agak kurang sopan, berperangai bukan seperti seorang murid, tidak menghormati guru dan orang tua dan seumpamanya. Manakala pelajar-pelajar di luar negeri pula didapati sebahagian kecil bersikap anti nasional, anti establishman dan sekaligus menjadi golongan penderhaka kepada negara. Amatlah dikesali ketika tragedi ini berlaku kerana harapan yang amat tinggi kita letakkan kepada mereka dihantar menuntut ilmu untuk menjadi pemimpin pelapis negara tetapi mereka bersikap demikian. Begitu juga anasir-anasir kurang baik masyarakat, terutamanya di segi perbezaan fahaman politik kepartian turut mempengaruhi para pelajar disertai pula oleh guru yang setengahnya memainkan peranan sama tanpa mematuhi pada hasrat dan aspirasi negara.

Menyedari kelemahan-kelemahan ini yang boleh mengancam cita-cita perpaduan dan keharmonian negara, marilah kita berusaha bersungguh-sungguh memperbaikinya, kerana setiap penyakit pasti ada ubat dan penawarnya, Insya-Allah.

Pihak Kementerian Pelajaran sendiri telah cuba mengatasinya dengan mengatur program-program khas di sekolah seperti mengadakan gerak kerja ko-kurikulum bagi menyemai semangat kekitaan, kursus-kursus tatanegara untuk pelajar dan guru serta berusaha memberkesankan pendidikan agama Islam menerusi pengajaran dan penghayatan. Walaupun mungkin guru-guru yang terlibat merasa terbeban dengan program ini, tetapi percayalah setiap apa yang kita lakukan atas dasar ketulusan dan bukannya kerana wang dan gaji semata-mata pasti ada ganjaran sebaik-baiknya. Saya juga berharap kepada guru-guru, terutamanya guru-guru muda yang ramai memahami dan menghayati aspirasi kerajaan supaya memberi tumpuan ke arah menjayakan matlamat yang diharapkan itu.

Demikianlah harapan-harapan yang dapat saya sampaikan kepada tuan-tuan dan puan-puan, dengan niat yang tulus ikhlas untuk melihat anak-anak kita terus mencapai kejayaan dalam dunia pendidikan yang menjadi kunci masa depan mereka dan juga masa depan negara ini. Bagaimanapun kunci itu tidak akan terbuka kalau tidak dibuka oleh guru-guru yang diamanahkan oleh kerajaan sebagai pemegang anak kunci itu sendiri.

*(Ucapan pada upacara perasmian Perayaan Hari Guru Peringkat Negeri Terengganu 1986, di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Terengganu, pada 18 Mei 1986).*

kewarganegaraan dan nasionalisma di kalangan pelajar termasuk:

- i) Masalah disiplin setengah-setengah pelajar.
- ii) Masalah pelajar di luar negeri yang bersikap anti nasional.
- iii) Keadaan kurang baik masyarakat yang mempengaruhi pelajar.
- iv) Sikap sebilangan kecil guru yang tidak mahu akur dengan hasrat dan aspirasi negara.

Saya merasa sedih kerana masih terdapat murid-murid datang ke sekolah dengan pakain yang agak kurang sopan, berperangai bukan seperti seorang murid, tidak menghormati guru dan orang tua dan seumpamanya. Manakala pelajar-pelajar di luar negeri pula didapati sebahagian kecil bersikap anti nasional, anti establishman dan sekaligus menjadi golongan penderhaka kepada negara. Amatlah dikesali ketika tragedi ini berlaku kerana harapan yang amat tinggi kita letakkan kepada mereka dihantar menuntut ilmu untuk menjadi pemimpin pelapis negara tetapi mereka bersikap demikian. Begitu juga anasir-anasir kurang baik masyarakat, terutamanya di segi perbezaan fahaman politik kepartian turut mempengaruhi para pelajar disertai pula oleh guru yang setengahnya memainkan peranan sama tanpa mematuhi pada hasrat dan aspirasi negara.

Menyedari kelemahan-kelemahan ini yang boleh mengancam cita-cita perpaduan dan keharmonian negara, marilah kita berusaha bersungguh-sungguh memperbaikinya, kerana setiap penyakit pasti ada ubat dan penawarnya, Insya-Allah.

Pihak Kementerian Pelajaran sendiri telah cuba mengatasinya dengan mengatur program-program khas di sekolah seperti mengadakan gerak kerja ko-kurikulum bagi menyemai semangat kekitaan, kursus-kursus tatanegara untuk pelajar dan guru serta berusaha memberkesankan pendidikan agama Islam menerusi pengajaran dan penghayatan. Walaupun mungkin guru-guru yang terlibat merasa terbeban dengan program ini, tetapi percayalah setiap apa yang kita lakukan atas dasar ketulusan dan bukannya kerana wang dan gaji semata-mata pasti ada ganjaran sebaik-baiknya. Saya juga berharap kepada guru-guru, terutamanya guru-guru muda yang ramai memahami dan menghayati aspirasi kerajaan supaya memberi tumpuan ke arah menjayakan matlamat yang diharapkan itu.

Demikianlah harapan-harapan yang dapat saya sampaikan kepada tuan-tuan dan puan-puan, dengan niat yang tulus ikhlas untuk melihat anak-anak kita terus mencapai kejayaan dalam dunia pendidikan yang menjadi kunci masa depan mereka dan juga masa depan negara ini. Bagaimanapun kunci itu tidak akan terbuka kalau tidak dibuka oleh guru-guru yang diamanahkan oleh kerajaan sebagai pemegang anak kunci itu sendiri.

*(Ucapan pada upacara perasmian Perayaan Hari Guru Peringkat Negeri Terangganu 1986, di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Terengganu, pada 18 Mei 1986).*

# **SUMBANGAN PENGETUA SEKOLAH DALAM MEMBENTUK INSTITUSI PENDIDIKAN**

Saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada penganjur Persidangan Kebangsaan Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Malaysia kali ke-27, kerana menjemput saya menyampaikan ucapan serta merasmikan upacara penutup persidangan ini. Saya juga berasa gembira di atas penghargaan yang diberikan kepada Negeri Terengganu Darul Iman, untuk sekali lagi pada tahun ini menjadi tuan rumah persidangan yang penting dan bersejarah ini.

Pentingnya persidangan ini kerana ia mempunyai hubungan rapat dengan rancangan pendidikan di negara ini. Umumnya mengetahui bahawasanya, tuan-tuan adalah pakar-pakar yang sedia memberikan buah fikiran, ke arah pembentukan dasar-dasar pendidikan negara dan juga sekaligus menjadi agen pelaksana dasar tersebut. Tuan-tuan adalah jurumudi kapal yang sedang belayar di lautan luas, yang bukan sahaja memikirkan arah-tuju kapal supaya sampai ke destinasiya, tetapi turut menggerakkan kemudiannya, serta bersama-sama berhempas-pulas menghadapi gelombang-gelombang ganas di lautan dengan fikiran yang dapat menjangkau jauh dan bertindak sewajarnya, mengikut keperluan-keperluan yang difikirkan.

Saya percaya peranan dan tanggungjawab ini telah tuan-tuan dan puan-puan tunaikan dalam masa persidangan dan kembalinya dari persidangan-persidangan seumpama ini. Sesungguhnya ini adalah tergolong dalam ertikata, sumbangan para intelektual dan profesional yang sangat berharga dan dialu-alukan, demi pembangunan serta kemajuan bangsa dan negara. Sekolah yang diamanah kepada tuan-tuan sebagai ketua pemimpinnya, adalah merupakan institusi rakyat, yang dibentuk atas kesedaran dan kemahuan rakyat, sepatutnyalah memberikan perhatian dan sumbangan yang berkesan kepada rakyat. Sesuai dengan kedudukannya sebagai institusi rakyat dan masyarakat, sekolah hendaklah sentiasa peka dan sensitif terhadap keperluan dan kehendak negara dan masyarakat, hari ini dan hari esok. Oleh itu, ia hendaklah mampu meramalkan secara lebih tepat, masalah-masalah yang akan dihadapi pada masa hadapan dan merancang gerakan-gerakan serta operasi-operasi keilmuan bagi keperluan tersebut, secara pro-aktif. Peranan sekolah dan pusat-pusat pendidikan yang lebih tinggi darinya, hendaklah tidak setakat menyampaikan ilmu dan pengetahuan kepada pelajar-pelajarnya sahaja, terutama di zaman kemajuan sains dan teknologi hari ini. Kalau hanya setakat untuk melahirkan ahli-ahli masyarakat atau sosiologis atau cerdik-pandai yang mampu meluahkan balik pandangan dan fikiran orang-orang terdahulu sahaja, berasaskan pembacaan buku-buku teks semata-mata dan lain-lain rujukan, tentunya kita dapat berikan tugas tersebut hanya kepada komputer dan alat-alat rakaman yang moden, yang ada pada hari ini. Tetapi sesungguhnya, kita mahukan lebih dari itu. Kita mahu melahirkan pelajar-pelajar pada masa akan datang, dapat bertindak lebih cekap dan lebih maju lebih daripada komputer dan alat rakaman moden. Kita mahukan mereka dapat membuat ijtihad baru yang selari dengan keperluan dan kehendak zamannya, sesuai dengan kedudukan ilmu sebagai suatu yang dinamik dan bukannya statik.

Kemajuan sesuatu umat dan negara adalah ditunjangi oleh ilmu pengetahuan. Adalah merugikan kalau ilmu dan bidang-bidang yang berkaitan dengannya dipersempitkan oleh kepercayaan-kepercayaan yang kabur, terutamanya di kalangan mereka yang tidak dapat membezakan di antara tuntutan-tuntutan dunia dan akhirat. Sejarah telah mengajar kita bahawa kemunduran bangsa dan umat kita dalam banyak perkara adalah berpunca daripada sikap negatif, yang memandang ilmu dan pengetahuan sebagai sesuatu yang sekular dan terkeluar daripada ajaran agama, sehingga menyebabkan sejarah kehidupan mereka begitu pahit dan memilukan. Mereka terpaksa melalui jalan dunia lalu seolah-olah orang dagang yang tidak bersangkutan langsung dengan segala hal yang berlaku di dunia. Akibat berpegang teguh kepada konsep itu, mereka telah diperhambakan oleh orang lain yang telah maju bersama dengan ilmu dan pengetahuan. Dalam hal ini Al-Imam Ghazali pernah menyatakan, 'Sesiapa yang menganggap ilmu aqli dengan ilmu syarie dan penyatuan di antara dua ilmu tadi perkara yang tidak mungkin, adalah anggapan yang datang daripada orang buta sedangkan dia dapat melihat dan membaca. Kami berlindung dengan Allah daripada manusia yang seperti ini,' terang Imam Ghazali. Beliau menambah, 'Tidak dapat tidak kita mesti memahami dan mempelajari ilmu-ilmu hisab, geomatri, ilmu-ilmu yang berhubung dengan cekerawala-bintang, bulan, kejadian-kejadian manusia, binatang, logam-logam, udara, air dan lain-lain lagi.' Oleh itu apakah dengan mengenenepikan ilmu pengetahuan yang dianggap berunsur keduniaan itu merupakan amalan terpuji? Tentulah tidak sama sekali. Hari ini telah muncul setengah golongan tertentu yang kadang-kadang melebelkan sebagai golongan agama, yang cuba mengembalikan sejarah pahit ini dengan memukul canang, ke sana dan ke mari supaya masyarakat meninggalkan pembangunan dan kemajuan dan segala ilmu pengetahuan yang dikatakan berbau keduniaan, sebaliknya mengajar masyarakat supaya kembali menganut ideologi dan

konsep kehidupan yang menjerumuskan bangsa kita ke lembah kemunduran. Kita perlu memerangi golongan yang cuba mengembalikan ideologi dan konsep yang membawa kita ke lembah kehinaan ini. Hari ini kita telah sedar, setelah melihat dan menyaksikan suatu kenyataan bahawa orang lain telah menguasai alam dan menyelami rahsia-rahsianya. Mereka memonopoli segala perbendaharaan harta kekayaan. Udara, darat dan laut semua telah dikawalinya. Bumi ini tidak cukup lagi menjadi lapangan kegiatan untuk mereka melaksanakan ikhtiar percubaannya, lantas menuju pula ke angkasa lepas dengan kapal dan roket-roket yang dilancar ke sana untuk beredar bersama-sama cekerawala. Kita tidak mempunyai tempat untuk menyertai dalam lapangan itu, bahkan melihatnya dengan penuh rasa terpesona dan mengalah kerana sedar atas ketinggalan kita dalam pengetahuan.

Oleh itu kita memerlukan suatu bentuk revolusi ilmu pengetahuan bagi mengembalikan kedudukan kita ke tempat yang dihormati dengan pencapaian kemajuan.

Bidang-bidang ilmu pengetahuan mestilah diluaskan skopnya, dengan mempelbagaikannya dari semua aspek.

Walau bagaimanapun di samping memainkan peranannya sebagai kilang kognitif, membekalkan pengetahuan dan melatih kemahiran kepada pelajar-pelajar yang saya nyatakan itu, sekolah hendaklah berupaya memainkan peranannya sebagai makmal akhlak mengasuh dan membelai budi sehingga terbentuk perlakuan diri pelajar yang bersopan dan berakhlak. Gambaran dan pengertian ini telah sedia terkandung di dalam tema persidangan yang tuan-tuan dan puan-puan pilih kali ini, iaitu "PENDIDIKAN KE ARAH INSAN YANG BERILMU, BERAMAL DAN BERAKHLAK". Pembinaan akhlak yang terpuji, kerana ilmu tanpa akhlak bererti kekacauan dan kehilangan



arah dan bakal melahirkan masyarakat yang kelam-kabut. Masyarakat berkenaan tidak akan mempunyai kualiti yang mana menjadi beban kepada masyarakat dan negara. Kita dapat lihat bagaimana dahsyat dan runtuhnya sesetengah masyarakat yang dikatakan bertamadun pada hari ini, tetapi tidak mencapai tahap kesejahteraan dalam hidup mereka, akibat tidak mempunyai keseimbangan antara kemajuan fizikal dan kemajuan atau kemantapan rohani. Lantas ketamadunan sesuatu bangsa tidak sepatutnya lagi diukur dari segi kemajuan fizikal sesuatu bangsa semata-mata. Ini kerana tamadun itu lupa sama sekali kepada sudut dan kehendak hati nurani manusia serta nilai-nilai fitrah insaniah. Ia tidak mempunyai nilai kemanusiaan. Maknanya ilmu, kajian dan kemajuan yang mentamadunkan mereka, hanya berdasarkan nilai-nilai hakikat luaran sahaja, berasaskan pendapat akal fikiran serta nafsu manusia semata-mata tanpa berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan dan ajaran-ajaran-Nya. Sedangkan kemajuan dan kekayaan di dunia hanyalah perhiasan hidup semata-mata, sesuai dengan Firman Allah dalam Surah Al-Kahfi Ayat 46, bermaksud:

"Harta -benda dan anak-pinak itu ialah perhiasan hidup di dunia, dan amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhan-mu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan".

Dalam hal ini jelaslah bahawa kemajuan fizikal adalah merupakan kemajuan luaran yang melengkapi harta kekayaan dan kaum keluarga yang bahagia dari segi lahiriah, tetapi ini tidak mencukupi di dalam mencapai tahap kebahagiaan sejati, khususnya bagi umat Islam.

Menyedari betapa kita selama ini terpukau dan hanyut bersama-sama tamadun seumpama ini, kita segera kembali ke pangkal jalan. Kita rancangkan berbagai-bagai pendekatan dalam

kurikulum yang mampu menukarkan haluan dan arah tuju sistem pendidikan kita supaya melahirkan bangsa yang bertamadun berdasarkan ukuran dari aspek fizikal dan rohani. Oleh itu kita sedang menuju kepada perubahan yang bukan sekadar dilaungkan, tetapi dipraktikkan dengan penuh rasa insaf. Walaupun begitu, masih ada golongan-golongan tertentu yang mengecam usaha murni ini kerana merasakan keupayaan kita menuju kepada perubahan ini, telah melenyapkan pengaruh mereka yang hanya melaung-laungkan di bibir mulut mahukan perubahan ini. Senjata mereka menjadi tumpul dan kini mereka sedang mengasah kembali dengan mengatakan sistem pendidikan kita sebagai sekular dan bertentangan dengan ajaran agama, sehingga mereka sanggup menubuhkan pusat-pusat pengajian sendiri mengikut sesuka hati mereka. Biarlah mereka terus memikirkan kecaman demi kecaman. Kita akan terus merancang dan melaksanakan apa sudah kita putuskan perlu dan betul, kerana kalau kita gelisah dengan ancaman dan kecaman golongan itu ia hanya mengganggu kelicinan kerja-kerja kita sahaja dan melambatkan pencapaian matlamat.

Bagi melaksanakan kesemua ini dengan jayanya, para pengetua dan seluruh angkatan pendidikan mestilah bersikap lebih terbuka dengan persediaan yang cukup, sebagai pemimpin yang baik. Sebagai jurubina masyarakat, tuan-tuan mestinya melengkapkan diri dengan ilmu yang cukup dan pengetahuan yang meluas tanpa terbatas dalam soal-soal pendidikan sahaja. Kepintaran amat perlu dalam usaha meilmukan masyarakat, terutamanya dalam konteks menyampaikan ilmu untuk keseimbangan di antara keperluan fizikal dan rohani, sebagaimana yang sedang kita tuju dan terapkan sekarang ini. Sebarang bentuk anasir yang cuba memusnahkan cita-cita dan falsafah murni ini hendaklah diketepikan, termasuk di kalangan mereka yang diberikan amanah menjayakan matlamat ini, supaya mereka tidak menjadi "Api di dalam sekam" atau "Gunting di dalam

lipatan", yang akan menghancurkan-binasakan atau membakar-musnahkan falsafah, cita-cita dan matlamat murni yang sedang kita laksanakan sekarang. Dalam pada itu, di dalam keghairahan kita menuju kepada matlamat perseimbangan dalam pendidikan ini kita hendaklah melakukannya dengan penuh kejujuran dan keikhlasan tanpa membelakangkan sesiapa serta mengelak bersifat mencari populariti. seorang penjual barang yang ingin mendapat pahala dari usaha dan kerjanya sebagai penjual itu, tidak semestinya ia menamakan barangnya itu dengan nama barang yang berpahala, tetapi yang pentingnya ialah kerja yang dilakukan itu mestilah jujur dan ikhlas.

Dalam pada itu ketika melaksanakan kurikulum yang menjuruskan kepada kelahiran insan yang baik ia hendaklah tidak meninggalkan peranan ibu bapa. Mereka adalah jentera yang sama pentingnya dengan sekolah, malah lebih dari itu mereka lebih berpengaruh dan barupaya dalam mencorakkan akhlak anak-anak mereka. Sekiranya mereka tidak dibekalkan dengan kefahaman yang mendalam, mereka akan terus-menerus menganggap sekolah sebagai tempat persiapan awal untuk memberi peluang kepada anak-anak mereka dalam bidang pekerjaan yang mereka sifatkan tinggi dan terjamin, dalam konteks lahiriah. Lantas dari kefahaman yang tipis itu, mereka akan menganggap satu kesalahan, sekiranya pihak sekolah melibatkan anak-anak mereka dalam kerja-kerja kemasyarakatan seperti gotong-royong dalam kerja-kerja masyarakat, membersihkan sekolah, memberi derma dan sebagainya yang dianggap luar dari matlamat mereka. Sedangkan semua ini adalah intisari pendidikan yang mesti dilaksanakan oleh pihak sekolah. Saya percaya pihak sekolah dengan kerjasama Persatuan ibu bapa dan Guru (PIBG) boleh bertindak merancang kegiatan-kegiatan yang mampu memberi kefahaman tentang falsafah dan matlamat pendidikan yang sedang kita tuju sekarang.

Orang-orang politik dalam kerajaan datang dan pergi, tetapi kakitangan dalam jentera pentadbiran negara, termasuk di dalam profesion perguruan tidak sedemikian. Mereka merupakan anggota sebuah institusi pendidikan yang kekal, tidak kira siapa yang memerintah, kecuali mereka berhenti atau diberhentikan, oleh sebab-sebab yang tertentu, tetapi biasanya melalui proses masa yang panjang. Oleh itu peluang untuk membuat bakti dan kebajikan kepada rakyat sentiasa terbuka luas. Kesempatan ini hendaknya diambil, di samping menunjukkan contoh dan teladan yang baik kepada masyarakat. Teruskanlah bakti itu, semoga segala pengorbanan itu akan menjadi suatu kebanggaan kepada generasi akan datang. Janganlah sampai generasi akan datang mengecam dan menghinakan kita, kerana kegagalan kita membentuk mereka sebagai insan yang baik dan mulia.

*(Ucapan di majlis penutup Persidangan Kebangsaan Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Malaysia di Dewan Gamelan Pantai Primula Hotel, Kuala Terengganu pada 22 Sept. 1988).*

## **KE ARAH MELAHIRKAN INSAN BERILMU DAN BERAKHLAK**

Saya berasa sukacita kerana berpeluang bersama-sama dengan para peserta Seminar Kebangsaan Pendidikan Guru Besar yang telah diadakan di negeri ini. Harapan saya, seminar ini menjadi medan yang berkesan dalam membincangkan hal-hal pendidikan dan menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengannya, khususnya di peringkat pelaksanaan di sekolah-sekolah.

Dasar kerajaan adalah dirangka, dikaji dan digubal dengan begitu baik. Semua dasar kerajaan bermatlamat kebaikan dan kepentingan rakyat. Tidak ada satupun dasar dibentuk untuk kerosakan. Dasar-dasar tersebut akan melalui proses pelaksanaan di berbagai peringkat yang melibatkan pelaksana dasar dan penerima dasar. Pelaksana dasar itu bukan sahaja melibatkan kakitangan kerajaan, tetapi rakyat juga yang merupakan penerima dasar juga memainkan peranan dalam merealisasikan dasar-dasar yang dibentuk. Dalam dasar pendidikan negara yang bermatlamat atau mempunyai falsafah melahirkan insan yang berilmu dan berakhlak, seimbang dan harmonis, ia tidak akan mencapai arah yang dituju, tanpa mempunyai tenaga pelaksana yang berwibawa dan rakyat yang turut berusaha menjayakannya. Oleh itu gabungan tenaga amat perlu bagi melaksanakan kandungan dasar pendidikan ini, dari peringkat pegawai-pegawai di kementerian dan

jabatan, guru-guru besar sebagai ketua pentadbir sekolah dan guru-guru di bawah jagaannya serta keluarga atau ibu bapa yang juga merupakan institusi utama dalam pendidikan murid-murid. Masing-masing hendaklah menunaikan tanggungjawab, kerana ibarat sebuah injin, semua bahagiannya mempunyai fungsi dan sekiranya sebahagian dari komponannya rosak, maka rosaklah keseluruhan injin tersebut. Guru besar yang menerajui pentadbiran sekolah yang meliputi aspek pengurusan sekolah dan juga kurikulum adalah merupakan tunggak kepada pelaksanaan pendidikan di sekolah. Dengan itu mereka perlukan keupayaan dan kesediaan menerima tanggungjawab penting itu. Langkah menambahkan ilmu dan kemahiran melalui seminar ini amatlah wajar dan dialu-alukan, supaya segala dasar dan cita-cita murni pendidikan negara kita tercapai. Sikap setengah-setengah pihak yang sentiasa menunjukkan kesalahan kepada kerajaan apabila berlaku sesuatu kelemahan adalah terjawab dengan penjelasan tentang proses pelaksanaan dasar-dasar kerajaan yang dinyatakan tadi, iaitu melibatkan semua. Amatlah malang, sekiranya ada golongan daripada angkatan pendidik sendiri yang bertindak menyalah dan menentang dasar dan kerajaan, sedangkan mereka sebagai pelaksana dasar tidak berusaha meningkatkan prestasi tugasnya, sebaliknya dicemarkan lagi dengan tindakan-tindakan yang bertentangan dengan etika sebagai seorang pendidik. Oleh itu, diharapkan pihak pentadbir pendidikan, khususnya guru besar sebagai ketua pentadbir sekolah turut memberi perhatian bagi memastikan kakitangan pendidikan atau guru-guru di bawahnya mematuhi etika sebagai pendidik supaya tidak tergelincir dari landasan. Sebagai kakitangan kerajaan tuan-tuan dan puan-puan tidak terlepas daripada tanggungjawab memastikan dasar kerajaan, termasuk dasar pendidikan dilaksanakan dengan baik, apatah lagi dasar itu begitu murni dan bertepatan dengan konsep pendidikan yang seimbang, menumpukan kepada kekuatan rohani dan jasmani sebagaimana ajaran Agama Islam Yang Maha Suci.

Sesungguhnya tugas pendidikan adalah amat murni dan mempunyai kesan faedah yang besar dalam membentuk manusia dan masyarakat yang sempurna. Filasuf Islam, Imam Ghazali dalam bukunya "Al Jawahir" Al Ghazali mengemukakan pendapat, bahawa mendidik itu samalah dengan tugas peladang yang membuang duri dan mencabut rumput-rumput yang tumbuh di celah-celah tanaman agar tanaman yang ditanam itu tumbuh subur dan berkembang dengan baik.

Aspek pengurusan yang berkesan, sebagaimana tema seminar ini, amatlah penting, yang memerlukan reformasi atau perubahan dari semasa ke semasa, supaya sesuai dengan era dan iklim zaman. Kita sekarang telah berada di zaman komputer dan kita perlu berubah, sesuai dengan era baru itu, termasuk dari segi pengurusan sekolah yang meliputi aspek pentadbiran dan kurikulum. Guru Besar sebagai pentadbir hendaklah mampu untuk mengarah dan menyelaras semua operasi dengan bantuan semua kakitangan. Tanggungjawabnya amat besar meliputi mutu dan kekesan terhadap seluruh pecahan agensi atau organisasi kecil di bawahnya, yang dapat disimpulkan:

1. Memberi sikap kepimpinan yang baik.
2. Menterjemahkan dasar berhubung dengan tugas.
3. Menjaga dan mengadakan perhubungan yang positif dengan kakitangan dan juga masyarakat.
4. Memberi kefahaman kepada masyarakat tentang fungsi sekolah dan pendidikan.
5. Menjalankan perhubungan yang positif dengan mereka yang berurusan dengan sekolah.

6. Menganggar dan menggunakan belanjawan dengan berkesan.
7. Mengelola dan mengatur kakitangan dan kemudahan yang ada.
8. Memberi penilaian dan menyediakan rekod dan laporan sebagai asas penilaian,
9. Bertanggungjawab kepada badan atau pihak yang membuat dasar.

Itulah antara beberapa aspek penting yang perlu diberi perhatian, selain ciri-ciri pengurusan berkesan yang dapat difikirkan dari semasa ke semasa. Ini semua memerlukan ilmu kemahiran dan pengalaman yang perlu ditimba setiap masa dan semuanya memerlukan semangat perpaduan, kerjasama dan persefahaman di kalangan seluruh ahli organisasi, iaitu sekolah. Semangat bekerja sebagai suatu pasukan atau secara kolektif di antara guru-guru mestilah wujud. Di peringkat jabatan kerajaan, telah diperkenalkan Kumpulan Kawalan Mutu Kerja atau KKMK bagi tujuan meningkatkan kualiti perkhidmatan, kerjasama di kalangan kakitangan jabatan untuk melahirkan kerja yang berkesan. Pengurusan di peringkat sekolah juga perlu kepada kumpulan kawalan mutu kerja seperti yang dijalankan oleh jabatan-jabatan lain dan diharapkan ia menjadi amalan setiap masa.

Tumpuan kerajaan kepada aspek pendidikan amatlah bersungguh-sungguh. Ini kerana kerajaan menyedari bahawa pendidikan adalah asas segala pembangunan manusia dan negara. Pendidikan adalah sebahagian daripada proses membentuk rakyat yang berkualiti dan mampu memberi



sumbangan kepada pembinaan bangsa dan negaranya. Oleh itu perbelanjaan di bidang pendidikan begitu besar dari tahun ke tahun dapat dilihat dengan jelas. Kalau kita lihat perubahan pesat dengan mengambil contoh Terengganu pada tahun 1970 didapati hanya 222 buah sekolah rendah berbanding pada tahun 1989 telah meningkat 281 buah, iaitu pertambahan 59 buah dalam tempoh 19 tahun. Sekolah Menengah pula dari 21 buah pada tahun 1970 kepada 53 buah tahun 1989, iaitu pertambahan 32 buah dalam tempoh 19 tahun. Bilangan guru rendah dan menengah, 2,996 orang pada tahun 1970 bertambah kepada 8,862 pada tahun 1989. Ini semua menggambarkan kemajuan dan perbelanjaan yang besar terpaksa ditanggung, terutama dalam perbelanjaan mengurus. Ini tidak termasuk peruntukan tambahan, pembiayaan biasiswa pelajar dalam dan luar negeri. Inilah sebahagian besar belanja kerajaan dan bukannya melakukan pembaziran, penyelewengan dan seumpamanya sebagaimana tuduhan setengah-setengah pihak. Kita semua ingin melihat generasi akan datang lebih berkualiti dan sempurna. Oleh itu kita perlu memberi pendidikan yang sempurna kepada mereka. Inilah cita-cita kerajaan dan cita-cita masyarakat seluruhnya. Apakah wajar setengah-setengah golongan mahu menolak kenyataan perubahan dan kemajuan yang telah dicapai oleh bangsa dan negara kita hanya semata-mata kerana tidak mahu menyokong kerajaan disebabkan masalah peribadi dan kepentingan diri. Apakah tidak mereka sedar bahawa perubahan dan kemajuan itu adalah hasil sebuah kerajaan yang berwibawa dan jujur. Oleh itu tidak ada sebab, mereka perlu mengajar rakyat benci dan tidak menyokong kerajaan yang berbakti dan berjasa kepada rakyat. Sekiranya terdapat juga setengah rakyat yang terpedaya, bermakna mereka tidak sedar bahawa mereka sedang meruntuhkan nikmat dan kebahagiaan yang sedang dirasainya. Saya berharap angkatan pendidikan berusaha memberi didikan dan kesedaran yang sesungguhnya kepada generasi baru, supaya setiap apa yang mereka lakukan akan membawa kebaikan kepada bangsa

dan negaranya dan menjauhi unsur-unsur yang boleh membawa kehancuran. Marilah kita membawa bangsa dan negara kita ke kemuncak kejayaan dan bukannya ke lembah keruntuhan. Semoga seminar yang tuan-tuan dan puan-puan sertai ini akan membantu ke arah perubahan, pembaharuan, kekesanan dan kecemerlangan dalam pengurusan sekolah khususnya dan pendidikan amnya.

*(Ucapan pada majlis penutup Seminar Kebangsaan Pendidikan Guru Besar kali ke 8 di Hotel Primula, Kuala Terengganu, pada 28 Ogos 1990).*

## MENUJU ERA 2001

1. Saya bersyukur kerana Kuala Terengganu telah dipilih sebagai tempat mengadakan bengkel yang kelima berkenaan Malaysia dalam tahun 2001. Galakan perkembangan kebudayaan kita dan juga keazaman Kerajaan Persekutuan dan Negeri ada tercatat dalam Rukun Negara dan Rancangan Pembangunan 5 tahun kita. Sambil Kerajaan kita bergiat melaksanakan rancangan, koordinasi, dan implimantasi dalam bidang pembangunan; juga mahu/sektor swasta, kumpulan bersendirian dan orang individu ikut memainkan peranan masing-masing dan membantu dalam menjelaskan pembangunan negara.

2. Kita mempunyai peluang baik selama dua hari untuk mengambil bahagian berbincang bersama, melihat dan mengkaji pembangunan negara dan rakyat keseluruhannya. Sangatlah tepat dan sesuai isu-isu penting berkenaan pembangunan negara kita dikaji bersama. Saya berharap semoga bengkel ini akan dapat membincangkan isu-isu seperti:-

- \* Keadaan penghidupan rakyat di dalam dan di luar bandar 25 tahun akan datang.
- \* Peranan swasta selama 25 tahun akan datang.
- \* Perubahan-perubahan keadaan keluarga, sanak saudara, nilai-nilai perseorangan dan kumpulan, sikap dan persaudaraan dalam tempoh tersebut.

- \* Akibat pembangunan sains dan teknologi terhadap cara-hidup orang-orang Malaysia.
- \* Soal mengambil nilai-nilai yang baik dari berbagai-bagai kumpulan kaum dan kebudayaan supaya dapat mewujudkan suatu rupa-bangsa Malaysia yang bersatu-padu.
- \* Mempertahankan keutuhan sosial dan budaya sambil bergerak cepat ke arah industri, perniagaan dan pertanian selama suku kurun akan datang.

3. Di samping membincang isu-isu yang saya sebutkan di atas, saya juga berharap bengkel ini akan dapat meluangkan masa membincang sama dasar ekonomi dan pembangunan Kerajaan khususnya terhadap matlamat untuk mengimbangkan kedudukan antara rakyat yang kaya dan yang tidak berada. Sebagaimana kita maklumi, Rukun Negara, Rancangan Malaysia Kedua dan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan semuanya digubal dan ditumpukan untuk mencapai matlamat ini. Bagi kita di Negeri Terengganu, dasar-dasar pembangunan tidak dapat lari daripada perkara-perkara seperti berikut:-

- (i) Dalam masa 20 hingga 30 tahun akan datang, kita terpaksa membuka beratus-ribu ekar tanah untuk memberi pekerjaan dan pendapatan kepada 150,000 hingga 200,000 rakyat;
- (ii) Membangun dan memodenkan sektor luar bandar melalui penggunaan sains dan teknologi dan teknik-teknik moden mengenai pertanian, perikanan dan ternakan;
- (iii) Mengatur program-program secara meluas bagi mengadakan kerja-kerja 'extension', memberi

bantuan kredit dan menyusun semula faedah petani-petani di sektor luar bandar;

- (iv) Mengadakan lebih banyak kemudahan kepada rakyat mendapat pelajaran, kesihatan, perumahan, air dan api khususnya bagi golongan yang mempunyai pendapatan rendah sama ada di bandar ataupun di kawasan luar bandar.

4. Kita juga tidak dapat lari daripada dasar untuk menyusun semula masyarakat dalam tempoh 20 hingga 30 tahun akan datang dengan tujuan untuk mewujudkan satu masyarakat bumiputera yang berupaya berkecimpung di dalam bidang-bidang perniagaan dan perusahaan di negeri ini.

Bagi maksud ini Kerajaan memerlukan idea dan cadangan yang membina daripada semua pihak akan cara-cara yang sebaik-baiknya untuk membolehkan pihak Kerajaan secara direct dan positif mewujudkan 'enterprises' di bidang perniagaan dan perusahaan untuk dikembang-majukan dan seterusnya dipindah milik kepada bumiputera.

5. Dalam masa 20 hingga 30 tahun akan datang ini, kita juga perlukan pemikiran dan idea-idea yang konstruktif dari semua pihak akan cara-cara yang baik mengenai strategi pembangunan secara 'wilayah', 'Pembinaan new growth centre' dan 'township' dan cara-cara untuk menggalakkan kilang-kilang perusahaan ke kawasan luar bandar.

6. Saya percaya tentu banyak lagi perkara yang tuan-tuan dan puan-puan boleh bincangkan selama dua hari ini. Saya berharap perbincangan tuan-tuan akan menghasilkan idea-idea dan pemikiran yang bernas dan membina bagi faedah pembangunan negara seluruhnya.

7. Dalam perbincangan tuan-tuan dan puan-puan, suka saya menarik perhatian bahawa Terengganu sekarang berada di ambang pintu pembangunan. Masih ramai rakyat negeri dari golongan yang berpendapatan rendah tinggal di kawasan bandar dan luar bandar. Mereka menghadapi masalah-masalah asas seperti perumahan, makanan, pakaian, pelajaran, dan pekerjaan. Kita boleh menganggap bahawa mereka itu sekarang berada dalam kurun ke-18 atau ke-19. Oleh yang demikian, saya menyeru semoga tuan-tuan dan puan-puan dapat memikirkan bagaimana kita hendak menarik mereka itu supaya dapat bersama-sama dengan kita menuju ke kurun ke-21 dan dapat merasa nikmat bersama-sama dengan kita.

8. Sambil kita mengenang peluang-peluang dan berharap semoga masa hadapan kita menjadi cerah, saya juga menyeru supaya tuan-tuan dan puan-puan akan mengkaji masalah-masalah dan kesukaran-kesukaran yang mungkin kita hadapi dalam proses pembangunan rohani, jasmani dan kebendaan dari sekarang hingga ke tahun 2001.

*(Ucapan pada Hari Pembukaan Bengkel Malaysia dalam tahun 2001 di Kuala Terengganu, pada 15 Mei 1975).*

## **PERPADUAN NEGARA MELALUI DASAR EKONOMI BARU**

Saya berpendapat bahawa Seminar Pentadbiran Am dan Pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga yang akan berjalan selama tiga hari ini akan memberi faedah yang besar. Ini kerana ia telah melibatkan Y.B. Wakil-Wakil Rakyat dan semua Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Ini akan dapat menghasilkan manfaat yang besar ketika kerajaan melaksanakan projek-projek yang telah diatur di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Rancangan ini telah dilancarkan dengan rasminya oleh YAB. Dato' Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia setahun yang lalu. Sebagaimana yang termaklum, Negeri Terengganu telah mendapat peruntukan sebanyak RM911 juta iaitu lebih dua kali ganda yang diberi di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Ini membuktikan bahawa kerajaan menumpukan usaha bersungguh-sungguh untuk membangunkan sosio-ekonomi rakyat negeri ini.

Saya percaya kita semua faham tentang matlamat kerajaan untuk mewujudkan perpaduan negara melalui Dasar Ekonomi Baru dengan memberikan tumpuan kepada membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Pembahagian pendapatan negara yang tidak seimbang memang

tidak diingini dari sudut mana sekali pun. Jurang perbezaan pendapatan antara golongan yang berada dengan tidak berada tanpa mengira kaum amat perlu dikurangkan. Pengenalan sesuatu kaum menurut aktiviti ekonominya tidak akan dapat menjamin perpaduan yang erat. Justeru itu, kerajaan telah pun menetapkan tempoh pelaksanaannya mulai 1970 hingga 1990.

Garis-garis tindakan dan telahan-telahan untuk mencapai matlamat itu telah pun dirangkakan. Rancangan Malaysia Ketiga ini merupakan sebahagian daripada perjalanan kita menuju matlamat yang ditetapkan itu. Langkah-langkah kita dalam perjalanan di peringkat ini telah dibayangkan melalui projek-projek pembangunan yang perlu dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Sekiranya langkah di peringkat ini terlalu perlahan maka kita terpaksa melipat gandakan langkah itu mungkin juga di luar kemampuan tenaga untuk kita capai menjelang tahun 1990. Oleh itu kita perlulah mengatur langkah yang sewajarnya supaya tidak ada halangan di peringkat yang akan datang.

Kita cuma ada 13 tahun sahaja lagi untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang telah kita rancangkan itu. Tarikh itu tidak dapat kita anjakkan lagi dan kita tidak boleh menerima sebarang kegagalan. Masa tidak mengizinkan kita melengah-lengahkan tindakan yang perlu diambil bagi menjayakan matlamat kita. Harus diingat masa akan membuktikan dan menghargai usaha-usaha kita terutama ketika zaman anak dan cucu kita nanti.

Usaha-usaha dan hala tuju kita tidak mungkin tercapai tanpa mendapat kerjasama daripada semua pihak. Oleh itu, saya harap setiap kakitangan Kerajaan dan Ketua-Ketua Jabatan hendaklah mengetahui tugas-tugas mereka. Tugas yang dimaksudkan itu bukan sekadar tugas, namun mestilah mengetahui dengan terang, jelas bersekali dengan cara-cara melaksanakannya. Dari sinilah dapat kita membuat ukuran



sama ada tiap-tiap rancangan atau projek itu akan berhasil atau tidak.

Saya lebih gembira kiranya dalam mesyuarat-mesyuarat mengenai pembangunan, baik diperingkat negeri dan daerah dihadiri oleh Pegawai-Pegawai Kerajaan yang benar-benar tahu mengenai tugas yang saya maksudkan di atas. Dengan itu tidak lagi timbul kekhawatiran kepada ahli-ahli untuk bertanya sesuatu mengenai jabatan masing-masing. Dari situ dapatlah kita menyelesaikan segala masalah yang mungkin timbul. Pada masa-masa lalu terdapat pegawai-pegawai yang bertukar-ganti apabila menghadiri mesyuarat. Ini tidak seharusnya berlaku. Keadaan ia boleh mengelirukan ahli-ahli untuk mendapat penyelesaian, lebih-lebih lagi dalam saat terdesak. Apa yang mesti diingati bahawa dalam tempoh 13 tahun ini, sama ada mahu tak mahu segala matlamat yang dirancang mesti disampaikan kepada rakyat.

Selama kita berada di pertengahan jalan menuju matlamat melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga yang masuk tahun Keduanya, saya kira amatlah tepat sekali seminar ini diadakan.

Di antara tujuan seminar ini ialah mencari langkah yang sesuai dan berkesan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan yang telah kita rangka. Setelah setahun kita berusaha dan mencuba, elok benarlah kita merenung sejenak dalam tempoh tiga hari seminar ini berjalan, mengambil tahu apa yang telah kita laksanakan dan bagaimanakah dapat kita tingkatkan lagi kadar pelaksanaan itu. Saya percaya dalam tempoh seminar ini berjalan banyaklah pandangan dan fikiran yang bernas dan praktikal dapat diutarakan oleh peserta-peserta demi meningkatkan keupayaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga. Saya tidak nampak sebarang percanggahan dalam usaha-usaha kita baik kepada, Wakil-Wakil Rakyat ataupun Pegawai-Pegawai Kerajaan kerana

objektif kita adalah untuk faedah rakyat. Oleh itu kita seharusnya bergerak sebagai satu jentera besar, penuh kordinasi yang dapat mengatasi sebarang rintangan yang ada.

Dengan peruntukan kewangan yang sebegitu besar disediakan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini, sudah tentu akan dapat meninggikan harapan rakyat untuk masa depan mereka. Adalah menjadi tanggungjawab kita melaksanakan projek-projek yang telah dirancangkan itu semoga harapan dan impian rakyat itu menjadi kenyataan.

Peruntukan RM 911 juta itu adalah perbelanjaan pembangunan sektor awam sahaja. Kita juga mengharapkan pelaburan sektor swasta akan berkembang dengan pesatnya supaya matlamat yang telah ditetapkan menjelang tahun 1990 dapat dicapai. Menurut ramalan atau jangkaan keluaran dalam Negeri tahun 1990 bagi Negeri Terengganu akan mencapai RM 1,809 yang memberi per kapita sebanyak RM 2,737.

Sebagaimana kita semua sedar bahawa keadaan Negeri Terengganu yang ada sekarang belum lagi dapat menarik pelaburan swasta untuk bertapak di negeri ini dengan banyaknya. Berbagai-bagai galakan pelaburan telah disediakan oleh Kerajaan bagi tujuan ini tetapi sambutan pelabur-pelabur masih belum memuaskan. Di antara sungutan-sungutan yang sering kita dengar ialah kemudahan asas di Negeri Terengganu ini masih belum mencukupi. Adalah amat penting kita menyedari dan mengatasi keadaan ini sekiranya kita tidak mahu Negeri Terengganu senantiasa ketinggalan dalam lapangan kemajuan ekonominya berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Sebagaimana saya nyatakan tadi, kita perlukan penglibatan sektor swasta yang banyak untuk menjamin perkembangan ekonomi yang pesat dan pencapaian matlamat yang telah dirancangkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini. Penyertaan sektor swasta bukan sahaja dapat

menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan yang memang diperlukan pada masa ini, malah ianya juga dapat membuka kesempatan-kesempatan lain bagi rakyat menikmati kekayaan negara.

Dengan hal yang demikian, tindakan dan usaha-usaha kita dalam sektor awam sebenarnya memenuhi sekurang-kurang dua perkara iaitu memperbaiki keadaan hidup rakyat terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman yang masih belum menikmati kemudahan-kemudahan awam di samping menyediakan kemudahan asas yang lebih sempurna bagi keperluan pelabur-pelabur.

Kerajaan sentiasa sedar tentang tanggungjawab yang berat yang terpaksa dipikul oleh semua kakitangan Kerajaan untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga ini. Di setengah-setengah Jabatan, kakitangannya masih berkurangan untuk memikul beban yang berat. Tetapi janganlah sekali-kali hendaknya sebab ini dijadikan helah utama melengah-lengahkan pelaksanaan sebahagian besar daripada projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini. Sekiranya dengan kakitangan yang ada, sesuatu jabatan dapat menyempurnakan 70% daripada rancangan-rancangannya dalam tempoh lima tahun itu, saya percaya dengan pimpinan yang baik dan semangat didikasi oleh Ketua Jabatan kepada kakitangannya, penyelenggaraan jabatan dapat dinaikkan sekurang-kurangnya 10% lagi. Saya berharap benar-benar supaya tuan-tuan dan puan-puan memberi perhatian yang serius terhadap perkara ini. Di samping itu Kerajaan akan memberi perhatian yang sewajarnya untuk memenuhi jawatan-jawatan yang masih kosong di Jabatan-Jabatan setakat mana yang diizinkan oleh keadaan.

*(Ucapan pada pembukaan rasmi seminar Pentadbiran Am dan Pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Terengganu pada 8 Ogos, 1977).*

## STRATEGI PEMBANGUNAN

Seminar ini adalah seminar yang kedua dianjurkan oleh Kerajaan Negeri dan Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia. Seminar yang pertama telah diadakan dalam bulan Ogos, 1977, iaitu bertajuk "Seminar Pentadbiran Am dan Pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga". Seminar kali ini adalah berbeza sedikit tekananya atau tumpuannya seperti yang dinyatakan oleh tajuknya iaitu Strategi Negeri Terengganu.

Kejayaan dan kemunduran Negeri Terengganu ini bukan satu tanggungjawab kerajaan sahaja tetapi adalah merupakan tanggungjawab kita semua kerana tuan-tuan juga sebahagian daripada rakyat Malaysia. Sebab itulah dalam seminar yang kita adakan pada pagi ini terdiri dari anak-anak Terengganu, Pegawai-pegawai tempatan yang juga berkhidmat di luar Negeri Terengganu. Kita juga menjemput semua cerdik pandai supaya memberi fikiran dan bersama-sama memberi pandangan mereka mengenai bentuk kejayaan dan kemajuan yang perlu dilaksanakan bagi membangunkan Negeri Terengganu.

Kejayaan Pembangunan Negeri Terengganu sehingga sekarang ini adalah berasaskan kepada objektif Pembangunan Kebangsaan yang mempunyai dua matlamat utama Dasar Ekonomi Baru:

- (i) Membasmi kemiskinan, dan
- (ii) Menyusun semula masyarakat.

Matlamat Dasar Ekonomi Baru ini adalah luas dan umum kerana diguna pakai untuk seluruh negara. Segala dasar, perancangan dan tindakan yang dilaksanakan bagi mencapai matlamat tersebut sangat luas dan umum. Memandang betapa luasnya dan umumnya matlamat-matlamat itu, adalah perlu rancangan-rancangan dan aktiviti-aktiviti ke arah mencapai matlamat-matlamat itu diselaraskan menurut kehendak dan faktor-faktor di negeri ini.

Pada masa-masa yang lepas Kerajaan Negeri tidak mempunyai peluang yang begitu luas untuk mengadakan rancangan-rancangan Dasar Ekonomi Baru menurut kehendak-kehendak dan keadaan-keadaan resenpet. Sebab utama ialah Negeri Terengganu pada masa itu mengalami keadaan kewangan yang tidak begitu teguh untuk melangkah ke arah ini. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana telah melimpahkan Rahmat-Nya kepada Negeri ini dengan memberikan satu punca hasil yang baru iaitu minyak yang terdapat di dasar laut negeri ini. Dengan adanya hasil baru itu dapatlah Kerajaan Negeri, kerajaan Barisan Nasional mencari jalan supaya hasil yang baru itu akan dibelanjakan untuk faedah seluruh rakyat di Negeri Terengganu.

Seminar yang diadakan ini membawa mesej atau forum utama merangka, "Strategi Pembangunan Negeri Terengganu". Idea mengadakan seminar ini timbul daripada hasrat Kerajaan Negeri supaya hasil negeri yang baru itu dapat dimanfaatkan melalui perancangan yang teliti. Sebagaimana kita ketahui Negeri ini dikendalikan oleh manusia dan makhluk yang mempunyai sifat kekurangan. Kerajaan Negeri menerusi seminar ini mengalu-alukan idea-idea, pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat supaya perbelanjaan kerajaan dari hasil baru ini memberi faedah yang optima kepada Negeri Terengganu.

Sebahagian besar daripada peserta-peserta Seminar ini adalah terdiri daripada anak-anak Terengganu yang berkhidmat di dalam Negeri Terengganu dan juga di luar negeri selain dari para-para jemputan yang bukan anak negeri. Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri Terengganu menjemput tuan-tuan menyertai seminar ini dengan ramainya untuk tuan-tuan dan puan-puan memberi idea-idea, pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat mengenai bagaimana pembangunan Negeri Terengganu patut dilaksanakan. Saya berharap seminar ini akan menjadi satu gelanggang, satu arena mencurahkan idea-idea, pemikiran dan pandangan-pandangan. Kemudian dibahas dan rumusan-rumusan akan diteliti oleh Kerajaan Negeri Terengganu sebagai panduan perancangan dan pelaksanaan pada masa akan datang.

Kita sekarang ini berada di peringkat kedua pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Sebagaimana yang kita lihat, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru di bawah Rancangan Malaysia Ketiga bagi Negeri Terengganu tidaklah sebegitu licin dan memberi hasil yang begitu menggembirakan. Sebagai contoh, pembinaan projek-projek fizikal seperti sekolah-sekolah, klinik-klinik, jalan-jalan dan sebagainya mengalami 'shortfall' yang membimbangkan. Perkara-perkara lain seperti mengadakan latihan-latihan kemahiran, khidmat nasihat, bantuan dan sebagainya mungkin juga tidak mencapai hasil yang diharapkan. Diukur dari segi perjalanan 'shortfall' pelaksanaan fizikal adalah merungsingkan. 'Shortfall' di bidang lain mungkin juga mengejutkan. Salah satu daripada masalah yang menjejaskan kelicinan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini ialah sistem perancangan dan pelaksanaan yang 'over centralised.' Penggubalan Dasar, perancangan-perancangan dan pelaksanaan adalah ditentukan oleh Ibu pejabat, Jabatan-jabatan dan agensi masing-masing di Kuala Lumpur.

Sebagaimana tuan dan puan ketahui tiga aspek penting telah dipilih untuk dibicarakan dalam seminar ini. Pertama, ialah berkaitan dengan perusahaan dalam perindustrian. Aspek ini merupakan satu aspek yang merungsingkan Kerajaan Negeri. Response pihak menyahut seruan Kerajaan Negeri Terengganu supaya memainkan peranan mereka di dalam perkembangan ekonomi Negeri Terengganu dengan mendirikan kilang-kilang, mewujudkan perusahaan-perusahaan dan mengadakan perkhidmatan tertentu adalah dingin. Sehingga masa ini perkembangan ekonomi Negeri Terengganu bergantung semata-mata kepada Sektor Awam iaitu Kerajaan dan Agensi-agensi Kerajaan. Sumbangan sektor swasta adalah juga bergantung kepada sektor awam. Sektor awam sepatutnya bertanggungjawab menyediakan kemudahan-kemudahan mereka di dalam perkembangan ekonomi itu. Maka sebab itulah bila peruntukan perancangan Malaysia Ketiga diumumkan, Kerajaan Negeri telah mengambil daya utama berunding dengan pihak Kerajaan Pusat untuk melengkapkan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan bagi menarik pelabur-pelabur ke Negeri Terengganu. Beberapa perjumpaan telah pun diadakan dengan pihak-pihak tertentu sehingga melibatkan YAB. Perdana Menteri sendiri. Dalam satu rundingan akhir, oleh kerana satu masalah yang dihadapi oleh Negeri ini ialah kekurangan tenaga elektrik untuk setengah-setengah kawasan perindustrian menjelang tahun 1981 ini, maka setelah mendengar keterangan-keterangan yang telah diberi oleh pihak Kerajaan Negeri, YAB. Perdana Menteri telah mengarahkan pihak tertentu supaya melengkapkan segala kemudahan-kemudahan ini dengan secepat yang boleh. Tetapi arahan-arahan yang dikeluarkan itu disahut sejuk oleh agensi-agensi yang berkenaan dan sehingga sekarang walaupun ada pengusaha besar yang ingin datang ke Negeri Terengganu tetapi oleh kerana keperluan tenaga tidak mencukupi, tidaklah jadi pelabur-pelabur itu datang ke negeri ini. Adalah diharapkan supaya seminar ini akan membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan perusahaan dan perindustrian khususnya

mengenai cara mana dapat Kerajaan Negeri mengadakan dasar atau tindakan-tindakan yang dapat menarik sektor swasta supaya menjadi lebih aktif dan menarik untuk bergerak di dalam pembangunan Negeri Terengganu.

Kesungguhan agensi Kerajaan Pusat terutama 'Economic Planning Unit'; bertindak atas satu-satu keputusan tidak sejajar dengan hasrat YAB. Perdana Menteri untuk memberi keutamaan kepada negeri-negeri kurang maju seperti Terengganu. Sebagai contoh 'coastal study' bagi Negeri Terengganu yang telah disetujui oleh Allahyarham Tun Abdul Razak dan telahpun dibuat pengumuman beberapa kali sebelum pilihanraya 1974, sehingga sekarang belum pun bermula lagi hingga ke hari ini dengan alasan bahawa peruntukan RM1.5 1/2 juta sedang dicari-cari punca mendapatkan wang itu. Inilah kesungguhan ataupun tindakan setengah daripada Agensi Pusat terhadap Negeri-negeri yang kurang maju.

Sektor awam sepatutnya bertanggungjawab menyediakan kemudahan-kemudahan asas untuk menyenangkan sektor swasta memainkan peranan mereka di dalam perkembangan ekonomi. Adalah diharapkan supaya seminar ini akan membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan perusahaan dan perindustrian khususnya mengenai cara mana dapat Kerajaan Negeri mengadakan dasar atau tindakan-tindakan yang dapat menarik sektor swasta supaya menjadi lebih aktif dan menarik untuk bergerak di dalam pembangunan Negeri Terengganu.

Aspek kedua, ialah berhubung dengan pertanian. Di sini saya juga maksudkan bidang perikanan. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, kurang 70% penduduk Negeri Terengganu adalah menjalankan kegiatan-kegiatan ekonomi berasaskan pertanian. Adalah menjadi kenyataan bahawa pertanian merupakan satu kegiatan ekonomi yang tidak dapat



memberi pulangan faedah yang seimbang dengan usaha atau input. Berbagai-bagai usaha dan tindakan telah dilaksanakan oleh Kerajaan supaya penduduk-penduduk yang bergiat di dalam sektor pertanian ini mendapat hasil yang dapat memberi pulangan faedah yang sejajar dengan usaha mereka dan dapat meninggikan taraf hidup mereka. Namun demikian mereka itu masih lagi berada di dalam keadaan kemiskinan. Saya berharap seminar ini akan juga melihat dasar-dasar, rancangan-rancangan dan tindakan-tindakan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan amnya dan di Negeri Terengganu khususnya, dan membincangkan dengan mendalam untuk menentukan di manakah kekurangan-kekurangan dan kelemahan-kelemahan. Sekiranya didapati dasar-dasar, rancangan-rancangan dan tindakan-tindakan yang ada ini perlu diubahsuai dan diganti dengan yang lebih munasabah dan berkesan untuk mencapai matlamat membasmi kemiskinan petani-petani dan nelayan-nelayan. Maka bolehlah tuan-tuan dan puan-puan membincangkan perkara ini dan mengemukakan rumusan-rumusan alternatif baginya.

Aspek ketiga ialah sosio-pentadbiran. Berhubung dengan aspek ini, hal yang penting diberi tumpuan ialah pendekatan sistem perancangan dan pelaksanaan oleh jentera-jentera kerajaan yang bertanggungjawab mengenai pembangunan negeri ini, sama ada aktiviti-aktiviti mereka betul-betul menuju ke arah pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru yang diorientasikan bagi Negeri Terengganu.

Matlamat-matlamat pembangunan yang hakiki ialah meninggikan taraf hidup rakyat supaya mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa dan hidup dalam keadaan yang bahagia. Sekiranya matlamat meninggikan taraf hidup rakyat ini tidak tercapai, bererti rancangan pembangunan kerajaan untuk rakyat dianggap tidak berjaya.

Pembangunan sebagaimana yang diketahui bukanlah sahaja merupakan pembinaan klinik-klinik, pembinaan sekolah-sekolah, pembinaan masjid-masjid, pembinaan jalan raya dan jambatan, pembinaan lapangan-lapangan terbang, mengadakan bekalan air dan api. Ini adalah pembangunan fizikal, berupa kemudahan asas digunakan oleh rakyat sebagai alat mencapai taraf hidup yang lebih tinggi. Menerusi pembangunan, adalah diharapkan masyarakat yang ditujukan itu mengalami perubahan sosial. Oleh yang demikian, adalah perlu bagi jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan mengkaji semula rancangan-rancangan mereka, aktiviti-aktiviti mereka, tindakan-tindakan mereka supaya pembangunan yang mereka jalankan akan menghasilkan perubahan masyarakat dalam segi sosial dan ekonomi mereka. Sekiranya ini tidak berlaku, taraf ekonomi mereka masih rendah dan tidak mencukupi untuk menyara hidup mereka dan keluarga mereka. Sekali lagi saya katakan bahawa perancangan-perancangan, kegiatan-kegiatan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh jabatan-jabatan dan agensi-agensi itu adalah tidak berjaya.

Saya berharap perkara-perkara yang saya sebutkan ini akan dijadikan asas-asas perbincangan seminar yang perlu diberi perhatian yang berat. Saya percaya rumusan-rumusan yang akan dibuat itu akan dapat digunakan untuk menggubal satu strategi pembangunan Negeri Terengganu yang lebih berkesan.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini saya berharap segala rumusan yang akan dibuat kelak dalam seminar ini akan diambil tindakan susulan oleh sebuah Jawatankuasa di mana jika perlu kita mengadakan perbincangan dan seminar sekali lagi. Kita bersedia mengadakan lagi seminar bagi menilai kesan-kesan dan hasil tindakan-tindakan daripada seminar yang kita adakan ini. Saya sebutkan demikian oleh kerana terdapat banyak seminar yang telah diadakan tetapi

kebanyakan daripada hasil dan rumusan itu tinggal di bilik bacaan sahaja. Saya berharap tuan-tuan semua akan memberi kerjasama sepenuh bagi menjayakan dan melaksanakan segala rumusan seminar ini.

Saya dengan nama Allah yang maha pemurah lagi penyayang dengan sukacitanya mengisytiharkan seminar strategi pembangunan Negeri Terengganu dibuka dengan rasminya.

"Selamat Bersidang".

*(Ucapan pembukaan Seminar Strategi Pembangunan Negeri Terengganu di Bilik Gerakan Negeri, Wisma Darul Iman pada 3 Disember, 1978).*

# **PEMBANGUNAN SEKARANG DAN MASA DEPAN NEGERI TERENGGANU DENGAN SUMBER-SUMBER ASLINYA**

Kedudukan ekonomi Negeri Terengganu pada masa ini masih lebih rendah daripada kebanyakan Negeri-negeri di Malaysia. Berdasarkan kepada keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 1978 ianya cuma berada di paras 60% daripada kedudukan negara seluruhnya. Adakah keadaan sedemikian akan berkekalan bagi Negeri Terengganu?

Memandang lebih jauh hadapan, saya jangka kedudukan ekonomi Negeri Terengganu akan berubah corak. Selaras dengan Dasar Ekonomi Baru matlamat Kerajaan Negeri adalah untuk mengembangkan ekonomi Negeri Terengganu agar mencapai sekurang-kurangnya 75% daripada kedudukan ekonomi Negara menjelang tahun 1990 dan sentiasa akan mengukuhkan asas, di atas mana, ekonomi itu akan dibina, agar pertumbuhannya akan sentiasa dapat dikekalkan. Dalam konteks ekonomi yang berkembang inilah matlamat Kerajaan Negeri akan menentukan supaya kemajuan yang seimbang di segenap pelusuk Negeri Terengganu ini, akan dicapai baik dalam kawasan KETENGAH mahupun di kampung-kampung yang terpencil di utara, selatan dan mana-mana jua dalam Negeri Terengganu ini. Matlamat ini tidak akan bererti, selagi rakyat keseluruhannya tidak menikmati kemajuan yang dirancang itu. Jadi arah kemuncak Kerajaan Negeri adalah

menentukan rakyatnya, akan berada di taraf sosio-ekonomi yang memuaskan menjelang tahun 1990. Setiap rakyat seharusnya menikmati kemudahan-kemudahan sosial dan awam yang disediakan oleh Kerajaan dan setiap keluarga seharusnya ditingkatkan kedudukannya mengatasi garisan kemiskinan.

Menukarkan kenyataan-kenyataan ini kepada beberapa perangkaan, supaya gambarannya menjadi jelas, suka saya membentangkan beberapa angka petunjuk keluaran dalam negeri kasar Negeri Terengganu sehingga akhir tahun 1978 adalah kira-kira RM850 juta yang memberi pendapatan per kapita kepada rakyat sebanyak RM1,616 atau 60% sahaja daripada pendapatan per kapita nasional. Matlamat Kerajaan adalah supaya jumlah ini akan ditingkatkan menjadi sekurang-kurangnya RM2,500 juta menjelang tahun 1990 yang akan menghasilkan pendapatan per kapita sebanyak RM3,600 iaitu 75% daripada paras pendapatan perkapita negara. Namun demikian perancangan dan usaha akan dilipatgandakan supaya negeri ini dapat mencapai paras kemajuan yang lebih tinggi lagi, seimbang dengan pendapatan negara. Dalam konteks keadaan ekonomi yang berkembang maju ini, saya mengulangi bahawa tumpuan utama kerajaan adalah menentukan supaya arah pembahagian pendapatan yang seimbang dan saksama akan dicapai.

Haluan dan matlamat yang hendak kerajaan capaikan itu adalah satu "target" yang realistik berdasarkan sumber-sumber asli yang dianugerahkan, serta perancangan dan program yang dapat dilaksanakan dalam tempoh masa tersebut. Saya tidak ingin melihat matlamat yang ditetapkan itu di luar kemampuan pencapaian semua pihak yang terlibat.

Di sini perlulah kita tinjau sumber-sumber asli yang terdapat dalam Negeri Terengganu yang boleh membantu

mencapai matlamat dan arah tujuan kerajaan yang saya bentangkan di atas.

Luas kawasan Negeri Terengganu adalah 1.28 juta hectares di mana 800,000 hectares diliputi oleh hutan rimba yang mengandungi berbagai jenis kayu tropika yang berharga. Dari jumlah kawasan hutan ini, 500,000 hectares telah diwartakan sebagai kawasan pembalakan, manakala bakinya seluas 300,000 hektar dikekalkan sebagai hutan simpan kekal yang meliputi Taman Negara.

Dari 480,000 hektar yang tidak diliputi hutan, kira-kira 250,000 hektar telah pun ditanam atau bersedia untuk ditanam dengan tanaman-tanaman utama seperti padi, getah, kelapa sawit dan lain-lain. Seluas kira-kira 70,000 hektar Negeri Terengganu ini diliputi oleh tanah bris berbagai jenis dan bakinya adalah kawasan paya, kawasan pembangunan bandar, bukit bukau dan "serubland".

Di dataran laut pula, di bawah zon ekonomik seluas 200 batu, kita mempunyai kawasan seluas kira-kira 46,000 kilometer persegi di Laut China Selatan di mana kita boleh memajukan penangkapan ikan di lautan lepas. Semenjak bulan Mac tahun 1978 Negeri Terengganu dianugerahkan pula dengan sumber asli yang baru iaitu minyak dan gas. Sumber-sumber asli yang terdapat di dataran laut Negeri Terengganu ini dijangka dapat dikerjakan selama tidak kurang dari 20 tahun bagi minyak dan 50 tahun bagi gas.

Bagi sumber galian yang lain Negeri Terengganu tidak mempunyai reserve yang besar yang dijumpai sehingga masa ini. Yang terdapat adalah sumber tanah liat dan pasir silica yang masing-masing boleh diproses untuk pengeluaran tembikar dan gelas.

Dari segi sumber tenaga manusia Negeri Terengganu mempunyai penduduk seramai 550,000 orang. Sebagaimana

tuan-tuan sedia maklum orang-orang ini adalah terkenal dengan kebudayaan Melayu serta dengan kerja tangan mereka. Taraf pelajaran dan latihan yang mereka perolehi sedang meningkat dengan memuaskan. Rakyat Negeri Terengganu masih belum ramai terlatih dengan kerja-kerja perusahaan moden. Namun rakyat negeri ini adalah mahir dengan menyatukan berbagai aktiviti dalam hidup pertanian secara pekebun kecil yang menunjukkan satu ciri yang kukuh yang dapat dibina dengan menyatukan aktiviti-aktiviti asas dengan memodenkan pengeluaran pertanian dan seterusnya perusahaan dalam lapangan pembuatan.

Negeri Terengganu juga mempunyai bilangan ternakan yang agak besar yang boleh dijadikan asas untuk diperbesarkan lagi. Negeri ini juga mempunyai punca air yang masih banyak dan ia perlu dipergunakan dengan sewajarnya bagi semua keperluan di masa hadapan.

Senarai sumber-sumber asli yang terdapat di Negeri Terengganu sebagaimana saya senaraikan di atas, adalah banyak dan dapat ditambah dengan satu sumber lagi iaitu kecantikan alam semua jadi yang boleh dimajukan dari segi pelancongan.

Sehingga masa ini ekonomi Negeri Terengganu adalah berlandaskan kepada sektor utama iaitu pertanian, perhutanan dan perikanan. Tidak kurang dari 42% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar Negeri Terengganu datangnya daripada sektor utama tadi. Sebagaimana kita sedia maklum, selain daripada sektor ini hanya dapat berkembang dengan kadar yang perlahan, nilai tambahan yang dapat dicapai oleh Negeri Terengganu terhadap bahan-bahan keluaran dari sektor ini, adalah rendah. Di samping terus mengembangkan sektor ini matlamat kerajaan adalah untuk menentukan supaya banyak lagi pemerosesan bahan-bahan keluaran pertanian, perhutanan dan perikanan akan dijalankan di Negeri Terengganu supaya nilai tambahannya dapat dipertingkatkan.

Dalam lapangan pertanian, dengan penanaman kelapa sawit dan tanaman-tanaman utama lain secara besar-besaran seperti di KETENGAH adalah dijangkakan pengeluaran pertanian akan dapat ditambah sekurang-kurangnya 40% lagi. Rancangan-rancangan kelapa sawit misalnya akan bertambah daripada 60,000 hectares kepada 100,000 hectares menjelang tahun 1990. Dari segi pemerosesan bahan-bahan pertanian, kita dapati sedikit benar bahan-bahan ini diproses dalam Negeri Terengganu. Kebanyakannya dieksport dalam keadaan minyak yang telah dibersihkan sahaja. Dengan bahan mentah yang banyak dikeluarkan di negeri ini menjelang tahun 1982 adalah wajar kilang-kilang pemerosesan dan pengeluaran barang-barang siap daripada bahan ini, ditubuhkan di negeri ini nanti. Begitu jua dengan kilang-kilang membuat barang-barang daripada getah.

Dari segi perhutanan pula, pengeluaran kayu balak dari Negeri Terengganu pada masa ini adalah kira-kira 1.1 juta tan setahun. Penggunaan kayu balak di dalam negeri ini adalah cuma 500,000 tan dan itu pun sampai ke peringkat papan gergaji sahaja. Perkara pertama yang ingin saya tekankan di sini adalah, dengan keadaan sedemikian adalah wajar bagi mengharapkan lebih banyak kayu balak diproses di negeri ini. Kedua, pada peringkat pemerosesan sehingga ke papan gergaji di dapati bahawa "wood waste" yang terbuang adalah di antara 30% hingga 40%. Usaha-usaha akan dipergiatkan bagi mengguna "wood waste" yang banyak ini supaya dapat mengeluarkan barang-barang yang agak tinggi nilai tambahan mereka. Ketiga, Negeri Terengganu tidak akan dapat mengekalkan paras pengeluaran kayu balak tahunan yang begitu tinggi buat selama-lamanya. Pada masa ini kawasan-kawasan hutan dikerjakan segera untuk pembinaan Empangan Kenyir dan Rancangan Pertanian di KETENGAH. Apabila kawasan-kawasan ini telah dibersihkan Negeri Terengganu cuma dapat mengeluarkan balak kira-kira 250,000 tan atau RM5 juta setahun. Keadaan ini memerlukan kerajaan



menggalakkan penubuhan Kompleks kayu-kayan yang disatukan supaya seberapa banyak pemerosesan dapat diusahakan di dalam negeri ini jua. Dengan kawasan hutan yang berbaki itu kerajaan mestilah menentukan supaya sistem membangun semula atau sistem "bicyclic" kawasan hutan yang telah dikerjakan akan menempuh kejayaan sepenuhnya. Namun demikian sistem ini pun memakan masa yang agak lama bagi kawasan hutan ini dipulihkan. Di atas hakikat inilah dan juga oleh kerana kerajaan pada masa ini tidak lagi begitu terdesak untuk memperolehi hasilnya dari punca perhutanan, maka perancangan yang lebih rapi perlu diadakan supaya sumber perhutanan ini dapat digunakan sepenuhnya untuk pembangunan negeri ini.

Dalam lapangan perikanan pula sumber ikan di lautan lepas masih memuaskan bagi Negeri Terengganu. Rancangan-rancangan tertentu telah diatur bagi menerokai kawasan lautan lepas ini dan adalah dijangka pendaratan ikan sebanyak 500,000 tan setahun pada masa ini akan dapat meningkat kepada 1 juta tan menjelang tahun 1990. Seterusnya, Kerajaan akan menggalakkan lebih banyak kilang pemerosesan berasaskan kepada sumber ikan ditubuhkan dalam negeri ini.

Sektor perlombongan dan kuari termasuk pengeluaran minyak dan gas diharap akan memainkan peranan yang besar terhadap pembangunan ekonomi Negeri Terengganu di masa hadapan. Saya rangkumkan aktiviti-aktiviti yang berkait dengan minyak dan gas seperti refinery, pendaratan gas dan stesen jenakuasa elektrik dalam sektor ini kerana semuanya mempunyai hubungan rapat antara satu sama lain, walaupun pada hakikat sebenar mereka harus dimasukkan dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan. Dalam lapangan ini pembangunan utama yang telah ditetapkan hingga ke tarikh ini berkaitan dengan peringkat pertama operasi minyak di laut, serta membawa minyak dan gas ke darat mengandungi projek-projek utama seperti berikut:—

- 1) Pengkalan Bekalan Petroleum di Tanjung Berhala letaknya lebih kurang 5 batu ke utara Chukai, dijangka siap dalam pertengahan tahun 1982.
- 2) Pemasangan paip bawah laut untuk membawa minyak mentah ke darat dan satu ladang menyimpan minyak. Kedua-dua projek ini adalah dijangka siap dalam tahun 1981/82;
- 3) Satu refinery untuk memproses lebih kurang 20,000 hingga 30,000 tong sehari, dan dijangka siap pada tahun 1982/83;
- 4) Pemasangan paip untuk membawa gas ke darat adalah dijangka siap pada tahun 1983. Berhubung dengan itu juga akan dibina satu loji memproses gas dan juga satu stesen janakuasa elektrik guna gas sebagai bahan membakar dan dijadual dapat memulakan perkhidmatannya pada tahun 1983.

Projek-projek ini akan dimajukan dalam daerah Dungun dan Kemaman. Ini adalah satu program yang besar, projek membawa gas dan minyak mentah ke darat dan untuk kegunaan oleh industri-industri lain.

Pelaburan utama dalam bidang minyak dan gas sebagaimana yang saya terangkan tadi akan siap keseluruhannya dalam tahun 1983 dan dianggarkan jumlah perbelanjaannya sebanyak RM1,960 juta. Faedah utama yang diperolehi sekarang dari pengeluaran minyak ialah hasil Kerajaan Negeri meningkat sebanyak kira-kira RM70 juta setahun daripada 5% royalti yang dibayar.

Sektor pembinaan seharusnya berkembang dengan pesatnya di Negeri Terengganu kerana ia mempunyai kaitan rapat dengan perkembangan dalam sektor-sektor lain.

Kerajaan mempunyai hasrat dan azam untuk membesarkan sektor pembuatan di negeri ini. Selain daripada menambah nilai eksport barang-barang keluaran sektor utama, ia juga diharapkan mendapat faedah yang terbesar daripada aktiviti-aktiviti 'downstream' daripada sumber gas dan minyak seperti petrochemical dan lain-lain. Tidak dapat disangkalkan bahawa tekanan utama bagi kemajuan Negeri Terengganu dalam masa 10 tahun akan datang bergantung kepada sektor pembuatan. Lebih banyak usaha dan "promotion" perlu dijalankan kerana kita bermula dengan asas yang kecil. Kemudahan asas yang perlu bagi membolehkan perusahaan-perusahaan ditubuhkan di Negeri ini mesti disediakan. Kerajaan Negeri akan membelanjakan sebahagian daripada hasil tambahan yang diperolehi dari royalti petroleum dalam melengkapi kemudahan asas yang diperlukan itu. Kerajaan juga akan cuba melahirkan suasana yang sesuai untuk penubuhan perusahaan di Negeri ini dan jika perlu sektor awam akan merintis jalan mewujudkan suasana sedemikian.

Dalam sektor perkhidmatan termasuk penyediaan kemudahan sosial dan awam, perancangan sedang diatur supaya taraf perkhidmatan yang disediakan diperluas kepada segenap pelusuk negeri ini. Apabila perlu, hasil tambahan kerajaan akan dipergunakan bagi menampung keperluan dalam lapangan ini.

Sumber tenaga manusia yang diperlukan dalam proses pembangunan yang saya gambarkan ini juga tidak diabaikan. Selain daripada meneruskan bantuan-bantuan kerajaan kepada penuntut yang ingin meneruskan pelajaran mereka ke Institusi pelajaran tinggi. Kerajaan juga telah meluluskan satu dasar untuk memberi bantuan kepada penuntut untuk melanjutkan pelajaran dalam jurusan-jurusan teknikal dan profesional yang dijangka sesuai dengan keperluan gunatenaga bagi pembangunan Negeri Terengganu di masa hadapan. Program ini juga dilancarkan dengan menggunakan hasil tambahan yang kerajaan perolehi.

Pada awal tadi saya telah menyatakan bahawa satu daripada arah tujuan atau matlamat kerajaan adalah menentukan supaya segenap pelusuk Negeri Terengganu ini akan menikmati pembangunan yang seimbang. Kita tidak ingin melihat rakyat di kawasan KETENGAH umpamanya, lebih mewah dan selesa pada satu ketika nanti daripada rakyat di luar kawasan tersebut. Sehubungan dengan ini, beberapa kajian wilayah sedang dan akan dilancarkan bagi menentukan perimbangan pembangunan antara kawasan akan dapat dicapai. Antara kajian-kajian wilayah yang sedang berjalan dan akan dilancarkan ialah Terengganu Coastal Region Study, Lower Terengganu Integrated Rural Development dan Kajian kemiskinan Luar Bandar Negeri Terengganu. Di samping itu beberapa kajian projek yang spesifik telah dan sedang dijalankan. KETENGAH sedang mempunyai pelan rancangannya. Apa yang diperlukan nanti adalah satu kajian yang menyeluruh bagi mencantumkan kesemua kajian-kajian yang telah dan akan dilancarkan itu supaya dapat satu "master plan" diwujudkan bagi seluruh Negeri Terengganu dengan memberi tekanan utama kepada pembangunan yang seimbang. Keadaan pembangunan yang tidak seimbang di antara utara dan selatan negeri ini akan diberi perhatian dan kajian-kajian yang menyeluruh itu dapat mengesan projek-projek dan industri-industri yang dapat ditempatkan di kawasan utara. Jika perlu Kerajaan sendiri melalui perbadanan, akan membuat pelaburan di kawasan ini untuk mengelakkan penduduk-penduduk di kawasan yang tidak maju berhijrah ke bandar-bandar.

Satu perkara yang saya ingin memberi penjelasan adalah tentang rancangan-rancangan kerajaan terhadap hasil tambahan yang diperolehi dari royalti petroleum. Saya telah membayangkan di sana-sini lebih awal tadi tentang perbelanjaan yang akan kerajaan lakukan daripada hasil tambahan itu. Di antaranya termasuklah menyediakan kemudahan asas yang perlu bagi membolehkan perusahaan-perusahaan diwujudkan di Negeri Terengganu ini, menyalurkan lebih banyak wang kepada Perbadanan Negeri

untuk melabur dalam industri-industri yang akan memperolehi hasil yang berkekalan. Melatih rakyat supaya memperolehi kemahiran yang diperlukan selaras dengan rancangan pembangunan negeri dan meningkatkan kemudahan awam dan sosial dalam negeri ini. Kerajaan sedar bahawa sumber minyak yang ada sekarang akan luput dalam tempoh yang tertentu. Pengalaman Bukit Besi adalah satu pengajaran yang perlu kita ambil ingatan. Oleh yang demikian kerajaan sedang membuat persediaan agar hasil tambahan yang diperolehi sekarang daripada royalti petroleum dilaburkan dalam harta dan projek yang bukan sahaja dapat mengekalkan paras hasil negeri malah yang dapat menyumbangkan kepada pembangunan ekonomi negeri ini secara berkekalan.

Kerajaan memang sedar menjelang tahun lapan puluhan, Terengganu akan tiba ke satu "crossroad" dalam konteks pembangunan. Perancangan kita adalah ke arah jalan yang membawa kemajuan dari segi pembangunan jasmani dan rohani. Kita memerlukan bukan sahaja kewangan malahan pegawai-pegawai yang dedikasi untuk melaksanakan rancangan-rancangan. Kita memerlukan juga pakar-pakar untuk membantu kita dalam segi pelaburan kewangan, mengkaji dengan teliti projek-projek yang hendak dilaksanakan dan tidak kurang penting juga kesedaran rakyat untuk menyempurnakan penyertaan mereka dengan memainkan peranan yang positif ke arah menuju matlamat tersebut.

Saya yakin bahawa dengan usaha dan kerjasama yang kuat dari semua pihak termasuk tuan-tuan semua, arah tujuan atau matlamat Kerajaan dalam pembangunan sosio-ekonomi Negeri Terengganu di masa hadapan akan tercapai.

*(Ucapan pada Seminar Pembangunan Perbandaran dan Wilayah Dengan Tumpuan Khas Kepada Ketengah di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Terengganu pada 17 November, 1979).*

## **KE ARAH MASYARAKAT PENGASIH DAN BERTAQWA**

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana hari ini dapat bertemu dengan pemimpin-pemimpin, pegawai-pegawai, ahli-ahli politik dan pentadbiran yang kelak akan menjalankan tugas mengurus pelaksanaan dan menabur bakti kepada lebih 700 ribu rakyat negeri Terengganu Darul Iman. Sesungguhnya kehadiran ahli-ahli Yang Berhormat, Dato'-Dato', Tengku-Tengku, Ketua-Ketua Jabatan dan saudara saudari pada hari ini sungguh bererti sekali; kerana pada hari ini kita akan melancarkan suatu gerakan memupuk rasa kasih kasih sayang dan mengenali halangan dalam membentuk masyarakat yang harmoni dan bertaqwa di negeri ini. Inilah suatu tugas suci yang perlu dipandang serius oleh semua orang. Kepada jawatankuasa Kemajuan & Penerangan Agama Negeri, Daerah dan Kawasan serta Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecilnya dan jabatan pelaksana yang terlibat dengan usaha membentuk perasaan insan yang bermoral ini saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih. Semoga Allah jua yang membalasnya insya-Allah.

### **Muslimin dan Muslimat yang dikasihi,**

Segala tindakan manusia didorong oleh perasaan. Rasa benar mendorong seseorang bertindak buruk, dan rasa kasih mendorong seseorang itu bertindak baik. Oleh itu rasa kasih yang diasaskan kepada ilmu dan bukan emosi sahaja menjamin sifat "Pengasih dan Bertaqwa". Maka menjadi kewajipan kita

semua berjuang ke arah menyediakan umat dengan kesedaran ilmu supaya kelak mereka tidak hanya kasih membuta tuli. Untuk itulah maka kerajaan Terengganu Darul Iman cuba menonjolkan tema pendekatan kegiatan di bawah Jawatankuasa Kemajuan & Penerangan Agama berbunyi "Ke Arah masyarakat Pengasih & Bertaqwa".

Sesungguhnya kasih sayang yang terbentuk menerusi kefahaman ilmu yang hak dan fakta yang realistik sahaja akan menuju ke arah TAQWA. Sebaliknya kasih sayang yang terbentuk menerusi emosi, hasil gempuran semangat yang penuh sentimen dan fikiran yang tidak rasional, hanya akan melahirkan insan yang fanatik (Asabiyah) dan radikal. Akhirnya mereka tidak lagi bertindak kerana Allah tetapi sebaliknya kerana sentimen kasihan puak dan bencikan orang lain yang tidak secocok. Gambaran akhlak mereka hanya memaparkan budaya hidup asing dan perseteruan; tentulah jauh dari Taqwa. Dengan tema "Masyarakat Pengasih dan Bertaqwa" yang kita pilih ini diharap akan menjuruskan dorongan kasih yang berlandaskan taqwa.

Model orang Islam yang bertaqwa ialah mereka yang hidup sezaman bersama Nabi s.a.w. Di dalam Al-Quran Allah s.w.t. memberikan gambaran sifat dan budaya kasih di kalangan sesama mereka. Firman Allah s.w.t. di dalam ayat 29 surah Al-Fath:

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ  
تَرَاهُمْ رُكَّعًا سُجَّدًا يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا.  
(سورة الفتح: آية 29)

Yang bermaksud: "Nabi Muhammad s.a.w. ialah Rasul Allah dan orang-orang yang bersama baginda bersikap keras dan tegas terhadap kafir (yang memusuhi Islam) dan



*sebaliknya berkasih sayang sesama sendiri. Kelihatan mereka sama-sama rukuk dan sujud mengharapkan limpahan kurnia dan keredaan Allah".*

Kini realiti budaya muslimin kita sudah jauh berbeza. Di dunia, muslim berperang sama sendiri dan berbaik meminta tolong daripada orang kafir. Di Malaysia pun ada juga bersifat begitu iaitu rela berpakat dengan orang kafir untuk menjatuhkan sesama Islam. Ada pula yang tidak boleh rukuk dan sujud bersama, sebaliknya mereka beribadat kepada Allah berasaskan kumpulan dan puak yang serupa. Maka tentunya kebencian tidak boleh membawa taqwa.

Demi kerana rasa tanggungjawab yang mendalam maka umat Islam perlu diberi pendekatan yang jelas dan tepat terutama mengenai apakah itu TAQWA kerana ia menjadi buruan semua. Tidak kurang pula orang-orang tertentu menyalahgunakan agama untuk kepentingan sendiri lalu membawa pendekatan doktorin Islam yang salah sehingga bertukar konsep-konsep yang suci menjadi jijik; seperti JIHAD, SYAHID dan TAQWA mengikut selera mereka. Konsep suci Islam tidak ada pada nama, tidak hanya pada kata tetapi ada pada perlakuan yang selaras dengan ilmu dan syariat Islam. Allah tidak memberi nilai kepada rupa paras seseorang tetapi dinilai kepada ketulusan hati dan tindakan, sabda Nabi s.a.w.:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ  
وَأَعْمَالِكُمْ.

(رواه مسلم)

Selepas 34 tahun kita merdeka sudah ramai bijak pandai dan ilmuan berbagai bidang, khususnya ilmu-ilmu keislaman. Namun begitu amat malang sekali di kalangan ilmuan kita tidak ramai pula mereka yang dapat memodelkan akhlak Islam. Justeru itulah apabila mereka diberi amanah maka dikhianatinya; seperti pegawai yang melesapkan wang, salahguna kuasa dan bertindak di luar batasan Islam.

Apa yang lebih malang lagi ialah ramai orang yang pandai bercakap tentang Islam tetapi tidak ramai mereka yang benar-benar mempraktikkan nilai penghayatan Islam. Mereka pandai mengkritik dan menyuruh orang berbuat kebaikan tetapi diri sendiri dilupakan. Dalam hal ini Allah mengingat dan menampar kita di dalam ayat 44 Surah Al-Baqarah.

**Yang bermaksud:** *"Apakah kamu menyuruh orang berbuat kebajikan tetapi lupa kepada diri sendiri, sedangkan kamulah yang membaca kitab. Apakah kamu tidak menggunakan akal?"*

Oleh itu marilah kita bertaqwa kepada Allah dengan menghitung diri kita terlebih dahulu sebelum mencari kesalahan orang lain. Sabda Nabi s.a.w., **Yang bermaksud:** *"Hitunglah diri kamu sebelum Allah membuat perhitungannya".*

Ketahuiilah bahawa amat besar dosanya jika kita bercakap sesuatu yang kita tidak lakukan. Firman Allah s.w.t. di dalam ayat 2 dan 3 surah As-Saf, **Yang bermaksud:** *"Wahai orang yang beriman! Kenapa kamu berkata sesuatu yang tidak kamu lakukan? Sesungguhnya amat besar dosanya ke atas orang yang tidak melakukan apa yang diperkatakannya".*

Kerajaan Negeri Terengganu tidak mahu menjanjikan apa-apa tetapi sebaliknya kita terus melakukan sesuatu mengikut kemampuan ilmu dan realiti seperti yang **dituntut oleh Islam. Firman Allah s.w.t., Yang bermaksud:** *Hendaklah kamu takutkan Allah sekadar kemampuan kamu (Ayat 16 surah At-Taghabun).* Usaha yang sedang dijalankan sekarang ialah ke arah menyeimbangkan pembangunan jasmani dengan kerohanian atau material dengan spiritual. Tiada

gunanya kita maju menjangkau langit sedang rohani tipis, bak daun-daun melayang. Begitu juga tiada guna bercakap tentang Islam menggegarkan alam tapi hidup bergantung kepada bantuan orang. Perang Teluk adalah suatu pengajaran; kini Muslim di sana dalam penderitaan. Untuk tujuan memerhati keseimbangan material dan spiritual inilah wujudnya Jawatankuasa Kemajuan dan Penerangan Agama Negeri yang secara langsung menjadi penyelaras segala kegiatan dakwah dan kemajuan agama di negeri ini, di samping itu turut menampung kekurangan kegiatan JHEAT dan YIT yang sedang berjalan selama ini.

Bagi menyusun perancangan ekonomi, kita mempunyai Unit Perancang Ekonomi Negeri dan bagi menyelaraskan penyusunan kerohanian pula kita mempunyai Jawatankuasa Kemajuan dan Penerangan Agama Negeri.

Namun begitu sudah diketahui umum bahawa kemajuan rohani di dalam pembangunan insan tidak mudah dilihat seperti pembangunan kebendaan. Ia memakan masa dan sangat subjektif pula nilainya. Walau bagaimanapun, sama ada nampak dipandang atau tidak namun hasil daripada pembentukan insan yang betul; akan menghasilkan kejayaan kemajuan yang sebenar dalam segala bidang. Natijahnya ialah negara menjadi aman, perancangan pembangunan akan terus berkembang, kekuatan umat akan terus berkekalan dan kedudukan Islam terus berjaya dipertahankan. Semua ini sudah wujud menjadi kenyataan.

Jawatankuasa Kemajuan dan Penerangan Agama Negeri yang ditubuh mulai 1981 terus mengorak langkah dengan beberapa Jawatankuasa Kerja di bawahnya yang meliputi bidang tugas merancang dan bekerjasama dengan semua agensi agama kerajaan dan swasta. Sehingga kini jawatankuasa

ini telah cuba mempelbagaikan pendekatan dakwah bagi membanteras segala penyelewengan ajaran Islam terutama dalam bentuk penyalahgunaan agama untuk kepentingan satu-satu tujuan serta boleh mengeliru dan memecahkan perpaduan di kalangan umat Islam. Ada kegiatan yang dijalankan sendiri dan banyak pula diserahkan kepada berbagai agensi untuk berbagai kumpulan sasar yang berbeza-beza.

Misalnya Jabatan Penerangan untuk FELDA, Jabatan Belia dan Sukan untuk para belia berpersatuan dan Jawatankuasa Kemajuan & Penerangan Agama Daerah/ Kawasan untuk para belia tak berpersatuan dan masyarakat berbagai lapisan. Kegiatan-kegiatan pengajaran agama biasa akan terus dijalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama dan Yayasan Islam Terengganu. Penyelarasan antara agensi selalu diadakan dari semasa ke semasa.

Apa yang mendukacitakan ialah adanya usaha liar oleh kumpulan-kumpulan atau orang yang tidak bertanggungjawab sentiasa membawa pendekatan salah yang memesongkan fahaman agama umat Islam Terengganu. Mereka dengan terang menyelewengkan hukum-hukum dan konsep-konsep dokterin Islam. Sebagai buktinya pada hari ini kita telah sama-sama menonton tayangan video yang memaparkan gambar-gambar orang dan penyelewengan hukum yang dibuat oleh mereka. Satu contoh yang paling nyata ialah konsep persaudaraan Islam diasaskan kepada ucapan kalimah syahadat tetapi mereka mengasaskan pada kepartian. Islam mengajar umat jangan mencaci dan mencela orang tetapi sepanjang gambar yang kita tonton dalam video tadi mencaci memaki secara beramai-ramai dengan anjuran penceramah tertentu.

Mereka yang lumrah hidup memaki orang ini juga mempunyai banyak ilmu tetapi secara langsung tidak berakhlak

Islam dan terang-terang melanggar perintah Allah untuk menjaga lidah. Firman Allah s.w.t. di dalam ayat 11 surah Al-Hujurat:

**Yang bermaksud:** *"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (kaum lelaki) mencemuh dan merendah-rendahkan satu puak yang lain kerana harus puak yang dicemuhkan itu terlebih baik daripada mereka. Dan janganlah pula kaum wanita mencemuhkan wanita lain kerana harus puak wanita lain itu terlebih baik dari mereka. Janganlah setengah kamu menyatakan keaiban orang lain dan jangan panggil memanggil dengan gelaran buruk. Sesungguhnya amatlah buruknya sebutan nama fasiq sesudah ianya beriman. Sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan itu) maka merekalah orang-orang yang zalim.*

Maka selama ada golongan penyelewengan agama bermaharajalela dengan tidak diberikan penjelasan sebenar sudah tentu akan menutup ajaran Islam yang asal dan menyulitkan usaha kasih sayang. Penguatkuasaan undang-undang manusia ke atas mereka tidak mampu menghapuskan kegiatan ini. Melainkan dengan usaha memaparkan perbandingan secara fahaman ilmu sahaja boleh menolak penyelewengan secara beransur-ansur. Apabila umat sudah faham, maka diharap mereka pasti menolak perbuatan yang tidak bermoral seperti ini; Insya-Allah.

Bagi kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman, usaha ke arah memberi kefahaman Islam akan terus diperhebatkan dalam berbagai cara. Pendekatan dakwah dengan penerangan bergambar mungkin boleh menambah kesan. Mulai bulan Ogos ini semua agensi yang telah diselaraskan akan melancarkan aktiviti masing-masing secara berterusan dalam berbagai acara; seperti ceramah, kursus dan khemah kerja

serta lawatan sambil belajar dari masa ke semasa. Lagi cepat berhentinya gerakan menyelewengkan doktrin Islam ini maka lebih cepatlah dapat membentuk masyarakat pengasih dan bertaqwa seperti yang sama-sama kita idamkan.

Seruan utama yang mesti ditekan ialah mengajak umat Islam bersyukur dengan nikmat Allah yang telah banyak kita perolehi pada hari ini. Bandingkan sahaja di dalam apa-apa bidang sekalipun ternyata kita telah melangkah lebih maju dari semasa ke semasa. Tidak ada suatu pun pembangunan yang makin mundur bahkan semuanya bertambah. Tidak ada suatu pun yang mundur ke belakang bahkan semua maju ke depan. Kalau dahulu tiada kini ada, yang dahulunya kecil kini bertambah besar, dari mundur menjadi maju dan daripada lemah kini sudah bertambah gagah. Semua ini adalah pemberian dari Allah. Maka takutilah amanat Allah di dalam ayat 7 surah Ibrahim, **Yang bermaksud:** "*Dan tatkala tuhan mu memberitahu jika kamu bersyukur nescaya akan ditambah. Dan jika kamu kufur sesungguhnya tunggulah azab Allah yang amat sangat*".

Janganlah kita lupa, Islam mengajar kita bahawa segala-galanya datang dari takdir Allah sedang manusia hanyalah berusaha sahaja. Sabda Nabi s.a.w., **Yang bermaksud:** "*Tuntutlah segala yang dihajati dengan kemuliaan diri yakni penuh bermoral, kerana sesungguhnya segala perkara yang berlaku itu adalah dengan takdir Allah jua.*

Sesungguhnya orang yang bersyukur dengan nikmat Allah mereka tidak tamak dan haloba iaitu menerima apa yang ada. Mereka tiada berdendam kerana tidak dapat dan mereka juga tidak geram sesuatu dihajati sehingga lupa batasan akhlak.

Islam mengajar umat bersyukur ialah bermula dengan terima kasih kepada sesama insan; kerana sesungguhnya sesiapa yang kasih kepada orang yang memberikan sesuatu kepadanya ialah mereka yang berjiwa murni selaras dengan agama dan adat. Sepatah kata orang tua-tua, "Hancur badan dikandung tanah – budi yang baik dikenang jua". Di dalam akhlak Islam Nabi mengajar kita.

**Yang bermaksud:** *"Siapa yang tidak berterima kasih kepada manusia maka tidak bersyukur kepada Allah".*

Oleh kerana itu sesiapa yang bergiat mengajak orang membenci sesama manusia adalah tergolong di dalam kumpulan mereka yang tidak bersyukur dengan nikmat Allah. Serentak dengan itu golongan inilah bertanggungjawab melahirkan masyarakat yang tidak berakhlak dan angkuh dengan diri sendiri. Akhirnya mereka inilah kelak yang bangga dengan penyelewengan dan meruntuhkan kekuatan umat Islam dari dalam; menjadi gunting dalam lipatan dan pagar yang makan padi, waliyazulbillah.

### **Hadirin yang dikasihi**

Kita tidak rela melihat umat Islam terus menjadi hamba. Kita tidak mahu membiarkan segala sumber kekayaan negara kita dimiliki orang. Dan kita tidak boleh berpuashati dengan 'Rezeki secupak tak jadi segantang'. Kita mahu umat Islam menjadi tuan. Kita mahu kuasa negara terus di tangan kita. Dan kita mahu segala sumber alam ini di bawah pengawasan kita. Ini selaras dengan ajaran Islam yang memuliakan orang-orang yang memberi. Sebagaimana sabda Nabi s.a.w.:

**Yang bermaksud:** *"Tangan yang memberi lebih baik dari tangan yang meminta". Seterusnya Nabi S.A.W. membuat ingatan bahawa orang mukmin yang kuat lebih dikasihi Allah. Bagaimana Sabdanya:*

**Yang bermaksud:** *"Orang mukmin yang kuat lebih dikasihi Allah daripada orang mukmin yang daif".*

Maka untuk itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mengisytiharkan WAWASAN 2020 demi menjamin umat Islam tetap maju dengan izin Allah 30 tahun dari sekarang. Jika kita sama-sama yakin kepada pemberian Allah berasaskan usaha manusia dan Allah tidak pernah menzalimi sesiapa; maka wawasan ini mestilah diterima sebagai suatu azam yang boleh menjadi kenyataan. Jika diteliti sesudah 34 tahun merdeka, sudah banyak perubahan berlaku di luar jangka maka tidak mustahil 30 tahun ke hadapan dengan kepakaran yang ada azam boleh menjadi nyata.

Jangan dinafikan bahawa jika kita sama-sama berusaha maka akan lahir satu masa isteri-isteri nelayan menyambut suami pulang berkereta di persisiran; isteri-isteri nelayan menyambut suami pulang berkereta di persisiran; isteri-isteri petani menghantar bekalan ke bendang dengan jip dan isteri-isteri peneroka melayan suami bekerja dengan Trooper di ladang. Negara-negara maju sudah berbuat demikian dan kita yang sedang membangun pasti melangkah maju ke hadapan.

Apa yang penting ialah perubahan SIKAP mesti dimulakan. Tukar sikap dari menyalahkan orang kepada menilai diri; dari sikap menentang kepada sedia berkawan; dari sikap benci membuta tuli kepada sikap Islam iaitu ZAN yang suci; dari sikap alpa kepada sikap peka dan daripada



segala sifat negatif kepada sifat positif. Marilah kita berkasih sayang sesama sendiri dan bersedia menyahut seruan pemerintah dan membantu usaha pemimpin ke arah menjayakan segala perancangan yang diatur.

Bagi pihak kerajaan; saya berazam ingin melahirkan individu yang sihat, berpelajaran tinggi, berakhlak mulia dan bertaqwa kepada Allah. Proses pembangunan insan ini akan berjalan menerusi agensi-agensi yang telah beroperasi sekarang seperti Jabatan Hal Ehwal Agama, Yayasan Islam Terengganu, KUSZA, dan lain-lain agensi kerajaan negeri di samping jabatan-jabatan di bawah kementerian kerajaan pusat. Semua ini sedang giat melancarkan operasi masing-masing. Cuma kita semua perlu bersikap positif dan bertanggungjawab mengawas dan membantu para pegawai yang melaksanakan tugas.

Setiap orang mestilah menyumbangkan tenaga dan fikiran mengikut kapasiti dan keupayaan. Petani mestilah terus menggunakan setiap inci tanahnya untuk mengeluarkan seribu satu macam pertanian; nelayan mestilah bersedia menerima perubahan; pegawai-pegawai mestilah jujur melaksanakan dasar kerajaan dan sabar menghadapi cabaran karimah orang awam dan pentadbiran.

Bagi mereka yang menjadi pemandu teksi, pemandu beca, penjaja dan tukang gunting pun boleh memainkan peranan jika sikap negatif diubah kepada positif iaitu bekerja dengan penuh disiplin dan menjaga masa; baharulah pelanggan puas dan gembira. Sambil menjalankan tugas peribadi boleh pula membantu menjaga imej negara dengan cara menceritakan kebaikan dan mengelak daripada membuat fitnah dan keburukan, kerana di sana tidak ada penyelesaian. Kritikilah ikut saluran.

Jangan sekali-kali hendak memindahkan alasan apabila bersua dengan sebarang masalah. Sebaliknya ambillah tanggungjawab di dalam segala hal demi menjaga imej bangsa dan mengukuhkan kuasa negara. Tegasnya biarlah setiap individu itu menjalankan tugas kepimpinan masing-masing selaras dengan peringatan Nabi s.a.w.:

**Yang bermaksud:** *"Semua kamu adalah gembala yakni pemimpin dan setiap orang pemimpin itu bertanggungjawab ke atas orang yang dipimpinnya"*.

### **Muslim yang dikasihi,**

Segala yang berlaku adalah atas kehendak Allah. Namun begitu aqidah Islam Mazhab Ahlus Sunnah mengajar kita bahawa pemberian dari Allah itu bergantung kepada usaha manusia.

Firman Allah s.w.t. di dalam ayat 11 surah Ar-Ra'd:

**Yang bermaksud:** *"Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah sesuatu yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka sendiri berusaha mengubahnya"*. Maka janganlah kita menyerah bulat-bulat kepada takdir semata-mata tanpa diiringi dengan ikhtiar. Ketahuilah bahawa Allah memberikan sesuatu kepada manusia dalam DUA cara:

- \* Pertama, tanpa usaha segalanya ada, seperti panas matahari, sejuk udara, bekalan air dan lain-lain kemudahan semulajadi tetap Allah berikan kepada semua, hatta haiwan dan tumbuhan tanpa usaha alam.
- \* Kedua, tanpa usaha tidak berjaya. Allah menjanjikannya pemberiannya di dunia kepada

seluruh manusia berdasarkan usaha seseorang. Siapa lebih berusaha dia berjaya dan siapa berpeluk tubuh rezeki di langit tak akan jatuh. Walaupun seorang Islam jika tidak berusaha dia akan merana. Maka terpulanglah sama ada mahu berserah kepada pemberian nikmat semulajadi sahaja ataupun mahu menambah dengan usaha sendiri. Kalau mahu maju perubahan sangat perlu.

Firman Allah s.w.t. di dalam ayat 39 dan 40 surah An-Najm:

**Yang bermaksud:** *"Dan sesungguhnya tidak ada (Balasan) bagi seseorang melainkan (Balasan) apa yang diusahakannya. Dan sesungguhnya hasil usahanya akan diperlihatkan kepadanya.*

Yang demikian jika kita berusaha, maka hanyalah boleh merasakan nikmat cahaya dan kepanasan matahari itu sahaja, sedang apakah manfaat yang banyak lagi hasil daripada sumber matahari itu akan diambil oleh orang lain.

Orang-orang yang maju sudah mampu menggunakan sumber matahari untuk berbagai teknologi tinggi dan mengaut hasil yang lumayan. Demikian juga jika kita berusaha, berbagai kemajuan boleh dicipta daripada hasil air dan angin serta berbagai nikmat Allah tersedia.

Apa yang malang ialah adanya umat Islam sendiri yang mempunyai kepentingan, cuba memesongkan pemikiran rakyat supaya hanya menerima hidup cara mereka serta menolak cara orang lain dan pemerintah. Apalah yang termampu oleh

kita tanpa sokongan dan perancangan pemerintah yang berkuasa? Sekalipun didakwa ingin membuat itu dan ini; namun ia hanya bersifat politik sahaja kerana praktiknya hanya boleh dilakukan oleh pemerintah yang berkuasa; itupun tertakluk kepada setakat mana ada kemampuan kepakaran perancang dan pentadbir, masa, wang dan barang. Buat masa ini segala kepakaran belum lagi dimiliki oleh umat Islam. Kumpulan mana jua pun memerintah Malaysia maka tahap yang ada inilah sahaja kemampuan kita. Sebab itulah apabila PAS diberi berkuasa memerintah Kelantan dengan 100% dari golongan sebulu dengannya tidak boleh berbuat apa-apa.

Dalam keadaan sekarang, kalau hendak dikatakan kononnya kerajaan kita tidak mahu menghapuskan perkara yang bercanggah dengan syarak maka lihatlah di Kelantan; pajak gadai cara riba terus ada di setiap jajahan, pusat-pusat permainan video dan snooker dalam bandar Kota Bharu ada di mana-mana. Kelab malam dan kedai-kedai gunting wanita terus menjolok mata dan pengedar arak di hadapan mata. Usahkan mereka menutup pusat-pusat maksiat begini sedang kedai menjual daging haram pun secara terbuka tidak mampu lagi diasing dari lorong menjual ayam dan sayur orang Melayu. Inilah bukti bahawa cakap semuanya mudah tetapi bila hendak praktik pasti menghadapi masalah.

Semua yang disebut sebagai contoh ini adalah hanya di bawah pentadbiran Majlis Berkuasa Tempatan serta di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan tidak ada sekatan kerajaan pusat sekali-kali. Mengapa ini pun tidak boleh dibuat? Alhamdulillah dengan bukti kerajaan Kelantan ini terjawablah apa yang telah kita lakukan selama ini adalah sesuatu yang termampu oleh kita; bukan kerana tidak mahu tetapi kerana belum mampu. Semoga Allah memberikan petunjuk kepada

mereka yang fanatik dengan pendekatan khayalan sendiri dan diharap akan berhenti dari terus membuat tuduhan kepada orang.

Oleh hal yang demikian marilah kita kembalikan sikap hidup kita kepada akhlak Islam iaitu dengan mengamalkan sangka baik kepada sesama Islam iaitu HUSNUZ ZAN. Firman Allah s.w.t. di dalam ayat 12 surah Al-Hujurat, **Yang bermaksud:** "*Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah daripada kebanyakan sangka buruk "Suuz Zan". Sesungguhnya setengah daripada sangkaan itu adalah dosa*".

Bagi rakyat hendaklah berhati-hati apabila mendengar berita yang berbentuk mengenakan orang. Bagaimana amaran Allah dalam ayat 6 surah Al-Hujurat:

**Yang bermaksud:** "*Wahai orang-orang yang beriman! Apabila datang orang fasiq membawa berita hendaklah kamu teliti atau siasat buktinya kerana ia akan mengenakan sesuatu kaum dalam keadaan tidak tahu maka kelak kamu akan menyesal*".

Jika sangka buruk dapat dibuang dan berita angin dapat ditolak maka akan terhindarlah kebencian di kalangan sesama Islam dan akan lahirlah rasa kasih tanpa kepuakan. Sesungguhnya memerangi fitnah dan menolak berita yang boleh menimbulkan kebencian adalah suatu jihad melawan nafsu hasutan syaitan dan menjamin seorang individu itu bersih hati, berakhlak mulia dan bersifat taqwa Insya Allah.

Semoga dengan azam bersama ingin kembali ke pangkuan akhlak Islam maka Allah akan menolong kita menyegerakan kejayaan perjuangan bersama untuk membentuk masyarakat yang pengasih dan bertaqwa.

Melalui kata-kata dan harapan tersebut maka dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani "Bismillahir Rahmanir Rahim", saya merasmikan Program "Ke Arah Masyarakat Pengasih dan Bertaqwa" Anjuran Jawatankuasa Kemajuan & Penerangan Agama Negeri Terengganu Darul Iman dilancarkan. Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullhi Wabarakatuh.

*(Ucapan pada Hari Pelancaran Program 'Ke Arah Masyarakat Pengasih Dan Bertaqwa di Kuala Terengganu pada 27 Jun 1991).*

## **PETROLEUM POTENSI BAGI INDUSTRI SOKONGAN**

Saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Bank Pembangunan Malaysia kerana telah berusaha menganjurkan Simposium yang bertemakan "PETROLEUM – POTENSI BAGI INDUSTRI-INDUSTRI SOKONGAN" di Kuala Terengganu ini. Daya usaha yang diambil oleh Bank Pembangunan Malaysia ini tentu sekali akan dapat mendedahkan peluang-peluang perniagaan dan perusahaan yang dapat dilibati oleh peniaga, pelabur dan pengusaha dari Negeri Terengganu khasnya dan Malaysia dan luar Malaysia, amnya.

Sebagaimana saya nyatakan awal-awal lagi bahawa pengeluaran petroleum dapat memberi nafas yang baru kepada Negeri Terengganu. Hakikat ini ternyata bila perbandingan dibuat di antara kedudukan ekonomi Negeri Terengganu sebelum dan selepas pengeluaran petroleum berlaku di negeri ini. Sebagaimana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, petroleum mula mengalir dari pantai Negeri Terengganu dalam tahun 1978. Sebelum tahun tersebut kedudukan ekonomi Negeri Terengganu jauh ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri lain yang maju di Malaysia ini. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Perkapita bagi Negeri Terengganu dalam tahun 1977, misalnya, cuma berada di paras 57% berbanding dengan KDNK perkapita negara.

Perkembangan ekonomi Negeri Terengganu dalam tahun 1975 hingga tahun 1977 adalah dalam lingkungan 10 peratus setahun. Walaupun kadar perkembangan ini boleh dibanggakan akan tetapi perlu diingatkan bahawa asas ekonomi Negeri Terengganu ketika itu sangat kecil iaitu KDNK negeri ini dalam tahun 1975 adalah sebanyak RM357.8 juta dan tahun 1977 sebanyak RM434.9 juta sahaja.

Sektor yang terbesar dalam ekonomi Negeri Terengganu dalam tahun 1977 adalah sektor pertanian yang meliputi perhutanan, ternakan dan perikanan. Sumbangan sektor tersebut terhadap KDNK dalam tahun 1977 adalah sebanyak 46.7%. Sektor kedua terbesar ialah sektor perkhidmatan yang menyumbang sebanyak 39.9% sedangkan sektor-sektor lain seperti pembuatan dan pembinaan masing-masing cuma menyumbang sebanyak 7.9% dan 3.8% sahaja terhadap ekonomi Negeri Terengganu dalam tahun 1977. Sektor yang memberi sumbangan yang terkecil sekali terhadap kedudukan ekonomi Negeri Terengganu ketika itu ialah sektor perlombongan termasuk kuari sebanyak 1.7% sahaja. Dari perangkaan di atas jelas kepada kita bahawa ekonomi Negeri Terengganu amat kuat bergantung kepada sektor pertanian untuk mendorong pembangunan ekonominya. Selain daripada perangkaan tersebut di atas, angka tunjuk kadar kemiskinan dan kadar pengangguran juga menggambarkan bahawa keadaan sosio-ekonominya amat kurang memuaskan. Dalam tahun 1977 kadar kemiskinan di Negeri Terengganu berada di paras 62.7% dan kadar pengangguran pula sebanyak 10.4%. Kadar-kadar ini memang jauh dari memuaskan dengan ukuran apa jua pun digunakan atau dibandingkan.

Penggantungan yang berlebihan kepada sektor pertanian untuk mendorong pembangunan ekonomi sesebuah negara, dari pengalaman negara-negara yang maju seperti Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah Barat, mempunyai batasan-batasan



tertentu. Pertanian juga mempunyai had-had pengeluarannya dan mempunyai risiko yang lebih tinggi seperti terdedah kepada banjir, kemarau, serangan musuh dan penyakit. Untuk mencapai tahap pembangunan yang lebih tinggi negara-negara maju yang saya sebutkan di atas telah mempelbagaikan asas ekonomi mereka melalui memperluaskan sektor perusahaan mereka. Jalan yang dilalui oleh negara-negara maju yang terbukti kejayaannya perlulah dicontohi oleh negara-negara membangun dan Negeri Terengganu tidak terkecuali daripada landasan pengalaman ini. Mempelbagaikan asas ekonomi Negeri Terengganu dengan menekankan kepada peranan sektor perusahaan adalah menjadi dasar Kerajaan Negeri Terengganu sekarang dengan tidak mengabaikan kemahuan yang perlu dicapai sama dalam sektor pertanian dan juga sektor-sektor lain. Dasar tersebut kini tidak lagi menjadi impian atau keterlaluhan dengan dikurniakan Tuhan sumber petroleum di Negeri Terengganu yang mula dikeluarkan dalam tahun 1978. Keadaan ekonomi yang sentiasa muram di Negeri Terengganu sebelum tahun 1978 telah mula bersinar kembali dan semenjak itulah nafas baru yang saya sebutkan itu diperolehi. Kerajaan Negeri sedar bahawa nafas baru yang diperolehi ini perlulah dipergunakan dengan sebaik-baiknya oleh semua pihak termasuk pihak yang berkuasa mengendalikan pengeluaran petroleum ini dan penguasa-penguasa yang mengguna bahan tersebut agar Negeri Terengganu tidak akan kesesakan nafas semula sebelum ianya sampai ke destinasi yang hendak ditujuinya. Nafas baru ini perlu dijaga supaya sentiasa segar dan subur yang dapat memberi khidmat yang cergas dan nikmat yang berpanjangan kepada rakyat dan Negeri Terengganu.

Bermulanya pengeluaran petroleum di Negeri Terengganu dalam tahun 1978 dan dengan perancangan pendaratan gas dalam tahun 1984 ini beberapa projek utama telah dan sedang dilaksanakan. Dengan bermulanya

pengeluaran petroleum dalam tahun 1978 dan pelaksanaan projek-projek Logi Penapis Minyak, Pengkalan Bekalan Petroleum dan lain-lain, pembangunan ekonomi Negeri Terengganu mula menunjukkan perubahan. Kesan pertama yang didapati oleh Kerajaan Negeri Terengganu ketika petroleum mula mengalir keluar ialah peningkatan hasil Kerajaan Negeri melalui royalti petroleum sebanyak 5% daripada pengeluaran kasar Petroleum ini. Dalam tahun 1978 hasil daripada royalti petroleum yang diperolehi adalah sebanyak RM13.2 juta dan dalam tahun 1983 sebanyak RM206 juta. Dengan pengeluaran petroleum di Terengganu itu Negeri Terengganu telah diberi gelaran "KUWAIT OF MALAYSIA" yang mana kepada saya tidak tepat langsung kerana Terengganu tidak mempunyai kuasa sepenuhnya terhadap petroleum yang terdapat di negeri ini sebagaimana Kuwait mempunyai kuasa terhadap sumber petroleum di negaranya. Mungkin panggilan "5% Kuwait of Malaysia" adalah lebih tepat.

Ekonomi Negeri Terengganu telah mengalami pertumbuhan yang pesat semenjak perusahaan petroleum bermula di negeri ini iaitu dari tahun 1978 sehingga tahun 1983. Dalam tempoh lima tahun yang berkenaan KDNK Negeri Terengganu berkembang dengan kadar purata 14.2% setahun, satu kadar peningkatan yang amat menakjubkan berbanding dengan perkembangan di tahun-tahun sebelumnya dan juga dengan perkembangan ekonomi nasional yang mengalami peningkatan purata sebanyak 6.5% setahun. Dengan peningkatan ekonomi yang begitu pesat dalam lima tahun yang lepas, KDNK perkapita Negeri Terengganu telah mencapai paras 86% daripada KDNK perkapita negara berbanding dengan tahap 60% dalam tahun 1978.

Di pandang dari segi sumbangan sektor-sektor utama pula, didapati bahawa sektor pertanian, walaupun masih

merupakan sektor terpenting, sumbangannya terhadap KDNK negeri telah menurun dari 46.7% dalam tahun 1977 kepada 34.0% dalam tahun 1983. Manakala sektor perlombongan dan kuari telah meningkat dari 1.7% dalam tahun 1977 kepada 25.7% dalam tahun 1983. Sedang sektor perlombongan meningkat dengan tinggi. Didapati bahawa sektor-sektor lain seperti pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan tidak dapat mencapai perkembangan yang setaraf. Ini membuktikan bahawa kadar pengeluaran dalam sektor-sektor ini masih rendah dan penarikan bagi pengusaha untuk menubuhkan kilang-kilang pembuatan di Negeri Terengganu belum lagi mencukupi walaupun bahan petroleum terdapat di Negeri Terengganu.

Gambaran yang saya paparkan di atas nampak begitu cerah sekali dalam arena pembangunan ekonomi Negeri Terengganu. Tetapi apabila diperhati dengan lebih terperinci keadaannya kurang menyenangkan. Misalnya, KDNK perkapita Negeri Terengganu dalam tahun 1981 telah mencapai 85% daripada KDNK perkapita negara dan dalam tahun 1983 cuma dapat meningkat kepada paras 86% iaitu pertambahan sebanyak 1% sahaja dalam tempoh dua tahun ke belakngan ini. Kedudukan ini jelas membayangkan bahawa pengeluaran petroleum bersama-sama dengan perusahaan-perusahaan yang berkaitan dengannya setakat ini telah mencapai peringkat yang mendatar dan tidak berkemampuan lagi untuk memberi sumbangan yang banyak terhadap KDNK Negeri Terengganu. Sementara itu Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat melaporkan bahawa dalam tahun 1982 Negeri Terengganu masih mempunyai 51.2% daripada isi rumahnya di bawah garis kemiskinan. Kadar penganggurannya juga adalah tinggi iaitu sebanyak 8%. Keadaan ini menunjukkan bahawa kemunculan perusahaan petroleum di Negeri Terengganu belum lagi dapat mengurangkan kadar kemiskinan dan pengangguran dengan banyaknya di Negeri Terengganu.

Penyerapan dan kesan projek-projek perusahaan petroleum di Negeri Terengganu terhadap rakyat tempatan belum lagi dapat diperlihatkan dengan jelas. Oleh hal yang demikian adalah wajar agar langkah-langkah yang positif ditumpukan supaya perusahaan petroleum ini dapat benar-benar memainkan peranan yang amat penting bagi kemajuan sosio-ekonomi rakyat di negeri ini.

Sebagai matlamat jangka panjang Kerajaan Negeri Terengganu telah menetapkan agar KDN perkapita Negeri Terengganu adalah setaraf dengan KDNK perkapita nasional menjelang tahun 2000. Kadar kemiskinan juga dirancang agar dapat dikurangkan kepada paras 30% sahaja menjelang akhir kurun kedua puluh ini. Matlamat ini menekankan supaya ekonomi negeri ini berkembang dengan memberi tumpuan kepada pembahagian pendapatan yang lebih saksama di kalangan rakyat serta penyertaan bumiputera tempatan khususnya bersesuaian dengan keadaan setempat. Pelan Induk Negeri Terengganu yang disediakan oleh pakar perunding dengan dipandu oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri telah mendapat perhatian daripada Kerajaan Persekutuan. Berdasarkan kepada matlamat-matlamat di atas, Pelan Induk Negeri mengesyorkan supaya Negeri Terengganu melaksanakan strategi pertumbuhan sederhana. Ekonomi Negeri Terengganu seharusnya berkembang sebanyak 7.0% setahun untuk tempoh 1981 - 1990 dan 7.4% setahun untuk tempoh 1991 - 2000. Dengan kadar pertumbuhan tersebut, Negeri Terengganu akan mencapai 90% KDNK perkapita negara pada tahun 1990 dan 100% pada tahun 2000.

Dari segi strategi pembangunan keseluruhan bagi Negeri Terengganu, Pelan Induk ini mencadangkan supaya negeri tersebut menggunakan sepenuhnya perolehan dan sumber petroleum untuk:

- (i) Membina asas perindustrian yang kukuh untuk memajukan industri-industri yang berkaitan dengannya;
- (ii) Menyusun semula ekonomi luar bandar dengan tujuan meningkatkan pengeluaran dan pendapatan sektor pertanian supaya jurang perbezaan pendapatan di antara isi rumah bandar dan luar bandar dapat dikurangkan; dan,
- (iii) Memajukan satu rangkaian penempatan yang bersepadu untuk membantu dan menggalakkan pembangunan ekonomi di samping pengagihan faedah-faedah dari pertumbuhan ekonomi secara lebih seimbang.

Dari segi strategi pembangunan menurut sektor pula, sektor perlombongan dan kuari dirancang untuk berkembang sebanyak 7% setahun dalam tempoh 1981 - 1990, pembuatan sebanyak 10% setahun, pembinaan 15% setahun, perkhidmatan 6.5% setahun dan pertanian 5.5% setahun. Manakala bagi tempoh 1991 - 2000 sektor pembuatan dirancang untuk berkembang dengan lebih pesat lagi iaitu dengan kadar 14.5% setahun, sektor pembinaan 13.5% setahun, sektor pertanian, perlombongan dan kuari masing-masing 5% setahun dan perkhidmatan 7% setahun.

Perancangan dan matlamat di atas dibentuk berasaskan sumber petroleum yang akan memainkan peranan terpenting bagi mendorong pembangunan ekonomi Negeri Terengganu terutama dalam sektor pembuatan dan pembinaan. Mungkin timbul pendapat bahawa Negeri Terengganu terlalu mendesak tentang kegunaan petroleum sepenuhnya bagi kepentingan pembangunan Negeri Terengganu. Mungkin sekali sekala timbul desakan dari Kerajaan Negeri tentang projek-projek

yang berasaskan petroleum untuk ditempatkan di Negeri Terengganu ini. Kepada saya desakan sedemikian dari Kerajaan Negeri tidak seharusnya berlaku sekiranya pihak yang bertanggungjawab untuk mengawasi sumber petroleum benar-benar memahami Dasar Ekonomi Baru dan menggunakan sumber ini sepenuhnya bagi mencapai tujuan tersebut. Dasar Ekonomi Baru, antara lain, adalah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Membasmi kemiskinan dimaksudkan bukan sahaja mengurang jurang perbezaan pendapatan antara individu malah antara negeri yang kurang maju dengan negeri-negeri yang lebih maju di Malaysia ini. Terengganu adalah salah sebuah negeri yang kurang maju. Peluangnya telah timbul dengan terdapatnya bahan petroleum di Negeri Terengganu untuk dipergunakan sebaik-baiknya bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru ini. Jika bahan petroleum ini dikeluarkan tanpa memberi manfaat kepada penduduk tempatan dan sebaliknya memberi nikmat kepada pelabur, pemborong dan pengusaha asing pada pendapat saya lebih baik bahan ini di'conserve'kan sahaja sehingga satu ketika ianya dapat benar-benar memberi manfaat kepada negeri dan rakyat di negeri ini.

Setakat apa yang berlaku di Negeri Terengganu berhubung dengan bahan petroleum ini terus terang saya nyatakan **Kerajaan Negeri tidak berpuas hati tentang penglibatan rakyat tempatan dalam projek-projek yang berkaitan dengannya baik sebagai pengusaha, pelabur, pemborong atau pekerja.** Permintaan demi permintaan dimajukan oleh Kerajaan Negeri agar agensi kerajaan seperti Petronas, Lembaga Elektrik Negara dan Perbadanan Perusahaan Berat memberi perhatian tentang penglibatan bumiputera tempatan dalam projek-projek mereka sekurang-kurangnya sebagai sub-kontraktor dan pekerja. Sekurang-kurangnya Kerajaan Negeri mengharapkan agensi-

agensi ini mensyaratkan kepada kontraktor utama mereka untuk memenuhi permintaan Kerajaan Negeri ini. Yang mendukacitakan saya adalah saya tidak dapat lari dari perasaan seolah-olah penglibatan bumiputera tempatan dan menyusun semula masyarakat adalah tanggungjawab sepenuh di atas Kerajaan Negeri manakala agensi-agensi tersebut khasnya Hicom tidak memberi tumpuan yang sewajarnya. Perangkaan menunjukkan bahawa penglibatan rakyat Negeri Terengganu dalam sektor pembuatan adalah amat kecil.

Apa yang telah berlaku tetap berlalu tetapi ia seharusnya diambil sebagai satu iktibar dengan membetulkan semua kepincangan yang tidak memenuhi hasrat matlamat Dasar Ekonomi Baru khususnya projek-projek yang akan dilaksanakan pada masa akan datang. Jika kita sesat jalan kita harus balik ke pangkal jalan. Walaupun projek-projek besar yang berasaskan gas dan petroleum telah terlaksana di Negeri Terengganu dengan penglibatan bumiputera dan rakyat tempatan yang kurang memuaskan saya percaya masanya belum lewat bagi membuka peluang kepada mereka untuk mengambil bahagian dalam industri-industri sokongan. Industri-industri sokongan ini adalah perusahaan, perdagangan atau perkhidmatan secara langsung atau tidak langsung untuk menampung keperluan projek-projek berasaskan petroleum dan gas ini. Di samping itu industri-industri 'downstream' yang lain perlu diwujudkan supaya sumber petroleum dan gas dapat mewujudkan satu perusahaan yang 'integrated' di Negeri Terengganu.

Sehubungan dengan ini sukalah saya mencadangkan supaya agensi-agensi yang berkenaan seperti Petronas, Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia dan Lembaga Elektrik Negara menyediakan pelan perancangan jangka panjang masing-masing dengan matlamat pencapaian integrasi yang penuh berpunca dari projek-projek yang mereka tubuhkan di

Negeri Terengganu pada masa ini. Dalam perancangan itu peluang-peluang penyertaan bumiputera hendaklah diberi keutamaan dan dijelaskan dengan nyatanya. Pelan ini seharusnya disediakan dengan seberapa segera kerana kita tidak ingin melihat rakyat tempatan sekali lagi tertinggal dalam menyertai peluang-peluang yang lahir nanti.

Selain daripada rancangan integrasi sepenuhnya berdasarkan sumber petroleum dan gas itu, saya juga berpendapat bahawa akan timbul juga peluang-peluang perusahaan lain secara tidak langsung seperti menggunakan gas sebagai bahan pembakar bagi memproses bahan-bahan asli yang lain yang terdapat di Negeri Terengganu ini. Perusahaan itu termasuklah perusahaan memproses silica dan tanah liat antara lainnya. Dalam kedua-dua perkara ini iaitu sama ada perusahaan-perusahaan ke arah integrasi sepenuhnya berasaskan sumber petroleum atau perusahaan memproses bahan tempatan menggunakan gas sebagai bahan pembakar seharusnya menekankan tentang betapa pentingnya tentang daya usaha dan kepakaran pengusaha-pengusaha bumiputera dan rakyat bumiputera dan rakyat tempatan yang berminat dalam lapangan-lapangan yang berkaitan itu. Walaupun saya telah menegaskan tentang sokongan dan kerjasama agensi-agensi kerajaan untuk membuka peluang kepada pengusaha-pengusaha bumiputera dan rakyat tempatan, ini tidak bermakna mereka seharusnya berdiam diri dan menunggu yang bulat datang menggolek dan yang pipis datang melayang. Saya juga menggesa mereka supaya membuat persediaan secukupnya seperti menyediakan modal, melengkapi dengan pengetahuan pengeluaran, menyelesaikan keadaan pemasaran dan hal-hal lain yang berhubungan dengan lapangan perusahaan yang mereka ingin ceburi. Saya tidak ingin melihat peluang-peluang yang disediakan nanti namanya sahaja disertai oleh bumiputera tetapi hakikatnya diselubungi dengan berbagai pakatan yang akhirnya merugikan bumiputera sendiri dan mengkhianati pencapaian Dasar Ekonomi Baru.



Saya sedar bahawa untuk menarik pelaburan dan projek perusahaan di Negeri Terengganu ini kemudahan awam dan sosial yang diperlukan oleh pengusaha perlulah dilengkapi. Dalam hubungan ini Kerajaan Negeri sentiasa berusaha meningkatkan kemudahan awam dan sosial bagi menampung keperluan-keperluan pelabur-pelabur. Kawasan-kawasan perusahaan di tiap-tiap daerah dilengkapi dengan kemudahan asas kebanyakannya telah disediakan oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu. Dari segi pentadbirannya pula, Kerajaan Negeri telah pun menubuhkan 'One Stop Agency' yang ditempatkan di bawah Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk menyelesaikan masalah pengusaha-pengusaha berkaitan dengan pentadbiran kerajaan. Langkah-langkah juga telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk melatih belia-belia negeri sama ada di institusi latihan dan pengajian dalam negeri mahu pun di luar negeri supaya mereka dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang dijangka diperlu oleh perusahaan-perusahaan yang akan lahir di Negeri Terengganu ini. Pendaftaran bakal-bakal pekerja disediakan di Unit Perancang Ekonomi Negeri agar dapat membantu pengusaha yang mencari pekerja yang mempunyai kemahiran tertentu.

Dengan persediaan-persediaan yang telah dan akan diusahakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu ini saya percaya sebahagian besar daripada keperluan pengusaha-pengusaha telah pun ada di Negeri Terengganu ini. Dalam konteks negeri dan rakyat Terengganu yang jauh ketinggalan selama ini saya tetap mempertahankan dasar Kerajaan Negeri supaya peluang-peluang perusahaan dan pekerjaan yang timbul terutama berasaskan gas dan petroleum di Negeri Terengganu ini hendaklah diutamakan kepada bumiputera dan rakyat negeri ini. Jika dasar ini tidak diperjuangkan nescaya jurang ketinggalan yang dialami oleh rakyat Negeri Terengganu selama ini dengan rakyat-rakyat di negeri-negeri yang lebih maju tidak akan dapat dikurangkan buat selama-lamanya.

Dasar kenegerian ini mungkin menakutkan bakal-bakal pelabur dari luar Negeri Terengganu ini. Kerajaan Negeri sedar akan akibat dasar ini dan dasar tersebut juga digubal dengan beberapa "flexibility". Kerajaan sedar kemampuan pengusaha bumiputera tempatan baik dari segi kewangan, kepakaran dan lain-lain lagi tidak mencukupi. Kerajaan Negeri menyokong supaya 'joint-venture' di antara pengusaha luar dengan pengusaha tempatan ditubuhkan. Jika masih belum terdapat pengusaha tempatan yang mampu memasuki 'joint venture' berkenaan ia boleh dilakukan dengan penyertaan agensi-agensi Kerajaan Negeri yang mana akan memegang bahagian modal berkenaan sebagai amanah kepada bumiputera tempatan sehinggalah mereka mampu menceburi diri dalam lapangan tersebut. Begitu juga halnya dengan pekerja-pekerja dalam industri yang ditubuhkan di Terengganu ini. Keutamaan hendaklah diberi kepada bumiputera tempatan melainkan telah dibukti dengan sahnya bahawa tidak terdapat bumiputera tempatan yang mempunyai kepakaran dan kemahiran yang dikehendaki maka bolehlah jawatan-jawatan itu disandang oleh orang lain.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin menyentuh sedikit tentang Dasar Pertanian Berkelompok dan pengumpulan kampung-kampung yang berdekatan untuk dijadikan bandar kecil yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia semasa membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat di Dewan Rakyat pada 29hb. Mac, 1984. Terlebih dahulu perlu saya nyatakan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu menyokong penuh terhadap dasar tersebut dan akan berusaha sedaya upayanya untuk mencapai tujuan murni dasar itu. Selain daripada mencantumkan tanah-tanah pertanian yang kecil untuk dijadikan estet, dasar ini juga menekankan tentang penubuhan industri kecil di bandar-bandar kecil yang

diwujudkan itu berasaskan sumber alam tempatan. Untuk mencapai tujuan dan matlamat di bawah dasar yang dimajukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu Kerajaan Negeri akan menekankan tentang sebaran industri yang akan tumbuh di negeri ini ke bandar-bandar kecil yang akan ditubuhkan itu. Adalah diharapkan industri yang dibina berasaskan gas dan petroleum yang merupakan sumber alam di negeri ini akan merintis jalan terhadap pencapaian matlamat dasar tersebut.

*(Ucapan pada perasmian Simposium Industri dan Pembangunan di Bilik Gerakan Negeri, Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu pada 19 April 1984).*

# MENGHAYATI KANDUNGAN AL-QURAN

Adalah telah menjadi tradisi kerajaan kita sejak 20 tahun yang lalu upacara musabaqah seumpama ini disusun dan dijalankan oleh kerajaan pada tiap-tiap tahun dengan tujuan dan harapan moga-moga rakyat akan bersama-sama sedar dan dapat menghayati kandungan di samping menikmati segala kalimah-kalimah Allah yang dilaungkan dengan nada suasana yang indah dan baik sesuai dengan Firman Allah s.w.t.

**Yang bermaksud:** *"Dan hendaklah kamu membaca Al-Quran dengan penuh tertib dan bersopan".*

Upacara yang dijalankan oleh UMNO Perhubungan pada malam ini adalah sejajar dengan kehendak dasar kerajaan pada hari ini untuk mengembalikan semangat dan roh Islamiah di kalangan rakyat jelata yang terdiri dari berbagai-bagai kaum. Satu langkah yang paling nyata dan jelas kepada kita melalui pertandingan-pertandingan yang dianjurkan ini ialah wujudnya qari-qari dan qariah-qariah yang bermutu dari semasa ke semasa serta mampu pula menarik perhatian setengah-setengah golongan masyarakat ke arah meminati dan mempelajari kandungan Al-Quran.

Memanglah benar bahawa sesuatu itu tidak akan bermula jika ia tidak diperkenalkan, dan begitulah juga dengan cara kita untuk memperkenalkan dan menghidupkan kembali suasana disiplin hidup berpandukan Al-Quran kepada

masyarakat dan rakyat negeri ini. Tidak syak dan ragu lagi bahawa UMNO sebagai satu parti politik yang mendukung pemerintahan negara pada masa ini, yang telah diberi mandat dan memikul tanggungjawab terhadap rakyat, melalui mandat yang telah diserahkan kepadanya, tentunya akan cuba mencari jalan ikhtiar untuk melakukan apa juga corak aktiviti dan kegiatan yang boleh memberi keuntungan kepada masyarakat Islam dan masyarakat Melayu khususnya. Perjuangan dan cita-cita yang terkandung dalam hasrat kerajaan, ialah untuk meninggi dan melaksanakan segala apa jua corak pembangunan yang akan membawa keuntungan kepada rakyat jelata. Menyentuh dalam soal ini suatu unsur penting yang perlu ditekankan ialah untuk menentukan haluan dan arus perjalanan umat bangsa kita kepada suatu matlamat yang seimbang antara duniawi dan ukhrawi.

Bagi melaksanakan cita-cita ini maka gerakan-gerakan dakwah dan juga aktiviti-aktiviti yang bercorak agama adalah diberi keutamaan oleh kerajaan sebagai suatu langkah untuk menghalakan pandangan dan corak hidup masyarakat kita kepada suatu suasana keislaman dan suatu corak hidup yang boleh diterima oleh segenap lapisan masyarakat. Oleh kerana kita semua sedar bahawa cabaran-cabaran zaman terhadap kehidupan umat manusia pada hari ini makin berleluasa, maka suatu corak hidup yang boleh menahan dari segala dugaan dan cabaran itu perlulah dibentuk. Pembangunan yang hanya semata-mata tertumpu kepada unsur-unsur kebendaan tidak akan berjaya mencipta suasana kehidupan yang bahagia jika sekiranya tidak diambil kira unsur-unsur kerohanian dan unsur-unsur nilai hidup yang disarankan oleh Allah S.W.T. di dalam Al-Quran.

Pada hemat saya sudah sampailah masanya untuk masyarakat kita kembali di bawah suatu naungan Al-Quran dan bersatu padu menuju ke arah matlamat yang diredhai oleh

Allah S.W.T. dengan kita melupai segala unsur-unsur persengketaan sesama sendiri yang terbit dari perasaan tidak puas hati, hasad dengki ataupun dari perasaan sentimen kebendaan dan sentimen kepartian. Suatu cara yang paling damai dan harmoni dalam kehidupan manusia ialah berpandukan kepada unsur ketenangan di samping bersyukur kepada Allah S.W.T. atas nikmat kedamaian dan ketenangan yang telah kita nikmat selama ini. Bacalah firman Allah S.W.T. dalam Al-Quran yang berbunyi:

**Yang bermaksud:** *"Tidakkah dengan mengingati Allah itu mendatangkan ketenangan kepada hati sanubari?"*

Dengan berkat Musabaqah Al-Quran yang dianjurkan oleh Badan Perhubungan UMNO pada malam ini dan juga upacara-upacara agama lain yang dianjurkan oleh Kerajaan dan juga badan-badan sukarela menjadi suatu contoh dan teladan kepada kita untuk menimba segala peluang dan segala intisari kegiatan itu untuk dijadikan pedoman hidup kita sehari-hari. Kerajaan sentiasa sedar bahawa perpaduan umat bangsa kita tidak akan wujud kecuali dengan kita sama-sama memahami dengan sedalam-dalamnya pengertian persaudaraan dan perpaduan yang diutarakan oleh Allah S.W.T. sebagaimana firman-Nya:

**Yang bermaksud,** *"Sesungguhnya orang-orang mukmin itu adalah bersaudara, maka hendaklah kamu berbaik-baik di antara saudara kamu".*

Saya merasa ragu dan bimbang akan wujudnya golongan-golongan yang berpaling dari prinsip ini dengan merasakan diri mereka sebagai orang-orang yang mulia dan orang-orang yang mempunyai martabat yang tinggi di antara rakan-rakan mereka. Kemungkinan wujudnya perasaan ini makin jelas sekali dalam masyarakat kita dengan timbulnya puak-puak

yang masih menggunakan sentimen kepartian dan menggunakan sentimen keagamaan dan membeza-bezakan antara satu golongan dengan golongan yang lain. Setelah berlakunya perkara ini maka timbullah pengasingan yang boleh membawa kepada masalah-masalah agama dan menentukan puak-puak dan pengikut-pengikut mereka mengikut pengaruh dan populariti masing-masing.

Saya yakin dan saya percaya bahawa ubat yang paling mujarab kepada kita untuk memulihkan segala gejala yang saya nyatakan tadi ialah dengan berpandukan kepada Al-Quran dan kembali kepada ajaran serta disiplin dan nilai kehidupan Islam yang sejati. Dan ingatlah akan firman Allah s.w.t. **Yang bermaksud**, "*Dan sesungguhnya kami telah menetapkan dalam kitab Zabur selepas memberi peringatan bahawa sesungguhnya bumi itu akan diwarisi oleh hamba-hambaku yang soleh sahaja*".

Untuk mendapatkan jolokan soleh bukanlah suatu perkara yang mudah bahkan ia perlulah difahami dan dimengerti dengan sedalam-dalamnya terhadap konsep dan perjuangan hidup insan. Oleh kerana kehidupan manusia ini adalah bercorak masyarakat maka unsur utama untuk menjadi masyarakat yang soleh ialah dengan menjaga dan mengamal segala amalan-amalan yang telah diutarakan oleh Al-Quran yang sesuai dengan kehendak dan keperluan hidup umat manusia.

Kerajaan pada masa ini sedang mengambil langkah untuk mencipta masyarakat berbilang kaum dan bangsa yang ada di negara kita ini sebagai suatu masyarakat yang boleh didisiplinkan dengan suatu corak universal yang berlandaskan

kepada nilai-nilai dan disiplin hidup Islam. Oleh itu kerajaan telah menubuhkan berbagai institusi agama dan dakwah guna untuk mendekatkan perhatian semua bangsa yang ada dalam negeri ini terhadap suatu corak kehidupan yang saya maksudkan tadi. Di samping itu badan-badan agama seperti ini juga diberi tugas untuk meninggi dan meningkatkan lagi mutu kehidupan dan kesedaran beragama masyarakat Melayu sendiri.

Tertubuhnya Yayasan Islam Terengganu merupakan suatu langkah kerajaan untuk mencari jalan ke arah itu dan ianya telah diberi tugas bukan sahaja untuk meninggi dan meningkatkan kegiatan-kegiatan dakwah dan agama, tetapi ianya juga diberi tugas untuk meninggi dan meningkatkan lagi sumber ekonomi masyarakat Islam di negeri ini melalui rancangan-rancangan pembangunan dan pelaburan yang mana hasilnya akan kembali kepada masyarakat Islam seluruhnya.

Di samping wujudnya Yayasan Islam, institusi-institusi agama lain juga giat melaksanakan tugas masing-masing dengan harapan dan matlamat bahawa disuatu masa nanti masyarakat Islam di negeri ini akan benar-benar kukuh dan padu aman dan makmur serta berdaulat dalam negaranya sendiri.

Kalau kita kembali merenung sejenak kepada sejarah pembangunan Islam dipertengahan abad ke-5 yang lalu maka akan terlihat kepada kita betapa gagah dan kuatnya masyarakat Islam diketika itu sehingga dapat menakluki dan meluaskan empayar Islam sehingga ke Eropah, Afrika dan Asia ialah disebabkan oleh kerana semangat dan perpaduan yang ada di kalangan umat Islam ketika itu adalah benar-benar tulen dan berpandukan kepada nilai-nilai moral yang mulia. Bersih dari sifat hasad dengki. Degil dan tunduk kepada kebenaran. Kekuatan-kekuatan kerajaan-kerajaan lain di dunia ini juga



berdasarkan kepada perpaduan dan nilai disiplin hidup umat manusia, oleh yang demikian kekuatan umat bangsa kita perlulah didasarkan kepada landasan perjuangan yang berpegang kepada semangat keislaman dan keagamaan.

*(Ucapan pada upacara penutup Musabaqah membaca Al-Quran anjuran UMNO Perhubungan Negeri Terengganu pada 18 Ogos 1978).*

## **MEMBENTUK KEIMANAN MELALUI DAKWAH**

Hari ini merupakan hari yang bersejarah kepada masyarakat Islam di negeri ini kerana bermulanya pelancaran Bulan Dakwah serentak di seluruh negara yang dilancarkan oleh Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato' Hussein Onn. Di peringkat negeri pula pelancaran ini dibuat sepertimana majlis yang kita bersama-sama pada hari ini. Adalah tidak dapat dinafikan bagaimana penting dan mustahaknya kegiatan dakwah diperhebatkan dari masa ke semasa. Oleh kerana itu sempena awal Muharram tahun baru Hijrah 1399, maka pelancaran "Bulan Dakwah" ini dilakukan.

Segala usaha dan kegiatan ke arah pembangunan agama yang disusun atur oleh kerajaan adalah sentiasa mendapat sambutan yang baik daripada rakyat dan masyarakat dari semasa ke semasa, sesuai dengan agama Islam sebagai agama rasmi negara ini. Kerajaan telah menubuhkan berbagai badan yang menjalankan kegiatan untuk tujuan tersebut seperti Pejabat Agama, Majlis Hal-Ehwal Agama Islam, Yayasan Islam, Persatuan Kebajikan Islam Malaysia atau dikenali dengan nama ringkasnya PERKIM di samping menggalakkan pertumbuhan badan-badan dakwah yang lain. Kesedaran ini adalah lahir dari perhatian kerajaan terhadap perkembangan dan kemajuan yang telah dicapai oleh negara ini sejak merdeka adalah mustahak diseimbangkan antara pembangunan dan kemajuan di bidang kebendaan ataupun material dengan kemajuan dan pembangunan di bidang spiritual atau rohani.

Pembangunan di bidang kebendaan semata-mata tidak akan menjamin keselamatan dan kebahagiaan umat manusia, selagi mana pegangan dan kepercayaan terhadap konsep kebenaran dan kesucian Islam itu tidak benar-benar dirasakan oleh sesuatu bangsa. Sejarah telah banyak membuktikan bahawa tamaddun umat manusia pada zaman silam yang telah rebah bangun itu kerana masalah-masalah spiritual dan kebendaan. Krisis masyarakat Eropah di abad yang silam telah jelas dan nyata menunjukkan bahawa penumpuan terhadap kebendaan semata-mata tidak akan dapat menjamin keselamatan umat manusia. Samalah seperti kita melaungkan teori dan cogankata Islam dengan penuh semangat untuk membela Islam dan berbagai-bagai teori ke arah pelaksanaan pembangunan Islam yang ideal tetapi teori dan semangat yang ideal itu tidak dilaksanakan. Akhirnya akan membawa kehancuran kepada mereka yang bersifat demikian.

Dalam melaksanakan tugas-tugas dan juga cita-cita untuk meninggikan Kalimah Allah bukanlah suatu teori dan bukanlah suatu impian, bahkan Al-Quran telah menegaskan dan telah menggariskan beberapa prinsip mengenai dengan kebenaran Islam yang dibawa oleh Junjungan Besar kita Nabi Muhammad s.a.w. Konsep ini amat nyata dalam firman Allah Subhanahu Wataala yang berbunyi:

**Maksudnya:** *Hai orang yang berselimut! Bangunlah dan berilah peringatan dan agunglah Tuhanmu, dan bersihkanlah pakaianmu dan tinggalkanlah perbuatan dosa.*

Dari pengertian ini kita haruslah menyedari hakikat perjuangan untuk meninggikan Daulah Islamiah itu perlulah kepada amalan yang rasional dan sesuai dengan keadaan masyarakat bangsa dan negara. Perjuangan Rasulullah sebagai contoh yang paling nyata ketika baginda menghadapi masyarakat jahiliah yang berhati batu dengan berbagai-bagai

kaedah dan helah, dengan berbagai cara dan teknik, kadangkala terpaksa berlembut dan pujuk-rayu dan kadang-kala terpaksa berkeras dan bertegas untuk menunjukkan kebenaran yang telah dibawa oleh Islam. Oleh kerana kaum masyarakat jahiliah, suatu masyarakat yang kosong fikirannya, yang keras hatinya dan enggan menerima kebenaran walaupun nyata dan jelas kepada umat manusia. Maka pertentangan dan pergerakan Rasulullah s.a.w. untuk membawa kebenaran Islam itu terpaksa dilaksanakan dengan cara yang lebih diplomasi dan tidaklah mengamalkan teori sepertimana yang terdapat di setengah-setengah golongan dalam masyarakat kita pada hari ini.

Islam sebagai agama praktikal yang sesuai dengan kehendak zaman dan masa serta sesuai pula dengan fitrah insaniah, tentunya akan menjadi suatu pedoman dan pegangan hidup umat manusia untuk mencapai ketenangan dan kedamaian. Oleh kerana neraca perimbangan yang diletakkan oleh Islam antara makhluk di langit dan di bumi adalah merupakan suatu susunan yang adil dan telah diseimbangkan dengan kehendak alam semula jadi, maka tidak ada jalan lain punca kepada kedamaian umat manusia, apalagi golongan masyarakat yang berbilang bangsa seperti Malaysia ini, maka neraca keadilan dan keseimbangan antara makhluk-makhluk Allah yang ada di bumi ini hendaklah diasaskan kepada perjuangan Islam. Kita hendaklah tunduk kepada hakikat dan kenyataan dan bukannya kepada perasaan dan emosi semata-mata. Jika kita selalu berpegang kepada emosi dan perasaan, maka naluri manusia akan sentiasa condong kepada kebendaan. Dan di saat itu hilanglah kesucian Islam di hati sanubari mereka dan hilanglah pedoman hidup mereka. Dan jadilah kita seperti umat jahiliah yang telah bersua dengan kebenaran tetapi enggan menerima kebenaran kerana telah lama berkeadaan begitu dan bimbang akan hilang identiti kepimpinan mereka.

Meletusnya Peperangan Dunia Pertama dan Kedua dalam lipatan sejarah dunia sebagai contoh yang nyata, harta benda dan tamak-haloba mengikut perasaan dan keinginan kuasa-kuasa besar akhirnya telah menjahanamkan umat manusia dan dunia seluruhnya. Maka tidak syak dan ragu lagi bahawa punca-punca yang disebabkan oleh umat manusia hasil daripada perasaan dan nafsu mereka yang tidak seimbang antara rohani dan material akan memunculkan kehuru-haraan dan juga malapetaka kepada umat manusia. Bagi kita umat manusia tidak ada jalan lain melainkan kembali kepada perjuangan untuk menegakkan keadilan dan kebenaran Islam yang telah diterima oleh segenap bangsa sebagai suatu pedoman untuk mencapai kedamaian dan ketenangan, ingatlah firman Allah Subhanahu Wataala dalam Al-Quran yang berbunyi:

**Ertinya:** *Ketahuilah dengan mengingati Allah itu menenangkan jiwa.*

Akibat Peperangan Dunia Pertama dan Kedua dalam lipatan sejarah dunia sebagai contoh yang nyata kepada kita bahawa krisis kebendaan yang tertumpu kepada kuasa dan harta-benda akhirnya akan memusnahkan dunia.

Kekuatan kuasa-kuasa besar di sebelah barat telah menunjukkan kepada dunia bahawa kekuatan mereka makin lama semakin pudar disebabkan oleh tidak adanya kekuatan rohani dan pembangunan spiritual di kalangan pegawai-pegawai dan juga pemimpin-pemimpin mereka. Lantaran itu pada masa ini mereka sedang mencari-cari suatu alasan dan jalan bagi mengekalkan kekuasaan yang ada di tangan mereka. Pada hakikatnya tidak ada jalan lain selain daripada mengekalkan suasana spiritual yang seimbang di kalangan umat bangsa mereka, tetapi malangnya sejarah telah membuktikan bahawa keupayaan mereka ke arah ini tidak

meyakinkan, kerana mereka dihalang oleh faktor agama dan ketuhanan, apabila sebilangan besar masyarakat mereka terdiri daripada golongan-golongan bukan Islam mengingkari akan kebenaran Islam. Lanjutan daripada itulah maka masyarakat Eropah pada hari ini sedang mencari sesuatu punca ketenangan untuk mengukuhkan semangat dan kekuatan yang ada pada mereka dengan mewujudkan suatu konsep (pegangan) yang boleh membawa ketenangan kepada mereka. Lanjutan daripada ini juga lahirlah kumpulan-kumpulan agama yang dibentuk dengan tujuan semata-mata untuk menggembelng tenaga bagi mendapat sokongan daripada masyarakat untuk mengukuhkan kekuatan yang sudah hampir pudar itu.

Dalam masyarakat Malaysia hari ini jalinan atau trend yang sama telah dipelopori dan dibawa-bawa ke dalam masyarakat kita oleh golongan-golongan yang sengaja mencari kesempatan untuk memaling pandangan umat Islam ke arah suatu bentuk fahaman keagamaan yang lebih bercorak kerohanian atau spiritual dengan alasan untuk mendapat ketenangan dan kekuatan yang telah dicabar oleh dunia pada hari ini sebagaimana yang telah berlaku kepada masyarakat Eropah.

Trend yang dibawa ke dalam masyarakat kita pada hari ini pada hemah saya mempunyai tiga peringkat: Pertama golongan yang menyeru untuk kembali kepada ajaran-ajaran agama dengan tujuan untuk mendapat pengaruh dan populariti kepada golongan-golongan yang tertentu. Golongan kedua ialah satu trend yang telah dicuba untuk menarik perhatian masyarakat Islam supaya meninggalkan unsur-unsur kebendaan dan tunduk kepada unsur-unsur kerohanian semata-mata, dengan harapan dan tujuan supaya masyarakat Islam akan lupa dan lalai dari tugas-tugas pembangunan material dan ketika itu senanglah golongan-golongan ini mengambil

peluang, untuk mengatasi kemajuan dan pembangunan yang telah dicapai oleh orang-orang Islam dalam negeri ini. Golongan ketiga ialah trend yang membawa nada dakwah ke arah keinsafan dan penghayatan Islam yang sebenarnya, tetapi kegiatan mereka juga telah dipengaruhi oleh golongan-golongan orthodox dalam agama yang meletakkan agama di sebelah pihak dan dunia di satu pihak yang lain. Ketiga-tiga golongan ini pada masa ini sedang berjalan dan bergiat dalam negara kita dengan matlamat dan cita-cita mereka.

Atas kesedaran inilah maka kerajaan mengambil langkah untuk menyelaraskan dan menjalankan gerakan supaya kegiatan-kegiatan yang tidak betul dalam dakwah tidak akan berlaku, dan masyarakat kita tidak akan terpesong dengan dakwah dakwah mereka yang saya sifatkan sebagai suatu helah untuk menyelesaikan masalah dan kelemahan yang ada pada mereka.

Perkara yang paling utama kepada kita sebagai suatu masyarakat Islam dalam negara ini ialah dengan berpandukan kepada ajaran Islam yang sebenarnya yang telah meletakkan neraca pertimbangan dunia dan akhirat itu sama-sama penting sebagaimana kata Sayyidina Ali Karramallah Wajhah:

**Yang maksudnya:** *Menyuruh umat Islam melakukan kerja-kerja keduniaan seolah-olah kita akan hidup selamanya di samping kita mengerjakan amalan-amalan untuk akhirat seolah-olah kita hendak mati esok hari.*

Perbandingan ini amat nyata sekali kepada kita untuk dijadikan suatu formula dalam meletakkan kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan dakwah. Selain dari itu yang paling mustahak kepada masyarakat kita pada hari ini ialah perpaduan dan perasaan ukhwah Islamiah di kalangan umat yang satu bangsa dan seagama.

Kita tidak mahu perkataan Ukhwah Islamiah itu dilaungkan sebagai nada dakwah yang akan menimbulkan semangat semata-mata, sedangkan pada hakikatnya kita sendiri berpecah-belah. Berlakunya hal sedemikian pada pendapat saya ialah disebabkan mereka yang mengguna dan menyebut perkataan itu tidak menghormati apa yang disebut. Kita tidak mahu menjadikan nada Islam sebagai suatu senjata untuk membunuh semangat masyarakat rakyat Islam yang digunakan oleh setengah-setengah golongan, sebagai suatu alat untuk memecahbelahkan saudara kita sesama Islam dengan mengadakan masalah-masalah yang kecil dalam pelaksanaan dan kemajuan agama di negara kita ini, sebagai suatu punca yang boleh dijadikan bahan pertikaian dan seterusnya mewujudkan suatu golongan pro dan kontra dalam masyarakat yang berpegang teguh kepada nilai-nilai hidup Islam yang telah kukuh dalam negeri kita.

Kita sama-sama haruslah sedar bahawa isu agama dan dakwah sahajalah pada masa ini boleh dipergunakan oleh golongan-golongan yang irihati kepada kemajuan yang telah kita capai, dan juga irihati kepada kemakmuran dan perpaduan umat bangsa Melayu dengan tujuan untuk mengalih pandangan kita supaya mewujudkan keadaan masyarakat yang tidak stabil.

Dalam soal mencari kebenaran, nada dan perjuangan sepertimana yang saya nyatakan tadi tidaklah patut dibesarkan, bahkan kita sama-sama faham bahawa masyarakat Melayu kita adalah suatu masyarakat yang sensitif dengan masalah-masalah agama dan tidak mudah dicabar dengan persoalan-persoalan yang melibatkan kekeluargaan dan kebudayaan. Oleh yang demikian kita sepatutnya bersatu hati dan tunduk kepada kebenaran dari kenyataan yang ada di hadapan mata kita. *Kita tidak mahu melihat golongan yang hanya mencari kebenaran, tetapi apabila bersua dengan kebenaran takut mengakui kebenaran dan terus berjalan dalam "gelap".*



Kalau dipersoalkan atas sikap seumpama ini maka siapakah yang akan mendapat untung dan siapakah pula yang akan mendapat rugi? Sudah tentu pada perkiraan dan hemah saya kita masyarakat bangsa Melayu yang seagama akan menerima kerugian dan masyarakat bangsa lain akan mentertawakan dan melihat perjalanan dan geraklaku yang berjalan dalam masyarakat kita. Di saat ini akan bermulalah gejala-gejala yang tidak sihat, sama ada kepada masyarakat Islam di negeri ini, ataupun kepada masyarakat Islam di seluruh negara dan juga masyarakat lain yang hidup dalam negara ini, yang pada masa ini bergantung dan bernaung di bawah naungan masyarakat Melayu yang beragama Islam. Buktinya telah nyata, iaitu masyarakat yang berfaham kepada kapitalisme telah tidak berjaya mewujudkan suasana kedamaian dan ketenangan kepada umat bangsa mereka. Masyarakat yang berfaham kepada sosialisme telah kecewa tidak dapat hendak mengawal kehendak-kehendak masyarakat mereka dengan adil yang mereka sendiri mendakwa mereka itu sudah cukup adil, tanpa memperhitungkan keadilan sebenarnya yang menjadi asas keperhitungan Islam. Begitulah juga masyarakat yang berfahamkan kepada masyarakat komunisme, telah gagal untuk mewujudkan suatu tempat yang aman dan makmur malah mereka kerap bertempieran dan hati mereka sentiasa tidak sudah dan tidak puashati untuk melakukan pengkhianatan, dan huru-hara kepada umat manusia yang hidup dalam suasana aman dan makmur. Mereka mahu melindungi kesusahan dan ketidakmakmuran yang dirasa oleh komunis maka terpaksa mereka menghuru-harakan orang lain supaya sama-sama berada di dalam keadaan yang huru-hara. Gejala inilah yang amat ditakuti oleh masyarakat kita yang perlu sama-sama kita awasi bagi membendung dan mengawal daripada merebak dalam masyarakat berbilang bangsa yang berpegang kepada Islam sebagai teras perjuangan negara.

Saya amatlah dukacita kerana dalam keadaan sekarang masih terdapat orang-orang kita yang telah memisahkan saudara mara dan sahabat handai mereka dengan sebab suatu perkara kecil, yang perpunca dari krisis fahaman politik, sedangkan mereka sendiri mengaku merekalah pejuang Islam dan merekalah pendakwah-pendakwah yang mahu meninggikan syiar Islam sedangkan Rasulullah s.a.w. sendiri pernah memberi amaran bahawa setiap seorang muslim yang tidak merasa kasih kepada saudara sama-sama Islam, maka imannya itu tidaklah lagi sempurna sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

**Ertinya:** *Tidak sempurna iman seseorang kamu sehingga dia kasih kepada saudaranya sebagaimana dia kasih kepada dirinya sendiri.*

Oleh yang demikian krisis-krisis kecil yang timbul yang berpunca daripada perkara remeh-temeh dalam masyarakat kita sama-samalah diperangi dan sama-samalah kita pada hari ini menanam tekad dan berjanji akan mengambil kesempatan dan peluang bagi sama-sama menjayakan kegiatan-kegiatan yang berhubung dengan perhubungan agama Islam, moga-moga ia akan membawa keuntungan dan faedah kepada bangsa, agama dan negara.

Konsep dakwah yang harus kita contohi ialah sejarah kegiatan dakwah yang telah dibawa oleh Junjungan Besar kita Nabi Muhammad s.a.w. yang telah memulakan dakwah ini di kalangan ahli rumahtangga dan sahabat handai, kemudian barulah dakwah ini disebarkan kepada masyarakat yang lebih luas. Tuhan telah berfirman dalam Al-Quran supaya kegiatan-kegiatan dakwah ini diutamakan dan didahulukan kepada sahabat handai dan kaum kerabat, firman Allah Subhanahu Wataala:


**Maksudnya:** *Berilah ingatan kepada kaum kerabat mu yang lebih dekat.*


Ini membuktikan bahawa jika konsep dakwah seumpama ini dapat diamalkan oleh setiap orang dalam masyarakat kita, bermula dengan satu keluarga yang dapat mendakwahkan sekurang-kurangnya empat orang daripada ahli keluarga mereka, maka jika sekiranya lima juta rakyat yang beragama Islam, yang ada dalam negara kita ini, dapat mengambil langkah untuk mendakwahkan ahli keluarga mereka bererti empat kali ganda dari jumlah penduduk negara kita ini akan mempunyai kualiti dakwah dan semangat keislaman sejati yang mampu untuk mendakwahkan pula seluruh masyarakat di Asia Tenggara.

Dalam hubungan ini kerajaan hanya dapat mencari jalan dan ikhtiar untuk mengatur langkah dan menyusun strategi supaya kemudahan dan keperluan untuk tujuan tersebut dapat dipenuhi dan dapat dipergunakan oleh pendakwah-pendakwah yang ada dalam negara kita ini.

*(Ucapan pada Pelancaran Bulan Dakwah peringkat Negeri Terengganu di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Terengganu, pada 1 Disember, 1978).*

# TERENGGANU BERGERAK MAJU






# MUZIUM NEGERI

PEMANDANGAN KOMPLEKS  
MENYIMPAN PERAHU  
TRADISIONAL TERENGGANU



*Kawasan  
Lipur Sekayu*

**MENJADI SATU TARIKAN UNTUK  
KE HULU TERENGGANU**



**TAMAN REKREASI BUKIT BESI  
DIGUNAKAN SEPENUHNYA**



**TASIK KENYIR DIGUNAKAN  
SEPENUHNYA UNTUK PELANCONGAN**



# Masjid Tengku Tengah Zaharah

DI KUALA IBAI INDAH DAN MENARIK




Di majlis Puteri Islam pemenang pertandingan menerima hadiah dari YAB Menteri Besar



YAB Menteri Besar menyanyikan hadiah kepada Puteri Islam pelajar





**YAB Menteri Besar melihat hasil percetakan Yayasan Islam, bersama Menteri Perusahaan Awam Dato' Dr Mohd Yusof Noor**



**Rakyat menerima cenderamata ke...  
sumbangan kepada masyarakat dan negeri**

**Pelatih industri sedang mengikuti bengkel memperbaiki enjin kereta**




**Seorang peniaga buah menunggu pelanggan**



**Sebuah hotel baru siap dibina di Kuala Terengganu**

**Penternakan darat digalakkan**



**Industri perkilangan turut memberi sumbangan kepada hasil pendapatan negeri (Kilang Perwaja)**

# **NABI MUHAMMAD S.A.W. PEMBIMBING AKHLAK MANUSIA**

Hari ini kita sekali lagi merayakan hari keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. Inilah suatu Perayaan tradisi Islam, yang besar ertinya, kepada setiap individu Muslim di seluruh dunia, kerana kelahiran Nabi Muhammad yang membawa nilai-nilai moral yang sangat mulia, untuk menjadi panduan manusia seluruhnya.

Masyarakat Islam tidak seharusnya merasa jemu, menyambut peristiwa ini berulang tahun. Kita sebagai manusia yang sentiasa menjadi sasaran berbagai gelombang pergolakan, pemikiran dan arus pengaruh kebudayaan antarabangsa, sudah tentu memerlukan beberapa waktu tertentu dalam setahun, untuk merenung masa lalu, masa sekarang, dan masa depan yang kita tempohi. Sebenarnya inilah suatu cara yang sesuai diamalkan oleh bangsa-bangsa yang ingin membentuk kekuatan, dan mencipta kemajuan di kalangan umat manusia.

Terpulanglah kepada tiap-tiap orang untuk berfikir dan meresapkan satu inspirasi yang berguna di sebalik peristiwa yang bersejarah dalam Islam ini. Saya percaya usaha dan masa yang kita peruntukkan bagi menjayakan Majlis Sambutan Maulud ini tidak akan sia-sia dan terbuang begitu sahaja kerana ia boleh dijadikan saat-saat penting untuk memperbaiki diri, membentuk kekuatan peribadi, dan seterusnya membina

kemajuan umat bersesuaian dengan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w.

Orang-orang Islam bukan sahaja perlu mengetahui ajaran dan nilai-nilai kesucian moral Rasulullah s.a.w. malah semua digesa untuk mencontohi amalannya. Antara lain Baginda bersabda:

**Yang bermaksud:** *"Tidak sempurna iman seseorang sehingga dia mengasihi aku lebih dari kasihnya kepada ayah, anak dan manusia seluruhnya."*

Kasih kepada Rasul bererti kasih kepada amalan dan setia dengan ajaran yang dibawanya. Untuk mencapai tujuan itu perlulah diketahui tentang ajaran dan amalan Baginda yang sebenar untuk dicontohi. Sebagai contoh, Baginda berdiplomasi dan berlemah-lembut dalam perbincangan, perbahasan mengeluarkan kata-kata yang kesat dan boleh menyinggung perasaan orang lain bukan dari amalan Baginda.

Baginda bercakap benar, amanah, adil dan berusaha untuk menyatu-padukan umat manusia.

Berdusta, pecah amanah, berusaha untuk memecahbelahkan umat manusia untuk tujuan dan kepentingan diri bukan dari amalan Nabi Besar kita dan banyak lagi contoh teladan yang jika umat Islam mengikutinya dengan penuh keyakinan, akan menjadi umat Islam yang menikmati kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Sebagai seorang Rasul, Baginda menjelaskan syariat Allah dengan terang supaya senang diikuti oleh kaum Muslimin seluruhnya kerana Islam adalah satu agama yang senang dan tidak ada kesulitan di dalam Islam, kecuali bagi orang-orang yang keras hatinya.

Ini merupakan ajaran sebenar di dalam Islam. Di samping itu, Rasul juga menjalankan urusan-urusan keduniaan sebagai seorang manusia dalam lingkungan nilai-nilai keislaman yang tidak mencacatkan peribadinya sebagai seorang Rasul. Baginda makan, minum, memakai pakaian, melayani isteri, melayani anak-anak, merancang dan mengatur taktik peperangan, menggemari pakaian yang berwarna putih dan sebagainya. Semua ini adalah merupakan perkara "ranting" di dalam Islam.

Apabila kita mendekati diri dengan ajaran Rasulullah s.a.w. dan meneliti dengan cermat untuk mengetahui yang mana teras dan yang mana ranting, maka sudah tentu makin hampirlah diri kita dengan jiwa "syariat" yang dibawa oleh Rasulullah. Segala kekaburan dan kekeliruan akan hilang dan pada masa itu cinta kepada Rasulullah akan tambah mendalam lagi. Berikutan dengan itu kekuatan iman makin bertambah dan sukarlah pengaruh-pengaruh jahat menguasai pemikiran umat Islam. Di sebaliknya pula, kalau di antara teras dan ranting tidak dapat dibezakan sudah tentu masyarakat luar Islam akan tertawa melihat telatah kaum muslimin yang lahir dalam berbagai bentuk itu. Kumpulan yang ingin melihat kehancuran umat Islam atau kumpulan yang mengalami kompleks jiwa akan mengambil kesempatan untuk mewujudkan ketegangan sesama Muslim. Masyarakat Islam di Malaysia khasnya mestilah bekerjasama untuk menutup segenap ruang yang memudahkan musuh menghancurkan nilai-nilai kesucian agama kita.

Ingin saya mengambil kesempatan pada hari yang mulia ini untuk menyatakan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa bersikap lapang dada untuk menerima pandangan-pandangan yang ikhlas dan jujur berhubung dengan masalah keislaman bagi membina kekuatan umat Islam, dan di samping itu sangatlah wajar semua lapisan masyarakat Islam memberi

kerjasama dalam menjayakan kegiatan-kegiatan keislaman yang diatur dan dijalankan. Kita semua harus sedar *bahawa sesuatu kebenaran itu tidak ada batasnya*. Kerana itu tidaklah ada sebab untuk bersikap negatif terhadap sesuatu rancangan yang membina masyarakat Islam.

Peristiwa-peristiwa yang menunjukkan kesesatan akidah dan pegangan agama salah yang berlaku di Malaysia pada masa-masa yang akhir ini sudah lebih dari cukup, untuk mengingatkan kita supaya tidak menjalankan kegiatan-kegiatan yang boleh menyemarakkan krisis sesama kaum Muslimin. Berlakunya penyerapan agama salah ke dalam kampus-kampus pusat pengajian tinggi pada masa yang akhir-akhir ini menggambarkan kemungkinan adanya unsur-unsur jahat untuk menghancurkan perpaduan umat Islam. Oleh itu, adalah menjadi tanggungan setiap orang Islam menyatukan segala kekuatan mereka dengan berpegang teguh kepada ajaran Muhammad sehingga kita menjadi umat yang padu menepati dengan firman Allah yang bermaksud:

*Sesungguhnya inilah umat-Mu, umat yang satu. Umat yang boleh mempertahankan kesucian Islam dari dicemarkan oleh golongan yang dari zaman berzaman menjadi musuh Islam berusaha dengan tenaga, harta benda dan alat-alat senjata untuk menghancurkannya, golongan yang membentuk kumpulan Islam tiruan untuk menghancurkan Islam dari dalam golongan yang mahu mencari kepentingan diri dan duniawi tanpa menghirau kehancuran umat manusia, kemusnahan negara.*

Kita semua sedar bahawa kaum terpelajar boleh memainkan peranan yang penting untuk mempengaruhi pemikiran generasi hari ini. Tetapi haruslah disedari iaitu sesuatu peranan apabila disalahgunakan akan meninggalkan implikasi yang sangat buruk bagi sesuatu masyarakat,

terutamanya angkatan muda. Mereka dengan mudah terikut-ikut dengan emosi yang dimainkan oleh kumpulan-kumpulan yang tidak mengkaji secara mendalam tentang untung ruginya sesuatu tindakan atau sikap yang diambil oleh mereka. Di Negeri Terengganu khususnya terdapat kumpulan-kumpulan yang terdedah kepada gelombang yang boleh merosakkan masyarakat Islam dan mungkin boleh memecah-belahkan sikap rakyat. Untuk kebaikan kita bersama ingin saya menyeru seluruh masyarakat Islam di negeri ini bekerjasama untuk membenteraskan unsur-unsur liar dan tidak bertanggungjawab dengan menerang dan mengembangkan nilai-nilai Islam yang dibawa oleh Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. Kesilapan dalam membuat tanggapan terhadap nilai-nilai moral dan ajaran Islam yang sebenar memudahkan kumpulan-kumpulan tertentu mengambil kesempatan menggunakan Islam untuk kepentingan mereka. Saya ingin menasihatkan para pelajar di institusi-institusi pengajian di negeri ini supaya berwaspada dalam menerima sesuatu fahaman. Adalah lebih sesuai bagi mereka untuk memikir tentang rancangan-rancangan bagi meningkatkan lagi prestasi mereka dalam bidang ilmu pengetahuan kerana itulah yang dikehendaki oleh agama dan negara. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

**Yang bermaksud:** *"Menuntut ilmu adalah merupakan suatu fardu ke atas tiap-tiap orang Islam sama ada laki-laki atau perempuan".*

Kalau kita merenung dengan teliti dan insaf segala keadaan yang terdapat di dalam masyarakat, tertentulah terbayang kepada kita akan betapa pentingnya penelitian semula ke atas sikap, pembawaan dan pemikiran kita mengenai masalah-masalah keislaman.

Inilah satu perkara yang mustahak difikirkan benar-benar oleh setiap orang Islam yang mengasihi Rasul dan



ajarannya. Perasaan kasihkan Rasul perlu dipupuk dan diperkembangkan untuk mencapai kebaikan dan kesempurnaan. Kesetiaan juga akan lahir dengan terbenamnya perasaan kasih kepada Rasul.

Mungkin ada orang merasa sukar untuk berdamping dengan ajaran Rasulullah s.a.w. setelah memikirkan jarak antara kesempurnaan yang ada pada Rasul dengan keupayaan dan persediaan yang ada pada seseorang insan biasa. Untuk tujuan itu perlulah ditegaskan bahawa apa yang diperlukan daripada seseorang Muslim ialah usaha-usaha untuk membentuk peribadinya sesuai dengan contoh-contoh akhlak yang ditunjukkan oleh Rasul sendiri. Kegigihan usaha-usaha itu menjadi ukuran penting untuk menentukan sejauh mana kecemerlangan pengabdian diri kepada Allah Subhanahu Wataala dan Rasul-Nya.

Kejayaan seseorang dalam mempertingkatkan pengabdian dirinya kepada Allah akan memudahkan seseorang itu menjalani kehendak-kehendak dan keperluan kehidupan. Faedah yang akan diperolehi di sebalik peningkatan pengabdian bukan sahaja dalam konteks hubungannya dengan Allah, malah ia akan meninggalkan kesan yang besar juga kepada urusan kehidupan dunia. Bagi ahli-ahli perniagaan dan usahawan yang beramal dengan ajaran Islam yang suci tidak akan bersua dengan rasa kecewa dan putus asa. Kepada pelajar-pelajar belia-belia dan beliawanis yang terdidik dan terasuh dengan ajaran Muhammad yang sebenar akan menghadapi segala cabaran hidup dengan tenang dan mengatasinya dengan jaya. Bagi Pegawai dan Kakitangan Kerajaan, perdampingan diri dengan teras ajaran Rasulullah akan memudahkan mereka melaksanakan segala Teras Perkhidmatan Cemerlang yang baru dilancarkan oleh Kerajaan dalam usaha mempertingkatkan mutu perkhidmatan Pegawai dan Kakitangan Kerajaan. Dalam hubungan ini, jelaslah

bahawa apa yang dikehendaki oleh Islam tidaklah berpisah daripada apa yang diperlukan oleh sistem bernegara. Ini menunjukkan bahawa struktur pentadbiran kerajaan berjalan ke arah penyerapan nilai-nilai moral yang hingga kini dipercayai menjadi satu teras terpenting bagi menjamin kejayaan umat.

Jadi sangatlah wajar bagi Pegawai dan Kakitangan Kerajaan yang beragama Islam khususnya berpegang teguh dengan nilai-nilai moral Islam yang dibawa oleh Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. dalam usaha menunjukkan Perkhidmatan cemerlang yang dikehendaki. Ini bukan pula bererti bahawa nilai-nilai moral Islam itu hanya bagi orang-orang Islam sahaja. Ia perlu diterima oleh manusia seluruhnya kerana mesej yang dibawa oleh Junjungan Besar adalah untuk memberi rahmat kepada seluruh alam sebagaimana Firman Tuhan:

**Yang bermaksud:**

*"Bahawa kami utuskan kamu adalah untuk membawa rahmat kepada seluruh alam".*

Rakyat bukan Islam juga, khususnya yang berkhidmat di Jabatan-jabatan Kerajaan, bertanggungjawab menerima dasar-dasar nilai tersebut untuk kebaikan negara, kerana mereka juga diberi perlindungan dan mendapat hak-hak yang tertentu di negara ini.

Mengakhiri ucapan saya pada pagi ini saya berdoa semoga kita semua sentiasa diberi petunjuk oleh Allah dalam menjalankan tugas masing-masing dengan amanah, jujur, kepada umat Islam yang tersasul dalam perjalanan hidupnya disebabkan oleh satu-satu perkara yang mendorong mereka melakukan sedemikian kita berdoa semoga Allah memalingkan mereka ke jalan yang benar. Mudah-mudahan kita semua terhitung dari golongan umat Muhammad yang cinta dan setia kepada ajaran-ajarannya memikul tanggungjawab masing-masing dengan penuh amanah bagi kebahagiaan umat dan kemakmuran negara.

*(Ucapan pada Perayaan Maulud Nabi S.A.W. di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Kuala Terengganu pada 9.2.1979)*

## **NADI GEMBLENG TENAGA KEILMUAN ISLAM**

Pada pagi yang berbahagia ini, marilah bersama-sama kita melahirkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah rahmat-Nya, dapat kita bersama-sama di majlis pelancaran Yayasan Akademi Islam (NADI) Berhad, Cawangan Terengganu. Pelancarannya merupakan suatu manifestasi hasrat dan cita-cita kita sekalian untuk menuju kepada penyatuan segala fikiran, tenaga dan sumber, ke arah mempertingkatkan dan memperkukuhkan masyarakat Islam. NADI akan menggembungkan tenaga-tenaga ahli ilmunan Islam dan mereka yang berminat bekerja, untuk menuju ke arah melahirkan umat Islam yang maju dan progresif.

Sehubungan dengan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai tadbir negeri dan pusat, serta badan-badan berkanun dan semua yang telah memberi kerjasama, sehingga NADI cawangan Terengganu berjaya dilancarkan secara rasminya pada hari ini. Saya amat mengalu-alukan langkah ini, yang saya percaya, ia adalah bermula dari kesedaran, keinsafan dan rasa tanggungjawab semua untuk melihat kemantapan dan kecemerlangan ummah. Langkah ini amat kena pada tempatnya, selaras dengan matlamat untuk meningkatkan kefahaman yang mendalam mengenai ajaran Islam, supaya kita lebih maju dan progresif. Tanpa kefahaman yang mendalam mengenai Islam dan ajaran-

ajarannya, sudah pasti akan mencetuskan banyak masalah dalam masyarakat, bahkan dalam lingkungan pentadbiran kerajaan sendiri. Sudah sampai masanya, kita berusaha dengan segala kemampuan yang ada untuk mewujudkan tenaga-tenaga kepimpinan dan pentadbiran yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran agama, yang mampu memberi kekuatan kepada mereka untuk menjalankan tugas dan amanah dengan cemerlang. NADI akan menunaikan hasrat dan kehendak ini, berasaskan perjuangannya untuk mengukuhkan kedudukan Islam dan ummahnya, di negara ini. NADI akan berusaha mengumpul ahli-ahli bijak-pandai atau para intelektual muslim, untuk bekerja ke arah tersebut.

Selaku pengerusi NADI peringkat pusat, saya ingin menyatakan untuk pengetahuan para hadirin sekalian, bahawa Yayasan Nadwah Akademi Islam Berhad ini adalah mempunyai latar belakang sejarah yang agak lama. Ia adalah mewarisi Nadwah Akademi Islam yang ditubuhkan oleh Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah, sebagai satu organisasi bagi menjalankan usaha-usaha kefahaman Islam. Nadwah ini dilancarkan pada 14 Mac 1976 oleh Perdana Menteri ketika itu, Tun Hussein Onn. Yang Dipertua persatuan pada masa itu ialah Dato' Wan Abdul Kadir Ismail.

Sejak dari tarikh pelancaran itu, Nadwah telah mengadakan beberapa pusingan kursus mengenai Islam yang dihadiri oleh ramai para intelek dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan. Kesan kepada kegiatan itu adalah sangat besar dalam memberi kefahaman Islam secara mendalam kepada masyarakat. Melihat kepada kekesanan itu dan menyedari betapa perlunya organisasi yang teguh untuk merancang dan melaksanakan kegiatan-kegiatan yang menyeluruh lagi mantap, dan menyedari bahawa perlu mempunyai sumber-sumber kewangan yang kukuh, maka timbullah idea supaya sebuah Yayasan ditubuhkan. Dengan itu, lahirlah Yayasan ini

pada 17 November, 1986, di peringkat pusat, diberi nama, Yayasan Nadwah Akademi Islam (NADI) Berhad, dan telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan Februari lalu. Hari ini dilancarkan pula di peringkat Negeri Terengganu Darul Iman.

Sepertimana yang saya katakan tadi, usaha mewujudkan NADI cawangan Terengganu ini amat kena pada tempatnya, iaitu ketika kita memerlukan kegiatan-kegiatan yang mampu memberikan kefahaman yang lebih luas dan tepat mengenai Islam. Kalau disebut agama Islam, kita akan ditemukan dengan dua aspek hubungan yang perlu difahami dan dilaksanakan. Pertama, hubungan manusia dengan Allah dan kedua, hubungan manusia sesama manusia.

Hubungan-hubungan ini, di dalam Islam adalah merupakan hubungan luhur dan mulia dan tidak boleh diketepikan salah satu darinya. Ummah akan mundur, ketinggalan dan tertindas, sekiranya iman dan ibadat dipisahkan dari fungsi sosial. Iman dan ibadat orang-orang Islam akan gagal membentuk budaya kerja, budaya ilmu dan lain-lain budaya dalam kehidupan mereka, kalau iman dan ibadat itu terus dibiarkan terpisah dari berfungsi dalam kehidupan sosial. Sama ada memisahkan cara hidup dari agama, atau mengasingkan agama dengan kehidupan sosial, adalah bertentangan sama sekali dengan kehendak agama Islam Yang Maha Suci.

Hari ini kita berdepan dengan sesetengah golongan yang mengasingkan agama dalam kehidupan sosial mereka, sehingga soal agama hanya diserahkan kepada alim ulama atau mereka yang berpendidikan tinggi agama sahaja. Golongan ini, memahami agama dari segi ibadat khusus sahaja, seperti sembahyang, puasa atau pergi ke masjid dan ke surau sahaja. Dalam hubungan sesama manusia, dalam

menunaikan tugas harian, dalam pembangunan, pentadbiran dan sebagainya, seolah-olah tidak ada kaitan langsung dengan iman dan ibadat. Akibatnya, pincanglah segala-galanya.

Pada masa yang sama, wujud pula golongan yang menghindarkan kehidupan dunia, kerana memisahkannya dari agama. Golongan ini memberi tumpuan hanya kepada ibadat-ibadat khusus dan meninggalkan langsung urusan hidup, meninggalkan sains dan teknologi, meninggalkan politik, ekonomi dan meninggalkan usaha-usaha pembangunan, yang kesemuanya ini tidak boleh dipisahkan dari agama. Mereka seolah-olahnya orang dagang yang tidak ada kena-mengena langsung di dunia ini. Sedangkan bangsa-bangsa lain telah maju sehingga dapat meneroka angkasa-raya. Mereka, hanya mampu melihatnya dengan penuh terpesona, kerana mereka telah bersikap mengasingkan dunia dari kehidupan keagamaan mereka. Sedangkan agama Islam merupakan penyelamat kepada umat manusia, di dunia dan di akhirat. Di dalam al-Quran Allah berfirman, **Maksudnya:** "*Islam itu mengeluarkan manusia dari alam gelap gelita, ke alam terang benderang*".

Oleh itu, kita semua perlulah memahami doktrin, konsep dan nilai yang dianjurkan oleh agama Islam Yang Maha Suci, supaya ia tidak diresapi oleh kekeliruan, penyelewengan dan kepalsuan. Apabila kita terjerumus ke kancuh fahaman yang mengelirukan, maka timbullah amalan-amalan yang dianggap terbaik dan dari ajaran Islam pada zahirnya, tetapi apabila dikaji dengan teliti, akan ternampaklah gejala-gejala tidak sihat yang merugikan. Terdapat pergerakan-pergerakan umat Islam yang cuba bertindak melulu dan tidak rasional dengan meninggalkan amalan-amalan kesederhanaan. Pergerakan-pergerakan ini memecah-belahkan umat Islam dan cuba menegakkan Islam dengan slogan, teori dan laungan semangat yang kosong. Wujud juga pergerakan-pergerakan yang disifatkan sebagai gerakan dakwah, tetapi mengasingkan diri

dari golongan lain. Mengheret pelajar-pelajar yang masih mentah dan ketandusan asas agama untuk berkecimpung sama dalam gerakan yang dikatakan dakwah, tetapi akhirnya terperangkap di tengah jalan. Segala cita-cita luhur pelajar-pelajar berkenaan musnah. Segala harapan dan impian ibu bapa terkubur. Pelajaran mereka tinggalkan, ibu bapa dan keluarga dibelakangkan dan sesetengahnya di kalangan wanita dikahwin, dicerai dan dimadu-madukan sesuka hati, tanpa pengetahuan ibu bapa dan keluarga. Sehingga perkara-perkara seumpama ini menjadi persoalan dalam masyarakat Islam di negara kita pada hari ini. Umat Islam menjadi kabur dan bingung menghadapi berbagai-bagai persoalan umat masa kini, yang jika dibiarkan akan membawa kemunduran dan kejatuhan.

Ketampilan NADI adalah berhasrat memperbaiki keadaan-keadaan yang kelam-kabut, resah-gelisah dan mengelirukan, dengan menjalankan usaha-usaha memberi kefahaman Islam yang tulen, serta melahirkan pemimpin-pemimpin muslim yang berfikiran rasional dan bersikap positif dalam segala tindakannya.

Di Terengganu, langkah permulaan ialah dengan mengadakan kelas mendalami agama Islam yang akan dibuka kepada anggota-anggota kepimpinan kerajaan negeri sekarang. Pengajaran-pengajaran al-Quran dan Hadis serta hukum-hukum akan diberi perhatian khusus dalam kelas bimbingan ini. Penceramah dari dalam dan luar negeri akan turut diundang bagi menjayakan kelas ini. Dengan ini, adalah diharapkan dapat memulakan langkah ke arah melahirkan umat Islam yang progresif dan cemerlang, bukannya jumud dan ketinggalan. Kita mahu melahirkan umat Islam yang mampu dan berani meneroka dunia pemikiran yang semakin berkembang. Kita mahu lahirkan golongan cerdik-pandai muslim dalam semua jurusan, yang dapat menjawab tuntutan semasa dan meramal cabaran masa depan dengan tepat.



*(Ucapan pada Pelancaran Rasmi Yayasan Nadwah  
Akademi Islam (NADI), Berhad Cawangan Terengganu Di  
Kuala Terengganu pada 5 November 1988).*

# **AQIDAH DAN KEROHANIAN BENTENG KEKUATAN ISLAM**

Saya rasa bertuah dan sukacita pada hari ini, kerana dengan kurnia Allah Subhanahu Wataala dapat saya hadir ke majlis yang mulia dan berkat ini, untuk bersama-sama memeriahkan himpunan suci bagi meningkatkan prestasi dakwah Islamiah, yang amat dituntut oleh Islam yang maha suci. Begitu juga ke arah memantapkan Aqidah Islamiah, agar memancarkan cahayanya yang gilang-gemilang ke lubuk hati sanubari umat Islam, tanpa diselubungi oleh kemalapan, keserabutan dan khurafat.

Kita semua maklum bahawa yang dimaksudkan dengan "AQIDAH" itu ialah kesimpulan Tauhid kepada Allah, yang suci bersih dari kekaburan dan kepalsuan yang boleh membawa kepada kesekutuan atau syirik kepada Allah Subhanahu Wataala sama ada syirik dari sudut ketuhanan atau dari sudut kekuasaan Allah yang mutlak.

Islam mewajibkan umatnya supaya berikhtiqad dengan meng-Esakan Allah pada zat-Nya, meng-Esakan Allah pada segala sifat-Nya, serta meng-Esakan Allah pada segala af'al-Nya atau perbuatannya. Menurut istilah ilmu Tauhid, bahawa meng-Esakan zat Allah ertinya menafikannya dari "Kam Muttasil" dan "Kam Munfasil" dan meng-Esakan sifat-sifat Allah ertinya menafikannya dari Kam Muttasil dan Kam

Munfasil, juga meng-Esakan "Afa'alullah" bererti menafikannya dari Kam Munfasil. Ini semuanya dihuraikan dengan panjang lebar oleh para sarjana tauhid dalam tajuk sifat ke-Esaan Allah Taala yang dinamakan "Wahdaniah"

Kalau disebut "AQIDAH" menurut ajaran agama kita adalah bermaksudkan kepada satu rumpun ilmu yang membicarakan tentang Rukun Iman yang enam, iaitu percayakan adanya Allah, percayakan Rasul-Rasul, percayakan adanya Malaikat, percayakan kepada Kitab-Kitab Suci sebagai wahyu dari Allah, percayakan adanya Hari Qiamat, dan yang keenamnya ialah percayakan Nasib Baik dan Nasib Buruk itu semuanya dari kurniaan Allah Subhanahu Wataala yang dikenali dalam Bahasa Arabnya.

Para Sarjana Tauhid telah membahagikan rumpun Rukun Iman itu kepada tiga bahagian:

**BAHAGIAN PERTAMA:** Membicarakan tentang hal-hal ketuhanan.

**BAHAGIAN KEDUA:** Membicarakan tentang kenabian Rasul-Rasul Tuhan.

**BAHAGIAN KETIGA:** Membicarakan tentang berita-berita ghaib dan alam akhirat.

Ringkas kata, pembentukkan "AQIDAH ISLAMIAH" atau yang dikenali dalam masyarakat Melayu kita dengan nama "Kesimpulan Iman" itu ialah supaya tiap-tiap umat Islam itu bersih hati sanubarinya dari semua peringkat gejala-gejala syirik, sama ada syirik dari segi ketuhanan Allah ataupun syirik dari segi kekuasaan Allah yang mutlak kepada alam ini. Maka dengan menerapkan Aqidah Islamiah itu juga menampakkan segala kebesaran secara menyeluruh adalah di

kuasai oleh Allah Subhanahu Wataala semata-mata sebagaimana firman-Nya:

**Maksudnya:** *"Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib. Tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dia sahaja. Dan Dia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut. Dan tidak gugur sehelai daun pun melainkan Ia mengetahuinya. Dan tidak gugur sebutir biji pun di dalam kegelapan bumi, dan tidak gugur yang basah dan yang kering, melainkan ada tertulis di dalam kitab (Loh Mahfuz) yang terang nyata".*

*Surah An'Am ayat 59*

Seseorang yang benar-benar berpegang kepada aqidah keimanan dalam Islam akan menimbulkan reaksi-reaksi mulia dan positif di dalam hidupnya, seperti:

– Bersih hati sanubarinya daripada gejala-gejala karut dan gejala-gejala syirik, sama ada syirik uluhi, atau syirik rububi atau syirik khafi.

– Tindak-tanduknya di dalam hidup ini sentiasa benar dan bertanggungjawab, kerana ia mengetahui bahawa Allah sentiasa mengawasinya.

– Berani kerana benar dan takut kerana salah, dan sentiasa bertindak sesuatu kerana memenuhi kewajipannya, sama ada hak Allah atau hak manusia.

– Bersih dirinya dari penyakit hasad-dengki atau dendam irihati, kerana sesuatu yang ada di tangan manusia itu adalah kurniaan Allah belaka, yang berhak akan menerimanya.

– Kuat dan gigih berusaha, sabar dan tabah hati di dalam menghadapi sesuatu cabaran di dalam hidup ini, serta tidak berputus asa dari mendapat pembelaan dan rahmat dari Allah sekali-kali.

– Orang-orang yang berpegang teguh kepada Aqidah Islamiah yang suci dan murni akan memahami, bahawa orang-orang mukmin yang mendapat kesusahan, perlulah bersabar sementara menunggu jalan keluar. Mereka akan mendapat ganjaran pahala di sisi Allah, sebaliknya orang-orang yang mendapat kesenangan, perlulah bersyukur, mereka juga mendapat ganjaran pahala di sisi Allah.

– Pendekatan orang-orang yang beraqidah Islamiah yang suci akan sentiasa lapang dada, jauh pandangan, dirinya penuh dengan kesedaran dan keinsafan, tidak gentar di masa susah atau kalah, dan tidak pula melenting di masa senang atau menang, bahkan sentiasa tenang dan teguh, sebagaimana yang digambarkan oleh Al-Quran:

**Maksudnya:** *"Tidakkah engkau melihat wahai Muhammad, bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pokok yang baik, yang pangkalnya, akar tunjangnya tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit. Ia mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhannya. Dan Allah mengemukakan perbandingan itu untuk manusia supaya mereka beringat-ingat.*

– Surah Ibrahim ayat 24-25

Sebagaimana yang saya katakan sebentar tadi, bahawa keluhuran dan kesucian Aqidah Islam itu dapat membentuk peribadi yang sihat, niat dan amalan-amalan serta reaksi yang luhur dan bersih serta tepat sebagaimana yang semestinya. Iaitu "tepat di luar dan tepat di dalam" ataupun "tepat di dalam dan tepat di luar" dan bukan hanya "tepat di luar rencong di dalam" atau "tepat di dalam menyeleweng di luar".

Saya juga merasa kesal, kerana terdapat setengah-setengah pihak yang mana barangkali terlampau bersemangat, tanpa ilmu dan kefahaman mendalam, sehingga tidak dapat membezakan di antara aqidah keimanan dengan amalan atau kerja-kerja dunia yang berbentuk kebajikan. Kita semua maklum, kerja-kerja dunia yang berbentuk kebajikan itu kalau di niat Allah, maka ianya akan mendapat pahala, dan kalau di niat kerana tujuan-tujuan lain, maka ianya tidak mendapat pahala. Walau bagaimanapun kerja-kerja seperti ini tidak termasuk di dalam rumpun aqidah, sehingga ada yang menganggapkan "PARTI POLITIK" itu sebagai aqidah, berkempen pilihanraya pun termasuk dalam aqidah, memasang bendera di atas pokok pun aqidah. Sehingga Rukun Islam yang lima boleh diketepikan, kerana hendak mengundi di masa pilihanraya. Keadaan akan menjadi kelam-kabut sekiranya orang-orang seperti ini yang memegang teraju agama.

Saya menyeru kepada masyarakat Islam kita di Malaysia ini supaya sesuatu amalan atau tindakan atau perjuangan yang lebih selamat, ialah perjuangan yang lengkap alat-alatnya. Bagi membina aqidah Islam, yang teguh dan mantap kepada para pendakwah, para pejuang Islam, serta generasi kita yang baru, mereka perlulah melengkapi diri dengan kefahaman aqidah dan analisa kerohanian yang jelas, supaya apa yang mereka dakwah dan perjuangkan di negara ini tidaklah menyusahkan diri sendiri dan menyesatkan orang lain. Maka syarat-syarat pejuang dan pendakwah Islam yang perlu dipenuhi memanglah tercatat dengan jelas menurut yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana Islam di dalam syarat-syarat menjadi pendakwah iaitu "Penggesa kebaikan dan pencegah kejahatan". Orang-orang yang melakukan sesuatu gerak-kerja tanpa mempunyai kelengkapan yang perlu, samalah dengan orang yang memasuki medan perang tanpa senjata dan bekalan. Kerja seperti ini akan gagal dan bukannya kerja orang yang berakal.

Saya suka menjelaskan di sini, iaitu masih terdapat pihak-pihak yang terkeliru dengan konsep Negara Islam dan Kerajaan Islam. Di dalam Bahasa Arab, Negara Islam di sebut Darulsalam manakala Kerajaan Islam di sebut 'Daulat Islamiah' atau 'Hukmah Islamiah'. Kerajaan Islam ertinya kuasa yang mengawasi dan mempertahankan Islam.

Para sarjana Islam telah mencatat dalam kitab-kitab mereka dengan perkataan 'Al-Islamuddin Wa Daulat'. Islam itu ialah Agama dan Kerajaan. Bukannya 'Al-Islamuddin Wa-Darul Wa-Balad' Islam itu ialah Agama dan Negara. Dari itu mengapa kita menonjolkan penubuhan Negara Islam? Pada hal negara ini boleh dikatakan sebuah Negara Islam menurut Mazhab Hanafi. Perjuangan seperti ini namanya "memperjuangkan benda yang telah ada" iaitu Tahsil Al-Hasal ertinya satu perjuangan yang sia-sia. Apa yang dimaksudkan dengan Kerajaan Islam tadi, ialah kuasa untuk menjalankan Islam, mengawasi dan mempertahankan Islam. Inilah kuasa yang wajib berada di tangan orang-orang Islam, yang dikatakan "Al-Islamuddin Wa-Daulat". Kita semua faham bahawa masalah menubuhkan Negara Islam tidak timbul, kerana Negara Islam sudahpun ada, masalah kuasa kerajaan pun tidak timbul, kerana kuasa telahpun ada di tangan orang Islam. Yang timbulnya ialah kuasa majoriti yang ada di tangan kita dan realiti masyarakat negara ini. Hal ini tidak boleh sekali-kali diketepikan, selagi kita mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Di sinilah tempatnya yang perlu kita berhati-hati.

Kita juga perlu memahami, bahawa diakhir Kurun Kedua-Puluh ini, angin demokrasi bertiup terlampau kencang, dan sistem kuku besi komunis yang telah berjalan lebih 50 tahun itu hampir kesemuanya tumbang, yang tinggal hanya Rusia

dan China sahaja. China sendiri pun hampir tumbang baru-baru ini. Hingga hari ini tidak habis-habis lagi demonstrasi mengenai krisis sistem ini di Eropah Timur. Ini bererti bahawa kuasa memerintah negara hari ini ialah menerusi undi sokongan rakyat, di samping majoriti suara di parlimen dan realiti masyarakat majmuk mahu tak mahu terpaksa di ambil kira.

Setahu saya, kewajipan umat Islam di mana-mana pun ialah wajib memperjuangkan Hukum Allah iaitu Hukum Islam, supaya dilaksanakan ke atas mereka, dan itulah yang wajib diperjuangkan dalam agama kita. Pihak kerajaan ingin melaksanakan hukum syarak ini seberapa daya dan upaya kami, sebagaimana yang digambarkan oleh Al-Quran:

**Maksudnya:** *"Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan kami di merata-rata tempat, dalam alam yang terbentang luas ini, dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka, bahawa Al-Quran adalah benar."*

– Surah Faslat ayat 53

Akhir kata, marilah bersama-sama kita bergerak menuju hala perjuangan yang boleh membawa kebaikan kepada kita, umat Islam. Sebarang corak perjuangan yang boleh membawa kesan perpecahan dan kemusnahan dan merugikan umat Islam hendaklah dihindarkan.

*(Ucapan pada Perasmian Seminar Aqidah dan Kerohanian II, Anjuran Fakulti Pengajian Islam, UKM dan NADI, di Bilik Jumaah, UKM, Bangi pada 8.9.1990)*



## ISLAM DAN PEMBANGUNAN

Seminar seperti ini adalah julung-julung kali diadakan di negeri Terengganu dan berupa satu wahana perkongsian ilmu yang perlu lebih kerap diadakan, sesuai dengan hasrat kerajaan ingin menjadikan negeri Terengganu Darul Iman sebagai koridor pengembangan dan penyebaran ilmu Pantai Timur. Rata-rata mereka yang berada di hadapan saya hari ini adalah pemimpin sesebuah jabatan ataupun masyarakat setempat. Biar apa sekalipun jawatan yang dipegang, kita hendaklah jangan sekali-kali mengabaikan tanggungjawab atau mengkhianati kepercayaan yang telah diamanahkan kepada kita. Pangkat dan jawatan adalah satu amanah dan bukannya lambang kemegahan. Lebih besar pangkat, lebih besar pula beban yang perlu dipikul. Sebagaimana peringatan Nabi s.a.w.:

**Yang bermaksud:** *"Semua kamu adalah gembala yakni pemimpin dan setiap orang pemimpin itu bertanggungjawab ke atas orang yang dipimpinnya".*

Persaingan sebagaimana melalui sistem demokrasi yang diamalkan oleh negara kita adalah sesuatu yang sihat. Tetapi sekiranya terdapat unsur-unsur pembunuhan watak, hasad dengki, fitnah dan sebagainya, ia boleh memudaratkan ramai orang. Saya suka mengingatkan bahawa kita tidak punya banyak masa apatah lagi untuk memikirkan masalah pinggirani sebegini. Kita sedang berada di dalam fasa kedua pelan pembangunan Negeri Terengganu dan oleh itu, sokongan padu daripada semua amatlah diperlukan kerana saudara dan

saudari semualah yang akan memastikan sesuatu dasar itu terlaksana dengan sempurna. Apa yang penting di sini ialah rasa insaf bahawa setiap seorang daripada kita punya peranannya masing-masing yang perlu dimainkan sebaik dan seikhlas mungkin. Apabila hal ini sudah jelas di fikiran kita, dapatlah kita bergerak seperti sebuah pasukan yang bersepadu lagi harmonis tindak-tanduknya, tanpa dibayangi perasaan iri hati melihat kejayaan orang lain.

Hadirnya kita di sini bukan hanya sekadar memenuhi tuntutan tugas kerana tugas kita tidak hanya terbatas sekitar dinding yang menyempadani ruang pejabat. Agenda bertindak seorang pemimpin itu perlu melewati lingkungan cita-cita peribadinya. Dengan tidak menafikan sifat-sifat semulajadi manusia yang inginkan kemewahan dan kenikmatan peribadi, soal-soal kepentingan ummah seluruhnya perlu diberi tempat yang utama juga. Soal bagaimana hendak menyumbang ke arah membangunkan masyarakat dan negeri adalah satu agenda yang lulus lagi penting untuk difikirkan bersama. Perkara seperti ini tidak seharusnya dibebankan sepenuhnya ke bahu kerajaan yang memerintah.

Oleh kerana cabaran yang bakal kita hadapi semakin hebat, saya berpendapat bahawa sudah tiba masanya kita semua menjadi para pengurus yang memimpin. Hari ini, kebanyakan pengurus adalah pentadbir. **Pengurus yang memimpin sentiasa bersikap proaktif, berwawasan, berjiwa besar dan berani menanggung risiko, sentiasa bangun membuat, yakni berinisiatif, dan bukan hanya bangun apabila diarah membuat.** Pengurus yang memimpin juga adalah seorang yang sentiasa mahu memperbaiki diri dan keadaan, sepertimana konsep "**KAIZEN**" di dalam sains pengurusan Jepun yang menjadi antara ciri utama kejayaan perindustrian negara itu. Pengurus yang memimpin juga hendaklah menjadi pengurus yang sentiasa memelihara

hubungannya dengan Allah dan hubungannya sesama manusia.

Suasana ekonomi-politik dunia hari ini mengalami kepesatan perubahan pada kelajuan yang membimbangkan. Oleh kerana kesannya kena secara langsung ke atas kita, saya khuatir kita akan jauh ditinggalkan seandainya kita leka dan "tidak ambil pusing".

Terlalu banyak telah diperkatakan mengenai kelemahan dan kemunduran umat Islam di tengah-tengah zaman masyarakat pasca moden ini. **Umat Islam lemah pada perkara yang asas iaitu penguasaan ilmu.** Kalaupun seseorang itu berilmu, dia tidak mampu menterjemahkan hal-hal semasa mengikut kaedah Islam.

Islam bukan hanya hukum-hakam semata-mata. Kejayaan dan kegemilangan tamadun Islam ditunjangi oleh kemampuan para pendakwah dan ulama zaman itu menangani permasalahan masyarakat zamannya dengan kaedah dan pendekatan Islam secara rasional dan penuh hikmah. Kegemilangan Islam dahulu juga bercirikan hubungan erat dan penyelarasan tugas yang sempurna di antara para ulama dan pemerintah. **Ulama dan pemerintah perlu bekerja seiringan, tetapi untuk menjadikan peranan ulama lebih relevan dalam konteks hari ini, ulama perlu peka kepada segala perubahan yang berlaku.**

Sebagaimana umat terdahulu, umat Islam di zaman keunggulannya juga tahu mendahulukan mana yang perlu didahulukan. Umat Islam ketika itu juga tidak dipengaruhi oleh pendapat yang mengatakan pembangunan itu tidak perlu kerana kononnya kehidupan di akhiratlah yang lebih utama dan kekal abadi. Sebenarnya, keseimbangan di antara kemajuan dunia dengan kebahagiaan akhirat inilah yang menjadi asas pegangan umat Islam di zaman kegemilangannya.

## FALSAFAH PEMBANGUNAN TERENGGANU DAN TIGA CABARAN STRATEGIK

Sebagaimana yang digambarkan oleh Allah s.w.t. di dalam ayat 77 surah Al-Qasas:

**Yang bermaksud:** *"Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan oleh Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat, dan janganlah engkau melupakan bahagianmu di dunia. Dan berbuat baiklah kepada hamba-hamba Allah sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu, dengan kurniaan nikmat-Nya yang melimpah-limpah. Dan janganlah kamu melakukan kerosakan di mukabumi ini. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan".*

Falsafah pembangunan Negeri Terengganu diasaskan kepada ayat Al-Quran di atas dan bercirikan pembangunan bersepadu demi mencapai kesejahteraan manusia di dunia dan akhirat. Kunci kata yang terdapat di sini ialah "**Keseimbangan**". Di dalam merangka dasar pembangunan negeri, kita telah menggariskan tiga cabaran besar yang perlu diatasi.

**Pertamanya** ialah cabaran untuk mencapai keseimbangan pembangunan insan dan fizikal, jasmani dan rohani. Tidak ada jalan lain bagi kita menghadapi cabaran ini melainkan dengan penyediaan prasarana yang sempurna dan yang bersesuaian diikuti dengan penyuburan budaya ilmu di kalangan masyarakat.

**Keduanya** ialah cabaran untuk mencapai keseimbangan pertumbuhan antara sektor. Kita telah menyusun strategi untuk mencatatkan pertumbuhan sederhana 7.4% setahun bagi semua sektor bagi tempoh 1991-2000. Pertumbuhan ekonomi yang tinggi sahaja tidak bermakna sekiranya hanya

aktiviti petroleum dan perkilangan sahaja yang mengalami kepesatan sedangkan aktiviti-aktiviti pertanian, perikanan, perhutanan dan sebagainya masih mengalami pertumbuhan yang lembab. Di masa yang sama, kita perlu mengurangkan pergantungan tenaga kerja dalam sektor pertanian dan menggalakkan penglibatan dalam sektor-sektor lain. Contohnya, bagi tahun 1993, sektor pertanian, perhutanan dan perikanan telah menyumbangkan 8.9% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan penglibatan 33.3% tenaga kerja. Di masa yang sama sektor perlombongan dan kuari menyumbang 58.7% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tetapi hanya melibatkan 1.2% dari tenaga kerja.

Cabaran **ketiga** yang perlu dihadapi ialah keseimbangan pembangunan antara kawasan. Ini tidak bermakna kesemua daerah mesti mempunyai projek yang sama. Apa yang lebih penting ialah memastikan setiap kawasan mempunyai kemudahan asas yang sempurna dan memuaskan beserta kekuatannya yang tersendiri.

Inilah tiga cabaran pembangunan yang telah dikenalpasti. Harus ada kerjasama rapat di antara para pemimpin masyarakat dan golongan pentadbiran supaya dasar yang telah dirangka itu menemui sasarannya.

## **WAWASAN 2020 – KE ARAH MENGANGKAT MARTABAT UMMAH**

Firman Allah s.w.t. dalam ayat 11 surah Ar R'ad:

*Yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah tidak akan merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri.*

Wawasan 2020 bukanlah satu dasar baru kerajaan sebaliknya merupakan tindakbalas dari perubahan-perubahan yang berlaku di seluruh dunia. Wawasan 2020 adalah cita-cita ke arah mengangkat martabat seluruh umat. Persoalannya bagaimana? Ramai orang punya pendapat yang berbeza tentang bagaimana mahu mengangkat martabatnya sehingga ada yang menyangka bahawa martabatnya boleh terangkat dengan memotong tubuh badan manusia lain kepada 18 potongan.

Islam mahukan umatnya maju tetapi maju itu bukanlah matlamat akhir bahkan strategi untuk mencapai ketinggian martabat. Kita mahu maju dalam bidang perindustrian kerana negara-negara yang maju bukannya negara yang hanya menjual sumber alamnya sahaja. Kita mahu maju supaya pendapatan kita banyak dan kekayaan boleh diagihkan untuk dinikmati bersama, bukan hanya untuk satu kelompok tertentu. Kita mahu maju supaya realiti kehinaan dan kemiskinan, terutamanya kemiskinan sikap dan perangai dan bukannya wang tinggi, boleh terhapus. Kita mahu maju supaya kita terbebas dari sebarang bentuk penjajahan terutamanya penjajahan pemikiran. Kita mahu maju bukan mengikut takrif kemajuan sepertimana yang dapat dilihat di Barat tetapi mengikut acuan kita yang tersendiri.

Usaha ke arah pembentukan manusia yang mempunyai prinsip yang diasaskan pada nilai-nilai yang baik harus menjadi agenda pembangunan yang utama dan bukannya penumpuan kepada hal-hal berbentuk ekonomi semata-mata.

## **ILMU SEBAGAI ASAS PEMBINAAN TAMADUN**

Abad ke-21 adalah era pembangunan manusia yang berpaksikan penguasaan ilmu pengetahuan. **Di dalam era ledakan maklumat kini, orang yang akan dapat mengalahkan saingannya ialah orang yang paling banyak maklumat dan yang paling cepat bertindak.**

Saya berpendapat bahawa maju mundurnya sesebuah masyarakat itu terletak pada sejauh mana ahli-ahlinya berilmu dan dapat pula memanfaatkan ilmunya. **Malah, ilmu pengetahuan akan dijadikan asas kepada pembentukan sebuah masyarakat Terengganu yang berilmu, berakhlak, bertaqwa dan sihat tubuh badan.** Oleh sebab itulah, Kerajaan negeri banyak memberi tumpuan kepada aspek pendidikan jasmani dan rohani rakyatnya sungguhpun kita sedar bahawa pulangan dari pelaburan yang dibuat tidak dapat dikecapi dalam jangka waktu yang singkat. Namun kita percaya bahawa pendidikan ialah teras pembangunan dan oleh itu apa juga peruntukan kewangan dan perancangan yang dibuat untuk pendidikan bolehlah dianggap sebagai satu pelaburan yang terjamin keuntungannya.

Kita mahu melahirkan masyarakat berilmu yang seimbang; antara teori dan praktikalnya, antara sastera dan sainsnya, antara duniawi dan ukhrawi. Kita akan rugi seandainya masih beranggapan bahawa ilmu-ilmu sains dan teknologi moden adalah ilmu sekular yang hanya mementingkan duniawi dan oleh sebab itu, umat Islam tidak perlu menguasainya. Sikap sebegini akan hanya membeku pemikiran umat yang selamanya akan buta dari melihat kenyataan yang berlaku di sekeliling mereka. Sejarah kegemilangan Islam dan ilmu perlu dijadikan panduan. Nama-nama seperti Al-Khawarizmi, Al-Biruni, Al-Razi, Ibnu Sina, dan banyak lagi sepatutnya dijadikan dorongan.

Kecenderungan terhadap ilmu-ilmu sains dan teknologi di kalangan kita umat Islam masih lemah. Di Terengganu misalnya, sekiranya pencapaian pelajar di dalam peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia baru-baru ini boleh dijadikan ukuran, maka tugas kita sebenarnya masih banyak lagi. Walaupun pencapaian kita secara amnya baik, peratus kelulusan mata-mata pelajaran Matematik Moden (46.8%), Matematik Tambahan (61.1%), Biologi (91.3), Fizik (83.3%)

dan Kimia (73.4%) masih lagi berada di bawah puratus purata peringkat kebangsaan.

Kerajaan negeri mahu memberi peluang dan kemudahan bagi semua rakyatnya meningkatkan pencapaian ilmu pengetahuan mereka tanpa mengira usia dan asal keturunan. Untuk itu, kemudahan perpustakaan awam telah dibina di seluruh pelusuk negeri termasuklah perpustakaan bergerak. Khidmat perpustakaan ini telah berkembang sehingga ke peringkat mukim dan desa. Perkara ini nampak remeh tetapi tidak berapa lama dahulu, Terengganu tidak punya satupun perpustakaan awam. Tambahan pula rakyat di ketika itu rata-ratanya belum mampu membeli bahan bacaan sendiri.

Budaya membaca di negeri Terengganu masih lagi menjadi sesuatu yang asing di kalangan rakyatnya. Sikap membaca yang lemah ini boleh dilihat misalnya melalui bilangan kedai-kedai buku yang ada, serta mutu dan bilangan bahan bacaan yang disediakan. Buku-buku terkini di pasaran lazimnya perlu dicari di luar dari Terengganu.

Saya berpendapat, perkara ini perlu diperbaiki dan mesti ada usaha yang lebih bersungguh-sungguh dan bersepadu pelbagai agensi, selain usaha pembinaan perpustakaan, sekolah-sekolah yang ratusan buah bilangannya dan galakan membaca melalui kempen-kempen dan ekspo. Kerajaan negeri telah membina Percetakan Yayasan Islam Terengganu yang berfungsi bukan hanya sekadar mencetak kitab suci Al-Quran, tetapi juga menerbitkan buku-buku dan bahan-bahan bacaan untuk keperluan pelbagai peringkat umur dan taraf hidup rakyat negeri. **Minat membaca perlu disemai bukan setakat di kalangan anak-anak dan para pelajar sahaja malah di kalangan orang dewasa juga, apatah lagi sekiranya seseorang itu adalah pegawai kerajaan atau ahli politik yang menjadi penggubal atau agen pelaksana dasar-dasar**



**kerajaan.**

Masjid-masjid yang telah dibina perlu dihidupkan dengan pelbagai program kemasyarakatan dan program yang mampu mengembang budaya membaca ini di kalangan rakyat, sesuai dengan fungsi masjid sebagai pusat ilmu dan maklumat. **Kewujudan masjid masih belum dimanfaatkan ke tahap yang maksimum. Ia masih dilihat sebagai institusi yang hanya menawarkan tempat untuk melakukan upacara-upacara keagamaan yang khusus.** Saya melihat bahawa khutbah Jumaat boleh memainkan peranan yang lebih besar meleraikan rantai yang membelenggu pola pemikiran rakyat dengan meneruskan strategi melontar permasalahan dan isu-isu semasa beserta kaedah penyelesaiannya, menurut Islam. **Kita mahu menampilkan imej masjid yang lebih dinamik, sesuai dengan kepesatan pembangunan yang sedang melanda sekarang.**

Kerajaan ingin mewujudkan sebuah masyarakat yang sihat, berilmu, berakhlak dan bertaqwa. Masyarakat yang berkualiti mempunyai ahli-ahli yang berkualiti pula. Untuk mengawal kualiti masyarakat yang ingin diwujudkan, Kerajaan telah memberi perhatian yang serius kepada proses pembesaran dan pembangunan individu rakyat yang disifatkan sebagai satu pusingan iaitu dari penjagaan kesihatan ibu-ibu yang mengandung sehinggalah bayi yang dikandung itu dilahirkan, membesar dan membentuk keluarganya sendiri pula. Di dalam zaman di mana institusi keluarga semakin terhakis peranannya, Yayasan Pembangunan Keluarga tampil untuk memperbaiki keadaan dengan tujuan memupuk dan membantu dalam pembangunan keluarga yang diketahui umum sebagai komponen asas yang terpenting dalam penyusunan masyarakat yang sihat dan berkualiti. Tugasnya termasuklah memberi bimbingan dan khidmat kaunseling dalam hal-hal perkahwinan

dan kekeluargaan, penjagaan bayi dan kesihatan ibu yang mengandung serta pendidikan bagi anak-anak kecil melalui penubuhan "nur-sery". Alhamdulillah, melalui ilmu yang dibekalkan kepada masyarakat, kadar kematian bayi yang pada satu ketika dahulu amat merungsingkan kita sudah dapat dikurangkan daripada 31 orang pada tahun 1980 kepada 15 orang ketika ini bagi setiap seribu kelahiran dan usaha ini berterusan.

Apabila anak-anak itu menjangkau umur empat tahun maka urusan pendidikannya diambil-alih oleh Yayasan Islam yang akan memberikan asas pendidikan keagamaan sebagai persediaan sebelum melangkah ke tahap yang lebih tinggi. Yayasan Islam juga bertindak sebagai pusat kelahiran bakal-bakal profesional yang berakhlak dan bertaqwa kepada Allah. Yayasan Islam juga menyelaraskan kelas-kelas Bimbingan Agama, pusat-pusat pengajian Al-Quran dan Fardhu Ain, Kelas Berzanji dan sebagainya untuk para pelajar dan golongan dewasa.

Akhir sekali, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Yayasan Terengganu yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam urusan pemberian bantuan pelajaran dan kebajikan anak-anak Terengganu di pusat-pusat pengajian dalam dan luar negeri. Semenjak tahun 1972 hingga 1993, Yayasan Terengganu telah memberi bantuan pelajaran kepada seramai 36,256 orang penuntut Terengganu dengan jumlah peruntukan sebanyak RM 81.908 juta. Kita akan tetap memberi galakan kepada anak-anak Terengganu yang cemerlang di dalam pelajarannya.

Ketiga-tiga Yayasan Pembangunan Keluarga, Yayasan Islam dan Yayasan Terengganu bersama-sama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu, bertindak sepertimana proses "Quality control" yang mengawal dan menjamin pembentukan masyarakat yang berkualiti yang diidam-idamkan. Walau

bagaimanapun, memandangkan masalah-masalah masyarakat semakin bertambah dengan bertambahnya bilangan penduduk, saya percaya masih banyak ruang yang boleh dimainkan oleh ketiga-tiga Yayasan ini dan masih banyak perkara yang boleh diperbaiki untuk kesejahteraan bersama.

Kerajaan Negeri berbangga dengan kewujudan beberapa institusi pengajian tinggi seperti Institut Teknologi MARA (ITM) Cawangan Terengganu, Universiti Pertanian Malaysia (Fakulti Samudera), Institut Latihan Petroleum Batu Rakit, Institut Latihan Perindustrian Gong Badak dan Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. KUSZA diharap dapat melahirkan graduan-graduan yang "competent", yang tidak kekok dengan sains dan teknologi moden dan di masa yang sama punya asas keagamaan yang kukuh. KUSZA sebagai institusi pengajian tinggi agama yang ulung di Pantai Timur, diharap dapat menyumbang ke arah pembentukan aliran pemikiran masyarakat yang lebih dinamik dan bermaya. Saya berhasrat melihat lulusan KUSZA ini menjadi rebutan pelbagai pihak di dalam dan luar negeri pada satu hari nanti.

Kita juga akan membina dua buah lagi institusi pendidikan peringkat menengah dan tinggi di samping KUSZA dan lain-lain institusi yang sedia ada. Sebuah Maktab Sains Yayasan-MARA, iaitu usaha-sama di antara Yayasan Terengganu dan MARA akan dibina bagi melahirkan lebih ramai pelajar jurusan sains dan teknologi. Sebagai sebuah Kerajaan yang berpandangan jauh, sebuah Institut Kemahiran Tinggi Terengganu (TATI) akan dibina bagi melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir sesuai dengan keperluan perindustrian negeri yang semakin pesat. **Semua ini bertujuan untuk menampilkan para ilmuwan yang memahami dan mampu menyelesaikan permasalahan kontemporari atau masa kini dengan pendekatan dan kaedah Islam.**

## TERENGGANU – MELANGKAH KE HADAPAN

Terengganu adalah negeri pertanian yang mundur pada satu ketika dahulu. Keadaan ini berubah apabila petroleum dan gas ditemui di perairan pantai negeri pada tahun 1978. Kadar kemiskinan di Terengganu pada tahun 1970 telah dicatatkan sebanyak 68.9% daripada keseluruhan jumlah penduduk. Alhamdulillah, dengan hasil royalti yang diterima dari Kerajaan Pusat dapatlah kita merangka strategi pembangunan negeri dengan lebih sempurna dan selesa serta mampu pula menjalankan program-program dengan lebih terancang demi menaikkan taraf hidup rakyat. Pada tahun 1992, kadar kemiskinan telah berjaya dikurangkan sehingga 25.2%. Kemiskinan fizikal akan terus diperangi sebagaimana sabda Nabi s.a.w.:

**Yang bermaksud:** *"Hampir-hampir kepapaan itu membawa kepada kekufuran".*

Usaha-usaha membangunkan rakyat juga mengambilkira keperluan generasi yang akan datang. Oleh sebab itulah kerajaan negeri telah mengasingkan sebanyak 15% dari hasil royalti petroleum negeri ataupun RM30 juta, sekiranya nilai peratusan itu kurang dari RM30 juta, untuk dilaburkan di dalam sebuah Tabung yang dinamakan **Tabung Warisan**. Kita telah menubuhkan Permodalan Terengganu Berhad (PTB) untuk menguruskan urusan melaburkan dana Tabung ini di dalam projek-projek yang halal lagi menguntungkan. Insya-Allah, satu program yang akan memberi peluang kepada rakyat negeri terlibat sama di dalam aktiviti ini akan dilaksanakan di dalam bentuk **Skim Amanah Saham Darul Iman**.

Hasil bumi negeri yang pada mulanya dimonopoli oleh petroleum dan gas kini bertambah semenjak penemuan emas

di Marang pada tahun 1988. Bersyukurlah kita kepada Allah yang telah tidak putus-putus melimpahkan nikmat-Nya kepada kita. Sekarang ini kita telah mampu pula mengeksport air yang diproses dari Tasik Kenyir ke Timur Tengah. Sebagaimana Firman Allah di dalam ayat 15 surah Saba':

**Yang bermaksud:** *"....Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepada-Nya. (Negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman-makmur) dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan Yang Maha Pengampun".*

Sedarlah bahawa kita sedang berada di dalam fasa kedua pembangunan negeri Terengganu. Fasa yang pertama dari Tuhan 1978 hingga 1993 banyak memberi tumpuan ke arah **membangunkan masyarakat luar bandar** di samping **melengkapkan kemudahan asas** seperti jalan raya, bekalan elektrik, air, kemudahan kesihatan dan sebagainya. Memandangkan sebahagian besar dari keperluan asas rakyat sudahpun dipenuhi, kita berhasrat mengorak langkah yang lebih agresif memajukan negeri dengan memberi tumpuan yang lebih kepada sektor perindustrian. Kita akan memberikan tumpuan terhadap pembangunan bandar-bandar utama di Terengganu. Suasana sudah jauh berbeza bilamana orang-orang Melayu kini sudah mampu bersaing dan terlibat sama secara aktif dan bertanggungjawab di dalam aktiviti-aktiviti perekonomian. Pembangunan 15 tahun seterusnya akan bercirikan kepesatan perindustrian, sains dan teknologi maklumat, serta masyarakat industri yang berdaya saing, berteraskan ilmu, beriman, bertaqwa dan sihat tubuh badannya. Terengganu akan menjadi pusat industri bertaraf antarabangsa di Pantai Timur dengan penglibatan yang lebih besar pihak swasta di dalam usaha-usaha pembangunan. Pelabuhan Kemaman yang mempunyai lokasi yang strategik akan menjadi pusat persinggahan dan pintu masuk kapal-kapal dagangan dari rantau Asia Pasifik khususnya. Adalah dijangka aktiviti

industri hiliran berasaskan petro-kimia, kayu-kayan, 'silica' dan tanah liat, pertanian, kraftangan dan pelancongan akan terus berkembang. Kita juga akan memastikan pemeliharaan alam sekitar diberikan keutamaan kerana ianya adalah kekuatan dan daya tarikan yang mampu menarik pelancong ke dalam negeri.

Di samping itu, kerajaan negeri akan meneruskan dan mempergiatkan lagi usahanya membangunkan aktiviti perekonomian secara Islam. Terengganu adalah perintis sistem kewangan Islam seperti **pajak gadai (Ar-Rahn), Al-Bal Bithaman Ajil** dan **AlMudharabah**. Kita juga adalah perintis program **pinjaman ASN/ASB** kepada rakyat termiskin. Kita berharap supaya usaha-usaha sebegini akan diteruskan supaya rakyat mendapat lebih banyak pilihan apabila membuat urusan kewangan.

Menyentuh mengenai tema seminar ini iaitu "Islam dan Wawasan 2020: Ke Arah Peningkatan Kualiti Ummah", saya berpendapat bahawa masalah yang dihadapi oleh umat Islam ialah masalah sikap. **Kemiskinan yang dialami oleh umat Islam ialah kemiskinan sikap dan perangai, bukan semata-mata kemiskinan wang ringgit.** Apa yang amat diperlukan sekarang ialah usaha-usaha ke arah melahirkan individu yang berkualiti yang peka kepada tanggungjawabnya sebagai seorang ahli masyarakat. Kita mahu membentuk insan kamil yang memberi rahmat pada orang lain. Malahan tidak keterlaluan jika dinyatakan bahawa satu paradigma baru perlu di kalangan kita umat Islam tentang konsep kualiti yang dirujuk kepada isi kandungan Al-Qur'an dan Sunnah Nabi s.a.w. Kualiti dan kecemerlangan (excellence) bukan perkara baru dalam Islam.

Firman Allah s.w.t. di dalam ayat 4 surah At-Tiin:

**Yang bermaksud:** *"Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya".*

Manusia telah dijadikan oleh Allah dengan sebaik-baik kejadian ataupun sepertimana istilah yang dipergunakan di dalam sains pengurusan sekarang "zero defect". Umat Islam pula telah dinyatakan sebagai umat yang terbaik. Berdasarkan kepada kedua-dua hakikat ini, maka wajarlah manusia mengambil pengajaran bahawa segala tugas yang dilakukannya di muka bumi semestinya dilakukan dengan sebaik-baiknya sebagaimana hakikat kewujudan manusia itu sendiri. **Manusia sepatutnya bersaing membuat amal yang cemerlang kerana hakikat hidup dan mati adalah sebenarnya persaingan kecemerlangan amal supaya hidupnya berkualiti dan matinya nanti juga berkualiti.**

Memang menjadi sifat manusia yang inginkan pengiktirafan dan balasan di atas sesuatu tugas yang telah dilaksanakan. Ini dapat mendorong manusia itu melakukan kerja-kerjanya dengan lebih gigih dan sentiasa penuh bersemangat. Bagi sesetengah individu, motivasi untuk melakukan pekerjaan yang cemerlang dan berkualiti hanya dilihat dari sudut ganjaran-ganjaran yang dijanjikan oleh majikan sebagai balasan (reward). Kita perlu berhati-hati dan mewujudkan keseimbangan. Dalam banyak hal, apabila pengiktirafan tiada, motivasi untuk bekerja pun hilang.

Gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang menarik semestinya menjadi dorongan ke arah kecemerlangan. Malah ia adalah keperluan asas dan justeru itu kepentingannya tidak dipersoalkan. Tetapi di masa yang sama, kita perlukan kesedaran bahawa Islam melihat kerja sebagai sesuatu yang bernilai dan suatu ibadah yang akan dibalas dengan kebaikan sekiranya dilakukan dengan penuh keikhlasan dan sempurna. Sebagaimana sabda Nabi s.a.w.:

**Yang bermaksud:** *"Sesungguhnya Allah senang melihat seseorang itu, apabila dia melakukan kerja, kerja itu dilakukannya dengan sempurna".*

**Walaupun pengiktirafan manusia itu tidak selalunya adil, sesuatu tugas itu akan tetap diadili oleh Allah s.w.t. dengan saksama.**

## **KESIMPULAN**

Negeri Terengganu Darul Iman punya potensi yang besar untuk terus maju kerana usaha-usaha pembangunan kita terancang dan bermatlamat. Potensi yang ada untuk mencapai kegemilangan adalah besar tetapi agenda ini tidak harus dilihat dalam konteks kepentingan negeri semata-mata malah untuk kepentingan sejagat. Sesuai dengan namanya Darul Iman dan tradisinya melahirkan ilmuwan agama, kita mahu melihat rakyat dan negeri Terengganu menjadi model pembangunan seimbang yang menekankan keperluan duniawi dengan kesejahteraan akhirat. Saya harap seminar ini dapat meningkatkan kesedaran di kalangan kita tentang tuntutan pembangunan dalam Islam. Saya juga berharap seminar ini dapat meningkatkan iltizam kita untuk berusaha bersungguh-sungguh demi kemajuan agama, bangsa dan negara.

*(Ucapan pada Seminar Islam dan Pembangunan di Dewan Konvensyen Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu, pada 9 April, 1994).*



## **KOLEJ AGAMA SULTAN ZAINAL ABIDIN TERENGGANU**

Bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana pada hari yang bersejarah ini telah dihidayatkan kepada kita sekalian untuk menyempurnakan suatu tugas dalam usaha meningkat dan meninggikan syiar Islam di negeri ini. Setiap rakyat khususnya umat Islam wajib bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana dengan restu, taufik dan izin-Nya dapat kerajaan negeri menubuh dan melaksanakan Kolej Agama Sultan Zainal Abidin ini sebagai suatu pusat pengajian tertinggi Islam di negeri ini. Adalah diharapkan dengan pelaksanaan kolej ini akan dapat melahirkan lebih ramai lagi para bijak pandai dalam berbagai-bagai jurusan dengan mempunyai latar belakang agama, untuk menampung kekurangan mereka di negara ini.

Sesungguhnya kerajaan negeri memanglah berhasrat untuk memajukan lagi bidang keagamaan ini dari semasa ke semasa mengikut kemampuan yang ada. Perkembangan yang dimaksudkan itu bukan sahaja dari segi meningkatkan perkembangan syiar, bahkan menyediakan seberapa banyak peluang bagi melahirkan tenaga-tenaga akademis Islam dan tenaga-tenaga mahir dalam bidang tersebut. Langkah positif ini adalah diharapkan dapat mewujudkan bidang pembangunan negeri yang berteraskan kepada pembangunan Islam di negara ini.

Sebagaimana kita semua maklum bahawa hasrat dan cita-cita kerajaan dalam menyediakan berbagai-bagai kemudahan kepada rakyat termasuk dalam semua sektor kemajuan bukanlah dimaksudkan untuk mementingkan bidang kebendaan semata-mata seperti mana yang telah diperkatakan oleh setengah-setengah golongan yang cuba memesongkan kenyataan yang wujud dalam negeri ini, perkembangan faktor kemajuan itu adalah sebagai suatu asas yang hakiki dalam usaha mewujudkan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat, kerana tanpa faktor kebendaan itu kepentingan akhirat tidak dapat dicapai. Firman Tuhan dalam ayat 77 Surat Al-Qasas:

**Yang bermaksud:** "*Dan carilah dalam kurniaan yang Allah berikan kepada kamu (keselamatan) di akhirat, tetapi janganlah engkau lupakan bahagianmu di dunia*".

*Sabda Nabi (s.a.w.) pula, Yang bermaksud: "Dunia ini ladang akhirat".*

Sejajar dengan perkembangan pembangunan ekonomi Negeri Terengganu sebagaimana yang dirancang adalah dijangka pesat dalam tahun-tahun yang akan datang, kerajaan negeri adalah dijangka pesat dalam tahun-tahun yang akan datang, kerajaan negeri adalah berhasrat supaya pembangunan agama Islam juga dipertingkatkan selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang akan dialami itu. Ini adalah bertujuan agar perimbangan pembangunan ekonomi di negeri ini akan dapat dicapai antara dua persimpangan iaitu bidang pembangunan jasmani dan rohani. Sebagaimana kita semua maklum pada masa kini pertumbuhan dan pembangunan hal-hal agama Islam di Negeri Terengganu telah dikelolakan oleh Majlis Agama Islam, Jabatan Hal Ehwal Agama dan Yayasan Islam Terengganu. Bagi mengelakkan tugas-tugas dan rancangan-rancangan di antara agensi-agensi tersebut tidak akan bercanggah dan bertindih di antara satu sama lain, kerajaan

telah membentuk sebuah Jawatankuasa bagi menyelaraskan pembangunan dalam hal-hal agama Islam ini di bawah kelolaan Jawatankuasa Pembangunan dan Penerangan Agama Peringkat Negeri Terengganu.

Suatu kajian mengenai pembangunan agama Islam negeri Terengganu telah diserahkan kepada juruperunding bagi menjalankan kajian secara mendalam mengenai pembangunan agama Islam Negeri Terengganu bagi tempoh 5 tahun yang bermula pada tahun 1981 hingga 1985 yang dijangka siap pada akhir bulan Ogos 1981 ini. Kajian itu akan menyediakan program dan pembangunan agama Islam di negeri ini bagi jangka panjang yang akan dipergiatkan oleh Majlis Agama Islam, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Yayasan Islam Terengganu dan Jawatankuasa kemajuan Agama Daerah. Ia juga akan kemukakan cadangan-cadangan projek agama Islam yang perlu dilaksanakan selaras dengan pembangunan ekonomi, berpandukan kepada dasar dan strategi pembangunan yang digunakan oleh kerajaan negeri. Dengan rancangan pembangunan 5 tahun ini juga akan dapat memenuhi keperluan tenaga manusia dalam bidang melaksanakan projek dan juga kegiatan-kegiatan seperti pegawai, guru dan pendakwah.

Bagi menjayakan rancangan pembangunan 5 tahun Islam ini, bidang-bidang kajian akan ditumpukan dalam beberapa faktor seperti meneliti projek dan kegiatan agama Islam di Negeri Terengganu yang telah dijalankan sehingga sekarang. Tinjauan juga dibuat dari segi projek-projek sosio-ekonomi negeri ini yang dicadangkan untuk Rancangan Malaysia Keempat supaya projek dan kegiatan agama Islam dapat dimasukkan sama menurut tahunan yang diperlukan. Adalah diharapkan rancangan 5 tahun pembangunan agama Islam di negeri ini akan menambah lagi munafaat kepada rakyat dalam bidang kemudahan dan kepentingan mereka sejajar kehendak Islam.

*(Ucapan pada Perletakan Batu Asas Kolej Agama Sultan  
Zainal Abidin, Kuala Terengganu, pada 17 Mac 1981).*

## STADIUM NEGERI

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala yang telah mengizinkan kita berhimpun di bawah bumbung sebuah bangunan begini indah dalam suasana harmoni, sentimental, damai dan tenteram. Inilah satu-satunya nikmat dan rahmat Allah yang tiada tolak bandingnya kepada kita rakyat negara ini, kerana dalam suasana sedemikian indah dan damai memudahkan kita bergerak maju dalam semua bidang termasuk kegiatan dalam bentuk sosial seperti kegiatan olahraga dan sukan.

Suasana secantik ini dan nikmat semanis ini sudah tentu tidak dapat dilihat apa lagi dirasakan oleh saudara-saudara kita umat Islam di mana negara mereka hangus dibakar api peperangan seperti rakyat Palestine, Afghanistan, Lubnan, Iran dan Iraq di mana bumi mereka sentiasa dibanjiri darah manusia tidak berdosa akibat api peperangan yang terus menyala. Begitu juga nikmat yang kita kecapi ini tidak mungkin dirasakan oleh beberapa bahagian dunia akibat berbagai bentuk bencana alam, sama ada kerana banjir besar, letupan gunung berapi, tiupan ribut taufan atau pun akibat kemarau panjang hingga mengeringkan air di sungai dan membakar tumbuhan di bumi.

Kalau kita berusaha mengkaji secara teliti punca tragedi demi tragedi di luar dugaan manusia itu, pasti kita akan menjumpai punca seperti banyak diceritakan oleh Allah Subhanahu Wataala dalam Al-Quran peristiwa yang menimpa

umat manusia sebelum kita, kerana setiap kejadian adalah untuk memberi pengajaran dan keinsafan kepada manusia. Salah satu sebab yang dapat kita lihat adalah kerana sikap umat Islam yang tidak berminat untuk bersefahaman dan bersatu padu seperti ajaran Allah dan Rasul, mereka saling bertelagah sesama sendiri hingga memberi peluang musuh-musuh Islam menewaskan mereka dengan mudah. Manakala sebahagian umat manusia lagi tidak pernah mensyukuri nikmat Allah, mereka bersikap bongkak dan takbur menyebabkan mereka menerima pembalasan yang saksama.

Kita juga menyaksi sendiri bagaimana ratusan ribu rakyat Vietnam dan Kampuchia menjadi pelarian yang penuh dengan penderitaan dan kehinaan, manakala sebahagian yang lain terkorban di negara mereka akibat penaklukan Russia kesan dari ketidak kestabilan politik apabila fahaman antara rakyat berbeza. Demikianlah kehancuran demi kehancuran yang dapat kita saksi sendiri. Apabila kehancuran demikian menimpa terhadap sesuatu bangsa, amat sukarlah untuk mengembalikan kedaulatannya kerana rakyat peribumi yang menuntut haknya dianggap sebagai penceroboh.

Semua peristiwa yang berlaku sebenarnya adalah pengajaran yang harus kita insafi bahawa perpaduan amat penting dalam ketahanan bangsa, agama dan negara, lebih-lebih lagi kita sebagai suatu bangsa yang kecil dan sebagai sebuah negara yang kecil. Permusuhan yang berlaku sesama sendiri sebenarnya sebagai membuka jalan mudah kepada musuh menindas dan menghancurkan kita. Sebab itulah kerajaan sangat mengambil perhatian berat dan bertindak tegas dalam usaha memperkukuhkan perpaduan. Perbuatan untuk memecahbelahkan perpaduan kita boleh dianggap sebagai suatu pengkhianatan kepada agama, bangsa dan negara, usaha memecahbelahkan antara kita boleh dianggap sebagai suatu gerakan ekstrimis yang amat malang kerana ini menjadi

pembunuh bangsanya sendiri. Bagaimanapun kerajaan terus bersabar dan berikhtiar dengan harapan golongan yang tidak bertanggungjawab itu akan segera insaf dan kembali ke pangkal jalan kerana kalau sesuatu bencana menimpa nasib bangsa kita, mereka akan menanggung dosa yang tidak dapat diampun. Saya melihat akhir-akhir ini sudah disemai di kalangan anak-anak sekolah sebagai gerakan penentang jangka panjang. Bibit-bibit yang amat merbahaya ini perlulah dibasmi dengan segera sebelum ia bertunjang subur dalam masyarakat kita.

Usaha kerajaan merapatkan jurang golongan berada dengan golongan miskin melalui Dasar Ekonomi Baru sudah mula memperlihatkan hasilnya dengan harapan mengukuhkan perpaduan antara kaum, kerana jurang pemisahan itu ditakuti membangkitkan persengketaan antara kaum. Tetapi adalah sedih dan malang kerana sebelum usaha itu berjaya sepenuhnya muncul pula golongan pelampau yang cuba memisahkan perpaduan antara umat Islam sendiri di negara ini. Kerajaan tidak teragak-agak membelanjakan wang begitu banyak membina masjid, surau, pusat-pusat sivik atau dewan masyarakat dan berbagai pusat kegiatan sukan termasuk Stadium Negeri yang tersergam ini adalah bertujuan memenuhi tuntutan semulajadi manusia untuk beribadat, untuk berhimpun sambil membincangkan permasalahan hidup dan untuk berhimpun menjalankan kegiatan jasmani melalui olahraga dan bersukan di tempat yang sesuai dan selesa. Kerajaan percaya berbagai projek ini boleh membantu rakyat untuk keharmonian dalam kehidupan mereka sambil menjalankan kegiatan-kegiatan yang berfaedah dengan itu dapat pula mengelakkan diri mereka dari membuang waktu lapang yang akan memudahkan mereka mendekati kegiatan liar seperti menagih dadah dan sebagainya, sedangkan tenaga masa dan perbelanjaan untuk kerja-kerja pemulihan penagih dadah mungkin lebih besar dari belanja membangunkan pusat-pusat tersebut.

Kerajaan sedar kekuatan, kemajuan dan kestabilan sesebuah negara adalah dari kesihatan, kecerdasan dan perpaduan rakyatnya. Untuk mewujudkan generasi rakyat yang sihat, rohani dan jasmaninya memerlukan banyak faktor termasuk kedudukan ekonomi yang stabil suasana aman dalam negara, tahap pendidikan yang sempurna serta fizikal yang utuh. Dan untuk menyerapkan suasana demikian dalam kehidupan rakyat, mereka harus mempunyai tempat-tempat rekreasi, berolahraga, pusat-pusat sukan dan berbagai gelanggang permainan yang mencukupi.

Atas desakan dari keadaan-keadaan semulajadi manusia inilah, Kerajaan Negeri menyediakan berbagai kemudahan yang diperlukan itu antaranya termasuk membina sebuah Stadium Negeri yang sesuai, walaupun pembinaan Stadium berharga lebih RM14 juta ini mungkin menjadi rungutan segelintir golongan yang memang tidak senang dengan kegiatan sukan. Saya sedar, golongan itu akan terus menyalahkan kerajaan bukan sahaja kerana membina Stadium yang indah ini, tetapi membina masjid, surau, pusat-pusat pengajian agama pun mereka tidak setuju, sehingga mereka tidak ingin bersembahyang di masjid kerajaan walaupun mereka sendiri mendabik dada sebagai pejuang agama. Kalau dilihat secara negatif, mungkin ada rakyat yang terpengaruh dengan hasutan mereka, tetapi kalau dilihat dalam bentuk positif tentulah kita rasa tidak munasabah sebagai sebuah negeri yang sudah lebih suku abad merdeka belum ada sebuah stadium yang lengkap dan sempurna. Adalah mustahil kita akan menjemput barisan atlit dunia bermain badminton di tengah padang, atau membawa mereka bermain tenis di tepi pantai atau bermain squash di balairaya. Kerajaan insaf sebagai manusia ada waktunya kita bekerja memerah otak, ada waktunya kita beribadat, ada waktunya kita belajar dan ada pula waktunya kita beriadah untuk hiburan atau untuk mengeluarkan peluh dan kesihatan jasmani kita.



Begitu pun Kerajaan Negeri memberikan perhatian yang kurang sedikit dalam kegiatan sukan, bukan kerana memandangi ia tidak penting, tetapi kerana kedudukan ekonomi negara yang meruncing. Kerajaan terpaksa berusaha keras dengan memberi tumpuan utama dalam sektor ekonomi, pelajaran dan keagamaan, kerana ia merupakan kegiatan-kegiatan yang perlu didahulukan. Tetapi dalam keadaan demikian sempat juga kita membina sebuah Stadium bertutup seperti ini, sekurang-kurangnya menjadi lambang bahawa Terengganu juga tidak ketinggalan dalam dunia sukan dan hari ini kita mampu menjadi tuan rumah kepada pertandingan-pertandingan yang lebih besar.

Saya sedar, tidak akan sempurna pembangunan dan kemajuan sesebuah negeri itu kalau tidak dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan kesukanan, sekurang-kurangnya sebuah stadium terbuka yang sederhana dan sebuah stadium bertutup untuk menampung berbagai jenis sukan yang memerlukan tempat dan suasana berbeza sama sekali. Saya tidak merasa 4 gelanggang squash serta lain-lain sukan dalam seperti pingpong, handball dan sebagainya. Sebanyak 3,000 tempat duduk kekal disediakan di samping 66 buah tempat duduk khas untuk orang kenamaan. Walau bagaimanapun dalam keadaan hanya 'centre court' digunakan untuk pertandingan. Stadium ini dijangka dapat menampung tidak kurang 5,600 tempat duduk. Sebuah bilik sembahyang juga disediakan. di samping bilik VIP, bilik mesyuarat, pejabat, bilik RTM, akhbar dan Filem Negara serta bilik kawalan. Projek ini yang dimulakan pada awal tahun 1982 terletak di atas kawasan seluas 2.3 hektar menelan perbelanjaan RM14.7 juta, dengan luas kawasan permainan 2,787 meter terbuka untuk berbagai jenis sukan mengikut kehendak pengguna dalam masa berlainan. Walaupun ia dibina oleh Kerajaan Negeri tetapi urusan pengurusannya akan diserahkan kepada Majlis Perbandaran Kuala Terengganu.

Selain projek Stadium Negeri yang berbentuk moden ini, Kerajaan Negeri mempunyai rancangan pembinaan kompleks sukan serba lengkap di satu kawasan seluas 25 ekar di Gong Badak. Projek kompleks sukan ini dijangka akan dimulakan pembinaannya tahun dengan secara berperingkat-peringkat dijangka menelan perbelanjaan RM250 juta. Kompleks ini akan dilengkapi dengan berbagai kemudahan sukan dan olahraga supaya semua kegiatan sukan dapat dijalankan dalam satu kawasan sahaja yang terletak di pinggir bandar Kuala Terengganu. Oleh kerana ia merupakan suatu projek besar dalam bentuk jangka panjang manakala pembinaannya juga berperingkat-peringkat ia mengambil kira keperluan-keperluan sukan untuk jangka masa hingga berpuluh tahun akan datang sesuai dengan perkembangan penduduk dan kemajuan Negeri Terengganu ketika itu.

Dalam pandangan Islam sendiri pun memang memerlukan umat yang sihat, seorang Islam yang kaya dan kuat lebih baik dari seorang Islam yang miskin dan lemah, malah Rasulullah sendiri pernah menegaskan betapa pentingnya anak-anak diajar berenang dan memanah. Berenang adalah meliputi unsur keselamatan, kesukanan dan olahraga; manakala memanah merupakan unsur-unsur mempertahankan diri, mempertahankan agama dan negara. Dua faktor itu ialah menjaga kesihatan tubuh dan ilmu mempertahankan diri merupakan unsur-unsur penting dalam kehidupan kita. Oleh kerana di zaman ini banyak jenis sukan yang boleh disertai, tentulah ia tidak terhad kepada berenang sahaja. Begitu juga kerana di zaman ini panah tidak lagi sebagai senjata utama, tentulah kita perlu mempelajari penggunaan senjata yang moden dan sofistikated. Oleh itu kegiatan berolahraga ini bukan sesuatu yang baru, dan ia harus digalakkan selagi tidak bercanggah dengan agama. Sebab itu tidak lojik kalau suara

sumbang menyalahkan kerajaan kerana menyediakan tempat-tempat sukan untuk rakyat kalau ada ia merupakan sesuatu tuduhan yang tidak adil.

*(Ucapan perasmian Stadium Negeri oleh DYMM Sultan Terengganu pada 26 Julai, 1984).*

## **PEMBINAAN JAMBATAN SUNGAI TEREANGGANU**

Bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah rahmat-Nya bertemu dan berkumpullah kita di sini bagi upacara bersejarah, Pelancaran Pembinaan Jambatan Sungai Terengganu. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada pagi ini, sebagai menandakan kita semua berminat terhadap projek ini, sebagai projek kemudahan asas untuk rakyat di negeri ini.

Pada hari ini merupakan bermulanya detik awal impian rakyat negeri ini menjadi kenyataan. Terutamanya mereka yang berada di sebelah utara dan pulau-pulau sekitar Kuala Terengganu dan termasuklah juga mereka yang sentiasa berurusan dengan tempat-tempat berkenaan. Inilah suatu petanda bahawa kerajaan memandang serius terhadap keperluan rakyat, walaupun terpaksa membelanjakan lebih kurang RM80 juta untuk pembinaan jambatan ini.

Di antara faktor utama pembinaan jambatan ini ialah untuk menyediakan perhubungan yang lebih baik, serta mendekatkan jarak kawasan sebelah utara ke bandar ini dengan tidak mengambil masa yang lama dalam perjalanan. Faktor pertambahan penduduk dan perkembangan kawasan di bahagian utara berikutan terdirinya kawasan-kawasan penempatan dan perumahan baru, kawasan industri di Gong Badak, pusat-pusat pengajian di Mengabang Telipot dan seumpamanya, telah membawa kepada kepesatan lalulintas di

jalan perhubungan yang sedia ada. Untuk memperbesarkan jalan-jalan yang sedia ada ke Bandar Kuala Terengganu, tentulah menelan belanja yang besar kerana berkait dengan pengambilan tanah, pampasan, penempatan semula dan sebagainya.

Pembinaan jambatan ini dapat menyediakan perhubungan kepada penduduk Pulau Duyung berjumlah 3,993 orang dan penduduk di tebing utara Sungai Terengganu berjumlah 56,309 orang dengan bandar Kuala Terengganu. Dalam pelan struktur Kuala Terengganu, Gong Badak yang terletak di utara Sungai Terengganu dirancang untuk dijadikan satu pusat pertumbuhan "sub urban" kepada bandar Kuala Terengganu. Jambatan ini akan dapat mempercepatkan perancangan sedemikian menjadi kenyataan. Kajian pelan struktur Kuala Terengganu juga menunjukkan bahawa 70% daripada penduduk dalam kawasan Majlis Perbandaran Kuala Terengganu hanya mampu membeli rumah kos rendah yang harganya kurang dari RM25,000 sebuah. Tanah bagi tapak rumah kos rendah amat kurang di bandar Kuala Terengganu. Rancangan rumah kos rendah terpaksa ditempatkan di tebing utara Sungai Terengganu seperti di Gong Badak, Bukit Tumbuh dan Batu Rakit. Jambatan baru ini boleh mengurangkan jarak rancangan rumah kos rendah dengan Bandar Kuala Terengganu, iaitu tempat kerja sebahagian besar daripada golongan pendapatan rendah ini.

Pembinaan jambatan ini juga dapat menjimatkan belanja berbanding dengan kos untuk memperbesarkan jalan-jalan utama yang sedia ada. Oleh itu, jelaslah bahawa perancangan membina jambatan ini dibuat dengan teliti dan berasaskan beberapa kriteria yang telah disebutkan tadi. Ia telah dirancang sejak tujuh tahun lepas, berasaskan laporan kajian pantai Kuala Terengganu yang dijalankan pada tahun 1980. Laporan itu menyebut tentang betapa perlunya diperbaiki sistem

perhubungan melalui pembinaan sebuah jambatan merentasi Sungai Terengganu di kawasan bandar ini. Pembinaan jambatan ini sama sekali tidak ada kena mengena dengan istilah projek mewah kerana ia adalah suatu keperluan dalam menyediakan kemudahan asas, di samping untuk mempercepatkan proses perbandaran dan kemajuan bagi perkembangan ekonomi di kawasan sebelah utara negeri ini. Dengan siap terbina jambatan ini nanti, secara automatik kawasan perindustrian Gong Badak, Lapangan Terbang, pusat-pusat pengajian akan berfungsi dengan baik untuk memberi kesempatan penduduk-penduduk di sana merebut sama peluang-peluang ekonomi yang ada, sama ada dalam sektor pertanian, perikanan, perniagaan dan sebagainya. Pembinaan jambatan ini juga akan menarik pelabur-pelabur luar dan dalam negeri untuk melabur seterusnya akan terbina kilang-kilang yang akan memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk di kawasan berkenaan. Jadi sekali lagi saya tegaskan bahawa projek ini bukanlah projek mewah seperti dakwaan setengah pihak, yang sering menggunakan isu ini untuk keperluan politik mereka dan sebagainya sebagai asas mereka untuk memburuk-burukkan kerajaan dan pemimpin-pemimpinnya.

Mesej dan penerangan yang sebenar sahajalah akan membolehkan rakyat memahami perancangan kerajaan, tanpa diselewengkan faktanya oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Saya menyeru supaya semua pihak bekerjasama supaya tidak timbul tafsiran-tafsiran yang negatif terhadap pembinaan jambatan ini yang dirancang dengan begitu teliti.

Saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada kontraktor-kontraktor yang telah terpilih untuk melaksanakan projek ini, Jabatan Kerja Raya, Juruperunding-Juruperunding, pegawai-pegawai dan yang terlibat dengan

pembinaan jambatan ini. Dengan harapan kesemuanya dapat menjalankan tugas dengan sempurna, amanah dan bertanggungjawab, berpandukan syarat-syarat yang telah digariskan. Ini perlu bagi mengelak sebarang kecacatan berlaku ke atas pembinaan jambatan ini. Dalam pada itu, suatu perkara yang harus dititik-beratkan ialah dari segi pengambilan tenaga pekerja tempatan supaya tidak berlaku kemasukan buruh-buruh asing. Tenaga-tenaga pekerja tempatan hendaklah digunakan sepenuhnya, kecuali di bahagian-bahagian yang benar-benar memerlukan tenaga mahir sekiranya tidak dapat dilakukan oleh pekerja tempatan. Ini amat bersesuaian dengan keadaan semasa yang berkaitan dengan usaha mengatasi pengangguran. Begitu juga dalam pembekalan barang-barang binaan, pemborong-pemborong dan pembekal-pembekal anak negeri hendaklah diberi keutamaan, supaya wujudnya keadilan untuk semua pihak. Kerajaan Negeri tidak akan sekali-kali bertolak ansur mengawasi syarat-syarat pengambilan pekerja, penggunaan kontraktor-kontraktor tempatan dan pembekal-pembekal tempatan dalam pelaksanaan jambatan ini menurut perjanjian yang telah ditandatangani.

Akhirnya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang berusaha bagi menjayakan pembinaan Jambatan Sungai Terengganu ini. Jalankan tugas dengan baik bagi memastikan pembinaannya sempurna menjadi kenangan dan sejarah yang gemilang. Semoga pada bulan Ogos 1989 nanti, ia akan menjadi kenyataan sebagaimana yang dijangka, Insya-Allah.

*(Ucapan pelancaran rasmi Projek Pembinaan Jambatan Sungai Terengganu pada 5 April 1987).*

# GADAIAN ISLAM MEREALISASIKAN SISTEM ISLAM

Pada hari ini Negeri Terengganu Darul Iman menempa satu sejarah dalam kegiatan sosio ekonomi Islam atau urusan muamalah Islam dengan terlancair dengan rasminya Muassasah Gadaian Islam Terengganu. Pada zahirnya kerajaan tidak akan mendapat apa-apa keuntungan atau menafaat daripada aktiviti ini. Tetapi yang pastinya setelah kerajaan berikhtiar untuk merealisasikan ajaran Islam khususnya di dalam bidang muamalah atau sosio ekonomi maka kita bertawakkal kepada Allah s.w.t. Ini sesuai dengan ajaran agama kita yang maha suci, Firman Allah yang bermaksud:

*Selain dari menolong satu golongan yang memerlukan wang tunai segera adalah mempunyai cagaran, untuk satu tujuan yang baik.*

Dalam surah Al Imran, ayat 159, Allah berfirman:

**Yang bermaksud:** *"Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat untuk membuat sesuatu) maka bertawakkallah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakkal kepada-Nya".*

Muassasah Gadaian Islam adalah satu institusi yang menjalankan aktiviti urusan muamalah gadaian atau ( الرهن ) yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri dengan operasinya diletak di bawah aktiviti Majlis Agama Islam dan



Adat Melayu Terengganu. Projek ini yang pertama kali diperkenalkan di Malaysia ini, diharapkan akan mendapat sambutan yang menggalakkan kerana ia akan menjadi ( *بدیل* ) atau alternatif kepada Sistem Pajak Gadai yang sedia ada yang tidak sesuai dengan cara Islam dan membebankan.

Sejarah penubuhan Muassasah Gadaian Islam ini bermula apabila adanya perbincangan berkaitannya di antara saya dan Ahli-ahli Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu yang diadakan pada 9 Jun 1983. Setelah diadakan beberapa kali mesyuarat dan perbincangan, adalah dipersetujui Muassasah Gadaian Islam yang disusun sebagaimana yang ada pada hari ini dikendalikan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu.

Sebenarnya banyak pihak terlibat dalam menjayakan projek ini. Semoga Allah membalas kerja-kerja yang mereka curahkan.

Sesungguhnya Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman mempunyai pendekatan sendiri dalam program keIslamannya, iaitu pendekatan yang positif atau berhikmah. Kita menolak sama sekali pendekatan secara negatif dan tergesa-gesa, sehingga menimbulkan implikasi yang sebaliknya. Akibat tergesa-gesa dan tiada sebarang persediaan, masing-masing pemimpin bercakap dan memberi kenyataan sesuka hati sehingga bercanggahlah kenyataan di antara satu pemimpin dengan pemimpin yang lain. Untuk menentang percanggahan tersebut, contoh tuturkata yang paling tepat diambil dalam melaksanakan ajaran Islam dan pemerintahannya, bukan dari Iran, atau Arafah, tetapi dari Sirah perjalanan Nabi Besar Muhammad (s.a.w.) dan sahabat-sahabat. Kita boleh mengisytiharkan itu dan ini untuk kepentingan politik atau niat lain tetapi kita melaksanakan. Apakah dasar kerajaan dan

sesuatu perundangan hanya boleh digembar-gemburkan sahaja tanpa sebarang persediaan dan membuat keputusan bersama? Pendekatan yang tidak sesuai ibarat seorang doktor yang ingin mengubati seorang pesakit. Oleh kerana tergesa-gesa memberi ubat dengan tidak memastikan terlebih dahulu penyakitnya yang sebenar dan cara penggunaan ubat pula tidak tepat, menyebabkan pesakit menjadi bertambah parah. Apakah tindakan seumpama ini merupakan dari ajaran Islam?

### **KEPERLUAN PROJEK INI**

Berpandukan analisis Hukum Syarak maka projek Gadaian Islam ini, adalah fardu Kifayah. Kehendak orang ramai yang tinggi dan pengurusan yang teratur telah memperlihatkan kepada kita akan hakikat betapa perlunya projek ini dijalankan. Dengan nikmat yang dikurniakan oleh Allah s.w.t. kepada negeri ini, kegiatan sosio ekonomi bolehlah dikembang biak dari semasa ke semasa dan dengan kehendak-Nya jua, maka idea Gadaian Islam ini lahir dan pada hari ini ianya dapat dilaksanakan di bumi bertuah ini. Ini adalah berpandukan kepada Firman Allah s.w.t.:

**Yang bermaksud:** *"Dan (ingatlah) tatkala Tuhan kamu memberitahu demi sesungguhnya jika kamu bersyukur nescaya aku tambah nikmat-Ku kepada kamu. Dan demi sesungguhnya jika kamu kufur, ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah berat".*

Muassasah Gadaian Islam Terengganu akan dapat memberi khidmat dan manfaat yang besar kepada rakyat Negeri Terengganu di samping menampakkan usaha-usaha serius kerajaan ke arah penghayatan ajaran Islam. Jika dilihat kepada projek-projek yang dijalankan oleh kerajaan yang memerintah pada hari ini baik di peringkat Kerajaan Persekutuan mahupun di peringkat Kerajaan Negeri, projek-projek seumpama ini jelaslah telah ketara perlaksanaannya.

Bermula dengan kelahiran Bank Islam Malaysia Berhad, disusuli dengan Syarikat Takaful, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YPEIM) dan kini Muassasah Gadaian Islam mula bertapak di negeri ini. Ini menunjukkan kerajaan yang memerintah pada hari ini bukanlah hanya pandai membuat janji semata-mata sebagaimana yang ditohmahkan oleh pihak-pihak tertentu, tetapi apa yang dijanjikan oleh kerajaan yang memerintah adalah janji-janji yang berdaya untuk dilaksanakan. Kedudukan ini mungkin dicemburui oleh setengah-setengah pihak yang hanya melaungkan Islam sekadar untuk memenangi pilihanraya tetapi tidak mampu dan bersedia menyusun dan melaksanakannya. Sukacita dinyatakan di sini bahawa apa yang kerajaan janjikan akan dikotakan. Insya-Allah, tidak sebagaimana pembawaan setengah-setengah pihak yang memang menjadi juara dalam berbicara dan mengkritik tetapi sebaliknya apa yang dibicarakan dan apa yang dikritikkan itu hanyalah semata-mata merupakan kata-kata yang tidak memberi hasil sebagaimana yang dikehendaki oleh agama. Mereka ini bila diberi kuasa berdalih dengan seribu dalihan tetapi semasa membuat janji tidak terlintas difikiran mereka masalah-masalah yang mungkin dihadapi di dalam sesuatu perkara yang dijanjikan itu.

Apa yang dicakapkan dan dijanjikan oleh kerajaan yang memerintah pada hari ini setelah melalui proses-proses yang berkaitan dengan sesuatu projek berkenaan akan dapat dijalankan dengan sempurna. Kita di Terengganu ini tidak mahu bercakap sahaja tanpa melaksanakannya sebagaimana Allah s.w.t. telah berfirman:

**Yang bermaksud:** *"Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak lakukannya? Amat besar kebenciannya di sisi Allah – kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak lakukannya".*

## **PERLAKSANAAN MUASSASAH GADAIAN ISLAM TERENGGANU**

Muassasah Gadaian Islam Terengganu akan diurus oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu berdasarkan Persatuan-persatuan Muassasah Gadaian Islam Terengganu 1991. Saya mengambil kesempatan di sini menyeru kakitangan Muassasah menjalankan tugas mereka di dalam aktiviti ini dengan penuh amanah dan dedikasi. Sesungguhnya sifat-sifat tersebut akan menjadi perhitungan kepada maju-mundurnya Muassasah ini dan sekaligus ke atas niat suci kerajaan. Unsur utama di dalam aktiviti Muassasah ini ialah pemberi hutang oleh Muassasah kepada mereka yang memerlukan hutang dengan mencagar sesuatu barang kepada Muassasah. Di sini barang yang dicagarkan itu merupakan amanah penggadaian kepada Muassasah. Oleh yang demikian amanah itu hendaklah dipelihara dan tidak boleh dikhianati.

Saya berharap kegiatan Muassasah ini akan dapat dikembangkan dari satu daerah ke daerah yang lain dalam masa sesingkat yang boleh. Dengan yang demikian aktiviti Muassasah yang pertama di daerah Kuala Terengganu ini, adalah merupakan satu aktiviti yang bersejarah dan memberi penuh makna kepada Kerajaan Negeri dan juga rakyat Negeri Terengganu Darul Iman.

Walau bagaimanapun, diharapkan perbuatan menggadai ini janganlah menjadi sebagai satu tabiat. Tindakan bergadai ini bolehlah dijadikan pilihan terakhir, setelah tiada jalan lain

lagi. Hari ini dengan pembangunan sekitar, banyak peluang-peluang untuk kita berusaha. Wang yang diperolehi dari gadaian itu, seharusnya tidak dihabiskan begitu sahaja, tetapi boleh dijadikan modal untuk berniaga dan sebagainya. Hasil keuntungan itu bolehlah ditebus semula dan janganlah sampai harta yang ada digadai dan habis begitu sahaja, sehingga menyebabkan kita menjadi bertambah miskin.

*(Ucapan pada pelancaran Muassasah Gadaian Islam Terengganu di Dewan Tunku Abdul Rahman Kuala Terengganu pada 23 Januari 1992)*

## **KE ARAH MELAHIRKAN GENERASI SIHAT, BERILMU DAN BERAKHLAK MULIA**

Dengan penuh kesyukuran, ke hadrat Allah Subhanahu Wataala pada hari ini kita dapat berhimpun dengan penuh ikhlas dan rasa bertanggungjawab, menjayakan Konvensyen UMNO Negeri bagi tahun 1993, sebagaimana yang dikehendaki dan tercacat dalam perlembangan parti kita, supaya sekurang-kurangnya sekali setahun Badan Perhubungan UMNO Negeri mengadakan Konvensyen di Peringkat Negeri.

Secara kebetulannya Konvensyen kali ini diadakan di tengah-tengah arus perubahan sedang berlaku dalam UMNO, UMNO sebagai sebuah parti yang mengamalkan prinsip demokrasi, serta progresif lagi dinamik, membenarkan perubahan itu berlaku, dengan syarat untuk keutuhan dan kecemerlangan parti. Perubahan yang berlaku itu menunjukkan kematangan semua pihak untuk melihat UMNO terus cemerlang.

Perubahan ini juga menunjukkan kesanggupan ahli-ahli meletakkan kepentingan parti mengatasi segala-galanya. Saya amat yakin dengan semangat seperti ini, UMNO akan terus teguh serta mendapat kepercayaan untuk terus memegang tampuk pemerintahan negara ini. Insya-Allah. Oleh sebab itulah, dari awal-awal lagi saya memutuskan bahawa perubahan

itu perlu disokong untuk kebaikan parti, sekaligus sebagai menghormati kehendak majoriti pendokong UMNO dan kini ternyata bahawa perubahan telah pun berlaku dengan positif sekali . Bersama-samalah kita berdoa semoga dengan perubahan yang berlaku itu, UMNO akan semakin kukuh dan utuh, maju serta cemerlang dalam menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan bangsa dan negara, di semua peringkat dan keadaan.

UMNO sebagai parti yang percaya kepada demokrasi juga membenarkan ahli-ahlinya menyuarakan pendapat, pandangan dan kritikan membina, melalui saluran-saluran tertentu yang tidak menjejaskan parti dan kerajaan yang dikuasainya. Dan Konvensyen yang kita adakan ini adalah merupakan saluran yang paling tepat untuk kita berbuat demikian dan bukannya bersikap melepaskan geram melalui saluran-saluran yang boleh menimbulkan masalah dan kesan negatif kepada parti yang kita sayangi ini, hanya semata-mata untuk mengadakan-adakan kesalahan orang dengan cuba menutup kesalahan dan amalan buruk kita sendiri. Percayalah bahawa yang benar tetap benar. Ahli-ahli parti hari ini rata-ratanya berpendidikan, berilmu pengetahuan, bermaklumat, matang dan tidak mudah dihamburkan dengan dakyah, khabar-khabar angin, spekulasi melulu atau cerita-cerita yang belum pasti kebenarannya.

Yang amat penting bagi kita semua ialah mengekal dan memantapkan perpaduan serta semangat kekeluargaan dan setiakawan dalam parti, dengan tidak menimbulkan cerita-cerita negatif tentang parti dan kerajaan kita, yang boleh menimbulkan keluh-kesah ahli-ahli dan masyarakat awam. Amat penting bagi kita menghayati nilai-nilai perpaduan, termasuk ikhlas dan jujur lagi setia dengan memurnikan perjuangan untuk mencapai segala cita-cita dan wawasan suci parti dan kerajaan yang kita dokong sebagaimana juga tema

Konvensyen kali ini, "BERSATU MENJAYAKAN WAWASAN. Semuanya ini adalah nilai-nilai Islam dan UMNO sebagai sebuah parti yang memperjuangkan Islam amat wajar pendokong-pendokongnya mengamalkan nilai-nilai tersebut dengan penuh keimanan dan ketaqwaan kepada Allah. Islam juga menganjurkan persaudaraan kepada umatnya dan ahli UMNO mestilah benar-benar mengamalkan ciri-ciri persaudaraan secara praktikal dan bukan sekadar pada ucapan dan kata-kata. Supaya dengan ini, parti kita terus mendapat kepercayaan dan mampu menghadapi cabaran-cabaran dengan cemerlang, termasuk cabaran oleh parti lawan yang sentiasa mengintai kelemahan dan mencari peluang dan ruang yang sesuai untuk menghancurkan kita. Dalam keadaan yang bagaimana sekalipun, sebagai ahli parti yang jujur jangan sekali-kali cuba melemahkan parti dengan membuka ruang untuk mana-mana pihak merosakkan parti kita, termasuk memburuk-burukkan mana-mana pemimpin kita sendiri, atau memberi imej yang kurang baik terhadap program-program kerajaan yang kita sendiri dokong. Kejujuran, keikhlasan dan kesetiaan hendaklah benar-benar wujud dalam diri setiap anggota parti, dengan meletakkan kepentingan parti mengatasi kepentingan diri sendiri.

Bekerjalah kita dalam satu barisan kerana hasil penyatuan kita dalam satu barisan itu telah memberi kejayaan yang cemerlang. Kita baru sahaja menyambut kemenangan calon parti kita, dalam Pilihanraya Kecil Dewan Undangan Negeri Kampung Raja, dengan majoriti besar, iaitu 1,049 undi. Dengan kemenangan itu, jelas bahawa ramalan parti pembangkang, Semangat 46 dan PAS untuk menawan Terengganu meleset sama sekali. Sebelum ini mereka mengatakan bahawa kemenangan mereka di Kampung Raja akan merupakan petanda bahawa mereka akan berjaya menawan Terengganu dalam pilihanraya umum akan datang, sepatutnya apabila



tewas mereka perlu mengambil langkah untuk kembali semula ke pangkuan UMNO.

Ternyata dengan keputusan itu, rakyat telah menolak parti Semangat 46. Ramai ahli dan penyokongnya, bahkan pemimpinnya telah pun meninggalkan parti tersebut, kecuali beberapa kerat daripada kalangan mereka yang sememangnya suka bersikap membangkang. Setiap kali pilihanraya kecil kita dapati penyokong PAS sahaja yang cuba menghidupkan Semangat 46 sedang pada hakikatnya parti itu sudah tidak berupaya lagi dan kita amat hairan mengapa PAS menjadi beria-ia benar memberi nafas kepada parti yang sudah lemah, sedangkan adalah lebih baik PAS bergantung pada dirinya sendiri yang didakwa Islam, dari menghidupkan parti yang sudah hilang sokongan itu dan sudah diketahui umum latarbelakang perjuangan dan akhlak pemimpinnya.

Di manakah Islamnya PAS, kalau terus mengamalkan nilai-nilai yang banyak bercanggah dengan ajaran Islam. Kalau kita melihat amalan dan ucapan pemimpin mereka yang rakus, meninggalkan akhlak Islam, jelas membuktikan bahawa PAS tidak boleh lagi mendakwa mereka parti yang berteraskan Islam. Kerajaan Kelantan yang dikuasai oleh mereka masih lagi terumbang-ambing dan negeri itu semakin hari semakin mundur, di samping maksiat yang berleluasa jelas membuktikan bahawa PAS gagal samasekali menunjukkan ciri-ciri kepimpinan dan kerajaan Islam yang sebenar, tetapi hanya tidak lebih dari iklan, publisiti dan khayalan kosong semata-mata. Adalah menjadi harapan kita agar masyarakat Terengganu, khususnya penyokong-penyokong PAS Terengganu tidak tertipu oleh gambaran-gambaran palsu tentang sebuah pemerintahan Islam yang kononnya wujud di Kelantan. Islam mereka hanya pada nama dan cakap sahaja, tetapi tidak pada praktikalnya. Perjuangan Islam di dalam

UMNO adalah lebih realistik, strategik, moderate dan dapat disesuaikan dengan perubahan zaman, tetapi tidak berganjak dari tuntutan Islam.

UMNO, walaupun tidak menghebohkan perjuangan Islamnya dan tidak bersedia memeralatkan Islam untuk kepentingan parti, namun sentiasa berjuang dan melaksanakan program yang dituntut oleh Islam satu demi satu. Semua yang dijalankan oleh parti dan kerajaan kita untuk kebaikan rakyat dan ummah seluruhnya, sama ada dari segi ekonomi, politik, sosial dan sebagainya ini adalah menurut apa yang dituntut oleh Islam. Usaha dan rancangan ke arah melahirkan generasi sihat, berilmu pengetahuan, berakhlak mulia dan bertaqwa kepada Allah terus dijalankan oleh Kerajaan Negeri Terengganu, selaras dengan Wawasan 2020 di peringkat negara.

Falsafah pembangunan yang dijalankan ini adalah pembangunan bersepadu firman Allah dalam Al-Quran yang berbunyi bermaksud:

*"Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan (berbuat baiklah kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat kepadamu (dengan pemberian-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan".*

Berdasarkan kepada falsafah yang terkandung di dalam ayat inilah berbagai rancangan pembangunan diatur dan dilaksanakan, sama ada yang berbentuk pembangunan fizikal mahupun pembangunan rohani atau pembangunan insan itu sendiri. Kerajaan mengadakan Yayasan Terengganu, Yayasan

Islam, Yayasan Pembangunan Keluarga, Perpustakaan dan berbagai-bagai agensi yang diwujudkan pula di bawah agensi-agensi berkenaan yang merupakan logistik kepada pembangunan yang hendak dijalankan.

Pembangunan insan itu penting bagi melahirkan generasi yang berkualiti yang mempunyai tubuh-tubuh yang sihat, ilmu pengetahuan serta budi pekerti yang mulia. Melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu yang merupakan satu agensi terulung peringkat negeri di negara ini berbagai program kesihatan dan kekeluargaan diadakan yang tidak kurangnya melibatkan perbelanjaan. Bidang pendidikan dan ilmu pengetahuan diberi perhatian yang sebaliknya oleh kerajaan dengan mengadakan berbagai kemudahan dan insentif yang memerlukan perbelanjaan yang besar. Perpustakaan dibina selengkapnya di setiap daerah untuk memberi peluang rakyat membaca dan menimba ilmu pengetahuan. Bantuan dan biasiswa dikeluarkan kepada semua yang layak untuk melanjutkan pelajaran, di dalam atau di luar negara, melalui Yayasan Terengganu. Asrama-asrama juga diadakan selengkapnya oleh Yayasan Terengganu memberi peluang kepada rakyat daripada semua golongan menikmati kemudahan pelajaran yang sempurna. Berbagai bantuan juga dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri untuk melengkapkan keperluan-keperluan di peringkat sekolah-sekolah, di samping membiayai sepenuhnya 15 buah Sekolah Agama Negeri dan Kolej Agama Sultan Zainal Abidin. Kini kita melangkah setapak lagi di bidang pendidikan ini dengan menubuhkan Maktab Rendah Sains Yayasan Terengganu dengan kerjasama MARA bagi memberi peluang yang luas kepada anak negeri ini mendapat pendidikan di sekolah-sekolah menengah yang berasrama penuh. Secara puratanya kehendak RM57.5 juta setahun, kita keluarkan untuk perbelanjaan pengurusan pendidikan dan RM17 juta setahun untuk perbelanjaan pembangunannya. Terengganu kini telah pun mendahului atau memasuki era

menjadikan pendidikan dan ilmu pengetahuan sebagai komoditi perdagangannya dalam bentuk perkhidmatan bagi keperluan negara ini dan juga peringkat antarabangsa, sesuai dengan hasrat pucuk pimpinan kita, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. Di KUSZA tempat kita berhimpun ini, kini telah pun menjadi pusat tumpuan pelajar-pelajar dari seluruh negeri dan juga negara-negara luar seperti Brunei Darulsalam dan Singapura. Perbelanjaan oleh pelajar yang datang dari luar Terengganu, khususnya dari negara-negara luar akan memberi sumbangan ekonomi dari segi pertukaran wang asing yang mengalir masuk ke dalam negeri ini, di samping membantu pengembangan serta pertukaran ilmu pengetahuan dan teknologi yang mempunyai nilai ekonominya yang amat tinggi. Di atas pengorbanan dan keyakinan Kerajaan Terengganu dalam pelaburan pendidikan ini diharapkan generasi pelajar dan semua pihak akan menghargainya dengan menunjukkan prestasi yang cemerlang. Mereka yang berada di pusat pengajian hendaklah peka akan pengorbanan kerajaan ini dan hendaklah menjadi golongan yang tahu mengenang budi dan tidak mudah dipengaruhi oleh golongan yang tidak bertanggungjawab untuk menimbulkan rasa benci dan salah terhadap kerajaan yang berbudi kepada mereka ini. Kepada merekalah diharapkan akan menjadi tenaga penting untuk membangunkan negeri ini di masa-masa yang datang. Pelaburan di bidang pendidikan tidak boleh kita lihat hasilnya dalam tempoh yang singkat, tetapi kesannya akan dirasakan dari dinikmati oleh generasi akan datang, Insya-Allah. Walaupun yang kita lakukan ini bukan untuk kepentingan kita di hari ini, tetapi sebagai menandakan kejujuran kita, terhadap anak bangsa kita, kita lakukan ini semua.

Masyarakat luar bandar telah diberi peluang untuk sama-sama menikmati kemudahan asas, dengan jalan perhubungan yang sama baiknya yang terdapat di bandar, di samping lain-

lain kemudahan seperti elektrik, bekalan air, telefon, kemudahan perubatan, kesihatan, pendidikan dan sebagainya . Semuanya ini dilaksanakan kerana kita sedar bahawa mereka yang berada di luar bandar juga perlu pembelaan dan mereka juga merupakan golongan yang masih tebal kesetiaannya kepada kerajaan khususnya. Oleh itu, jentera pentadbiran dan pertubuhan-pertubuhan sosial di peringkat kampung perlu dipastikan, kemantapan, keberkesanan dan kecemerlangannya untuk memberi sumbangan yang sewajarnya kepada masyarakat luar bandar.

Setelah itu tumpuan ke dalam bandar pula diberikan untuk melahirkan bandar Kuala Terengganu yang sempurna, dari segi kemudahan untuk penduduknya, perniagaan dan pelaburan, keindahan dan juga penguasaan bumiputera dalam arus pembangunan bandar ini. Baru-baru ini telah dilancarkan Pameran Draf Rancangan Tempatan Kawasan Perancangan Pusat Bandar Kuala Terengganu dan Draf Plan Tindakan Bandar Kuala Terengganu bagi mengkaji peluang-peluang dan ruang-ruang prospek pembangunan di bandar ini. Penduduk di kawasan bandar ini dijangka meningkat dari 39,000 orang sekarang kepada 69,000 orang di tahun 2010. Semenjak 9 tahun yang lalu, Kerajaan telah membelanjakan lebih dari RM5.49 juta bagi menyediakan Plan Struktur bagi Majlis-majlis Daerah dengan bantuan dan kerjasama Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Sehingga ini Majlis-Majlis Daerah Kemaman, Dungun dan Marang telah mempunyai pelan strukturnya dan tiga lagi Majlis Daerah Setiu, Besut dan Hulu Terengganu dalam proses menyediakannya. Dengan adanya pelan struktur tersebut segala perancangan akan dapat diatur dengan tersusun dan sempurna, berpandukan pelan struktur daerah masing-masing yang telah digariskan dengan mengambilkira kepentingan semua pihak. Kita amat sedar bahawa dengan pertambahan penduduk kita perlu membuat persediaan untuk generasi akan datang. Sebagai persediaan sejak tahun 1991, sebahagian hasil royalti petroleum dan gas

iaitu sehingga ini kira-kira RM130.4 juta telah disalurkan kepada Tabung Warisan Negeri Terengganu, untuk keperluan generasi Terengganu di masa akan datang. Ini suatu bukti yang jelas bahawa kita sayangkan generasi akan datang.

Aspek perindustrian yang kini telah menjadi tunggak penting kepada pertumbuhan ekonomi negeri diberi penekanan, sesuai dengan motto, "**Terengganu menuju perindustrian, maju bersama industri**". Kita mengharapkan kilang-kilang yang berada di pantai barat yang sudah semakin sesak akan berpindah ke negeri ini. Kerajaan Negeri telah menyediakan kawasan-kawasan atau tapak baru perindustrian bagi pelabur-pelabur, di semua daerah di negeri ini.

Kerajaan sedar bahawa aspek yang tidak boleh diabaikan ialah dari segi penglibatan anak tempatan untuk memenuhi keperluan industri yang dijangka akan berkembang pesat di Terengganu. Oleh itu kerajaan mengambil langkah memberi peluang latihan kepada golongan belia di negeri ini dengan membiayai sepenuhnya mereka di berbagai pusat latihan. Sesuai dengan teknologi tinggi yang diperlukan, Kerajaan Negeri telah mengambil daya usaha menubuhkan Institut Teknologi Tinggi Terengganu (TATI), ditubuhkan di bawah Akta Syarikat dengan mengambil pakar perunding teknikal dan pengurusan dari Switzerland. Adalah menjadi harapan kita agar belia-belia mendapat latihan kemahiran tinggi di sini dan berpeluang memasuki industri-industri yang berteknologi tinggi. Selain daya usaha kerajaan, kita mengharapkan juga syarikat-syarikat besar turut memberi sumbangan ke arah melahirkan tenaga kerja mahir serta usahawan-usahawan yang profesional di negeri ini bagi membolehkan mereka mendapat peluang yang saksama hasil dari pertumbuhan industri, sekaligus membantu melahirkan masyarakat perindustrian dan perdagangan bumiputera yang menjadi sebahagian agenda yang terkandung dalam Wawasan 2020.

Kesan dari pembangunan industri dan sektor pembuatan, gunatenaga dalam sektor pertanian telah semakin berkurangan iaitu dari 60% pada tahun 1971 kepada 52% tahun 1980 dan menurun lagi kepada 32.8%, tahun 1990. Ini bukanlah suatu perkembangan yang merugikan, malah suatu keadaan yang positif kerana rakyat diberi latihan untuk menceburi mana-mana bidang yang difikirkan boleh menawarkan pendapatan dan keselesaan yang lebih baik. Perkembangan ini juga tidak bererti kita mahu meninggalkan terus sektor pertanian. Kerajaan Negeri tetap mahu melihat sektor pertanian penting untuk dimajukan dengan matlamat memaksimumkan pendapatan sektor ini, melalui penggunaan sumber ekonomi negeri dengan cekap dan berusaha meningkatkan produktiviti serta pendapatan golongan petani. Wawasan kita ialah di masa akan datang, petani tidak lagi merupakan golongan yang miskin. Ini semuanya terkandung dalam Dasar Pertanian Negeri Terengganu (1992-2010) yang telahpun dilancarkan pada bulan Mei lepas, yang kini beberapa strategi dan program telah pun dijalankan, sebagai melaksanakan dasar tersebut.

Bagi tujuan memudahkan petani-petani tempatan memasarkan hasil-hasil pertanian, pasar borong telah diwujudkan. Dengan adanya pasar borong tersebut, petani-petani tidak lagi menghadapi masalah pemasaran hasil-hasil yang dikeluarkan, di samping menjamin kedudukan harga yang berpatutan sepanjang masa, untuk faedah petani dan pengguna, sekaligus mengelak monopoli tertentu yang tidak memberi apa-apa keuntungan kepada petani dan membebankan pengguna. Berbagai insentif diperkenalkan untuk menggalakkan para petani menjalankan kegiatan mereka secara produktif dan tanaf-tanah luas yang terbiar diusahakan. Misalnya skim insentif jentera dan pam air juga diwujudkan oleh Kerajaan Negeri bagi memberi peluang petani mengusahakan kegiatan mereka secara moden dan cekap,

iaitu sebanyak 50 peratus dan maksimumnya RM5,000 diberikan untuk satu unit. Sistem pengairan ke kawasan-kawasan pertanian seperti untuk penanaman sayur dan juga buah-buahan telah diadakan. Buah-buahan seperti duku, salak dan sebagainya yang popular di negeri ini perlu diberi perhatian untuk peningkatan hasil serta kualitinya, sekaligus dapat dikomersilkan. Produk-produk baru pertanian juga diperkenalkan untuk membolehkan petani memperolehi pendapatan yang tinggi, umpamanya memperkenalkan tanaman "roselle" ataupun jus bunga raya. Di bidang perikanan pula kita turut sama ke arah penggunaan kaedah moden, penangkapan ikan laut dalam di samping penekanan juga diberikan kepada usaha-usaha ternakair atau akuakultur. Di bidang penternakan kita amat mengharapkan pengeluaran daging, susu dan telur dapat memenuhi permintaan. Kesemua ini kita berharap dapat dicapai dengan syarat para petani dapat menjalankan pengurusan yang sempurna untuk meningkatkan kualiti hasil usaha mereka dan mampu bersaing dalam pasaran, termasuk mampu memproses hasil-hasil tersebut untuk tujuan komersil dengan bungkusan dan pemerosesan yang menarik. Dalam hubungan ini juga para pegawai dari agensi-agensi pertanian hendaklah memainkan peranan yang lebih aktif lagi, turun ke ladang memberi nasihat dan tunjuk ajar yang berkesan kepada para petani, terutamanya dalam usaha memodenkan sektor ini. Penglibatan swasta dalam memajukan sektor pertanian ini amatlah diharapkan, terutamanya bagi menjalankan kegiatan-kegiatan komersil yang memerlukan modal yang besar. Apa salahnya, kalau golongan usahawan, kontraktor dan badan-badan korporat turut membuat pelaburan ke dalam bidang pertanian komersil ini, bagi memberikan hasil pengeluaran yang mencukupi untuk keperluan semua dan tidak selama-lamanya bergantung kepada bekalan yang diimport. Saya ingin ulangi lagi, bahawasanya kita mahu melihat golongan petani di negara kita ini amnya dan



Terengganu khususnya, di suatu masa kelak bukan lagi merupakan golongan yang susah dan miskin, tetapi adalah golongan yang dapat hidup senang sepertimana petani dan nelayan di negara yang telah maju.

Kita memerlukan usahawan-usahawan tempatan yang dapat tampil menjalankan kegiatannya berasaskan sumber-sumber bahan mentah yang sedia terdapat di negeri ini. Industri-industri bercorak kecil dan sederhana, yang menjadi sokongan kegiatan industri besar perlu dikembang-pesatkan serta diceburi oleh usahawan-usahawan tempatan, supaya tidak hanya bergantung kepada projek-projek atau tender-tender kerajaan semata-mata. Sudah sampai masanya usahawan di Terengganu ini mempunyai kilang-kilang dan perusahaan-perusahaan sendiri yang berbagai jenis pengeluarannya. Kerajaan sentiasa memberi dorongan dan layanan yang baik kepada mana-mana pihak yang cuba melibatkan diri sebagai usahawan.

Malangnya ada juga setengah-tengahnya menggunakan secara sewenang-wenangnya tekanan politik untuk mendapatkan sesuatu projek, yang boleh menimbulkan kesan buruk kepada parti dan kerajaan. Sehingga ada kalanya, kalangan yang tidak mendapat apa yang dihajatnya, walaupun sebelum ini telah banyak yang diberi, melepaskan geram menggunakan medan politik untuk mengecam dan memburuk-burukkan pemimpin-pemimpin parti sendiri. Walaupun mereka cuba berselindung akan hakikat kemarahan sebenar mereka kepada pihak-pihak tertentu, dengan cuba menonjolkan isu-isu yang lain, tetapi saya sedar akan puncanya sebenar, kerana mereka seringkali berurusan dan meminta itu dan ini. Menggunakan tekanan politik dalam urusan perniagaan boleh menimbulkan masalah kepada parti, terutamanya apabila sekadar berusaha mendapatkan tender melalui tekanan dan saluran politik dan kemudiannya menyerahkan pelaksanaan

projek kepada pihak lain. Pihak yang berjaya memperolehi tender akan mengatakan adil dan tidak berjaya akan mendakwa tidak adil dan berlakulah konflik hingga terbawa-bawa pula kepada percaturan di dalam parti yang boleh menjejaskan perpaduan dan keutuhan parti. Kita tentulah tidak boleh berpuas hati dengan corak usahawan bumiputera yang selama-lamanya bergantung kepada pemberian dan ihsan serta pengaruh politik untuk sekadar mendapat tender kerajaan, tetapi berusaha untuk menjadi usahawan yang profesional dan mampu berdikari.

Masih banyak tindakan-tindakan yang perlu di ambil dalam usaha membangunkan Negeri Terengganu. Ini tidak dapat kita lakukan tanpa barisan kepimpinan yang dapat menggembleng persefahaman dan bertindak sebagai satu pasukan. Ketika kita perlukan pambangunn yang pesat, kita harus lebih "action oriented" di samping dapat mencetuskan idea-idea baru. Kita harus memikirkan program-program yang dapat menyatupadukan tenaga usahawan bagi projek-projek besar dan lapangan-lapangan baru. Sehubungan dengan itulah kerajaan negeri semalam telah pun menganjurkan kursus dan pameran industri gas dan petroleum. Dalam hal ini, Kerajaan sedang memikirkan untuk menubuhkan satu Pusat Sumber Pengurusan dan Usahawan dan juga satu pusat yang dapat mencetus dan menggembleng inovasi dan kreativiti.

Selain itu, sebagaimana yang saya sentuh di dalam ucapan perasmian Pelancaran Kursus dan Pameran Industri Gas semalam, kita juga sedang memikirkan untuk menubuhkan satu badan yang dapat berperanan sebagai "supermarket" bagi menampung semua keperluan pembekal dan kontraktor industri gas dan petroleum.

Ini semua memerlukan banyak tenaga dan kepakaran. Ia juga memerlukan sokongan, terutama sokongan ahli-ahli parti. Sekiranya ahli-ahli tidak dapat memberi perhatian kepada isu-

isu yang dapat mempertingkatkan pembangunan, kita mungkin akan tercicir dan ketinggalan di belakang negeri-negeri lain kerana kita lebih suka bertelingkah dan memecah-belahkan parti. Adalah amat malang jika ahli-ahli parti sanggup diperalatkan bagi kepentingan-kepentingan sempit golongan tertentu. Dengan perubahan yang berlaku di peringkat pucuk kepimpinan parti, kita harus menumpukan keseluruhan perhatian dan tenaga kita untuk mengambil peluang-peluang yang memberi manfaat dan faedah bagi negeri dan rakyat negeri ini.

Kita baru sahaja menjalankan pemilihan di peringkat bahagian masing-masing, Alhamdulillah, saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahuwataala kerana proses pemilihan di peringkat bahagian di negeri kita baru-baru ini berjalan dengan aman dan tidak menimbulkan sesuatu tragedi yang buruk. Sungguhpun begitu tentulah ada sedikit sebanyak perkara-perkara yang boleh menyinggung perasaan mana-mana pihak. Dan janganlah yang menang membalas dendam dengan membuat sesuatu kepada yang kalah dengan penyokong-penyokongnya, tetapi carilah jalan bagaimana hendak mencantum balik yang retak dan pecah itu. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada mereka yang telah berjaya dipilih. Ahli-ahli parti melalui proses demokrasi telah membuat keputusannya setelah meneliti rekod, tindak-tanduk dan prestasi kita. Jawatan yang disandang itu adalah tanggungjawab yang berat dan suatu amanah yang wajib ditunai dan dilaksanakan amanah itu, bukannya suatu mahkota untuk dimegah-megahkan tanpa berbuat sesuatu. Pengukuran berdasarkan prestasi amatlah penting untuk kecemerlangan parti dan elakkan diri kita dari dipengaruhi oleh desakan material dan lain-lain yang bersifat kepentingan diri.

Beberapa hari lagi kita akan membuat pemilihan pimpinan di peringkat pusat pula. Buatlah pemilihan yang tepat untuk kepentingan parti dan maruah agama, bangsa dan tanahair. Mereka yang terpilih menjadi perwakilan mewakili bahagian masing-masing diucapkan tahniah dan gunakanlah kuasa yang diberikan itu untuk kebaikan dan bukan untuk melemahkannya. UMNO sebuah parti orang-orang Melayu di negara ini yang kita yakin dan percaya serta telah terbukti menjadi wadah untuk survival dan kesejahteraan orang-orang Melayu dan umat Islam di negara ini di samping turut melindungi bangsa-bangsa lain di negara ini.

Kita akan menghadapi pilihanraya umum dalam tempoh dua tahun dari sekarang. Bersiap-sedialah kita untuk memikul tugas, memastikan Barisan Nasional dan UMNO terus berkuasa di Terengganu ini dan merampas kembali sembilan kerusi yang kini berada di pihak pembangkang dan mempertahankan kerusi yang sedia ada agar tidak sampai jatuh ke tangan lawan. Kita tentulah tidak mahu melihat lagi soal pemilihan calon menjadi masalah dalam setiap kali menghadapi pilihanraya hingga menjejaskan tumpuan kita terhadap cabaran parti lawan kerana terpaksa menyelesaikan masalah dalaman sesama sendiri. Apa yang telah diputuskan oleh pucuk pimpinan hendaklah diterima dengan tulus ikhlas, itulah kunci utama untuk kemenangan kita dalam pilihanraya. Pepatah Melayu ada mengingatkan, "Janganlah kerana nila setitik, rosak susu sebelanga.

Marilah kita berusaha sedaya upaya mempertahankan maruah dan masa depan agama, bangsa dan tanahair kita. Marilah bersama-sama kita bersatu menjayakan wawasan dan berdoa agar perhimpunan dan perbincangan kita ini akan membawa manfaat kepada parti, bangsa dan negeri kita.

*(Ucapan di Konvensyen UMNO Negeri Terengganu Darul Iman 1993 pada 30 Oktober, 1993 di KUSZA, Kuala Terengganu).*

## **KE ARAH MELAHIRKAN USAHAWAN BUMIPUTERA**

Sebagaimana maklum, usaha meningkat dan melahirkan para bumiputera dalam bidang-bidang usahawan, pemborong dan lain-lain yang bercorak perniagaan, tidak memadai setakat semangat dan kata-kata saja, tanpa mengambil inisiatif yang positif bagi menjayakannya. Oleh itu, langkah yang diambil oleh pihak Pusat Daya Pengeluaran Negara, Mara, Risda dan Belia yang telah bercantum mengadakan kursus kepada mereka secara intensif ini adalah usaha yang membanggakan. Adalah diyakini, dengan kegiatan ini akan dapat melahirkan para usahawan dan pemborong bumiputera yang sempurna dan tekun terhadap bidang yang mereka terokai.

Saya berharap kursus seumpama ini akan terus dilancarkan dari semasa ke semasa tanpa ditentukan kepada usahawan dan pemborong yang sudah bergiat dalam bidang ini saja, tetapi kepada mereka yang ingin menceburkan diri dalam bidang tersebut patut juga diberi kursus. Dengan kursus yang diterima itu akan menarik minat dan kecenderungan mereka untuk berhadapan dengan perusahaan dan perniagaan.

Saya suka mengambil kesempatan dalam majlis ini untuk mengesyurkan kepada pihak Mara dan Pusat Daya Pengeluaran Negara untuk membentuk satu kumpulan anak-anak angkat bumiputera dalam bidang perusahaan dan perniagaan. Pada hemat saya, langkah pengambilan anak angkat itu boleh mempercepatkan tujuan dan hasrat kerajaan

untuk membanyakkan lagi bumiputera mencebur diri dalam bidang tersebut. Dengan usaha itu, bukan saja mereka yang terlibat itu mendapat tunjuk-ajar yang positif dari pihak Mara, tetapi memberi segala keperluan termasuk modal dan sebagainya. Cara lebih berkesan lagi dalam langkah ini, sekiranya pihak Mara itu sendiri menjadi sebagai Pengarah Urusan sebelum perusahaan dan perniagaan itu dapat bergerak sendiri. Saya berpendapat usaha insentif seperti itu boleh membentuk para usahawan dan pemborong yang berdaya maju.

Saya selalu mengikuti perkembangan para usahawan dan pemborong di negeri ini, saya akui bahawa saya juga salah seorang yang berminat dalam lapangan tersebut. Apa yang saya perhatikan, kejayaan setengah-setengah para usahawan dan pemborong bumiputera di negeri ini adalah setanding dengan kaum-kaum yang lain, kecuali para usahawan dan pemborong bumiputera tidak melakukan kerja-kerja secara serius disamping ingin maju cepat tanpa menurut alun dan gelombang pengedaran masa. Usaha seperti itu kebiasaannya boleh memundurkan kerja-kerja yang dilakukan dan akibatnya menempuh kerugian. Saya amat kesal di atas setengah sikap para usahawan dan pemborong yang bersyarikat secara joint-venture dengan kaum-kaum yang lain dengan perjanjian di atas kertas saja dan berlagak sebagai taukeh. Mereka membiarkan syarikat itu diusahakan oleh pihak lain tanpa mereka menerima sebarang pengalaman dan pahit maung mengenai perjalanan syarikat tersebut. Langkah seumpama itu akan merosakkan masa depan perusahaan dan perniagaan mereka sendiri.

Sebagaimana yang termaklum, kerajaan menyediakan berbagai-bagai kemudahan kepada para usahawan dan pemborong bumiputera melalui pinjaman bank dan Mara. Kemudahan itu hendaklah digunakan bagi meningkatkan

perusahaan dan perniagaan mereka. Bagaimanapun, pinjaman itu tidaklah dapat dikeluarkan dengan sewenang-wenangnya tanpa dikaji terlebih dahulu. Ia bertujuan untuk mengelakkan dari penyelewengan yang mungkin berlaku terhadap setengah usahawan dan pemborong yang tidak bertanggungjawab. Saya suka mengambil kesempatan ini bagi menyeru pegawai-pegawai bank dan agensi-agensi peminjam supaya menjalankan kajian dan memainkan peranan secara jujur dan ikhlas. Sikap seumpama itu akan menghindarkan desas-desus rasa tidak puas-hati antara satu sama lain.

Di samping kemudahan yang diterima oleh pemborong dan usahawan itu juga, saya suka menyentuh tentang setengah-setengah golongan yang cuai untuk membayar balik hutang-hutang yang dipinjam itu. Langkah seumpama itu bukan sahaja boleh merosakkan pihak yang memberi pinjam, tetapi merosakkan peminjam itu sendiri. Saya berani menyatakan begitu kerana apabila mereka memerlukan peminjam kali keduanya pula akan menjadi satu masalah yang besar. Oleh itu, saya berharap para usahwan dan pemborong atau mana-mana peminjam dengan pihak-pihak Bank atau Mara hendaklah mengambil kesempatan menggunakan kemudahan pinjaman dan membayar dengan mengikut jadualnya. Ini memberi peluang mengemaskan hubungan baik yang boleh menjadi berpanjangan.

Hasrat dan cita-cita kerajaan untuk memberi peluang kepada para usahawan dan pemborong dan pemborong Bumiputera ini tidak saja tertumpu kepada perusahaan dan perniagaan yang besar-besar, yang mungkin sebilangan kecil saja yang tercapai. Ia memerlukan juga memberi bimbingan dan kemudahan kepada peniaga-peniaga kecil. Oleh sebab itu, dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga ini kerajaan telah menguntukkan sebanyak RM3.3 juta kepada Mara untuk membina gerai-gerai peniaga-peniaga kecil di negeri ini. Adalah diharapkan dengan terdapatnya kemudahan yang disediakan itu, akan memberi peluang kepada peniaga-peniaga kecil mengembangkan perniagaan mereka.



Pada tahun ini, kerajaan negeri telah menguntukkan sebanyak RM549,500 untuk kemudahan kepada peniaga-peniaga kecil di negeri ini. Dari jumlah itu RM66,500 bagi kos infrastruktur dan RM83,000 untuk pinjaman. Kemudahan yang akan disediakan kepada peniaga-peniaga kecil itu termasuk membina 364 buah gerai yang menelan belanja sebanyak RM348,300 dan RM63,000 untuk membaiki pasar dan membina bangku semin di beberapa buah pekan-pekan kecil. Sebanyak 34 buah kereta sorong yang menelan belanja sebanyak RM23,000 akan diuntukkan kepada peniaga-peniaga kecil yang akan diberi secara pinjaman. Adalah diyakini perniagaan berkereta sorong akan dapat menolong setengah peniaga-peniaga yang ingin mencebur dalam perniagaan secara kecil-kecilan.

Saya berpendapat, pembinaan bangunan-bangunan besar di bandar-bandar tidak banyak memberi faedah kepada para usahawan dan peniaga-peniaga kecil di negeri ini. Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri berhasrat supaya kegiatan membina bangunan-bangunan itu terpaksa diperlambatkan, dan berusaha untuk membanyakkan kedai-kedai dan gerai-gerai perniagaan yang boleh memberi kemudahan kepada para usahawan dan peniaga-peniaga kecil di negeri ini. Saya yakin keindahan dan kecantikan sesebuah bandar itu tidak memberi erti, sekiranya nilai dan maksud yang ingin dipergiatkan tidak tercapai. Dengan langkah membina kedai-kedai dan gerai-gerai yang sesuai dengan peniaga-peniaga kecil akan membanyakkan para bumiputera mencebur diri dalam lapangan tersebut. Langkah ini untuk meringankan beban mereka dari membayar sewa kedai dan sebagainya yang mungkin tidak menumpukan mereka.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya berharap para pengkursus sekalian menggunakan segala ilmu pengetahuan yang diterima sepanjang kursus ini berjalan. Dan saya berharap kepada mereka yang berminat dan berbakat hendaklah

menggunakan saluran yang diperolehi itu untuk masa depan mereka dalam lapangan perusahaan dan perniagaan.

*(Ucapan pada upacara Penyampaian Sijil kepada peserta-peserta kursus melahir dan membina usahawan bumiputera di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Terengganu pada 3 Disember, 1977).*

## **SUMBANGAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL MELAYU**

Kepada saya usaha mewujudkan persatuan ini amatlah dialu-alukan, yakni tepat pada masa dan ketikanya. Ketika negara sedang berdepan dengan krisis kemelesetan ekonomi serta penggangguran, kelahiran persatuan ini akan memberi suatu harapan yang bermakna ke arah mengembelingkan tenaga bagi mencari peluang di bidang perniagaan khususnya secara kecil-kecilan. Kewujudan persatuan ini juga akan mempertahankan keutuhan dan kestabilan yang telah sedia dijalankan. Kita tidak dapat menolak kenyataan, bahawa dengan cara berpersatuan dan melalui kerjasama sahajalah, akan memberi keupayaan kepada kita untuk mengatasi sebarang masalah dan menghadapi segala bentuk cabaran dengan berjaya. Kerajaan amat mengalu-alukan semua pihak mengadakan persatuan atau mengadakan kerjasama dalam semua hal untuk kebaikan, sama ada dalam kegiatan ekonomi, sosial dan sebagainya.

Sehingga ini Negeri Terengganu terdapat lebih dari seribu orang penjaja dan peniaga-peniaga kecil Melayu berdaftar. Angka yang sebanyak ini masih lagi belum memuaskan berdasarkan kepada peluang-peluang perniagaan yang masih banyak untuk dijalankan. Tempat-tempat yang strategik untuk perniagaan yang disediakan oleh kerajaan di negeri ini didapati masih kosong tanpa dimanfaatkan. Oleh itu adalah menjadi harapan kerajaan, melalui tertubuhnya persatuan ini, masalah-masalah yang menggagalkan usaha-

usaha memajukan bidang perniagaan ini akan dapat dikenalpasti untuk diselesaikan. Melalui berpersatuan kita akan dapat berbincang dan bertukar-tukar fikiran dalam usaha mempertingkatkan kemajuan dalam bidang perniagaan yang terpaksa dilalui dengan berbagai risiko dan cabaran. Dengan itu akan menjadi suatu bukti kesungguhan kita dalam melakukan kegiatan perniagaan ini. Walaupun secara kecil-kecilan, tetapi ia tetap merupakan suatu perniagaan yang memerlukan pengurusan yang baik dan penumpuan yang sungguh-sungguh.

Oleh itu, saya menyeru para peniaga semua supaya menjalankan kegiatan ini dengan serius, bukannya sebagai suatu kerja ikut-ikutan setelah mendengar khabar-khabar untung daripada rakan-rakan yang telah berjaya. Setelah kita mengambil keputusan menjadi seorang peniaga, kita hendaklah membuat persediaan yang secukupnya, bukan sahaja dari segi modal, bahkan ilmu pengetahuan kesungguhan dan berani menghadapi pahit-maung atau risikonya. Sebagai seorang peniaga, kita jangan sekali-kali cepat berputus-asa bila berdepan dengan cabaran perniagaan, tetapi kita hendaklah tenang dan bijak mencari jalan penyelesaian supaya perniagaan kita tidak mengalami kerugian atau terpaksa ditutup.

Walaupun sebagai seorang peniaga kecil, tidak ada salahnya kalau kita mempunyai buku akaun jualan harian untuk menjamin kesempurnaan urusan perniagaan, di samping dapat mengenalpasti kemajuan perniagaan yang dijalankan. Di samping itu, kita juga perlu mempunyai pengetahuan tentang garis-garis perniagaan, sejauhmana ia dikatakan rugi dan perlu dihentikan dan sejauhmana pula masih boleh diteruskan walaupun berada di paras kerugian. Malangnya setengah peniaga Melayu telah menutup perniagaan mereka semata-mata menghadapi kerugian dalam jangka masa pendek tanpa memahami keuntungan sebenar datang dalam jangka

masa panjang. Dengan itu, kita dapati peniaga-peniaga bumiputera yang menyewa gerai-gerai perniagaan yang disediakan tidak sanggup membayar sewanya lalu meninggalkan perniagaan dengan perhitungan mengalami kerugian. Padahal kerugian itu hanyalah dalam jangka masa pendek. Menurut takrif ekonomi ia bukanlah satu kerugian. Apabila orang lain mengambil-alih tempat mereka kemudian menjadi maju setelah berani menghadapi risiko, kerajaan dipersalahkan pula dengan berbagai-bagai tuduhan yang tidak berasas. Bukanlah bermakna kerajaan tidak mahu menerima teguran daripada para peniaga tetapi masalah dalam perniagaan sendiri tidak wajar dipersalahkan kepada kerajaan semata-mata tanpa memperhitungkan diri sendiri, sedangkan kerajaan yang merasa bertanggungjawab telahpun memberi segala bantuan dan kemudahan. Bahkan tidak kurang juga di antara para peniaga yang telah menyalahgunakan kemudahan dan bantuan yang disediakan oleh kerajaan semata-mata untuk mencari kesenangan yang mudah, tetapi akhirnya mengalami kesusahan dan menderitanya.

Disiplin dalam perniagaan juga perlu diutamakan supaya tidak timbul sebarang gejala negatif, sama ada kepada diri sendiri mahupun kepada orang lain. Walaupun sebagai peniaga-peniaga kecil yang mana bentuk pasarannya dikenali sebagai pasar pertandingan sempurna, tetapi janganlah sampai menindas kawan-kawan sendiri dalam masa merebut pelanggan, dengan hasutan-hasutan tertentu yang boleh menjejaskan perniagaan kawan kita. Sebagai peniaga Islam kita perlu mempunyai rasa persaudaraan dan permuafakatan sesama kita supaya tidak timbul rasa curiga dan ingin menjatuhkan orang lain untuk kepentingan diri semata-mata. Jadi adalah sesuai persatuan ini akan mewujudkan persaudaraan dan muafakat di antara para penjaja dan peniaga-peniaga kecil Melayu untuk sama-sama berjaya. Kalau kita melihat bangsa-bangsa lain yang telah maju dalam bidang ini, mereka

mempunyai tabiat permuafakatan atau kerjasama. Mereka kurang mempunyai sifat hasad dengki sesama sendiri. Kita boleh cemburu dengan kejayaan orang lain untuk berusaha menjadi maju sepertinya dan bukan berusaha untuk menjatuhkannya.

Kerajaan mahu melihat penglibatan kaum bumiputera dalam bidang perniagaan menjadi meluas sehingga ke peringkat mewujudkan kilang dan industri yang bukan sahaja boleh memberi pendapatan kepada para pengusaha, tetapi boleh menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat sekitar. Saya percaya, masa dan keadaan sekarang mengizinkan kaum bumiputera menceburi bidang berkenaan, kerana kita telah mempunyai tenaga-tenaga berwibawa, yang terdiri daripada lepasan-lepasan universiti. Golongan ini hendaklah mengadakan muafakat dan memberanikan diri menceburi pelbagai kegiatan perusahaan dan perniagaan seperti bangsa-bangsa lain yang telah ke depan. Golongan ini tidak sepatutnya mempertanggungjawabkan pekerjaan dan kehidupan mereka kepada kerajaan, sebaliknya berusahalah sendiri, manakala pihak kerajaan telahpun menunaikan tanggungjawab memberi kemudahan kepada mereka mendapatkan ilmu pengetahuan untuk dimanfaatkan di dalam kehidupan mereka dan masyarakat sekeliling. Dalam pada itu, sebagai sebuah kerajaan yang sentiasa mengambil kira kepentingan rakyat, bantuan sentiasa diberikan jika memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan. Dengan itu, masalah pengangguran dan masalah kemelesetan ekonomi dapat di atasi, kerana tidak ada masalah yang tidak boleh diselesaikan. Manakala masalah itu sendiri merupakan suatu dugaan dan cabaran untuk menguji kemampuan dan keimanan kita kepada Allah S.W.T. Masalah itu akan memberi keinsafan kepada kita umat Islam supaya sentiasa bersyukur kerana dengan kesusahan akan membolehkan kita merasai dan menghargai nikmatnya pada masa senang.

Dalam perkembangan terbaru di bawah Unit Perancang Ekonomi Negeri, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Bank Pembangunan telah mengambil keputusan mewujudkan skim kilang bimbingan. Sehingga ini, untuk tujuan tersebut, tapak seluas tiga ekar terletak di Kuala Ibai telah diluluskan. Mereka yang layak menyertai skim ini akan dilatih di kilang berkenaan selama lima tahun dalam semua aspek, sebelum dibebaskan untuk berdikari menjalankan perusahaan mereka. Dalam pada itu untuk mengenalpasti peluang-peluang perniagaan dan perusahaan di Negeri Terengganu, Kerajaan Negeri sejak beberapa tahun lalu telah melantik juru perunding profesional membuat kajian. Hasil dari kajian itu, kita telah berjaya mengenalpasti 14 pelabur luar negeri yang akan menjalankan kegiatan ekonomi di negeri ini dengan kos projek berjumlah RM331.4 juta. Keadaan ini akan memberi peluang yang cerah kepada perkembangan ekonomi di negeri ini, termasuk peluang-peluang pekerjaan dan kegiatan-kegiatan perniagaan sampingan yang wujud hasil dari pelaburan dalam beberapa projek itu. Itulah di antara lain petanda dan potensi yang baik Negeri Terengganu dalam kegiatan perniagaan dan perindustrian. Tinggal lagi ialah keberanian, kesungguhan dan nekad peniaga dan pengusaha itu sendiri untuk mengambil peluang keemasan ini.

Saya percaya melalui persatuan ini akan membuka jalan kepada para peniaga dan penjaja sekalian untuk meninggikan taraf perniagaan dengan menggalakkan ahli-ahli memperluaskan pengalaman dan pelajaran. Dengan berpersatuan ini akan menjadikan tuan-tuan sebagai golongan peniaga yang kebal dalam menghadapi sebarang cabaran, sekalipun terpaksa berhadapan dengan keadaan kemelesetan ekonomi. Para peniaga tidak wajar kalau hanya menjadikan kemelesetan ekonomi sebagai alasan tidak berupaya memperolehi kemajuan, sedangkan sebarang usaha yang berkesan tidak dijalankan. Dalam pada itu, pemimpin-

pemimpin persatuan hendaklah menjalankan tugas dengan baik, jujur dan amanah bagi mengelak berlakunya sebarang unsur negatif yang boleh mendatangkan kerugian kepada ahli-ahli.

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, struktur perniagaan makin berkembang menjadi syarikat awam atau korporat dan hasilnya melahirkan perniagaan yang raksasa. Malangnya, wang dan modal orang ramai disalahgunakan atau diselewengkan oleh pihak pengurusan yang tidak bertanggungjawab untuk kepentingan diri sendiri. Saya menyatakan ini bukan untuk menakut-nakutkan para peniaga bergabung tenaga dalam perniagaan, tetapi sekadar untuk dijadikan pengajaran bahawa betapa pentingnya sikap jujur dan amanah dalam perniagaan. Tolong-menolong di antara satu sama lain di dalam semua jenis perniagaan dengan penuh jujur amatlah dialu-alukan untuk meninggikan taraf hidup bagi ahli-ahli, di samping bersama-sama menjaga kebajikan satu sama lain. Bersatu-padulah dalam semua hal dengan mengenyahkan sebarang perkara yang tidak menguntungkan seperti dengki, melampau serta mengelak fahaman-fahaman yang mengacau-bilaukan masyarakat peniaga sendiri. Kerajaan sentiasa memberi perhatian serius kepada para peniaga, dan sekiranya berlaku sebarang rasa tidak puashati janganlah mengadakan tunjuk perasaan yang melulu, sedangkan jalan perbincangan masih terbuka luas. Tidak wajar sama sekali kita menggunakan sentimen dan membiarkan diri kita dipengaruhi oleh golongan yang berkepentingan politik dengan menyalahkan segala-galanya kepada pihak kerajaan, sedangkan apa yang sebenarnya kita sendiri yang telah melanggar undang-undang yang dibentuk dan dipersetujui untuk kebaikan semua pihak. Akhirnya, sekali lagi saya berharap melalui persatuan ini para peniaga terus bersatu-padu dan mencapai kemajuan bersama melalui kesatuan fikiran. Percayalah, dengan bersatu sahajalah perniagaan kita akan



menjadi teguh seperti kata pepatah, "Bersatu teguh, bercerai roboh".

*(Ucapan pada Mesyuarat Agung Penubuhan Persatuan Penjaja-penjaja dan Peniaga-peniaga Kecil Melayu Negeri Terengganu di Dewan Tunku Abdul Rahman Kuala Terengganu pada 24 Januari 1987).*

## **KE ARAH PENINGKATAN KEJAYAAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU**

Dalam perniagaan, modal semata-mata bukanlah jaminan kejayaan para usahawan. Kita semua sedia maklum dunia perniagaan dan keusahawanan, kejayaan dan kegagalannya juga bergantung kepada faktor sikap usahawan itu sendiri, serta corak pengurusan yang mereka jalankan. Sikap yang dimaksudkan termasuklah minat, persediaan dan kejujuran yang perlu ada pada setiap mereka yang ingin menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan ini. Saya menyatakan ini kerana terdapat di kalangan setengah-setengah golongan kaum bumiputera yang menceburi bidang keusahawanan langsung tidak mempunyai komited atau tumpuan sepenuhnya, apatah lagi minat dan persediaan langsung tidak ada pada mereka. Mereka menyedari bahawa mereka tidak berkemampuan, tetapi setengah-setengah mereka ini memaksa golongan tertentu memberikan lesen kepada mereka, dengan apa cara sekalipun. Lesen akhirnya dikeluarkan. Tender untuk melaksanakan projek juga mereka perolehi. Oleh kerana tidak ada cara lain, bagi mereka, melainkan mengenyepikan kejujuran dan amanah. Lesen disewakan kepada orang lain mengusahakannya. Projek diserahkan kepada pihak lain untuk melaksanakan dan mereka hanya menunggu ganjaran, sekalipun tidak seberapa berbanding kalau mereka usahakan sendiri. Ternyata mereka sudah mempunyai niat sedemikian dari awal. Apakah ini

suatu tanda kejayaan kaum bumiputera dalam meneroka bidang keusahawanan seumpama ini yang boleh kita banggakan? Apakah dengan berbuat begini orang akan menghormati bangsa kita? Sekalipun budaya perniagaan seumpama ini telah diamalkan oleh bangsa kita sejak puluhan tahun yang lalu sehingga setengah-setengahnya menjadi senang dan kaya, tidak wajar kita ikuti dan agung-agungkan. Apakah wajar bagi kita berkata bahawa "Orang dahulu semuanya berbuat begitu", maka kita juga mahu mengambil langkah yang sama, sekalipun telah mengetahui kesan dan akibat kepada bangsa kita, orang-orang Melayu khususnya. Jawabnya kita tidak harus membiarkan bangsa kita diperhina dan diperendah-rendahkan oleh orang lain sehingga tidak diyakini keupayaan kita, tidak dihormati dan disegani bangsa kita, malah setengah-setengahnya mengambil peluang untuk menindas bangsa kita di tengah-tengah kelemahan kita ini. Oleh itu, saya berharap perkara ini tidak berterusan menjadi barah dan masalah dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan pencapaian ekonomi rakyat, khususnya di kalangan kaum bumiputera yang masih ketinggalan di belakang. Kelemahan dan ketinggalan kita itu bukanlah sesuatu yang mahu dijadikan sebagai rungutan dan jawapan, apabila kemampuan dan keupayaan kita disebut-sebut. Setengah-setengahnya menjawab kita orang Melayu lemah dan tidak mempunyai kekuatan apabila berhadapan dengan masalah. Jawapan seumpama itu tidak memberi apa-apa makna, seolah-olahnya 'kita' (berbangga) dengan kelemahan dan kemunduran kita lalu mengharapkan keistimewaan dan kasihan belas daripada pihak lain untuk membantu kita. Sikap dan jiwa sebegini hendaklah dihindarkan oleh para usahawan dan kontraktor sekalian. Sebaliknya, hendaklah kita berusaha meningkatkan imej dan mengekalkan nama baik kita. Belajarlah untuk menimba pengalaman dengan orang lain dahulu sebelum menceburi bidang ini. Kalau sekiranya kita memenangi sesuatu tender yang berbentuk

pembinaan bangunan, jalan dan sebagainya, biarlah hendaknya kita menyiapkan dengan sempurna serta mengikuti masa yang telah ditetapkan hasil daripada pengalaman kita sebelumnya. Kalau setahun tempohnya, maka sebagai orang yang tekun dan berusaha mengekalkan rekod yang baik hendaklah berusaha menyiapkan sekurang-kurangnya lebih awal dari tempoh yang diuntukkan, tidak sebagaimana setengah-setengah kontraktor yang sehingga tidak dapat menyiapkan projek dengan sempurna, bahkan meninggalkan projek, terbengkalai, menyebabkan dibuat tender semula untuk meneruskan projek tersebut.

Banyak sebab kegagalan ini berlaku, termasuk membuat tawaran harga yang rendah walaupun sudah diketahui pada paras harga tersebut mereka tidak dapat menyiapkan projek yang diamanahkan. Kalau ditanya, "Nak buat macam mana tak ada kerja". Yang penting bagi mereka ini ialah memenangi tender dan memperolehi projek dengan mengenyepikan keupayaan untuk menunaikan janji menyiapkan projek berkenaan. Begitu juga ada setengah-setengahnya yang membelanjakan modal pinjaman untuk tujuan lain seperti membina rumah besar, membeli kenderaan mewah dan sebagainya tanpa meletakkan kepentingan perniagaan dan kontrak yang diusahakan di tempat yang utama, sehingga membawa kerugian dan kegagalan.

Apabila rekod sudah tidak baik, peluang untuk mendapat sesuatu projek menjadi sudah terlalu sukar. Di saat ini mereka tidak berusaha mencari kesalahan sendiri, sebaliknya pihak lain menjadi sasaran, termasuk pihak kerajaan. Berbagai-bagai tuduhan dilemparkan kepada kerajaan. Dalam hubungan ini, kerajaan tidak boleh menerima lagi pengusaha dan kontraktor yang telah menggagalkan projek kerajaan yang juga merupakan projek untuk rakyat keseluruhannya. Malah

kerajaan juga tidak mampu memenuhi semua permohonan untuk menjalankan projek-projek kerajaan yang terhad dan mengikut keperluan. Tentulah ada yang berjaya memperolehinya dan yang gagal dari kumpulan yang ramai itu. Yang berjaya akan berkata adil, manakala yang gagal akan menuduh tidak adil; ini sudah lumrah yang tidak dapat kita atasi. Akibat tidak dapat menerima hakikat ini, ada setengah-setengahnya bertindak di luar batasan dengan memaki-hamun kerajaan dan menyebarkan fitnah yang beraneka ragam. Segala susila dan kesopanan diketepikan, walaupun dilaung-laungkan slogan Islam, perpaduan dan keadilan. Ini semua akibat terlalu mengikut perasaan sehingga menutup segala kebenaran. Oleh itu saya berharap perkara-perkara seumpama ini dielakkan sama sekali, sebaliknya berusaha memperbaiki kelemahan sendiri dan sekiranya memerlukan pertolongan dan maklumat yang sebenar, rujuklah kepada pihak yang bertanggungjawab. Para usahawan dan kontraktor hendaklah sentiasa menjaga nama baik mereka, supaya dengan berbuat demikian mereka akan terus mencapai kejayaan dan kemajuan.

Para kontraktor dan usahawan hendaklah mempasti pengurusan yang cekap dan bersistem sekalipun dalam perniagaan kecil-kecilan supaya dapat mengelak dari perkara-perkara yang boleh mendatangkan kerugian, terutamanya dalam pengurusan kewangan. Berusahalah dan belajarlah mengurus syarikat atau perniagaan dari semasa ke semasa kerana pengurusan adalah faktor yang penting untuk menjamin kejayaan dan keuntungan. Pengurusan adalah faktor kejayaan mahupun kegagalan, yang tidak boleh dipandang ringan. Sudah banyak terbukti perniagaan kaum bumiputera menghadapi kerugian kerana gagal dalam pengurusan atau sengaja membelakangkan nilai-nilai pengurusan dalam perniagaan termasuk penyalah-gunaan modal, perbelanjaan yang membazir dan seumpamanya yang melibatkan pentadbiran yang tidak cekap.

Walau bagaimanapun saya percaya dengan pencapaian sebahagian besar kontraktor-kontraktor dan usahawan bumiputera, khususnya di Terengganu akan meyakinkan sama ada pihak kerajaan dan swasta untuk menyalurkan projek-projek kepada mereka, bagi dilaksanakan. Sepertimana yang saya katakan tadi, pihak kerajaan tidak dapat mengadakan projek yang begitu banyak. Projek diadakan mengikut keperluan rakyat dan bukan dicipta untuk semata-mata memberi peluang kepada orang-orang tertentu mendapat keuntungan. Dalam hal ini, kerajaan mengharapkan pihak swasta turut membantu memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor tempatan menjalankan peluang-peluang perniagaan, sama ada dalam bentuk pembinaan, pembekalan dan sebagainya.

Sewajar kontraktor dan pengusaha tempatan diberikan keutamaan dan peluang yang seluas-luasnya untuk turut sama mendapat peluang tender dan pekerjaan. Di Terengganu pada hari ini, kehadiran syarikat-syarikat swasta yang menjalankan operasi perniagaan dan perusahaannya amatlah menggalakkan, terutamanya dalam sektor petroleum dan gas. Syarikat-syarikat berkenaan hendaklah sentiasa peka terhadap peluang-peluang penduduk sekitar untuk memperolehi faedah bersama, dengan kehadiran mereka. Penduduk sekitar tentulah tidak senang jika mereka diketepikan dalam peluang-peluang mendapat tender, dan lain-lain bentuk pekerjaan, dan akan menimbulkan sesuatu kemelut atau konflik yang sukar untuk diselesaikan. Saya percaya tenaga kerja tempatan mampu melaksanakan kerja dengan baik jika peluang dan bimbingan diberikan kepada mereka. Contohnya pada masa sekarang PERWAJA yang dipelopori oleh sebahagian besar tenaga kerja tempatan telah mampu menunjukkan prestasi yang baik dan cemerlang. Ini membuktikan bahawa tenaga kerja tempatan mampu menjadi tenaga kerja yang berkeupayaan jika diberi peluang diketengahkan.

Marilah menyelesaikan masalah secara bersama untuk kepentingan dan keuntungan bersama, sama ada dari pihak kerajaan, para kontraktor serta usahawan, bank-bank dan institusi kewangan yang lain serta badan-badan swasta yang lain.

Kepada bank-bank sudah sampai masanya mereka meningkat perkhidmatannya bukan sekadar sebagai institusi pemberi pinjaman semata-mata, tetapi sekaligus bertanggungjawab membimbing para pelanggannya ke arah kemajuan dan kecemerlangan. Kemajuan dan kecemerlangan para pelanggan mereka, hasil dari bimbingan adalah untuk keuntungan bersama, kerana di antara bank dan peminjamnya adalah saling mengharapkan. Pengusaha mengharapkan bank membantu mereka menyelesaikan masalah modal, manakala bank mengharapkan pengusaha dan peniaga datang kepada mereka sebagai peminjamnya dan kemudian mendapat keuntungan darinya. Akan tetapi modal semata-mata tidak akan menjamin keuntungan dan kecemerlangan tanpa mempunyai keupayaan dalam perniagaan dan perusahaan. Apabila tidak berupaya, kegagalan dan kerugian menyusulnya. Pengusaha yang rugi sudah tentu sukar membayar balik pinjaman dan pihak bank turut menghadapi risikonya. Oleh itu, tidak dapat tidak pihak bank mestilah turut sama peka dan bertanggungjawab terhadap keupayaan dan kecemerlangan para pelanggannya yang terdiri dari pengusaha, termasuk para kontraktor.

Kalau sekiranya pihak bank hanya mahu mengharapkan sesuatu daripada para pelanggannya tanpa peka terhadap pergerakan dan masalah pengusaha atau kontraktor yang menjadi pelanggannya, tentulah semuanya akan meninggalkan masalah yang berterusan. Sewajarnya apabila dalam kesenangan semuanya mendapat keuntungan, maka apabila

dalam kesulitan kedua-dua belah pihak hendaklah menanggungnya bersama. Tentulah sesuatu yang tidak baik, kalau hanya mahu berkawan pada masa senang, tetapi pada masa susah masing-masing membawa diri sendiri.

Kita tentulah tidak mahu wujudnya amalan dan sikap seumpama ini dalam perhubungan usahawan dan pihak bank. Suasana saling bantu-membantu, tanggung-menanggung dan berusaha bersama sebagai satu pasukan hendaklah diwujudkan. Dengan hanya memaksa peminjam membayar balik pinjaman tanpa berusaha mengenalpasti masalah sebenar peminjam bukanlah suatu tindakan yang berkesan dalam konteks urusanniaga sebenar, sehingga menimbulkan ketegangan, tetapi sikap sentiasa berunding dan menggunakan budibicara yang baik adalah penyelesaian yang berkesan. Begitu juga dengan para peminjam, mengambil kesempatan untuk tidak mahu membayar hutang akibat dari kerugian dan muflis bukanlah penyelesaiannya.

Apa yang penting kedua-dua belah pihak hendaklah saling mengenalpasti masalah dan kemudiannya bersama-sama mengatasinya dengan penuh jujur dan ikhlas. Manamana pengusaha, yang dapat menunjukkan kejayaan dan prestasi yang baik serta membuktikan kecemerlangan rekodnya, pihak bank sewajarnya dapat menimbangkan urusanniaga yang tidak terlalu ketat, kecuali kepada golongan peminjam yang terbukti mempunyai rekod yang tidak baik. Manakala, jika terdapat mereka, di kalangan usahawan dan kontraktor yang hitam rekodnya, janganlah sampai menganggap keseluruhannya bersifat demikian. Pandai-pandailah menilai dan menghargai pelanggan yang benar-benar berpotensi, jujur dan amanah.

Dalam RM5 pertumbuhan sektor pembuatan dan perkilangan berkembang sebanyak 13.7% setahun. Sektor



pembuatan dan perkilangan telah menunjukkan peningkatan yang positif. Kadar pertumbuhan agak tinggi disebabkan angka asasnya kecil. Perkembangan ini disebabkan penubuhan kilang-kilang yang berasaskan sumber asli terutama minyak dan gas serta langkah promosi dan galakan yang dijalankan oleh kerajaan.

Usaha promosi dan galakan yang diperkenalkan sejak 1989, telah dapat menarik ramai bakal-bakal pelabur datang ke Negeri Terengganu Darul Iman untuk membuat tinjauan peluang pelaburan telah menunjukkan minat positif dan aktif untuk menempatkan kilang mereka di Negeri Terengganu sehingga Oktober 1990.

Pecahannya:

|    |   |           |
|----|---|-----------|
| 9  | - | Singapura |
| 4  | - | Taiwan    |
| 10 | - | Malaysia  |
| 3  | - | Jepun     |
| 4  | - | Hong Kong |
| 1  | - | China     |
| 1  | - | Itali     |
| 1  | - | UK        |
| 1  | - | USA.      |

Dari jumlah tersebut, 2 kilang sedang beroperasi, 4 dalam pembinaan, 7 telah diberi kelulusan tapak, 4 dalam proses permohonan, 6 kajian akhir, 10 site investation dan 2 fact finding mission.

Dengan terlaksananya kelak kilang-kilang di atas dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak 14,118. Jumlah pelaburan keseluruhannya dianggarkan sebanyak \$4,352.5 juta. Pengusaha-pengusaha tempatan juga akan mendapat peluang melalui projek-projek hiliran.

Di samping itu pengusaha tempatan turut di beri insentif. Di bawah skim insentif yang diperkenalkan, sebanyak 9 pengusaha tempatan Terengganu diberi skim insentif harga tanah terendah iaitu 2 bagi insentif harga tanah RM0.50 semeter persegi dan 7 bagi insentif perusahaan 50% diskaun kos pembangunan tanah.

Skim insentif yang diperkenalkan itu akan berakhir pada Disember 1990. Walau bagaimanapun ianya akan dikaji semula dan diperkemaskan bagi tahun akan datang.

Di bawah RM6, sektor perdagangan dan perindustrian memerlukan peruntukan sebanyak RM301.6 juta. Aktiviti-aktiviti yang terkandung dalam sektor ini adalah pembangunan kawasan perusahaan, pelancongan, industri kecil dan tempat perniagaan.

Usahawan tempatan boleh melibatkan diri dalam aktiviti hiliran yang wujud daripada pertumbuhan industri di atas seperti dalam bidang pengangkutan, pembekalan, sub-kontrak dan sebagainya.

Akhir kata, saya berharap mesyuarat yang tuan-tuan adakan ini akan berjalan dengan baik. Dalam setiap usaha tindakan kita, hendaklah kita bertanya apa yang telah kita rancang dan usahakan, bukan bertanya dan menekan apa yang telah pihak lain rancang dan berusaha untuk kita. Semoga Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia cawangan Negeri Terengganu mencapai kejayaan sebagaimana matlamatnya.

*(Ucapan pada perasmian Mesyuarat Agung Kali Ke-17 Dewan Perniagaan Dan Perusahaan Melayu Malaysia Cawangan Negeri Terengganu di Dewan Teater, Wisma Darul Iman, K. Terengganu pada 15 Disember, 1990).*

## **RUMAH NEGERI TERENGGANU**

Terengganu merupakan sebuah negeri yang terkenal dan kaya dengan hasil seni kerjatangan rakyatnya, Terengganu terkenal dengan pertukangan tembaga yang amat seni hinggalah kepada ukiran-ukiran yang amat bernilai semenjak zaman berzaman lagi. Bukti dari kegiatan ini masih boleh dilihat hingga hari ini di setengah-setengah bangunan lama yang penuh dengan ukiran yang unik dan menarik, menggambarkan sifat kerajinan, ketekunan dan ketelitian para pengukirnya. Terengganu juga masyhor dengan pengeluaran songketnya yang bermutu tinggi, terkenal dengan pengeluaran batiknya yang beraneka corak dan hari ini suatu perusahaan baru mula diperkenalkan iaitu perusahaan kain sutera tenunan yang bermutu tinggi.

Semenjak dahulu hingga sekarang, hasil kerja tangan sebagai perusahaan kampung ini terus berjalan walaupun pada suatu ketika dahulu ianya kelihatan begitu merosot kerana sempitnya peluang pemasaran terbuka sehingga kelihatan perusahaan itu semacam lumpuh dan kurang berpotensi. Bagaimanapun kerajaan berusaha memulihkan kelumpuhan itu dengan mencari berbagai ikhtiar dengan matlamat serampang dua mata iaitu mengembangkan kegiatan kerjatangan rakyat tempatan di samping berusaha memberi nafas baru kepada perusahaan mereka supaya industri ini boleh menjadi sumber pendapatan rakyat desa yang memang sempit peluang mata pencariannya.

Kerajaan sedar, kalau perusahaan desa yang berbentuk kerja-kerja seni kerajinan tangan ini tidak diberi galakan, tidak dibantu pemasarannya, ia mungkin akan semakin lumpuh dan akhirnya berkubur begitu sahaja di tengah-tengah kancah pembangunan ini, di mana hasil pengeluaran dari kilang terus membanjiri pasaran terbuka dengan harga yang lebih murah. Tidak dapat dielakkan dengan limpahan barangan kilang ini sekaligus boleh mematikan terus perusahaan desa yang diusahakan sendiri oleh hujung jari rakyat Terengganu, kerana pengeluarannya sangat terbatas sedangkan harganya perlu juga dipertahankan seimbang dengan titik peluh penciptanya yang lebih dinilai sebagai suatu hasil kreatif pembuatan yang bermutu.

Kerajaan Negeri Terengganu berazam untuk mempertahankan dan mengembangkan 'cottage industry' melalui berbagai usaha positif, supaya ia terus menjadi punca pendapatan rakyat sebagai hasil kerja-tangan yang berkualiti dalam pengeluaran barangan tembaga, perusahaan songket, ukiran, anyaman, sulaman, tekatan dan sebagainya. Terengganu yang masih kaya dengan bahan-bahan mentah seperti buluh, mengkuang, rotan dan sebagainya mempunyai kemampuan pengeluaran berpanjangan. Oleh itu dengan adanya saluran pasaran terbuka untuk pasaran luar dan dalam negeri ianya diharap terus dapat dipertahankan. Walaupun Terengganu hari ini mula dibanjiri oleh berbagai kilang perusahaan berat dan ringan, sebagai sokongan kepada perusahaan petroleum dan gas, namun tidak bererti perusahaan desa mesti diketepikan.

Salah satu perusahaan desa yang mula diperkenal dan dijangka dapat dikembangkan dengan baik, ialah perusahaan kain sutera Terengganu. Projek memelihara ulat mulbari telah diteroka di Tersat Hulu Terengganu dengan memperlihatkan potensi yang amat menggalakkan. Percubaan-percubaan positif

telah dilakukan, dan setakat ini memperlihatkan potensi yang positif, kerana ia boleh disertai oleh penduduk setempat dengan penglibatan memelihara tanaman pokok mulbari untuk pengeluaran sutera asli yang bermutu tinggi. Galakan-galakan sedang diberikan oleh kerajaan untuk mempertingkatkan usaha ini, dan setakat ini kain sutera bermutu tinggi yang ditenun mula dikeluarkan di Negeri Terengganu. Inilah satu-satunya usaha terbaru ke arah mempertingkatkan pengeluaran usaha desa yang melibatkan penduduk tempatan bagi menambah punca rezeki mereka. Saya percaya suatu ketika nanti, Terengganu akan terkenal pula sebagai pengeluar kain sutera seperti popularitinya sebagai pengeluar songket dan batik yang terkemuka di negara ini. Oleh kerana kita tidak seharusnya bergantung kepada pasaran dalam negeri, maka usaha-usaha memperkenalkan ke pasaran luar negeri harus dilakukan secara lebih berkesan sama ada melalui Jabatan Kemajuan Masyarakat Rakyat (KEMAS) atau sebagainya.

Di samping perusahaan berbentuk ukiran dan pertukangan tangan, Terengganu juga mempunyai perusahaan bahan makanan tempatan yang terkenal seperti keropok yang bermutu tinggi yang boleh dipasarkan di dalam mahupun di luar negeri. Walaupun perusahaan keropok merupakan perusahaan kecil-kecilan diusahakan di rumah-rumah, namun ia boleh menjadi bahan dagangan yang baik. Saya percaya ini juga merupakan salah satu perusahaan desa yang berpotensi, kerana keropok Terengganu sudah terkenal dan menjadi bahan makanan ringan yang sangat digemari. Saya percaya perusahaan ini juga mempunyai masa depan yang sangat cerah untuk memasuki pasaran yang lebih terbuka di samping lain-lain bahan pengeluaran makanan tempatan.

Menyentuh mengenai Rumah Karyanika dan Industri Kampung Negeri Terengganu di Jalan Raja Chulan, Kuala

Lumpur ini, saya difahamkan dalam tempoh beberapa bulan selepas dibuka pada bulan September 1983, perniagaannya jauh ketinggalan dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Keadaan ini disedari oleh Jawantankuasa Industri Kampung dan Karyanika Negeri, lalu berusaha mengatasi masalah dihadapi itu. Berkat usaha-usaha positif yang dijalankan, Alhamdulillah beberapa bulan kebelakangan ini Rumah Karyanika dan Industri Kampung Negeri Terengganu ini dapat mencatatkan jumlah jualan yang boleh dibanggakan. Saya berharap kedudukan ini akan dapat dipertahankan oleh semua pihak yang terlibat di samping dua orang Pemaju Masyarakat yang dikhaskan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang bertindak sebagai jurujual bagi Rumah Karyanika Terengganu ini.

Sebagai sebuah negeri yang terkenal dengan perusahaan tradisional tembaga, songket, batik, ukiran kayu, anyaman mengkuang dan perusahaan keropok seperti saya sebutkan tadi saya tidak nampak kenapa barang-barang perusahaan tangan dari negeri ini tidak dapat 'menawan' minat orang ramai sama ada di dalam mahu pun dari luar negeri. Apatah lagi apabila barang-barang ini didedahkan dalam pasaran terbuka di pusat ini. Saya sungguh berbangga kerana Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar berganding bahu dengan Kerajaan Negeri Terengganu berusaha dengan penuh kesungguhan untuk menolong memajukan pengusaha-pengusaha kecilan yang terdapat begitu ramai di Negeri Terengganu. Kalaupun tidak 100 peratus, sekurang-kurangnya hasrat kerajaan untuk membantu memasarkan barang-barang perusahaan mereka telah dapat membuka era baru yang lebih cerah kepada pengusaha-pengusaha kecil ini sebagai tempat bergantung harapan yang lebih kukuh menepati definasi industri kampung dalam konteks inspirasi yang sebenar.

Meneliti Objektif penubuhan industri kampung yang sedang dipopularkan ini, saya sedar ia bertujuan untuk mempertingkatkan pendapatan masyarakat desa melalui penggunaan masa lapang untuk kerja-kerja pengeluaran. Ini amat sesuai dengan konsep Pandang Ke Timur yang diseru oleh pemimpin kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir yang mana mengharapkan rakyat kita bekerja kuat melalui masa lapang dengan kerja-kerja sampingan yang berfaedah. Dalam konteks ini rakyat Terengganu yang terkenal dengan kemahiran kerjatangan tradisional sudah pasti menerima konsep ini dengan harapan yang baik.

Kerajaan Negeri Terengganu sendiri melalui bahagian Usahatangan akan melipatgandakan industri kraftangan tempatan yang beraneka jenis ini di samping menjaga mutu pengeluaran dengan menghasilkan ciptaan-ciptaan baru yang lebih bermutu. Untuk mencapai hasrat ini satu kawasan seluas dua ekar berhampiran Lapangan Terbang Sultan Mahmud Kuala Terengganu telah disediakan untuk mendirikan bengkel-bengkel perusahaan tembaga, perak, batik, songket dan ukiran kayu tidak lama lagi. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM250,000 untuk projek ini yang akan dapat dilihat hasilnya tidak lama lagi Insya-Allah. Usaha tersebut mempunyai hubung kaitnya dengan Rumah Karyanika dan Industri Kampung ini, kerana barangan yang dihasilkan dari bengkel itu nanti akan juga dipasarkan melalui pusat ini. Saya percaya Rumah Karyanika ini juga akan dibanjiri dengan barangan kerjatangan tradisional yang bermutu bila Bengkel Perusahaan Buluh di Banggol Donas, Kuala Terengganu dan Bengkel Perusahaan Anyaman Kerecut di kampung Jambu Bongkok, Marang berjalan dengan baik oleh pengusaha-pengusaha tempatan melalui koperasi-koperasi mereka. Saya sungguh menghargai terhadap perhatian dan tumpuan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kepada kedua-dua bengkel tersebut dengan memberi peruntukan pembiayaannya kira-kira RM40,000.

*(Ucapan pada upacara perasmian "Rumah Negeri Terengganu di Perkampungan Karyanika Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur pada 23 Mei 1984).*



## MENCARI SASTERA ISLAM

Bagi pihak Kerajaan Negeri, dengan penuh tulus dan mesra, dengan segala hormat takzim, saya mengalu-alukan kehadiran saudara-saudari dari jauh dan dekat ke Negeri Terengganu Darul Iman ini. Jutaan terima kasih saya sampaikan kepada Persatuan Penulis Nasional (GAPENA) dan Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM) kerana memberi penghormatan kepada Persatuan Sasterawan Terengganu menjadi tuan rumah kepada satu perjumpaan yang amat bermakna dalam proses penerapan nilai-nilai Islam dalam karya, khususnya karya kreatif.

Apabila PELITA dan GAPENA mengemukakan perjumpaan saudara-saudari selama dua hari dalam SIMPOSIUM DARUL IMAN 11 dengan tema "PENTERJEMAHAN DALAM TAMADUN ISLAM", lantas saya menganggap sebagai sangat wajar dan kena pada tempatnya. Kita sebenarnya masih dalam pencarian apakah yang dikatakan sastera Islam secara tepat. Sudah banyak pendapat dan tanggapan yang kita baca dalam pencarian ini dengan tiap-tiap seorang berhujah menurut pandangannya. Boleh disimpulkan, bahawa hampir semua hujah itu masih lagi dalam bentuk teori. Sedangkan apa yang kita kehendaki ialah dalam bentuk praktiknya. Atas rasa kesedaran inilah, dalam usaha mencari sesuatu yang belum ditemui secara pasti, mendorong saya mencadangkan supaya satu peraduan menulis novel berunsur Islam yang mengambil platform

permasalahan masyarakat Islam diolah melalui penulisan sebuah novel dan kemudian sekaligus cuba menyelesaikan permasalahan itu dari kaca mata Islam sendiri.

Kita telah membuka pertandingan ini kepada dunia Islam berbahasa Melayu. Hasilnya sebanyak 27 buah skrip novel telah diterima termasuk 11 naskhah yang dihasilkan oleh penulis Indonesia. Sesungguhnya untuk menghakimkan begitu banyak novel yang sebahagiannya pula ditulis begitu panjang, bukanlah sesuatu yang mudah. Dalam majlis yang penuh dengan inspirasi indah ini, sukacita saya merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Prof. Dato' Haji Shahnun Ahmad, Prof. Madya Hashim Awang dan Ustaz Othman El-Muhammady di atas susah payahnya dan dalam segala kesibukan tugas masing-masing dapat juga meneliti novel-novel ini secara terperinci.

Sebagaimana saudara-saudari sedia maklum, pihak panel hakim telah memutuskan, bahawa pada keseluruhan novel yang diterima dan diadili, masih belum memuaskan, masih belum sampai ke peringkat yang diharapkan. Salah satu sebab utamanya, kerana ramai penulis memiliki pemahaman yang sempit terhadap konsep novel berunsur Islam. Sebahagian besar hanya mampu menonjolkan permasalahan yang sering berlaku tetapi gagal menyelesaikan masalah itu secara Islam. Setelah berunding dengan panel dan penganjur, maka saya bersetuju supaya anugerah bagi pemenang bernilai RM15,000 tidak dikeluarkan. Bagaimanapun panel telah memilih dua buah novel untuk diberi hadiah penghargaan tiap satu bernilai RM5,000. Di samping itu kita juga bersetuju memberikan tiga hadiah 'bakat' tiap satunya bernilai RM2,000. Kedua-dua buah novel yang diberi hadiah penghargaan masing-masing berjudul "Arbain" dan "Seorang Guru Tua" telah dicetak oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, dan akan diedarkan tidak lama lagi. Atas usaha serta kerjasama mencetak kedua-dua novel tersebut saya ucapkan terima kasih.

Bertambahnya novel-novel berunsur Islam dalam pasaran, adalah pasti bahawa hasrat kerajaan hendak menerapkan unsur-unsur Islam dalam semua bidang kehidupan rakyat negara ini akan mendapat kejayaan.

Dalam hubungan ini Kerajaan Negeri sendiri sedang berusaha mewujudkan sebuah Perpustakaan Islam di Negeri Terengganu. Tujuan Perpustakaan Islam ialah untuk mengumpul segala macam kitab, buku dan berbagai bentuk penulisan Islam untuk dijadikan bahan rujukan rakyat di samping Perpustakaan Awam yang sedia ada. Kerajaan Negeri juga memulakan usahanya menubuhkan perpustakaan di masjid-masjid untuk memberi kemudahan kepada orang ramai mendapatkan kitab-kitab agama untuk bacaan mereka.

Saya juga berharap selain dari menjadi bahan bacaan di negara ini, buku-buku dari Malaysia akan dapat memasuki pasaran buku di Indonesia dan lain-lain negara jiran. Perjanjian antara kedua negara baru-baru ini berhubung dengan perkara tersebut diharap akan dapat menyelesaikan masalah yang sering timbul antara kedua negara ini. Saya difahamkan oleh rombongan PELITA yang baru pulang dari lawatan ke Indonesia, bahawa mereka tidak menemui buku-buku dari Malaysia. Tidak semudah dan semewah kita membeli buku-buku Indonesia yang membanjiri pasaran negara kita.

Saya berharap keadaan tidak seimbang seperti ini tidak akan berpanjangan kerana antara kedua negara sudahpun terjalin persamaan bahasa, cara hidup dan kebudayaan semenjak berzaman lagi.

Saya yakin melalui buku kita akan dapat menyuburkan lagi hubungan dua hala serta ikatan silaturrahim antara dua negara ini.

Dalam pertemuan kita yang amat bermakna ini, izinkan saya menyentuh sedikit tentang adanya segelintir penulis yang kurang bertanggungjawab.

Mereka ini terus-menerus menulis novel-novel atau cerita-cerita yang sangat rendah dari segi moral. Golongan ini menjadikan penulisan sebagai punca rezeki dengan membuat berbagai cerita rekaan yang tidak bermaruah.

Mereka ini hanya memikirkan wang untuk mengongkosi hidup yang semenatra ini, walaupun terpaksa mengorbankan penghormatannya sebagai seorang penulis. Satu golongan penulis lagi cuba berselindung di sebalik jubah penulis buku agama, sedangkan matlamat tulisannya adalah semata-mata untuk kepentingan politik semata-mata.

Golongan ini sanggup menyelewengkan akidah umat Islam asalkan mereka mendapat wang dan keuntungan politik.

Itulah dua jenis penulis yang masih segar bergerak di negara kita sekarang. Oleh itu, saya menyeru kedua-dua golongan penulis ini supaya kembali meneliti ke dalam diri sendiri dan bersikap lebih bertanggungjawab terhadap agama dan masyarakat.

Kepada penerbit-penerbit juga saya menyeru mereka supaya lebih beramanah, lebih bermoral dan bertanggungjawab.

Saya kira dalam tempoh-tempoh hingga beberapa waktu akan datang, usaha menerapkan nilai Islam dalam karya ini patut diterus dan diberi perhatian oleh para penulis kita. Salah satu usaha menuju ke arah itu, marilah kita sama-sama menjayakan pertandingan-pertandingan seperti ini.

Kerajaan Negeri akan meneruskan lagi peraduan Novel Islam ini dari satu masa ke satu masa sehingga akhirnya kita mencapai matlamat mutu yang kita kehendaki.

Kalau tahap pencapaian peserta kali ini masih rendah, saya berharap pada peraduan kali kedua kita akan menemui karya-karya semakin baik hingga akhirnya sampai ke tahap kita perlukan.

Ertinya perjuangan kita belum berakhir di sini sahaja. Suatu tragedi paling malang bagi kita akhir-akhir ini apabila terpaksa berdepan dengan suasana masyarakat Islam yang berpecah belah. Bibit perpecahan ini sebenarnya di bawa dari negara-negara Islam yang lain, tetapi hari ini ianya sudah menjadi suatu wabak paling merbahaya yang meminta suatu penyelesaian. Suasana hening jernih dan saling membantu antara satu sama lain sudah bertukar menjadi keruh, tegang dan saling benci membenci antara satu sama lain. Punca segala penyakit ini adalah kerana politik, apabila ada pihak menggunakan Islam untuk kepentingan politik. Saya kira sebagai penulis, sebagai sasterawan, mereka juga harus memikul tanggungjawab menolong menyelesaikan masalah yang berat dan rumit ini secara berkaya. Demi kesejahteraan ummah, kita harus berpolitik dalam karya kerana itu adalah suatu amalan yang mulia.

Sebelum saya akhiri ucapan serba ringkas pada malam bersejarah ini, saya mengambil kesempatan mengucap selamat datang kepada dua orang penulis dari Indonesia, seorang dari Kadiri dan seorang lagi dari Jakarta Barat. Kedua mereka adalah terdiri dari pemenang bakat dalam peraduan ini. Selamat bermesra dengan teman-teman dari negara ini, dan semoga hubungan antara kita semakin erat terjalin.

Saya akhiri ucapan saya yang serba kekurangan ini dengan segunung harapan murni, semoga zaman muka yang

dinanti, akan tertunailah hasrat di hati untuk melihat bagaimana karya-karya Islam menguasai pasaran buku dan sekaligus membanjiri dunia perpustakaan manusia. Akan lebih ramailah umat manusia ini menuju pelabuhan indah di bawah limpah keredaan Allah.

*(Ucapan pada Majlis Penyampaian Anugerah Novel Darul Iman di Kediaman YAB Menteri Besar pada 13 April 1985).*

## **BUKU SEBAGAI SUMBER ILMU**

Adalah amat membanggakan aktiviti atau pesta seumpama ini dilakukan bagi mencapai matlamat melahirkan generasi yang cenderung kepada pembacaan, yang seterusnya melahirkan generasi yang berilmu dan berpengetahuan luas.

Tidak dapat kita nafikan bahawa 'buku' adalah salah satu sumber pengetahuan yang tidak terbatas sama ada ilmu keduniaan dan akhirat. Sekiranya seseorang itu banyak membaca buku, maka dialah orang yang berilmu pengetahuan dan sukar diperdayakan oleh orang lain. Bagaimanapun, tidak cukup kita sekadar membaca tanpa memilih bahan bacaan itu sendiri kerana dari membaca juga boleh mempengaruhi sikap dan tindak-tanduk seseorang. Kita sedia maklum di zaman pergolakan dan perpecahan yang mula menular ke dalam masyarakat kita, agen-agen pemecah-belah juga turut mengeksploitasikan 'buku' dan lain-lain bahan bacaan bagi menyalurkan fahaman dan falsafah serta propaganda mereka.

Ada buku yang diterbitkan semata-mata bertujuan menghentam golongan-golongan tertentu khususnya kerajaan, mengelirukan fakta yang sebenar dan membangkitkan perasaan membenci golongan yang ditentang oleh mereka.

Kalau kita meninjau ke pasaran sekarang ini terutamanya buku-buku yang diterbitkan oleh penerbit-penerbit yang tidak kita kenali, kita dapati buku-buku berbentuk propaganda

seumpama ini banyak terjual. Buku-buku dan alihbahasa yang mengecam dasar kerajaan dengan memutarbelitkan perkara yang sebenar mudah didapati di mana-mana. Dengan ketajaman dan kehebatan penulisnya, perkara-perkara yang terkandung di dalam buku dan bahan bacaan itu boleh menyalakan sentimen pembaca itu supaya turut sealiran dengan penulisnya. Inilah ancaman yang seharusnya kita sama-sama awasi supaya wabak perpecahan dan berbencian sesama sendiri, sesama bangsa dan agama tidak terus belaku kerana ia merugikan kita semua. Oleh itu kita hendaklah bijak menilai dan memahami tindak-tanduk golongan ini yang menggunakan penulisan dan penerbitan buku-buku mereka untuk dijadikan alat supaya mendapat sokongan rakyat. Walaupun 'membaca' itu perlu, tetapi setiap bahan yang kita baca wajarlah kita kaji juga sejauhmana kebenaran dan ketepatan apa yang tertera dan tersirat di dalam bahan bacaan itu. Membaca adalah proses membentuk serta membina diri yakni dalam usaha mengenal, memahami serta memperbiasakan pengalaman-pengalaman yang dikongsikan bersama penulis. Walaupun begitu kita tidak boleh berharap kepada pembacaan itu secara langsung kerana penyandaran demikian akan menjerumuskan kita ke kancuh menipu diri sendiri kerana memperakukan hal yang belum pasti.

Bagi mengelak perkara ini, kita hendaklah membaca banyak buku dari banyak penulis dan mengelak dari membaca buku-buku yang kita sudah tahu ada unsur negatif di dalam buku yang ditulis dan diterbitkan oleh pihak tertentu. Kita juga jangan mudah terpedaya dengan golongan-golongan yang kecewa dengan menggunakan bahan bacaan sebagai alat untuk kepentingan diri dan golongan mereka. Saya juga berharap kita jangan terpedaya dengan tulisan-tulisan yang hebat melalui sumber-sumber yang diadakan serta diolah dan diulas dengan ulasan yang negatif.



Dengan adanya Pesta Buku ini sedikit sebanyak tunjuk-ajar tentang cara memilih bahan bacaan, memperkenalkan buku-buku yang benar-benar boleh dijadikan sumber ilmu akan dapat diberikan kepada masyarakat pembaca. Ia juga salah satu cara bagi mengelak masyarakat pembaca daripada terpengaruh dan terbeli buku-buku yang banyak mengandungi dakyah yang diterbitkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab itu. Di pihak kerajaan sendiri, Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengawal penerbitan buku-buku yang bercorak dakyah ini, tetapi kerjasama masyarakat pembaca untuk mengelak perkara ini juga diperlukan kerana terdapat juga penerbit-penerbit yang berselindung menerbitkan buku-buku ini terutama yang diterbitkan secara haram dalam bentuk stensilan dan sebagainya. Di Negeri Terengganu sendiri terdapat buku-buku dan stensilan yang telah dijadikan alat sebuah parti pembangkang menyebarkan dakyahnya dengan memutar-belitkan berbagai isu. Di musim pilihanraya nanti saya percaya lebih banyak lagi golongan ini akan mencetak dan menerbitkan buku-buku dan stensilan bercorak dakyah dan mengajak rakyat berpecah-belah akan diedarkan. Sesungguhnya kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan kepada golongan yang berbuat demikian demi keselamatan agama, bangsa dan negara yang kita cintai ini.

Menyentuh tentang perlunya masyarakat menjadikan pembacaan sebagai kewajipan, suka saya nyatakan bahawa semakin ramai rakyat sesebuah negara membaca, semakin mudah rakyat dan negara itu melalui proses tamadun. Sejarah telah membuktikan bahawa akibat sebahagian besar bangsa kita sebelumnya bangsa buta huruf yang tidak tahu membaca telah membolehkan penjajah mencengkam bumi tanah air kita dengan mudah.

Menyedari hakikat inilah kerajaan merancang pelbagai aktiviti bagi melahirkan generasi yang tidak buta huruf dan

suka membaca. Bahkan kepada saya, membaca bukan lagi dijadikan sebagai hobi, tetapi suatu kewajiban sebagaimana yang dilakukan oleh penuntut-penuntut yang sedang belajar di sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi. Saya tidak mahu melihat membaca itu sekadar semasa di bangku sekolah sahaja tetapi biarlah amalan membaca itu sampai bila-bila sehingga tiada penghujungnya. Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dari kajian yang dibuat sehingga ini didapati lebih 80 peratus rakyat Terengganu telah boleh membaca atau tidak buta huruf. Sesungguhnya di dalam ajaran Islam sendiri, membaca adalah sesuatu yang dituntut. Ayat suci Al-Quranul Karim yang mula-mula diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. ialah Suratul Alaq yang bermaksud:

"Bacalah dengan nama Tuhanmu, ia telah jadikan manusia daripada sekepal darah. Bacalah kerana Tuhanmu itu yang Amat Mulia, Yang mengajar dengan qalam...."

Itulah ayat sulung Al-Quranul Karim di mana Allah s.w.t. meminta Nabi 'membaca' walaupun Allah Maha Mengetahui Rasulullah memang tidak tahu membaca. "Bacalah dengan nama Allah yang mencipta". Dari realiti ini dapat difahamkan betapa pentingnya membaca kepada manusia, walau dalam apa peringkat sekalipun, kerana membaca merupakan anak kunci khazanah ilmu pengetahuan sama ada ilmu duniawi mahupun ukhrawi.

Seseorang intelektual yang tidak suka membaca selepas di kalungkan ijazah yang berjela-jela kemudian bekerja sebagai pegawai tinggi akan kurang kewibawaannya kalau ia memberhentikan pendedahan diri dalam dunia pembacaan. Khazanah ilmu yang ditimba selama itu sukar dikembangkan mengikut perjalanan semasa, kerana ia hanya tahu setakat

akademik yang dipelajarinya di kuliah, sedangkan perubahan boleh berlaku dalam waktu yang pantas. Sesungguhnya, apabila kita sentiasa berdamping dengan buku-buku bacaan bermutu, sama seperti kita bersahabat atau berguru dengan para pendita, pujangga, ulama, negarawan, politisyen dan sebagainya yang sentiasa memberikan kita segala macam ilmu pengetahuan dan maklumat yang pernah kita pelajari di mana-mana sekolah. Dengan itu khazanah ilmuan seseorang itu akan berkembang subur dan merendang, dan dengan sendirinya pula cara ia bertindak, bergaul dan berfikir lebih rasional. Bagaimanapun perlu ditekan sekali lagi di sini bahawa 'mutu' bahan bacaan atau buku-buku bacaan itu perlu diteliti sebelum membacanya. Selain dari unsur-unsur dakyah yang terkandung di dalam setengah-setengah buku yang telah saya jelaskan sebentar tadi, terdapat juga bahan bacaan yang bercorak barat, berbudaya kuning diterbit dan dipasarkan oleh golongan yang semata-mata mementingkan keuntungan. Saya berpesan, kepada golongan remaja, khususnya yang begitu ghairah membaca buku-buku dan majalah seumpama ini kembali menilai keberuntungan mereka membaca bahan-bahan seperti itu. Bahan-bahan bacaan seumpama itulah yang bertanggungjawab melahirkan generasi remaja yang liar, tidak berdisiplin dan mengemari cara hidup orang-orang barat yang tidak bermoral. Dari bahan bacaan seumpama ini melahirkan remaja yang berpakaian ala happies, bermacam-macam fesyen rambut dan mengisi masa lapang dengan cara yang tidak berfaedah, seperti berpelesenan di stesen-stesen bas, tempat-tempat hiburan dan sebagainya. Bahan-bahan bacaan seumpama ini memang digemari dan mendapat pasaran yang baik kerana ia menjurumuskan kepada tuntutan nafsu jahat manusia.

Oleh yang demikian saya berseru kepada golongan remaja supaya mengelak dari membaca bahan-bahan sebegini dan para ibu bapa juga hendaklah turut sama memainkan

peranan dalam hal ini. Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius terhadap aspek mutu bacaan dengan mengadakan perpustakaan, dari perpustakaan negeri hinggalah kepada perpustakaan daerah dan kampung-kampung. Sehingga ini terdapat lima buah cawangan perpustakaan awam di negeri ini iaitu Kemaman, Besut, Dungun, Marang dan Hulu Terengganu. Sebuah lagi perpustakaan di Setiu yang sebelumnya kepunyaan kemas telah diambilalih oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatannya tetapi belum lagi dibuka kerana ia dalam proses pengambilan kakitangan untuk mengendalikannya. Untuk makluman tuan-tuan sehingga ini terdapat sebanyak 300 ribu naskhah buku-buku yang dipunyai oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri. Selain itu Perpustakaan Bergerak telah diadakan melibatkan tiga laluan, iaitu di kawasan Manir-Batu Rakit, kawasan Jalan Kuala Berang dan kawasan Marang-Cendering. Usaha-usaha ini semata-mata untuk membekalkan buku-buku atau bahan bacaan kepada pembaca-pembaca di kawasan berkenaan yang mungkin tidak mampu mendapatkan bahan-bahan bacaan dengan cara membeli. Ini membuktikan Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat dalam soal ini.

Saya juga difahamkan berlaku penyalahgunaan perpustakaan sebagai tempat membaca, terutamanya di kalangan para pelajar yang menjadikan perpustakaan sebagai tempat pertemuan peribadi di antara pasangan pelajar lelaki dan perempuan. Kesempatan diambil di bilik berhawa dingin ini yang bebas dari tanggapan dan sangkaan buruk guru dan ibu bapa mereka dengan alasan ke perpustakaan untuk membaca, sedangkan apa yang dilakukan lain sama sekali.

Perbuatan seumpama ini juga tidak wajar berlaku dan perlulah kita sedari matlamat kerajaan menubuhkan perpustakaan ini bukannya sebagai tempat 'pertemuan dan berhibur', tetapi tempat menimba ilmu pengetahuan.

Besarliah harapan saya supaya langkah-langkah

mengenalpasti dan membendung masalah ini dari berleluasa diambil oleh pihak bertanggungjawab kerana perkara ini amat sumbang pada pandangan agama dan susila bangsa. Kesempatan ini juga saya ambil untuk mengucap ribuan terima kasih kepada pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri dengan kerjasama Jabatan Pelajaran kerana bertungkus lumus mengadakan Pesta Buku Terengganu 1986 ini. Semoga dengan pesta ini segala hasrat melahirkan generasi yang menjadikan membaca sebagai kewajipan dapat dicapai serta membolehkan masyarakat pembaca mengenali buku-buku yang bermutu dan patut dibaca selaras dengan tema pesta ini, "RAKYAT MEMBACA HIDUP BERDISIPLIN".

*(Ucapan pada upacara perasmian Pesta Buku Terengganu 1986 Stadium Negeri, Kuala Terengganu pada 6 Mei 1986).*

## **KAKITANGAN KERAJAAN SEBAGAI PENGGERAK KEMAJUAN**

Sesungguhnya, dalam sebuah negara yang mengamali dasar pemerintahan demokrasi seperti negara ini, Pegawai dan Kakitangan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun tidak akan terlepas daripada sasaran rakyat, kerana mereka adalah merupakan agen pelaksanaan dasar-dasar yang digaris oleh Kerajaan. Dalam hubungan ini, Pegawai dan Kakitangan Kerajaan memerlukan suatu peranan yang kongkrit, tegas dan berdisiplin mengikut lunas-lunas perkhidmatan mereka. Lantaran itu suatu perkhidmatan yang jujur, cekap dan berkesan patutlah wujud dan ditingkatkan dari masa ke semasa supaya dapat memberi kesan kepada rakyat.

Laut yang terbentang luas tidak mungkin bergelombang dan berkocak, sekiranya tidak ditiup oleh angin dan ribut. Begitulah juga tugas-tugas yang akan dijalankan oleh Pegawai dan Kakitangan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun tidak mungkin akan wujud sekiranya tidak datang daripada suara dan rintisan rakyat. Dengan itu, ternyata sekali bahawa setiap dasar dan pelaksanaan itu adalah hakmilik rakyat dan kejayaannya akan mengembalikan kepada rakyat. Oleh yang demikian, pada hemat saya, bahawa Pegawai dan Kakitangan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun adalah merupakan golongan penggerak yang amat penting dalam menjayakan segala dasar dan pelaksanaan yang dikehendaki oleh rakyat.

Lantaran itu, amatlah wajar kepada Pegawai dan Kakitangan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun memikul tanggungjawab dan amanah yang sangat besar ini bagi kepentingan rakyat dan negara. Saya yakin dan percaya pegangan yang hakiki dan jitu tentang hasrat perkhidmatan mereka yang cemerlang akan membentuk kelohuran peribadi mereka yang akan menjadi kenangan dan ingatan rakyat seluruhnya.

Menyentuh tentang buku Panduan Perkhidmatan Cemerlang yang terdapat di tangan tuan-tuan dan puan-puan sekalian, serta lafaz ikrar yang diadakan sebentar tadi adalah sebagai suatu panduan, ingatan dan galakan yang diperlukan untuk mencapai tingkat dan garis perkhidmatan yang cemerlang. Sungguhpun ia merupakan zahiriah semata-mata, namun diharapkan batiniyah juga selari dan sejajar mengikut fitrah manusia, semoga ditingkatkan Allah ke dalam golongan manusia yang jujur dan ikhlas. Saya berharap, dengan penuh keyakinan bahawa buku Panduan Perkhidmatan Cemerlang itu akan menjadi kewajipan kepada Pegawai dan Kakitangan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang bagi kepentingan rakyat dan negara, sebagaimana tuan-tuan dan puan-puan buktikan selama ini. Bahkan dengan adanya perhimpunan dan lafaz ikrar pada pagi ini akan mengazamkan suatu tahap baru dalam perkhidmatan yang cemerlang.

Sebagaimana yang diketahui umum bahawa negara hari ini sedang pesat membangun dalam berbagai-bagai sektor kemajuan. Adalah tidak boleh dinafikan lagi bahawa kemajuan yang dibangun dan dirancangkan itu merupakan kehendak rakyat yang telah diamanahkan kepada Pegawai dan Kakitangan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun bagi mencapai matlamatnya. Lebih-lebih lagi dalam meningkatkan kemajuan dari berbagai-bagai sektor yang akan wujud di negeri Terengganu ini.

Sebagaimana yang dimaklumkan iaitu negeri Terengganu adalah merupakan salah sebuah negeri yang mundur di negara ini. Dalam usaha meningkat dan menjayakan segala sektor kemajuan itu adalah memerlukan kerja-kerja dan pengurusan yang gigih dan dedikasi. Dalam ertikata, negeri Terengganu memerlukan Pegawai dan Kakitangan Kerajaan serta Badan-badan Berkanun yang sanggup mencurahkan seluruh tenaga dan pemikiran mereka terhadap tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka dengan berkesan, jujur, cekap dan berdisiplin. Dengan langkah itu akan dapat merancang segala kemajuan negeri ini ketingkat kejayaan, sebagaimana harapan dan rintisan rakyat berbagai golongan di negeri ini. Sesungguhnya pemikiran yang ideal dan pengurusan yang cekap serta kerja yang jujur dan ikhlas itu sahaja boleh menjayakan segala pelaksanaan rancangan yang digariskan oleh dasar-dasar Kerajaan.

Saya selaku Ketua Kerajaan Negeri ini memanglah tidak syak dan waham lagi bahawa kesungguhan kerja-kerja yang dilakukan oleh Pegawai dan Kakitangan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun selama ini adalah memuaskan. Tetapi, oleh kerana perlumbaan negeri-negeri untuk mencapai kemajuan masing-masing sangatlah hebat adalah diharapkan bahawa kesungguhan kerja yang ditunjukkan selama ini oleh Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun di negeri ini hendaklah dilipatgandakan mengikut kemampuan, semoga hasrat dan cita-cita kerajaan, rakyat dan negara akan tercapai matlamat yang ditujui. Tidak boleh dinafikan lagi bahawa kejayaan sesuatu projek dan perancangan itu adalah hasil dari kegigihan Pegawai dan Kakitangan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun jua.

Saya yakin dan percaya bahawa dalam meningkatkan perkhidmatan yang cemerlang tentulah memerlukan juga



perhubungan rapat dengan masyarakat, lebih-lebih lagi masyarakat tempatan yang diamanahkan bertugas. Dalam konteks ini, saya telah difahamkan bahawa terdapat sebilangan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Kerajaan yang ditempatkan di daerah-daerah tidak tinggal di daerah-daerah tersebut. Ini adalah merupakan suatu punca yang boleh merenggankan hubungan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dengan masyarakat umum. Keadaan ini menyukarkan pegawai dan kakitangan berkenaan mendalami tentang situasi dan masalah masyarakat tempatan yang dipertang-gungjawabkan kepada mereka. Suatu perkara yang menjadi masalah dan sungutan umum pada masa kini, ialah tentang layanan yang diperlukan oleh orang ramai, ini amatlah dikuatiri terhadap setengah-setengah jabatan yang mempunyai kaitan seperti Pejabat Daerah dan Tanah, Hospital, Bandaran, Pejabat Pendaftaran Kereta Motor, Pertanian dan lain-lain jabatan yang mempunyai hubungan, terutama mereka yang datang dari luar bandar. Sebagaimana yang dimaklumkan iaitu amalan yang kurang sihat ini adalah terkeluar dari kehendak-kehendak yang ditentukan dalam Teras Perkhidmatan. Justeru itu, amalan seumpama itu bukan sahaja akan merosak nama baik pegawai dan kakitangan jabatan itu sendiri, malah ianya akan melemah dan memusnahkan pentadbiran negeri ini. Saya berharap amalan buruk itu akan berakhir setelah ikrar diadakan seperti pagi ini.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan satu perkhidmatan Kerajaan yang jujur, cekap, berkesan dan membanggakan dalam semua bidang pentadbiran dan kemajuan. Bagi menghasilkan cita-cita murni ini, Kerajaan Negeri telah menyediakan satu peruntukan yang besar untuk melatih seberapa ramai pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan menyertai bidang-bidang kursus yang boleh memberi manfaat ke arah tersebut, sama ada kursus itu akan dijalankan di dalam atau di luar negeri. Langkah ini akan dapat memberi

peluang kepada pegawai dan kakitangan kerajaan meluaskan pengetahuan mereka dalam menyahut hasrat dan cita-cita kerajaan mengenai perkhidmatan. Keutamaan untuk menghadiri kursus itu tidak akan ditimbangkan di atas seniority, tetapi adalah dari segi kebolehan, kejujuran dan kecekapan. Adalah diharapkan bahawa peluang ini akan memperansangkan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan berkhidmat dengan lebih cemerlang lagi.

Saya cukup yakin bahawa dalam meningkatkan segala kejayaan dan kemajuan itu tidak akan terlepas dari Teras-Teras Perkhidmatan seperti mana yang tuan-tuan dan puan-puan ikrarkan sebentar tadi. Ikrar yang dilafazkan itu telah mencangkumi seluruh kewibawaan disiplin yang akan mewujudkan kerukunan hidup dan tatasusila pekerjaan menurut peraturan dan kehendak rakyat dan negara. Saya berharap setiap Pegawai dan Kakitangan Kerajaan sama ada peringkat Negeri, Persekutuan dan Badan-badan Berkanun mengamali Teras-teras Perkhidmatan itu sebagai azimat kejayaan dalam menghadapi tugas masing-masing.

Di samping itu, sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat, Dato' Setiausaha Kerajaan sebentar tadi, Kerajaan Negeri akan mengeluarkan hadiah perkhidmatan cemerlang pada tiap-tiap tahun kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang telah menunjukkan perkhidmatan mereka yang baik. Hadiah tahunan ini adalah sebagai suatu galakan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan supaya berkhidmat dengan lebih cekap, jujur dan berkesan sebagaimana yang dikehendaki oleh Teras Perkhidmatan.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Mulia, Syed Abdul Rahman bin Alwi Al Kaff yang telah dikurniakan Hadiah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 1978. Adalah diharapkan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang lain akan menurut jejak langkah beliau untuk memenangi

hadiah bagi tahun-tahun akan datang.

Sukacita dimaklumkan juga, bahawa dalam usaha mengenangi jasa-jasa pegawai dan Kakitangan Kerajaan yang berkhidmat dengan cemerlang itu tidak sahaja ditumpukan kepada golongan pegawai atasan atau sebaliknya, tetapi meliputi semua kakitangan-kakitangan yang lain juga. Sebagaimana maklum iaitu Kerajaan Negeri sedang mengkaji supaya kadar ganjaran yang lebih akan diberi kepada Ketua-Ketua Kampung yang dapat memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada masyarakat tempatan mereka. Ini adalah wajar kerana memandangkan di atas jasa khidmat yang mereka curahkan selama ini, khasnya kepada mereka yang benar-benar menjalankan tugas dengan tekun, jujur, cekap dan berkesan. Pertimbangan untuk ganjaran ini tidak akan dikira dari lama perkhidmatan mereka, tetapi dari nilai ukuran perkhidmatan dan kegiatan yang dapat mereka lakukan. Adalah diharapkan cadangan Kerajaan Negeri itu akan mewujudkan suatu perkhidmatan yang cemerlang sebagaimana yang dikehendaki oleh Teras Perkhidmatan, tambahan pula Ketua-Ketua Kampung adalah merupakan golongan pemimpin yang paling hampir dengan masyarakat.

Saya suka mengambil peluang dalam majlis ini untuk melafazkan perasaan kesal sekiranya ada Pegawai dan Kakitangan Kerajaan yang cuba mengambil kesempatan mencorakkan fahaman rakyat dengan ideologi politik yang tidak sejajar dengan fahaman politik Kerajaan. Ini amatlah bertentangan dengan konsep Pentadbiran di negara ini. Oleh yang demikian adalah tidak wajar mereka menggunakan kekuasaan dan amanah yang diberi itu bagi tujuan di sebaliknya. Saya selaku Ketua Kerajaan Negeri ini amatlah memandang berat di atas kejadian yang seumpama ini. Oleh itu suka saya menegaskan sekiranya ada golongan-golongan Pegawai dan Kakitangan Kerajaan yang cuba menyelewengkan tugas dan kuasa yang diamanahkan kepada mereka adalah lebih baik dan selamat mereka berundur diri terlebih dahulu sebelum

sesuatu tindakan akan menimpa diri mereka. Lebih-lebih lagi golongan yang cuba meresapi dan memainkan peranan fahaman politik yang bertentangan dengan dasar Kerajaan yang wujud pada hari ini. Adalah diharapkan bahawa kejadian penyelewengan seumpama itu tidak wujud di negeri ini ketika Kerajaan sedang berusaha membangunkan negeri yang mundur ini.

*(Ucapan pada Pelancaran Buku Panduan Perkhidmatan Cemerlang di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah Kuala Terengganu pada 1 Februari 1979).*

# **PERANAN PEGAWAI TADBIR DALAM NEGARA MEMBANGUN**

Saya bersyukur kehadiran Allah s.w.t., kerana berpeluang bersama-sama para anggota pentadbir sekalian.

Sebagai sebuah negeri yang sedang melangkah meninggalkan zaman ketinggalan dan menuju ke suatu destinasi kemajuan dan kecemerlangan, peranan anggota pentadbir akan menjadi lebih besar dan mencabar. Melihat betapa besarnya matlamat dan wawasan perjuangan kita, untuk melahirkan bangsa dan negara yang berkualiti dan mampu diintegrasikan hingga ke peringkat antarabangsa, sudah tentu kita memerlukan strategi dan dasar yang kukuh lagi berkesan, serta tenaga penggerak yang berlipat-ganda keupayaannya.

Keupayaan kita sudah tidak diragui lagi, walaupun masih terdapat kelemahannya yang perlu diperbaiki. Kejayaan-kejayaan telah banyak kita perolehi, walaupun kita tidak boleh menghapuskan kritikan dan cercaan sesetengah pihak. Kita telah berjaya meningkatkan taraf hidup sebahagian besar rakyat. Kita berjaya mengadakan kemudahan-kemudahan asas yang meluas dan telah dinikmati oleh semua golongan masyarakat. Kita juga telah berjaya menukarkan wajah Terengganu dengan pembangunan dan menukarkan zaman terbiar serta bergantung kasihan belas, kepada zaman berusaha

dan berdikari. Hari ini, Terengganu sebuah negeri yang telah pun terkeluar dari belenggu kemunduran.

Hari ini kita tidak lagi sebagai anak Terengganu yang tersisih dan hina, kerana kemunduran dan ketinggalan. Hari ini rakyat Terengganu sudah bersedia untuk mengkhabarkan kepada umum, bahawa mereka adalah anak Terengganu.

Kesemuanya ini, adalah hasil kegigihan dan usaha kita bersama sesuai daripada doa yang tidak berputusan kepada Allah Yang Maha Esa. Secara umumnya, kebanyakan kita menganggap setelah Parlimen atau Dewan Undangan Negeri bersidang, melulus segala undang-undang dan perbelanjaan maka matlamat akan tercapai. Apabila sahaja Dewan menggubal satu dasar dan memperuntukkan wang dan pihak kerajaan menyusun program, membelanjakan wang serta menjalankan aktiviti berasaskan dasar yang telah diputuskan, rakyat anggap akan memperolehi faedahnya. Kita terlalu optimis bahawa setiap dasar awam itu mencapai matlamatnya. Bagaimanapun ia amat bergantung kepada keberkesanan pelaksanaan dasar itu sendiri. Jentera pelaksana dasar yang terdiri daripada anggota pentadbir sekalian adalah sebenarnya merupakan tunggak kejayaan dasar-dasar kerajaan, di samping faktor-faktor persekitaran, sikap dan nilai masyarakat, parti-parti politik. Namun begitu, adalah menjadi tugas kita bersama untuk memastikan segala dasar dan perlaksanaannya berjaya dan cemerlang. Walaupun kita telah mencapai kejayaan, tetapi banyak ruang yang masih boleh kita pertingkatkan lagi, supaya keberkesanan dan kecemerlangan. Dapat dicapai dengan baik. Kerajaan selalunya dikaitkan dengan ahli-ahli exco diperingkat negeri dan menteri-menteri di peringkat pusat. Segala kebaikan, mahupun kelemahan adalah diletakkan tanggungjawabnya kepada golongan tersebut. Sebenarnya teknokrat seperti pegawai-pegawai kerajaan dan ahli-ahli pentadbirlah yang menjalankan pentadbiran. Orang-orang

politik sebenarnya digabungkan dengan ahli-ahli pentadbir, dalam menentukan arah-tuju negara. Negeri-negeri yang kurang licin pentadbirannya, kerana antara orang politik dengan pegawai-pegawai tadbir tidak mempunyai persefahaman yang berlandaskan kejujuran dan keikhlasan, atau kerana sesuatu yang dihajati tidak berjaya atau tak setuju dengan individu tertentu, atau apa yang dilakukan adalah kerana tidak begitu Islamik akan mengalami kehancuran. Oleh itu, persefahaman dan kerjasama perlu ditingkatkan.

Perkara ini adalah lumrah dalam sistem demokrasi, dan bukanlah menjadi suatu yang baru dan bertentangan, kerana parti yang sedang memerintah bukannya diperintah. Apa yang tidak wajar dilakukan ialah campur tangan ahli-ahli politik yang tidak sejajar dengan dasar parti pemerintah, dan sebaliknya menggunakan kesempatan yang ada pada kedudukan ahli politik itu untuk faedah diri dan keluarganya.

Ahli politik dan pentadbir umumnya mempunyai latarbelakang kerjaya yang berbeza, tetapi mempunyai nilai, kekuatan dan kepentingan yang sama. Ahli politik dilantik berdasarkan kemenangan di dalam pilihanraya dan mempunyai tempoh khidmat tertentu, kecuali jika menang semula di dalam pilihanraya.

Sementara ahli pentadbir pula dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang mempunyai tempoh perkhidmatan yang lama. Tugas mereka adalah stabil dan berbentuk "regulative". Kedudukan mereka tidak mudah tergugat dan tidak boleh diberhentikan kecuali terlibat dengan kes-kes rasuah dan jenayah. Bagi masyarakat Melayu, jawatan-jawatan dalam pentadbiran awam adalah sangat tinggi nilai, bahkan sebelumnya dianggap sebagai elit masyarakat kerana jawatan-jawatan itu adalah warisan penjajah.

Demikianlah tingginya kedudukan anggota perkhidmatan awam. Oleh yang demikian, kedudukan dan penilaian tinggi masyarakat terhadap perkhidmatan awam perlu dikekalkan. Untuk mengekalkannya kita tidak boleh hanya bergantung kepada keagungannya yang lepas, melainkan berusaha untuk meningkatkan lagi kedudukannya pada hari ini. Keagungan yang lalu boleh pupus, sekiranya kita gagal menunjukkan prestasi dan kecemerlangan hari ini. Masyarakat amat mengharapkan anggota pentadbir, bukan hanya sekadar sebagai kakitangan kerajaan, tetapi memberi berbagai-bagai sumbangan lain terhadap masyarakat. Tuan-tuan mampu menjadi pemimpin dalam masyarakat, bahkan sudah ramai daripada kalangan pentadbir yang diterima sebagai pemimpin di dalam masyarakat. Di samping itu, perkhidmatan awam perlu kepada reformasinya, dalam usaha meningkatkan mutu dan kedudukannya, bersesuaian dengan kehendak zaman dan tuntutan masyarakat hari ini yang lebih kritikal. Sebarang kelemahan akan dijadikan ukuran dan nilai oleh rakyat. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, suara majoriti rakyat boleh menentukan keputusan kalah atau menang. Tentunya kita tidak mahu, dengan sebab penilaian itu, maka kerajaan yang memerintah menerima risikonya. Ada pihak yang sengaja menghapuskan persefahaman dan kerjasama kerajaan dengan anggota perkhidmatan awam, hingga melemahkan pentadbiran kerajaan.

Ketika sefahaman itu menimbulkan berbagai-bagai masalah dan membuatkan perkhidmatan awam menjadi lemah. Yang menjadi mangsanya adalah rakyat. Sesungguhnya kita bernasib baik kerana terselamat daripada angkara tersebut.

Sesungguhnya politik dan pentadbiran tidak dapat dipisahkan sama sekali, terutama dari segi matlamat. Kedua pihak, ahli politik dan pentadbir mempunyai matlamat yang sama. Apa yang berlainannya ialah dari segi cara-cara. Politik



mengutamakan kuasa dan dasar sementara ahli-ahli pentadbir mengutamakan pelaksanaan keputusan politik tersebut. Bagaimanapun bukanlah bermakna pentadbir awam tidak terlibat langsung dalam pembentukan dasar kerajaan, malah pentadbir kadang-kadang mempunyai pengaruh yang besar dalam pembentukan dasar kerajaan, sama ada di peringkat pusat atau negeri.

Mereka tidak boleh mengatakan secara mutlak bahawa mereka bersifat neutral, terutama dalam menghadapi dasar-dasar kerajaan, sebaliknya pentadbir juga adalah anggota yang bertanggungjawab membuat dasar-dasar kerajaan.

Untuk mewujudkan perkhidmatan awam yang cemerlang, nilai-nilai murni mestilah terus diamalkan. Nilai-nilai murni yang dimaksudkan ialah, amanah, benar, bijak, dedikasi berdisiplin, dan berterus-terang.

- Amanah, ertinya menunaikan tugas dan tanggungjawab dengan sempurna dan tidak mengkhianati kepercayaan dan tugas yang diberikan.
- Benar, ertinya tidak berbohong, tidak berdusta dan tidak melakukan penipuan.
- Bijak, dapat menjalankan tugas dengan berkesan, berwibawa dan mampu menyumbang idea ke arah mencapai matlamatnya.
- Dedikasi, ertinya menjalankan tugas dengan bersungguh-sungguh dan mematuhi segala disiplin yang telah digariskan.

- Terus-terang, ertinya tidak berselindung atau menyembunyikan sesuatu sekalipun pahit.

Nilai-nilai murni yang disebutkan di sini adalah sifat-sifat mulia yang seharusnya ada pada hamba Allah.

Seorang penyair terkenal dari Mesir pernah berkata dalam syairnya:

**Maksudnya:** *"Hanya kekal sesuatu umat itu selama kekalnya akhlak mereka, sekiranya lenyap akhlak mereka, maka lenyaplah umat itu."*

Oleh itu, nilai-nilai murni dan luhur itu perlulah diterap dan diasuh supaya para pegawai dan kakitangan kerajaan beramanah dan berakhlak, bersesuaian dengan dasar penerapan nilai-nilai Islam, yang telah kita bentuk. Sebagai jentera pentadbir dan orang kepercayaan yang dihormati, orang pengantaraan dan tumpuan rakyat, sudah sewajarnya anggota pentadbir menghiasi diri mereka dengan nilai-nilai tersebut. Orang-orang berpengetahuan tinggi dan berpengalaman luas, tetapi tidak beramanah dan tidak berakhlak, dan merugikan negara. Orang-orang yang tidak berakhlak dan kurang beriman kepada Allah akan melakukan apa sahaja kesempatan yang membolehkannya mengaut keuntungan untuk dirinya, kerana mereka memandang kebahagiaan hidup itu wang ringgit dan kepuasan hati, tanpa mengira keredhaan Allah dan keredhaan manusia.

Sesungguhnya jasa dan pengorbanan itu akan kekal di hati rakyat dan menjadi kenangan abadi kepada semua, walaupun kadang-kadang, apa yang kita usahakan hari ini, adalah untuk masa hadapan yang belum kita saksikan nikmat

dan faedahnya. Walaupun seringkali kita berhadapan dengan berbagai fitnah dan tuduhan-tuduhan yang jauh dari hasrat dan tujuan kita, berikutan tafsiran-tafsiran serong pihak tertentu terhadap apa yang kita lakukan, tetapi kita tetap yakini kebenaran dan hasrat murni kita. Anggaplah segala itu sebagai cabaran dan "fatamorgana" atau sesuatu yang tidak akan kekal: akhirnya akan terlihatlah kebenarannya.

*(Ucapan pada upacara perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pegawai-pegawai Tadbir Negeri Terengganu di Dewan Teater Wisma Darul Iman pada 6 Disember 1990).*

## UMNO TERAS BARISAN NASIONAL

Saya difahamkan, bahawa Kursus Pentadbiran dan Penerangan UMNO ini akan dilancarkan juga diseluruh negari berperingkat-peringkat sehinggalah meliputi ketujuh-tujuh buah bahagian UMNO di negeri ini. Dengan berjalannya pelancaran kursus itu, akan melibatkan seramai 3,690 orang ahli jawatankuasa di peringkat cawangan-cawangan. Yang mana tiap-tiap cawangan dikehendaki menghantar 9 orang ahli jawatankuasanya yang terdiri daripada Ketua, Naib Ketua, Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan, Ketua Pemuda dan Penolong Setiausahanya, Ketua Wanita dan Penolong Setiausahanya.

Walaupun kursus ini nanti hanya memakan masa satu hari sahaja, tetapi adalah dipercayai ia akan benar-benar memberi manfaat dan kebaikan yang bermakna kepada pucuk pentadbiran UMNO di peringkat cawangan-cawangan. Dan antara lain tujuan kursus ini diadakan ialah:-

i. Untuk memberi penerangan politik kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan mengenai perkara-perkara yang menjadi isu dalam pergolakan politik tanah air sekarang.

ii. Kursus ini juga memberi pengetahuan tentang cara-cara mengendalikan pentadbiran UMNO termasuk mengendalikan mesyuarat agung, mesyuarat jawatankuasa dan menyiapkan minit-minit mesyuaratnya masing-masing.

iii. Disamping itu ianya juga boleh memberi pengetahuan tentang cara-cara menyediakan Penyata Kemajuan dan Neraca Kewangan sebagaimana yang dikehendaki oleh Pendaftar Pertubuhan.

iv. Kerja-kerja Merancang aktiviti-aktiviti di peringkat cawangan-cawangan juga akan dititik-beratkan di dalam kursus ini.

Dengan adanya penyusunan yang rapi itu, adalah dipercayai Kursus Pentadbiran dan Penerangan ini akan dapat memberi nafas dan semangat baru kepada ahli-ahli jawatankuasa cawangan yang berjumlah 410 buah cawangan di seluruh negeri Terengganu. Dan untuk mengendalikan kesemua kursus-kursus tersebut akan memakan perbelanjaan yang besar, iaitu dianggarkan berjumlah hampir RM10,000.00. Ini tidak termasuk lain-lain perbelanjaan yang harus dikeluarkan oleh Cawangan UMNO. Perhubungan cuma menyediakan makan minum sahaja disepanjang kursus itu berjalan. Lantaran itulah, maka pusat-pusat kursus terpaksa dibuat berhampiran dengan cawangan-cawangan, untuk mengelakkan daripada perbelanjaan tambang-menambang yang banyak. Sehingga ini terdapat 38 buah pusat kursus yang telah ditetapkan, iaitu 3 di bahagian Kuala Terengganu, 6 di Bahagian Kuala Nerus, 6 di bahagian Ulu Nerus, 6 di Bahagian Besut, 8 di Bahagian Ulu Terengganu, 5 di Bahagian Dungun dan 4 di Bahagian Kemaman.

Langkah mengadakan kursus seumpama ini adalah amat kena pada masa dan ketikanya, kerana kita hendaklah memperkemaskan diri terlebih dahulu, baik dari peringkat cawangan, bahagian mahupun peringkat perhubungan. Apabila semua jentera parti teguh, terutama UMNO yang menjadi teras Barisan Nasional, maka dapatlah kita menghadapi sebarang cabaran dan dugaan terutama dalam menghadapi tahun baru 1976. Kita mesti bersedia menghadapi sebarang

kemungkinan terutama terhadap keselamatan dan kesucian negara kita yang tercinta ini. Kita hendaklah bersedia menghadapi sebarang ancaman daripada Komunis dan gerakan anti-nasional daripada bertapak dan bermaharaja-lela di negara ini. Kerana kita sedar, bahawa seluruh rakyat mahukan keamanan dan kesejahteraan. Dari situasi aman dan sejahtera itulah seluruh jentera kerajaan akan dapat bergerak menuju matalamat Dasar Ekonomi Baru, iaitu ke arah sebuah masyarakat adil sebagaimana yang dicita-citakan selama ini.

Untuk mencapai sebuah masyarakat adil yang tersebut, sudah pasti kita akan menempuh berbagai-bagai halangan dan rintangan serta cabaran-cabaran dari pihak-pihak tertentu. Pihak-pihak tertentu yang dimaksudkan itu, bukan sahaja dari luar, tetapi yang lebih merbahaya sekali ialah dari golongan kita sendiri yang diibaratkan sebagai 'Musuh di dalam selimut'. Dalam majlis ini suka saya berterus-terang kepada ahli-ahli UMNO sendiri, bahawa kita mestilah berhati-hati dari sekarang mengikuti jejak-langkah mereka yang tidak bertanggungjawab itu daripada berlagak untuk mengabui mata kita semua. Selaku ketua kerajaan negeri ini, saya telah dapati sekarang telah ada seorang dua ahli-ahli kita yang kononnya berlagak sebagai orang kuat UMNO, berlagak sebagai orang penting dalam UMNO, tetapi mencaci-caci kerajaan dan juga mencaci-caci saya di belakang mata, akibat tidak mendapat sesuatu yang dipohonkannya untuk kepentingan dirinya. Saya sungguh hairan, terutama apabila mengenangkan orang itu seorang yang kuat beragama, tetapi sanggup melakukan sesuatu yang terkutuk bukan sahaja oleh parti kita tetapi juga oleh Allah s.w.t. sendiri.

Saya cuba mengeluarkan perasaan hati, bukanlah semata-mata gentar dengan apa yang telah dilakukan oleh orang-orang seupama itu, tetapi adalah untuk memberi ingatan dan amaran kepada mereka bahawa saya tidak akan berganjak daripada apa yang saya dan rakan-rakan saya dalam kerajaan amalkan, sepanjang pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional.

Kita tidak akan tunduk dengan sebarang ugutan dan desakan yang berlawanan dengan prinsip parti, kerana kita diamanahkan oleh rakyat supaya mengendalikan pemerintahan negeri ini, bagi mendapatkan pembahagian kekayaan negeri seimbang di antara satu sama lain. Walaupun demikian, saya tidak nafi bahawa sudah pasti ada sedikit sebanyak kesilapan di sepanjang saya mengendalikan kerajaan, tetapi kesilapan-kesilapan tersebut jika diberitahu dengan jujur dan ikhlas, akan dapat kita perbetulkan seberapa segera yang boleh. Oleh itu terletak di atas bahu tuan-tuan dan puan-puanlah untuk mengawasi segala jejak-langkah penyelewengan yang telah dan akan berlaku terhadap jentera pentadbiran negeri kita. Saya dengan penuh sukacita akan menerima segala syor-syor dan pandangan ikhlas dari tuan-tuan dan puan-puan demi kebaikan dan kebajikan seluruh rakyat. Tetapi hendaklah diingatkan bahawa sebagai pemerintah, sesuatu pandangan dan syor-syor itu hendaklah menitik-beratkan keseluruhan golongan atau kaum yang tinggal di negeri ini, bukan menitik beratkan segolongan yang kecil, tetapi menjejaskan golongan yang ramai.

Di samping pembersihan di dalam parti, maka janganlah lupa akan gerakan-gerakan anti-nasional yang cuba meresap masuk ke dalam gerakan parti dan masyarakat kita di kampung-kampung. Dengan adanya gerakan tersebut, akan memberikan kesan yang buruk terhadap perkembangan ekonomi, sosial dan politik megara kita. Misalnya apa yang berlaku di New Zealand dan Australia pada masa lawatan YAB Tun Perdana Menteri baru-baru ini, apabila terdapat beberapa puluh orang sahaja penuntut Malaysia kita yang menunjukkan perasaan, tetapi aplikasinya agak berkesan di pihak lawan atau musuh kita. Pihak musuh telah memperbesar-besarkan berita tersebut, pada hal daripada apa yang sebenar, penuntut kita di New Zealand sekarang lebih daripada 2,000 orang dan di Australia lebih daripada 6,000 orang. Ini bermakna hanya segelintir sahaja yang terlibat dan ini boleh berlaku dengan adanya

anasir-anasir anti-nasional sebagaimana yang saya katakan itu. Oleh itu satu tindakan tegas telah diambil oleh kerajaan pusat, bagi memastikan bahawa perkara seumpama itu tidak akan berulang lagi.

Satu lagi penyakit masyarakat yang patut kita fikirkan bersama, ialah tentang meluasnya pengedaran dan penyalahgunaan dadah di kalangan belia-belia kita. Keadaan tersebut bertambah merbahaya, terutama di Daerah Temerluh, Pahang, di mana kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Ketua Polis Daerah tersebut dalam Utusan Malaysia keluaran 10hb. November yang lalu menyatakan hampir 40% daripada belia Temerluh terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Kenyataan tersebut sungguh-sungguh mencemaskan seluruh golongan masyarakat kita yang inginkan keamanan dan kesejahteraan. Oleh itu dengan adanya penyusunan semula jentera parti melalui kursus-kursus di peringkat cawangan dan bahagian ini, akan dapatlah kita bergerak dengan lebih berkesan dan meluas lagi, bukan sahaja terhadap pergerakan parti, tetapi juga untuk membentaras penyakit-penyakit masyarakat sebagaimana yang saya katakan itu.

Selain anggota parti, kita janganlah membiarkan penyakit dadah itu daripada terus bermaharaja-lela di kalangan masyarakat muda-mudi kita, kerana jika kemaraan tersebut tidak dapat dipertahankan, maka seluruh masyarakat kita akan sama-sama menerima akibatnya. Kita khuatir, bahawa dengan adanya tektik pengedaran dadah itu, pihak Komunis akan dapat menguasai negara kita, kerana di masa itu kita ketiadaan apa yang dikatakan 'pemuda harapan bangsa dan pemudi tiang negara'. Apa yang ada hanya pemuda dan pemudi yang ketagihan dadah, yang tak peduli apapun akan terjadi kepada negara, asalkan mereka dapat berkhayal dengan dadahnya. Jika itu terjadi, gambarkanlah tuan-tuan dan puan-puan, bagaimanakah untung nasib generasi kita yang akan



datang, renunglah dan gambarkanlah peristiwa pahit itu sekarang, sebelum kita terlambat. Dan gambarkanlah, bagaimanakah maki-hamun dan sumpah-sumpahan generasi kita itu, kerana penderitaan mereka adalah tidak lain dan tidak bukan hasil daripada kecuaiian dan perbalahan, dengki-mendengki kita sesama sendiri. Oleh itu sebelum terlambat, marilah kita perangi habis-habisan penyakit dadah dan gerakan anti-nasional itu dari sekarang. Usah dihiraukan perselisihan kita semasa sendiri, apa yang penting bagi kita semua ialah menghadapi musuh mendatang, dan lepas itu baharulah dapat dibuat perhitungan.

Salah satu usaha yang boleh dijalankan oleh ahli-ahli parti, ialah dengan memberikan kerjasama yang sungguh-sungguh kepada Jawatankuasa Kerja Mencegah Dan Penyalahgunaan Dadah Negeri Trengganu, yang telah mengatur beberapa strategi untuk menyedarkan masyarakat tentang bahaya-bahaya penyalah-gunaan dadah. Di samping itu, ibubapa bolehlah mengawasi anak-anak muda mereka daripada bergaul bebas dengan pemuda-pemuda yang disyaki terlibat dengan dadah atau dengan perbuatan-perbuatan yang berlawanan dengan prinsip Rukun Negara kita.

Dengan adanya kerjasama dan perasaan tanggungjawab dari ahli-ahli parti, maka sudah pasti kita akan dapat menegakkan keadilan dan kesejahteraan rakyat. Kerajaan negeri juga sedar, bahawa pembangunan-pembangunan yang akan dijalankan oleh kerajaan menjelang tahun 1976 nanti, hendaklah yang benar-benar boleh memberi manfaat kepada rakyat yang berpendapatan rendah, terutama bagi mendapatkan rumah-rumah murah dan meninggikan lagi taraf-hidup mereka dari satu peringkat ke satu peringkat yang lebih baik. Saya menaruh keyakinan yang besar, bahawa kerajaan boleh menjalankan itu semua, selagi semua pihak bersikap adil, dan sentiasa memberikan pandangan yang jujur.

Kerajaan juga sedar, bahawa keadaan pengangguran telah bertambah dari setahun demi setahun, kerana kurangnya peluang-peluang pekerjaan yang dapat disediakan. Keadaan kekurangan tersebut akan dapat diringankan, sekiranya semua agensi ekonomi yang diwujudkan oleh kerajaan negeri mendapat kejayaan sepenuhnya. Apa yang berlaku pada masa ini, ialah kita sentiasa memikirkan langkah-langkah yang perlu bagi mengubah-suaikan anak-anak syarikat di bawah Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Trengganu (SEDC), yang sentiasa mengalami kerugian. Namun demikian, ini sudah pasti akan memakan masa dan perbelanjaan yang bukan sedikit, tetapi adalah diharapkan pada masa-masa yang akan datang agensi-agensi tersebut akan dapat menampung sebahagian daripada pengangguran sebagaimana yang disebutkan tadi.

Saya juga amat berpuas-hati dengan perubahan cukai bagi tahun 1976 yang telah disyorkan oleh YAB. Timbalan Perdana Menteri Datuk Husain Onn, di Dewan Rakyat baharu-baharu ini. Cukai-cukai telah ditentukan kepada buah-buahan import, jam, permata, minyak-wangi, peti ais, mesin-mesin membasuh, kereta motor, motosikal, alat-alat muzik dan perakam-suara. Tindakan itu adalah paling adil mengikut YAB. Timbalan Perdana Menteri, kerana mengikutnya 'Tujuan sesuatu dasar cukai, bukanlah sahaja untuk memberi hasil yang cukup kepada kerajaan, tetapi juga untuk mencapai pembahagian pendapatan yang lebih seimbang yang merupakan satu daripada matalamat-matalamat Dasar Ekonomi Baru'. Dengan jelas menunjukkan, bahawa kerajaan sentiasa memikirkan tentang nasib rakyat yang berpendapatan rendah dengan tidak mengenenpikan golongan yang berada.

Buat mengakhiri ucapan saya, maka sekali lagi saya berseru tuan-tuan dan puan-puan sekalian, supaya marilah kita sama-sama berkhidmat dengan jujur dan

bertanggungjawab terhadap negara, agama dan bangsa kita Malaysia.

*(Ucapan pada Pelancaran Kursus Pentadbiran Dan Penerangan UMNO Negeri Terengganu pada 15.11.1975).*

## **SEMANGAT PERJUANGAN MELALUI UMNO**

Saya juga dengan sukacita mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada pihak pentadbiran UMNO Bahagian ini yang telah berjaya mengadakan Persidangan Perwakilan Tahunannya sebagai salah satu tugas menunaikan tuntutan perlembagaan parti. Sambil itu dengan perasaan tulus dan ikhlas, saya merakamkan penghargaan yang tinggi kepada para pemimpin Bahagian ini kerana masing-masing telah membuktikan semangat perjuangan politik yang sangat tinggi, kerana saya difahamkan tokoh-tokoh pemimpin Bahagian ini telah merelakan untuk masing-masing melepas dan menerima jawatan sebagai satu proses persefahaman melicinkan lagi kepimpinan dan pentadbiran UMNO Bahagian Dungun ini.

Sesungguhnya semangat toleransi seperti yang ditunjukkan itu patut dipuji dan dijadikan contoh yang bermakna kepada para pemimpin pelapis, kerana perebutan satu-satu jawatan akan menjadi tidak bermakna lagi kalau ianya lebih banyak membawa keburukan dari kebaikan yang dicari selama ini. Walaupun UMNO merupakan sebuah parti politik demokrasi, tetapi ada ketikanya demokrasi itu menjadi seolah-olah kurang bermakna kalau ianya silap digunakan pada tempatnya yang tidak wajar. Oleh itu, para pemimpin UMNO Bahagian Dungun saya kira telah membuat penilaian yang tepat dalam menghuraikan proses demokrasi itu sendiri mengikut keadaan masa dan tempat.

Kita harus sedar, bahawa dalam perjuangan adalah sama penting sama ada ianya seorang general, seorang panglima ataupun ianya seorang prebet biasa. Pangkat dan kedudukan bukan sebagai ukuran kepada kemampuan seseorang itu, kerana penilaian yang sebenar adalah bentuk dan semangat perjuangan itu sendiri, yang lebih penting kita hendaklah menyusun sebuah barisan yang kuat dan padu serta tujuan dan cita-cita. Kita juga harus sedar bahawa tidak ada jalan singkat untuk mencapai objektif perjuangan lebih-lebih lagi dalam bentuk perjuangan politik.

Sejarah telah menceritakan kepada kita, bahawa politik merupakan satu perjuangan yang tiada akhirnya selagi manusia masih wujud di dunia ini. Semakin kuat dan besar pengaruh sesebuah parti politik itu, semakin banyak cabaran dan rintangan yang pasti dihadapi. Tetapi sama ada kita seorang pemimpin atau pun sebagai seorang ahli, kita tidak perlu gentar atau tawar hati dalam perjuangan selagi kita yakin bahawa matlamat perjuangan kita tetap suci murni dan dalam keredhaan Allah demi untuk kepentingan agama, bangsa dan negara kita yang tercinta. Melalui kesedaran politik yang mendalam dan tulin, saya yakin tiap-tiap seorang dari kita akan terus mara ke hadapan walau dalam apa keadaan dan rentak sekali pun.

Menilai dan meneliti dari suasana yang ditunjukkan oleh Bahagian ini, saya yakin semangat itu telah sedia berkembang subur dalam penuh kesedaran para pemimpin Bahagian ini. Saya merasa amat bertuah dan bangga sekali dengan semangat yang ditunjukkan ini kerana kita mempunyai tugas yang lebih besar untuk berdepan dengan cabaran demi cabaran dari musuh-musuh parti kita. Sebenarnya, segala kekuatan kita hendaklah kita gunakan untuk menentang mereka dan tidak untuk mengadu-dumba sesama sendiri seperti yang pernah berlaku di setengah-setengah tempat menyebabkan kita sendiri yang kecewa.

Sebab itulah saya katakan tadi, kita mesti bekerja, berfikir dan bertindak sebagai sebuah pasukan untuk berdepan dengan lawan. Sebuah pasukan bola misalnya tidak akan mencapai mutu permainan yang tinggi dan pasti gagal menghadapi lawan kalau terdapat mana-mana pemain dalam pasukan itu lemah, tidak aktif, kurang semangat atau tidak bersefahaman antara satu sama lain dan melalui kelemahan-kelemahan itu akan lebih mudah ditewaskan.

Saya menyebut masalah ini memandangkan suasana politik di negeri Terengganu semakin bercelaru dan tidak tenteram akibat tindak-tanduk parti PAS yang cuba menimbulkan isu sensitif yang boleh membawa perpecahan di kalangan umat Islam negeri ini. Kita sama sekali tidak gentar dengan telatah dan perbuatan mereka, tetapi UMNO merasa kecewa dengan sikap seperti itu yang menunjukkan satu perjuangan di luar dari garisan sempadan yang diredhai Allah.

Sebagai contoh, Islam menyeru umatnya supaya bersatu-padu tetapi mereka berusaha memecahkan ikatan perpaduan itu melalui berbagai fitnah termasuk isu kafir-mengkafir hingga menimbulkan perpecahan yang amat serius di setengah-setengah tempat di negeri ini. Islam mengajar umatnya supaya mengelakkan perceraian suami-isteri kerana akibatnya amat buruk, tetapi mereka berani mencabar hakikat itu menyebabkan lebih 200 pasangan suami-isteri bercerai-berai di daerah Besut sejak 1979 mengakibatkan beribu-ribu anak-anak tidak berdosa menderita kerana mangsa fahaman politik yang ditanam oleh mereka. Ini tidak termasuk lebih 200 pasangan lain diakad nikah semula oleh imam-imam PAS dalam tempoh yang sama. Kemudian apabila kerajaan menyediakan bantuan makanan untuk kanak-kanak di sekolah, orang-orang PAS menghasut anak-anak mereka supaya membuang makanan itu kerana kononnya haram untuk dimakan oleh orang Islam. Begitulah cara mereka meracuni

jiwa dan perasaan anak-anak mentah itu supaya membenci kerajaan.

Mereka juga sanggup mendirikan sembahyang Jumaat berasingan khusus untuk kumpulan mereka dalam sebuah masjid, mereka mendirikan sembahyang Jumaat dan bersembahyang jumaah di kelab-kelab yang mereka diri, malah berbagai isu perpecahan yang cuba mereka lakukan bagi menimbulkan permusuhan sesama sendiri. Kita tidak gentar dengan perbuatan mereka kerana kita tahu mereka adalah silap, kerana kita sedar mereka telah tidak menjalankan ajaran Islam dengan betul kerana itu kita kasihan kepada mereka yang terpedaya dengan ajaran pemimpin-pemimpin parti berkenaan. Kalau kita renungkan dengan lebih mendalam, seolah-olah mereka sendiri yang mewujudkan peraturan-peraturan dalam Islam bukan seperti yang telah ditentukan oleh Al-Quran dan Hadith. Oleh itu seolah-olah sebarang amal ibadat yang mereka lakukan itu adalah semata-mata untuk parti mereka, atau kerana parti yang mereka anuti.

Saya penuh yakin bahawa setiap sesuatu yang tidak betul lambat laung akan tercium baunya yang busuk dan bukti ini semakin nyata kepada kita apabila Yang DiPertua Agung PAS, YB. Dato' Haji Mohd. Asri sendiri dalam kenyataannya kelmarin menyatakan sokongan beliau terhadap sebarang tindakan polis bagi menyelesaikan perpecahan Umat Islam di Terengganu. Harapan Dato' Asri itu adalah jelas kepada kita, bahawa apa yang dilakukan oleh setengah-setengah pemimpin PAS di Terengganu sebenarnya adalah lahir dari fikiran mereka sendiri dengan membelakangkan matlamat parti mereka. Jelas dan nyata juga kepada kita, bahawa PAS Terengganu sebenarnya tidak mematuhi ketua mereka sendiri dan melakukan sesuatu dengan mengikut nafsu politik mereka walaupun bercanggah dengan perlembagaan parti dan arahan ketua.

Dari keadaan ini rakyat boleh berfikir, apakah akan terjadi kepada rakyat negeri ini kalau pemimpin-pemimpinnya tidak lagi menghormati pucuk pimpinan mereka, kalau mereka tidak mengikuti kehendak parti sendiri. Adalah jelas kepada kita, bahawa apa yang mereka lakukan adalah berdasarkan kepada parti sendiri, cuma mereka gunakan PAS untuk berlindung di bawah bendera sebuah parti politik. Kalau begitulah keadaannya, di manakah letaknya prinsip perjuangan para pengikut yang telah mereka racuni jiwa, perasaan dan fikiran mereka yang suci murni itu.

Keadaan ini amat perlu direnung, dianalisa dan diperhatikan oleh para pemimpin serta ahli-ahli UMNO negeri ini dan atas segala kekuatan kita, kita akan hadapi mereka untuk kita tegakkan kebenaran di bumi bertuah ini. UMNO tidak pernah rela adanya golongan yang cuba meracuni Umat Islam negeri ini dengan percubaan-percubaan yang amat mengelirukan sekali hingga boleh membangkitkan keadaan tidak harmoni serta permusuhan sesama sendiri. Kita perlu bertanya kepada pemimpin-pemimpin PAS, siapakah yang akan menanggung keuntungan hasil dari perkelahian sesama kita. Saya percaya PAS tidak akan mendapat sebarang untung kecuali beberapa kerat sahaja. Saya harap hakikat ini perlu disedari dengan mendalam oleh semua mereka yang terlibat.

UMNO sentiasa menyeru kepada perpaduan, kepada semangat keislaman sejati kerana kita yakin dan percaya hanya melalui perpaduan sahajalah kita akan wujud sebagai sebuah bangsa yang kuat serta disegani oleh dunia, sebaliknya kalau kita lemah kerana perpecahan demi perpecahan akhirnya kita akan hidup sebagai satu bangsa yang hina dan tidak dihormati oleh sesiapa sebaliknya generasi kita akan mengutuk kita suatu hari nanti.

Saya tidak menuntut apa-apa dari PAS selain dari perpaduan Umat Islam, kerana ini adalah ajaran Islam yang



sebenar. Saya juga tidak merayu atau berharap daripada PAS cuma mahu mereka menyedari hakikat perjuangan mereka sebenarnya adalah tersilap dan perlu kembali ke pangkal jalan untuk muncul sebagai sebuah parti pembangkang yang sihat yang boleh memberi faedah dan manfaat kepada rakyat dan negeri ini. Sebagai sebuah negara demokrasi kita mengalu-alukan kemunculan parti-parti pembangkang, tetapi bukan seperti Parti PAS di Terengganu sekarang.

Sesungguhnya saya yakin tidak ada orang UMNO yang tidak ingin melihat syiar Islam berkembang subur di negeri ini kerana itulah kita telah lakukan dengan seberapa daya dan upaya yang ada pada kita untuk berjalan menuju kematlamat itu melalui berbagai kegiatan termasuk penubuhan Bank Islam dan Universiti Islam Antarabangsa.

Dalam zaman pembangunan hari ini, Umat Islam sepatutnya mempunyai kesedaran yang cukup mendalam untuk menebus kemunduran mereka melalui perpaduan yang kukuh. Kita harus insaf betapa azab sengsara rakyat Palestin dan Lebanon akibat kurangnya perpaduan umat Islam di Timur Tengah sehingga dengan mudah sahaja bangsa Israel yang hanya 2.5 juta itu menghancurkan negara Lebanon yang indah dan makmur itu. Sepatutnya contoh yang berlaku itu menjadi perbandingan yang jelas kepada kita dan bukan sebaliknya untuk menggalakkan benih-benih perpecahan seperti saya sebutkan tadi.

Kita juga harus sedar Terengganu hari ini sedang melalui era pembangunan yang begitu pesat sekali. Pembangunan yang sedang dibawa ke negeri ini akan mengubah peta negeri Terengganu dari sebuah negeri termundur di Semenanjung kepada sebuah negeri pertanian dan perindustrian yang berpotensi. Segala-gala ini memerlukan kekuatan kita untuk menguasai kegiatan itu supaya rakyat negeri ini tidak akan menjadi nasib Pak Kadok, "Menang sorak, kampung tergadai".

Arus pembangunan di Terengganu sekarang sudah tidak dapat dibendung lagi, seolah-olah seperti kemaraan air pasang dengan adanya sumber hasil petroleum, di perut laut negeri ini. Dalam hubungan ini rakyat harus mencari usaha bagaimana peluang-peluang pembangunan itu dapat kita miliki bersama, dan pendedahan ini perlu dilakukan oleh para pemimpin UMNO dengan cara berkesan.

Rakyat hari ini boleh melihat sendiri, mereka boleh merasa dan menikmati sendiri pembangunan itu yang tumbuh di mana-mana, sama ada dalam bentuk pertanian atau perusahaan. Saya juga mendapat tahu, hasil perkembangan ini sudah semakin ramai kaum bumiputra negeri ini yang berpeluang menjadi pengusaha-pengusaha yang berjaya dan kemampuan, tetapi kerajaan masih jauh dari berpuas hati, sebaliknya terus menjalankan berbagai kegiatan supaya matlamat Dasar Ekonomi Baru akan dapat dicapai dalam tempoh yang ditetapkan.

Di samping itu Kerajaan hari ini berusaha dengan seberapa yang boleh mempraktikkan konsep Bersih, Cekap dan Amanah dalam pentadbirannya seperti yang diharapkan oleh pimpinan 2M. Kita tidak mahu slogan itu hanya sebagai penyedap telinga mendengar atau pemanis kata sahaja sedangkan hasilnya kosong. Walau bagaimanapun saya percaya pencapaian maksima konsep itu sukar diperolehi kalau kerajaan tidak mendapat kerjasama sepenuhnya dari semua pihak termasuk kakitangan kerajaan, anggota-anggota parti dan rakyat jelata.

Bagaimanapun segala hasil perjuangan kita tidak akan dapat dilihat dalam tempoh yang singkat, kerana sesuatu yang baik cahayanya agak lambat terserlah tetapi selagi kita mempunyai cita-cita dan hasrat ke arah itu, ia akan mencapai kejayaan dengan syarat kita terus menerus berjuang menuju ke arah tersebut, InsyaAllah.

Dalam hubungan konsep ini tidak terkecuali untuk diserapkan dalam pentadbiran UMNO, kerana hanya parti politik yang cekap bersih dan amanah sahajalah akan lebih berkemampuan membawa hasil yang baik kepada negara, bangsa dan agama, oleh itu konsep ini hendaklah sentiasa diamal dan hidupkan di mana sahaja kita berada atau dalam apa sahaja tugas yang diamanahkan kepada kita.

*(Ucapan Perasmian Persidangan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Dungun Kali ke 29 di Dewan Bandaran Dungun pada 7 Ogos 1982)*

## **KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN AWAM**

Saya mengalu-alukan Forum Ke arah Kecemerlangan Perkhidmatan Awam yang diadakan ini serta mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas undangan kepada saya bagi merasmikan forum ini. Saya juga mengucapkan selamat mengunjungi negeri Terengganu Darul Iman kepada pegawai-pegawai tadbir dari Kelantan, Kedah dan Johor dengan harapan gembira dan sejahtera sepanjang berada di negeri ini, di samping saling berkenal-kenalan dan bertukar-tukar fikiran di antara satu sama lain.

Kesudian para pegawai tadbir untuk sama-sama memikirkan tentang perkhidmatan awam yang mereka ceburi adalah suatu petanda yang baik, bahawa telah wujud suatu kesedaran di kalangan anggota-anggota perkhidmatan tentang tanggungjawab, fungsi dan kedudukan mereka dalam kerajaan dan negara. Tidak siapapun dapat menolak atau menafikan bahawa di negara yang mengamalkan sistem demokrasi, perkhidmatan awam adalah suatu bahagian yang penting dalam negara. Pentadbiran awam adalah merupakan sebuah organisasi dalam kerajaan yang mempunyai matlamat-matlamat perkhidmatan masyarakat umum atau rakyat. Apabila menyebut kerajaan ia sama sekali tidak boleh dipisahkan dengan rakyat. Sebarang usaha yang dilakukan oleh kerajaan termasuk perkhidmatan awam sebagai sebahagian dari organisasi kerajaan adalah untuk kepentingan rakyatnya, kerana sesebuah kerajaan itu wujud adalah di atas pilihan

rakyat. Rakyat berkehendakkan kerajaan yang mereka pilih itu menjalankan pemerintahan dan pentadbiran dengan cekap dan cemerlang serta mampu membawa kemajuan kepada rakyat. Untuk membawa kemajuan dan kecemerlangan itu berbagai-bagai dasar dibentuk dan dilaksanakan oleh kerajaan yang telah diberikan mandat oleh rakyat. Dalam hubungan ini, angkatan perkhidmatan awam adalah fungsi merealisasikan dasar-dasar tersebut dengan jaya dan cemerlang.

Sebagai pentadbir atau anggota perkhidmatan awam mereka mesti melaksanakan arahan-arahan berkaitan dasar kerajaan dan tidak boleh sama sekali engkar, kerana sudah termaktub di dalam perlembagaan bahawa anggota-anggota perkhidmatan awam mestilah menjalankan tugas, sebagaimana kehendak kerajaan yang telah dipilih oleh rakyat itu. Kecuali yang bertentangan dengan agama.

Namun begitu bukanlah bererti, pentadbir hanyalah golongan "yes man", tetapi mereka boleh memainkan peranan penting menjadi penasihat kepada kerajaan dalam melaksanakan sesuatu dasar kerana kalangan pentadbir yang berpengalaman, mempunyai kepakaran dan seumpamanya mampu menyumbangkan buah fikiran mereka dengan saluran-saluran tertentu. Bahkan, banyak kita dapati dasar kerajaan dibentuk hasil daripada pandangan, perbincangan dan kajian yang dibuat bersama-sama dengan anggota perkhidmatan awam. Ini merupakan suatu pengiktirafan kerajaan terhadap golongan yang melaksanakan dasar-dasar kerajaan itu. Oleh itu tidak mungkin, sebagai pegawai kerajaan kita terasa rendah diri apabila dikawal atau diganggu oleh pembuat dasar atau ahli politik yang mengawal sistem pentadbiran kerajaan seluruhnya. Adalah menjadi tanggungjawab eksekutif politik menentukan setiap polisi yang telah dibentuk dijalankan menurut keutamaan-keutamaan sebagaimana yang dikehendaki dan memerlukan kerjasama erat di antara satu sama lain.

Untuk mencapai kecemerlangan, sesebuah kerajaan yang diangkat oleh rakyat terpaksa mengharap organisasi pentadbiran awam yang cekap dan cemerlang, di samping kewibaaan eksekutif politik yang bertindak sebagai golongan yang dipilih oleh rakyat. Kemampuan perkhidmatan awam untuk memainkan peranan selaku jentera pelaksana dasar memerlukan perpaduan, bukan sahaja dengan eksekutif politik, malah perpaduan yang kental di kalangan pegawai dan kakitangan awam di semua peringkat. Pegawai-pegawai profesional perlu bekerjasama dengan para pentadbir. Begitu juga pegawai-pegawai di peringkat pentadbiran pusat perlu bekerjasama dan saling faham-memahami dengan pegawai-pegawai di peringkat kerajaan negeri. Hanya dengan perpaduan seperti ini jentera kerajaan akan menjadi kukuh dan mampu menghadapi cabaran dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diberikan oleh rakyat. Oleh itu, usaha-usaha ke arah perpaduan dan kerjasama yang dijalankan ini melalui sukan, forum dan sebagainya amatlah wajar dan perlu diteruskan dari semasa ke semasa.

Dalam masa negara sudah berada pada era kemajuan pesat dan sudah dikenali oleh seluruh pelusuk dunia, hasil dari dasar dan kecemerlangan Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, sudah tentu negara memerlukan corak perkhidmatan awam yang lebih sofistikated dan sesuai dengan era yang sedang kita tempohi kini. Segala unsur yang boleh melemahkan jentera perkhidmatan awam hendaklah diatasi. Anggaphlah segala apa yang dilakukan kerana keikhlasan dan rasa tanggungjawab terhadap bangsa dan negara. Segala perbuatan yang boleh menggagalkan usaha-usaha peningkatan dan memamatkan perkhidmatan awam di negara ini hendaklah dijauhi. Akhlak yang mulia hendak dihayati dalam setiap tindak-tanduk

supaya dalam setiap amalan kita sentiasa bersama-sama menghadapi hari depan yang makin mencabar dengan penuh yakin dan percaya bahawa kita sentiasa berada di pihak yang benar, kerana tuan-tuan dan puan-puan adalah sebahagian dari kerajaan tentulah tidak rela menghadapi tuduhan, hinaan dan berbagai kata-nusta dari golongan yang tidak bertanggungjawab terutama di saat hampir pilihanraya. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama esekutif politik dan pegawai-pegawai tadbir di bawahnya menerangkan perkara-perkara yang sebenar dan sekiranya ada di kalangan kita yang kurang mengetahui tentang sesuatu perkara hendaklah merujuk kepada pihak yang lebih mengetahui atas sebarang isu yang mungkin timbul.

Firman Allah bermaksud, 'Jika datang kepada kamu seorang fasiq membawa satu berita, dan selidikilah dahulu sejauh mana kebenaran berita itu supaya kamu tidak menimpakan satu-satu kaum dengan perkara-perkara yang tidak diingini yang menyebabkan kamu menyesali kemudian kelas atas apa yang kamu lakukan.

Kepada saya, sebagai Menteri Besar, saya bersedia menerima sesiapa, termasuk pegawai-pegawai yang ingin mengetahui sesuatu perkara yang diragui, supaya mendapat maklumat dan penjelasan sebenar.

Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang telah dapat berhimpun, termasuk pegawai-pegawai dari luar Terengganu bagi menjayakan forum ini, Saya berdoa kehadiran Allah s.w.t. agar kita semua terus diberikan hidayatnya dalam menjalankan tugas dan amanah yang diberikan oleh rakyat dengan cemerlang dan dijauhi sebarang perkara-perkara yang tidak diingini.

*(Ucapan pada Perasmian Forum Ke Arah  
Kecemerlangan Perkhidmatan Awam di Dewan Konvensyen  
Wisma Darul Iman pada 9 Jun 1990)*



## **MEMPERKUAT POLITIK BERTERASKAN MELAYU**

Apabila kita bercakap mengenai Politik Kebangsaan, maka perkara pertama yang terlintas di dalam pemikiran kita ialah negara, dan apabila kita bercakap tentang negara, maka tidak dapat tidak kita mestilah mengambil kira unsur-unsur penting yang membentuk negara iaitu kawasan geografi yang diiktiraf dan kumpulan manusia yang diiktiraf sebagai pemilik kawasan geografi itu. Demikian juga apabila kita membincangkan tentang arus politik, maka perhatian kita tertumpu kepada kegiatan-kegiatan kumpulan manusia yang hidup dalam negara itu bagi membentuk kepimpinan di dalam negara semenjak kumpulan manusia itu wujud dan bertamadun.

Bagi kita di Malaysia, perbincangan mengenai arus politik lebih berpusat kepada pembebasan daripada penjajahan dan kekuasaan politik Inggeris, lebih tegas perjuangan untuk mengembalikan kemerdekaan, kemudian diikuti perjuangan untuk mengisi kemerdekaan yang dicapai. Oleh itu perjuangan dalam episod-episod sejarah yang pernah berlaku sebelum itu kurang dijadikan tumpuan, hanya menjadi rujukan semata-mata. Adalah jelas, bahawa era kebangkitan politik rakyat sebelum Perang Dunia Kedua amat kurang dikenal-pasti walaupun mungkin ia telah wujud dan muncul dalam kelompok-kelompok kecil.

Dalam sejarah dunia moden, penjajahan berlaku sama ada secara langsung atau tidak langsung di semua negara umat

Islam di Asia Barat, di Afrika dan di Asia. Di situlah tempat yang kaya dengan bahan mentah untuk kepentingan manusia khususnya bahan galian seperti petroleum, gas, besi, emas dan lain-lain logam di samping bahan-bahan pertanian. Ada di antara negara-negara yang dijajah itu menderita akibat cengkaman penjajahan, kerana penjajah bersikap melampaui batas kemanusiaan. Sebagai contoh, penjajah Perancis menyentuh akar umbi asas masyarakat Algeria dengan menekankan keperluan bahasa Perancis kepada peribumi hingga kepada golongan petani dan rakyat bawahan.

Kesedaran kemerdekaan bagi negara-negara Islam sepanjang yang diketahui adalah bermula di Mesir. Ahli-ahli sejarah berpendapat, bahawa kesedaran ini timbul kerana gesaan supaya mencari jalan bagi membebaskan umat Islam daripada belenggu penjajahan. Tetapi semangat kemerdekaan yang menyala dalam tanah air kita ditiup oleh golongan berpendidikan Barat yang kemudiannya bergabung dengan tenaga berpendidikan agama termasuk guru-guru sekolah Melayu dan guru-guru agama. Inilah satu kekuatan yang wujud dalam semangat kemerdekaan kita, terutama sekali barisan pejuang yang menuntut kemerdekaan melalui UMNO. Dalam hubungan semangat kemerdekaan ini, kita tidak boleh ketepikan perjuangan tokoh-tokoh yang telah menjadi legenda sejarah seperti Dr. Ishak Haji Mohamad, Ibrahim Yaakub, Ahmad Boestaman, Dr. Burhanuddin Al-Helmy, Dato' Onn bin Jaafar diikuti barisan kedua terdiri daripada Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Abdul Razak, Tun Dr. Ismail, Dato' Panglima Bukit Gantang dan ramai lagi yang tidak dapat disebut satu persatu di sini.

Bagaimanapun, inspirasi perjuangan menuntut kemerdekaan negara ini sebenarnya banyak dicontohi dari negara jiran Indonesia, kerana ketika itu rakyat Indonesia dengan gagah bangkit menentang penjajah Belanda. Para

patriotik Indonesia menghadapi tenaga penjajah melalui gelombang pemberontakan yang mengorbankan darah dan nyawa. Dari jangkitan semangat ini, beberapa buah parti politik Melayu yang diwujudkan selepas Perang Dunia Kedua di negara ini seperti Parti Kebangsaan Melayu, Angkatan Pemuda Insaf (API), Angkatan Wanita Sedar (AWAS), Pusat Tenaga Rakyat (PUTRA) dianggap sebagai parti-parti politik Melayu bersikap militan dan berhaluan kiri. Sedangkan hakikat yang sebenarnya, Bangsa Melayu ketika itu menghadapi keadaan lebih sukar sekiranya perjuangan mendapatkan kemerdekaan rundingan.

Semangat kemerdekaan terus meluap di kalangan masyarakat Melayu dalam masa pemerintahan Jepun dan selepasnya ia timbul akibat kesan daripada penderitaan rakyat ketika berada dalam cengkaman kuku besi pemerintahan Jepun. Pengalaman itu sudah cukup membawa suatu kesedaran rakyat untuk hidup dalam sebuah negara merdeka. Penyiksaan dan kesangsaraan di zaman pemerintahan Jepun cukup jelas membawa kesedaran betapa hinanya suatu bangsa yang dijajah. Kehinaan itu mestilah ditebus melalui pembebasan dari ikatan penjajahan.

Selepas Jepun berundur dalam tempoh dua minggu sahaja sekali lagi Orang Melayu disiksa, dibunuh dan dipancung oleh Gerila Bintang Tiga yang sebelum itu memberontak menentang pemerintahan Jepun. Sekali lagi Orang Melayu merasakan maruah dan kehormatan mereka dipijak sehina-hinanya sehingga tiada daya dan upaya untuk mempertahankan kehormatan itu.

British yang kembali mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu berusaha memulihkan keadaan yang tidak tenteram. Dalam detik-detik peralihan itu dengan segera menubuhkan sebuah kerajaan sementara yang dikenali sebagai

Pentadbiran Tentera British atau BMA. Enam bulan kemudian Pentadbiran Tentera British dibubarkan, tetapi British menggantikan sistem kerajaan barunya yang dinamakan 'Malayan Union'. Melalui Malayan Union ini kerajaan British akan memberi peluang kepada penduduk Tanah Melayu mendapat kerakyatan dengan mudah. Malayan Union juga mencadangkan supaya semua warganegara mempunyai hak yang sama dan ini berbeza sama sekali ketika sebelum Perang Dunia Kedua di mana hanya Orang-orang Melayu sahaja mempunyai hak-hak istimewa sebagai peribumi negeri Tanah Melayu. Di bawah gagasan ini seorang Gabenor British akan menjadi Ketua Malayan Union dengan diberi kuasa yang luas, manakala Raja-raja Melayu hilang kuasa politik dan Orang Melayu sendiri tidak mempunyai apa-apa haknya walaupun merupakan tuan punya negara ini. Bilangan mereka akan jelas semakin kecil akibat luasnya peluang kerakyatan kepada penduduk negara ini.

Apabila rancangan British ini disedari oleh Orang Melayu, maka semangat menentang penjajah semakin meluap. Walaupun beberapa buah parti politik Melayu telah sedia ada ketika itu, tetapi dirasakan kurang berkemampuan untuk menghadapi rancangan British melaksanakan projek Malayan Union. Ketika inilah muncul intelek Melayu bernama Dato' Onn bin Jaafar mempelopori penubuhan sebuah parti baru yang dikenali sebagai Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau dalam Bahasa Inggerisnya United Malay National Organization (UMNO). Perjumpaan pertama bagi penubuhan parti UMNO ini berlaku pada awal bulan Mac 1946 dengan matlamat perjuangannya untuk Bangsa Melayu, Agama Islam dan Negara Tanah Melayu. Inilah sebuah parti Melayu yang pertama pernah diwujudkan dengan menjadikan Islam sebagai terasnya manakala kebangsaan Melayu sebagai pakaiannya. Ringkasnya UMNO merupakan parti politik Melayu tulen yang khusus memperjuangkan kepentingan

Bangsa Melayu, keagungan Islam dan kedaulatan negara. UMNO terus mendapat sambutan hangat daripada setiap lapisan masyarakat Melayu termasuk anggota-anggota yang sebelum ini menjadi pendokong kepada beberapa buah parti Melayu. Dengan gagah tetapi berhati-hati UMNO terus berjuang menentang gagasan Malayan Union. UMNO mempunyai caranya yang tersendiri dalam tindakan perjuangannya dengan mengelakkan diri daripada menjerumuskan rakyat ke arah pertempuran. Para pemimpin UMNO telah membuktikan kemampuan mereka menghadapi penjajah melalui rundingan. Hasil dari perpaduan Orang Melayu menentang Malayan Union, akhirnya gagasan itu dihapuskan dan digantikan dengan penubuhan Federation of Malaya pada bulan Februari 1948.

Itulah kejayaan yang amat besar hasil dari perjuangan UMNO. Dengan itu bermulalah suatu era baru bagi Orang Melayu dan Raja-raja Melayu untuk kembali menikmati semula hak-hak keistimewaannya. Bagaimanapun, negara masih lagi dijajah, dan kita masih juga menjadi anak-anak penjajah. Oleh itu UMNO sekaligus terus melancarkan perjuangannya ke arah kemerdekaan negara. Dengan kejayaan UMNO itu, kedudukan UMNO semakin kukuh, mendapat kepercayaan daripada hampir keseluruhan bangsa Melayu.

Bagaimanapun UMNO berpendapat perjuangannya menebus maruah bangsa dan keagungan Islam tidak akan berhasil selagi mereka menjadi hamba kepada penjajah Inggeris. Atas kesedaran inilah gerakan menuntut kemerdekaan semakin lantang dan padu. Cara dan budi bicara UMNO memperjuangkan kemerdekaan juga cukup cermat dan hati-hati kerana ia mempunyai falsafah seperti menarik rambut dan tepung (kuih), tepung tidak berkecai, rambut tidak putus.

Walaupun Dato' Onn keluar daripada UMNO pada

tahun 1951 setelah kecewa terhadap tentangan keras daripada ahli-ahli UMNO yang menolak cadangannya untuk membuka keahlian UMNO kepada orang bukan Melayu. UMNO tidak kehilangan pemimpin. Kekosongan yang ditinggalkan oleh Dato' Onn itu akhirnya dipenuhi oleh seorang putra diRaja Kedah bernama Tengku Abdul Rahman Putera Al-Haj. Di bawah pimpinan Tengkulah UMNO terus mara dalam usahanya menuntut kemerdekaan. Kemerdekaan negara diisytiharkan pada tanggal 31 Ogos 1957. Sekali lagi UMNO membawa suatu kejayaan yang tiada tandingnya iaitu perjuangan tanpa pertumpahan darah.

Setelah kita merdeka, setelah UMNO sebagai parti tunjang membebaskan negara, muncullah satu demi satu parti baru. Antaranya parti serpihan UMNO-PAS.

Hari ini telah wujud kalangan pemimpin parti politik PAS yang menjadikan Islam sebagai lambang perjuangannya dan menjadikan isu kebangsaan yang diperjuangkan oleh UMNO sebagai golongan yang terkeluar dari umat Islam. Pendapat yang menyeleweng ini sedikit sebanyak boleh mengelirukan umat Islam terutama kalangan yang kurang memahami maksud sebenar Assabiah itu. Golongan ini sering menjadikan dua potong hadith Rasulullah sebagai alat atau alasan membawa kekeliruan itu, iaitu:

Maksudnya hadith pertama: "Tidak ada Assabiah dalam Islam".

Manakala maksud hadith yang kedua pula: "Bukanlah daripada kami orang yang menyeru ke arah Assabiah itu".

Golongan yang saya maksudkan tadi cuba menyamakan Assabiah itu dengan kebangsaan, kerana itu mereka memberi pendapat tidak ada kebangsaan dalam Islam, lalu melebelkan

kepada pejuang-pejuang kebangsaan sebagai pejuang Assabiah. Sebenarnya kalimah Assabiah ini diambil dari kata "taasub" atau fanatik dalam Bahasa Inggeris. Terlalu mengagung dan memuliakan puak sendiri sambil menolak dan menghina puak yang lain. Merasakan puaknya lebih mulia dan suci dari puak yang lain. Terlalu mementingkan puaknya sendiri sambil menafikan hak orang lain menyebabkan timbulnya fahaman berkelas sehingga tidak diboleh bersemenda antara puaknya dengan puak yang lain. Ertinya Assabiah itu adalah rasa kedaerahan yang sempit, rasa perkauman yang tebal dan melulu, bukannya fahaman kebangsaan yang luas yang berdasarkan kepada tanah air dan kewatanan seperti yang telah dijelaskan oleh Al-Quran yang maksudnya:

*"Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak supaya dapat kamu berkenal-kenalan bukan bermusuhan".*

Sedangkan amalan fahaman kebangsaan yang diamalkan oleh UMNO adalah rasa kebangsaan yang membawa kepada rasa kemanusiaan dan ikatan persaudaraan seluruh umat. Saya percaya isu yang batil yang cuba diselewengkan ini akan semakin lenyap ditelan waktu.

Tiap-tiap satu perjuangan mesti ada terasnya. Tidak dapat dinafikan bahawa teras perjuangan politik kebangsaan ialah Orang Melayu. Dan teras bagi Orang Melayu ialah Islam. Perkara-perkara lain seperti ekonomi, kedudukan sosial kepentingan kelompok tidak boleh menjadi teras kerana kepentingan dan penglibatan golongan-golongan rakyat tidak sama malah unsur-unsur itu sangat subjektif, berubah mengikut suasana dan tidak sama dari segi kepentingan. Tetapi Islam adalah sama bagi semua orang dari segi kepentingan dan penglibatan. Oleh yang demikian tidaklah

boleh dinafikan oleh sesiapa bahawa Islam ialah teras utama bagi perjuangan politik kebangsaan. Orang boleh lupa kepentingan persendirian atau kumpulannya kerana kepentingan Islam, dan orang lebih mudah terdesak untuk bertindak kerana Islam daripada perkara-perkara lain. Pendek katanya Islam ialah "unifying factor" bagi politik kebangsaan kita.

Sepertimana yang umum sedia maklum bahawa Islam ialah cara hidup yang sempurna merangkumi aspek-aspek kerohanian, kemasyarakatan, perekonomian dan politik. Sekiranya satu-satu aspek yang tertentu sahaja diambil menjadi asas perjuangan politik maka perjuangan politik itu tidak boleh diterima umum dan akibatnya tidak boleh kekal lama. Kerana yang boleh kekal lama ialah sesuatu yang tegak dengan semua unsur di dalamnya.

Kalau kita renungkan kepada parti-parti politik yang muncul dalam negara kita, kita dapati parti-parti politik itu berasaskan faktor yang tertentu sahaja seperti faktor ekonomi, kebangsaan yang sempit dan struktur sosial. Parti-parti politik itu pada mulanya mendapat sokongan dan mendapat tempat di hati rakyat tetapi sokongan itu tidak kekal lama dan akhirnya selepas tenggelam timbul parti-parti itu tidak wujud lagi. Parti-parti berkenaan termasuk API, SEBERKAS, PERKEMAM, PERKEMAS, PARTI NEGARA dan PARTI RAKYAT, kerana ia tumbuh hasil dari perkembangan di Indonesia yang menyalakan semangat kemerdekaan ketika itu. Kalau kita renungkan kepada parti-parti politik yang tersebut itu kita dapati bahawa tiap-tiap satu daripadanya mengambil bahawa tiap-tiap satu daripadanya mengambil cebisan tertentu daripada teras. Tetapi tidak mengambil teras secara total.

UMNO sejak ditubuhkan memahami hakikat ini maka



sebab itulah sejak ditubuhkan UMNO memilih teras yang sejati bagi politik negara ini, teras itu ialah 'Islam'. Oleh sebab itulah termaktub di dalam Perlembagaannya dengan jelas bahawa Islam adalah asas kepada perjuangan. Hal ini dibuktikan dengan hakikat bahawa Islam diperjuangkan agar dijadikan agama rasmi dalam Perlembagaan Malaysia. Pengambilan Islam sebagai teras ini adalah berpandukan sepotong ayat Al-Quran yang bermaksud, "*Sesiapa yang menuntut selain daripada Islam sebagai agama (cara hidup) maka tidak akan diterima*".

Berdasarkan teras ini dengan panduan ayat di atas itu maka lahirlah rancangan-rancangan tindakan oleh mereka yang diberi amanah di dalam UMNO untuk mentadbirkan kerajaan. Adalah menjadi dasar UMNO bahawa pembangunan ummah mestilah ada kaitan di antara pembangunan material dengan pembangunan rohani. Berlandaskan dasar ini perancangan-perancangan kemajuan diatur. Ini termasuklah perancangan yang berhubung-kait dengan ekonomi dan sosial untuk memberi kebajikan kepada rakyat begitu juga perkara-perkara yang berhubung dengan ketahanan rakyat dan ketahanan negara. Perlu disebutkan, bahawa rakyat adalah amanah Allah kepada sebuah kerajaan, maka adalah menjadi kewajipan bagi sesebuah kerajaan itu menghasilkan kemakmuran kepada mereka mewujudkan kesejahteraan di kalangan mereka serta menjamin keselamatan mereka.

Parti UMNO yang menjadi teras pemerintahan negara hari ini sedar bahawa melalui kesungguhannya menyebarkan dan mengembangkan Islam suatu arus kebangkitan ummah akan dapat dipersuburkan hingga akhirnya cita-cita perjuangan yang diharapkan itu tercapai. Bagaimanapun arus yang melanda itu tidak akan merobohkan UMNO kerana ia telah menyediakan takungan yang lebar untuk menerima tumpahan dari yang melimpah itu. Atas persediaan itulah juga telah

membawa kejayaan yang besar secara berterusan kepada UMNO hingga mencatatkan rekod parti paling lama memerintah sebuah negara demokrasi. Itulah rahsia kekuatan sebuah parti politik yang memperjuangkan Islam dan kebangsaan di samping menghormati dan melindungi hak kaum-kaum lain.

Saya tidak menafikan bahawa dalam saat-saat kebangkitan Islam sekarang dan pada masa akan datang terdapat parti politik yang cuba mendapatkan faedah dari perjuangannya dengan meletakkan Islam sebagai level. Tetapi oleh kerana ia tidak menyediakan suatu takungan atau asas meletakkan Islam itu sendiri, lambat laung tergugatnya berbagai parti politik Melayu sebelum ini. Perjuangan duniawi dan ukhrawi tidak dapat dipisahkan, kerana dunia adalah sebagai jambatan untuk ke akhirat. Bagaimana manusia ini mungkin hidup kalau semua bentuk kerja dunia dianggap sebagai sekular. Membina sekolah sekular, bina kilang dianggap sekular, membincangkan masalah bekerjasama dengan bukan Islam sambil mereka melaungkan slogan-slogan yang menakutkan, menabur fitnah dan menghina orang lain secara terbuka, membelakangi fakta-fakta serta lain-lain penyelewengan yang tidak ketara terus diberi kepercayaan oleh bangsa Melayu sebagai payung dan perisai melindungi mereka. Mereka akan merasa selamat bila berada dalam suatu perjuangan yang berbentuk fleksible, sederhana malah amat jelas, UMNO juga menjadi payung kepada parti-parti bukan Melayu untuk sama-sama mendapat pembelaan. Amalan demokrasi tulen oleh UMNO menjadikan parti-parti politik berkembang dengan baik di negara ini. Sukar saya ramalkan, apakah yang akan terjadi kepada parti-parti pembangkang takdirnya parti lain menjadi induk pemerintah seperti UMNO. Tidak mustahil kebebasan yang dinikmati sekarang akan digugat bagi mengekalkan kuasa politik parti mereka. Jadi arus politik kebangsaan akan terus berkembang dengan baik

walaupun terdapat tanda-tanda kemungkinan kelancaran perjalanannya akan dipertikaikan oleh golongan tertentu. Selagi Orang Melayu tidak mahu kehilangan identiti dan kehormatannya maka perjuangan ini harus dipertahankan.

*(Ucapan pada Seminar Arus Politik Kebangsaan anjuran Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan UKM di Bilik Jemaah UKM Bangi pada 3 Mei 1985.)*